

**AMALAN PENDIDIKAN ANTI BIAS DALAM PENGAJARAN  
PRA SEKOLAH DI TAWAU, SABAH**

**ABDULLAH BIN KADIR**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

AMALAN PENDIDIKAN ANTI BIAS DALAM PENGAJARAN  
PRA SEKOLAH DI TAWAU, SABAH

ABDULLAH BIN KADIR

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

## UNIVERSITI MALAYA PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Abdullah Bin Kadir**

No. Pendaftaran/Matrik: **PHA 130035**

Nama Ijazah: **Doktor Falsafah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan /Disertasi/Tesis (\*Hasil Kerja ini\*):

**Amalan Pendidikan Anti Bias Dalam Pengajaran Pra Sekolah Di Tawau, Sabah.**

Bidang Penyelidikan: **Pendidikan Awal Kanak-Kanak / Prasekolah**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;

(2) Hasil Kerja ini adalah asli;

(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;

(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;

(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;

(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Amalan Pendidikan *Anti-Bias* (APAB) penting sebagai sumber utama dalam menyatupadukan etnik, agama dan budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai. Dalam kajian ini, pengkaji meneroka Amalan Pendidikan *Anti-Bias* (APAB) yang berfokus di kelas prasekolah. Teori Ekologi, Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya serta Teori Al-Ghazali dijadikan sebagai panduan, pengetahuan dan pemahaman kepada pengkaji dalam menerokai APAB. Terdapat empat aspek utama APAB yang diterokai dan diteliti: (i) aspek pengetahuan kandungan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) guru prasekolah; (ii) aspek kedua, pendekatan pengajaran APAB yang diamalkan guru dalam kelas prasekolah; (iii) penerapan APAB dalam pengajaran di kelas prasekolah; (iv) sumber rintangan yang dihadapi dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Seramai 5 orang peserta kajian yang mempunyai pengalaman mengajar selama 5 hingga 23 tahun terlibat dalam kajian ini. Pemilihan peserta kajian berdasarkan pengalaman mengajar, pengetahuan dan persetujuan bersama. Pengumpulan maklumat kajian dilakukan melalui protokol temu bual, protokol pemerhatian pengajaran dan analisis kandungan dokumen yang berlangsung selama 5 bulan. Bagi menghasilkan penemuan yang padat dan holistik, kajian ini melakukan analisis dapatan cadangan Meriam (2002). Manakala kesahan dan kebolehpercayaan berdasarkan teknik triangulasi, pengesahan peserta kajian, indeks skala Cohen Kappa dan tempoh kajian. Dapatan penerokaan kajian mendapati, latar belakang pengetahuan kandungan KSPK peserta kajian menggalakkan guru kepada pengajaran dan penerapan APAB. Di kelas prasekolah, penerapan APAB adalah melibatkan pendekatan kemahiran guru dan pendekatan kemahiran murid. Pendekatan Belajar Melalui Bermain masih merupakan pendekatan yang berkesan dalam membina minat, pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan pemikiran kritis murid. Manakala dalam

pengajaran, APAB diterapkan dalam perancangan pengajaran, pendekatan pedagogi pengajaran, pemupukan sosio budaya dan sosio ekonomi rutin harian serta sahsiah mulia guru. Selain itu, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat sumber rintangan dalam penerapan APAB yang melibatkan jantina, etnik, sosioekonomi dan kemahiran guru mengajar. Manakala terdapat rintangan pengajaran dalam penerapan APAB melibatkan sosiobudaya dan perkembangan murid yang diwarisi murid dari pendidikan ibu bapa semasa di rumah.

Universiti Malaya

**ANTI-BIAS EDUCATIONAL TEACHING PRACTICES AT PRESCHOOL,  
IN TAWAU, SABAH**

**ABSTRACT**

Anti-Bias Education Practices (APAB) is an important source for uniting ethnic, religious, and cultural diversity of the Malaysian society. In this study, the researcher explored the use of APAB focused on pre-school classes. The Theory of Ecology, Theory and Model of Multicultural Education as well as Al-Ghazali Theory serves to guide the researcher's knowledge and understanding in examining APAB. There are four main aspects of APAB that were explored and investigated: (i) the preschool teachers' content knowledge of the National Preschool Standard Curriculum (NPSC); (ii) the APAB teaching approach adopted by teachers in the preschool class; (iii) applying APAB teaching practices in preschool classes; (iv) the source of obstacles faced in implementing APAB in pre-school classes. A total of five participants with 5 to 23 years of teaching experience were involved in this study. The selection of study participants was based on their experience of teaching, knowledge, and mutual agreement. Data was collected through interview protocol, teaching observation protocol, and content analysis of documents for a duration of five months. In order to produce solid and holistic findings, this study analysed the findings based on the Meriam's (2002) recommendations. The validity and reliability are based on triangulation techniques, and the confirmation of study participants were conducted using Cohen Kappa scale index and review period. The findings of the study revealed that the participants' background knowledge of the NPSC content influenced their teaching and application of APAB. In the pre-school class, the implementation of APAB involves the teacher skills approach and pupil skills approach. The Learning

Through Play Approach is still an effective in building interest, knowledge, as well as raising awareness and the critical thinking of students. Meanwhile for teaching, APAB is applied in lesson planning, teaching pedagogy approach, socio-cultural and socio-economic daily routine, and the teacher's noble character. Furthermore, the findings suggest that there is no barrier in the implementation of APAB implementation in terms of gender, ethnicity, socioeconomics, and teaching skills. However, there were teaching barriers in the implementation of APAB that involved aspects of socio-cultural and children development that were acquired from parental education at home.

Universiti Malaysia

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keredaan dan rahmatNya dapat saya menyiapkan penulisan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia dan bonda tersayang Prof. Datin Dr. Mariani Md. Nor dan Dr Fonny Daeaty Hutagalung atas bantuan, bimbingan, teguran dan kesabaran dalam mendidik. Kenangan manis seminar sentiasa terpahat di hati sepanjang hayat. Tidak dilupakan terima kasih kepada Naib Canselor, Dekan semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pendidikan yang memberi galakan serta kerjasama dalam menyelesaikan tesis ini. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang telah memberi peluang kepada saya Hadiah Biasiswa, melanjutkan pelajaran. Setinggi-tinggi penghargaan untuk isteri tersayang Syarifah Normah Habib Yahya Al Mudwahi yang telah memberi semangat dan dorongan yang tulus ikhlas dengan penuh kesabaran dan kesabaran. Buat anak-anakku Syarifah Nur Jazmina, Syed Abd Qadir, Syed Yahya, Syarifah Nur Maryam, Syarifah Nur Rahmah dan Syarifah Nur Khadijah terima kasih kerana memahami situasi dan usaha ini sebagai suntikan semangat untuk anak abah. Kepada keluarga, terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa memahami. Terima kasih kepada kepada semua rakan seperjuangan atas bantuan dan sokongan sepanjang pengajian. Semoga Allah menambahkan rezki dan kesihatan kepada semua yang membantu menjayakan tesis ini.



## Jadual Kandungan

### Perakuan Keaslian Penulisan

Abstrak.....	iii
Abstract.....	v.
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Jadual.....	xxi
Senarai Singkatan.....	xxiii

## Bab 1 Pengenalan

1.1	Pendahuluan .....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	2
1.3	Pernyataan Masalah .....	11
1.4	Tujuan Kajian.....	18
1.5	Objektif Kajian .....	18
1.6	Soalan Kajian .....	19
1.7	Kepentingan Kajian .....	21
1.8	Limitasi Kajian.....	23
1.9	Definisi Konsep dan Definisi Operasional .....	25
1.9.1	Bias .....	25
1.9.2	Anti Bias.....	25
1.9.3	Amalan Pendidikan Anti Bias .....	26
1.9.4	Pendidikan Anti Bias Dalam Aspek Kurikulum.....	26
1.9.5	Kepelbagaian Budaya.....	27
1.9.6	Prasekolah.....	27
1.9.7	Pendekatan Pengajaran .....	27
1.9.8	Pendekatan Pembelajaran .....	28

1.9.9	Penerapan APAB.....	28
1.9.10	Sumber Rintangan.....	28
1.9.11	Pengetahuan Pedagogi.....	29
1.9.12	Pengetahuan Kandungan.....	29
1.9.13	Kefahaman Pengajaran.....	30
1.9.14	Sosio Budaya.....	31
1.9.15	Sosialisasi.....	31
1.9.16	Nilai Murni.....	32
1.9.17	Hak Asasi.....	32
1.9.18	Etnik.....	32
1.9.19	Sosioekonomi.....	32
1.9.20	Gender.....	32
2.0	Rumusan.....	33

## **Bab 2 Tinjauan Literatur**

2.1	Pendahuluan .....	34
2.2	Pendidikan Prasekolah di Malaysia.....	34
2.3	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) .....	40
2.3.1	Matlamat KSPK.....	40
2.3.2	Objektif KSPK .....	42
2.3.3	Prinsip KSPK.....	43
2.3.4	Pelaksanaan KSPK Dalam Bilik Darjah.....	44
2.3.5	Pendekatan Pengajaran.....	46
2.4	Kerangka Teori Kajian .....	49
2.4.1	Teori Ekologi Pembangunan Manusia.....	50

2.4.2	Teori Dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya.....	55
2.4.3	Teori Al-Ghazali.....	61
2.4.3.1	Beriman.....	63
2.4.3.2	Berilmu.....	63
2.4.3.3	Beramal.....	64
2.4.3.4	Bijaksana.....	64
2.4.3.5	Adil.....	65
2.5	Kerangka Konseptual Kajian.....	66
2.6	Konsep Amalan Pendidikan Anti Bias (APAB.....	72
2.7	Matlamat Dan Prinsip APAB.....	76
2.8	Perkembangan Budaya Amalan Bias Di Sekolah.....	80
2.9	Jenis Amalan Bias Di Prasekolah.....	84
2.9.1	Bias Gender.....	85
2.9.2	Stereotaip.....	89
2.9.3	Prejudis.....	92
2.9.4	Bias Etnik.....	94
2.9.5	Bias Sosial.....	98
2.9.6	Bias Bahasa.....	100
2.9.7	Bias Tingkah Laku.....	102
2.9.8	Bias Amalan Agama.....	105
2.10	Perbandingan Kurikulum Pendidikan Anti Bias Di Luar Negara Dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Di Malaysia .....	107
2.11	Kajian Pendidikan Anti Bias Di Dalam Dan Luar Negara.....	116
2.12	Rumusan.....	124

### **Bab 3 Metodologi Kajian**

3.1	Pendahuluan .....	125
3.2	Falsafah Kajian dan Reka Bentuk Kajian .....	125
3.2.1	Falsafah Kajian .....	125
3.2.2	Reka Bentuk Kajian.....	126
3.3	Kaedah Kajian.....	127
3.4	Persampelan Kajian .....	136
3.4.1	Lokasi Kajian.....	136
3.4.1.1	Penentuan Dan Kaedah Pemilihan Lokasi.....	137
a.	Tujuan Kajian.....	137
b.	Kemasukan Yang Mudah Ke Lokasi Kajian.....	138
c.	Peluang Pemilihan Kelas.....	139
d.	Pentadbiran Sekolah.....	139
e.	Cadangan Konsensus.....	140
3.4.1.2	Deskripsi Lokasi Kajian.....	140
a.	SK Bunga Melor.....	140
b.	SK Bunga Tanjung.....	142
c.	SK Seri Melor.....	144
d.	SK Seri Pantai.....	145
3.4.2	Penentuan Dan Kaedah Pemilihan Peserta Kajian.....	147
3.4.3	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian.....	149
3.4.3.1	Deskripsi Peserta Kajian.....	151
a.	Peserta Kajian 1.....	152
b.	Peserta Kajian 2.....	155
c.	Peserta Kajian 3.....	157

	d. Peserta Kajian 4.....	159
	e. Peserta Kajian 5.....	161
3.4.4	Penentuan Dan Pemilihan Tempo Kajian.....	166
3.5	Tatacara Pelaksanaan Kajian.....	166
3.5.1	Pra Pengutipan Data.....	168
3.5.2	Sebelum Pengutipan Data.....	169
3.5.3	Selepas Pengutipan Data.....	170
3.6	Kaedah Mengutip Data.....	170
3.6.1	Kaedah Pemerhatian.....	171
3.6.1.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian.....	171
3.6.1.2	Protokol Kaedah Pemerhatian.....	176
3.7	Kaedah Temu Bual.....	186
3.7.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual.....	186
3.7.1.1	Temu Bual Berstruktur.....	188
3.7.1.2	Temu Bual Semi Berstruktur.....	188
3.7.1.3	Protokol Soalan Temu Bual.....	192
3.8	Kaedah Analisis Dokumen.....	200
3.8.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Dokumen.....	200
3.9	Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	204
3.9.1	Kesahan.....	205
3.9.1.1	Kesahan Dalaman.....	205
3.9.1.2	Kesahan Luaran.....	207
3.9.1.3	Keboleh Percayaan.....	208
3.9.1.4	Pendirian Penyelidik.....	209
3.9.1.5	Triangulasi Data.....	209

3.10	Prosedur Analisis Data .....	210
3.10.1	Analisis Semasa Pengumpulan Data .....	218
3.10.1.1	Membuat Ringkasan.....	212
3.10.1.2	Membuat Catatan Refleksi.....	218
3.10.1.3	Membuat Catatan Memo.....	219
3.10.2	Analisis Selepas Pengutipan Data.....	221
3.10.2.1	Penyaringan Data.....	221
3.10.2.2	Pembentangan Data.....	222
3.10.2.3	Pengelompokan Data dan Kesimpulan.....	223
3.10.2.4	Membuat Verifikasi.....	223
3.11	Prosedur Membentuk Koding Dan Kategori.....	226
3.12	Rumusan.....	228

#### **Bab 4 Hasil Dapatan**

4.1	Pendahuluan .....	229
4.2	Dapatan Kajian: Pengetahuan Kandungan (SK1).....	230
4.2.1	Pengetahuan Kandungan .....	231
4.2.1.1	Pengetahuan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran.....	231
4.2.1.2	Pengetahuan Tentang Tunjang Pembelajaran .....	236
4.2.1.3	Pengetahuan Modul Teras Asas Dan Modul Bertema.....	243
4.2.1.4	Pengetahuan Membina Rancangan Pengajaran.....	252
4.2.1.5	Pengetahuan Tentang Kesepaduan Pengajaran.....	252
4.2.1.6	Pengetahuan Tentang Penerapan Nilai-Nilai Murni.....	252

4.2.1.7	Pengetahuan Kandungan APAB.....	256
4.2.1.8	Pengetahuan Definisi & Konsep APAB.....	256
4.2.1.9	Pengetahuan Kandungan Persepsi APAB.....	261
4.3	Dapatan Kajian: Pendekatan Pengajaran (SK2).....	264
4.3.1	Pendekatan Pengetahuan Guru.....	264
4.3.1.1	Pendekatan Belajar Melalui Bermain.....	265
4.3.1.2	Pendekatan Bertema.....	270
4.3.1.3	Pendekatan Berpusat Murid.....	271
4.3.1.4	Pendekatan Projek.....	272
4.3.1.5	Pendekatan Teknik Perbincangan.....	272
4.3.1.6	Pendekatan Teknik Tunjuk Cara.....	273
4.3.2	Pengetahuan Murid.....	274
4.3.2.1	Amalan Bersesuaian Perkembangan Murid.....	274
4.3.2.2	Pengetahuan Bahasa .....	275
4.3.2.3	Pengetahuan Penaakulan.....	278
4.3.2.4	Kemahiran Fizikal .....	279
4.3.2.5	Kemahiran Sosio Emosi.....	282
4.3.3	Pendekatan Penilaian Pengajaran.....	284
4.3.3.1	Pendekatan Maklum Balas Murid.....	285
	a. Tingkah laku Murid .....	286
	b. Hasil Kerja Murid.....	289
	c. Bahan Bantu Mengajar.....	290
4.3.3.2	Penilaian Kendiri Guru.....	291
4.4	Rumusan Kajian.....	293

4.5	Dapatan Kajian : Penerapan APAB Dalam Pengajaran Prasekolah (SK3).....	297
4.5.1	Penerapan APAB Dalam Rancangan Pengajaran.....	298
4.5.1.1	Penerapan Pengajaran Dalam Aktiviti Modul Teras Asas.....	299
4.5.1.2	Penerapan APAB Dalam Aktiviti Modul Bertema.....	301
4.5.1.3	Penerapan Pengajaran Dalam Pedagogi Pengajaran.....	306
4.5.1.4	Penerapan APAB Dalam Pendekatan Belajar Melalui Bermain.....	307
4.5.1.5	Penerapan APAB Dalam Pendekatan Simulasi.....	308
4.5.1.6	Penerapan APAB Dalam Pendekatan Bersepadu.....	309
4.5.1.7	Penerapan APAB Dalam Pendekatan Nyanyian, Muzik, Dan Pergerakan Kreatif.....	311
4.5.1.8	Penerapan Sosio Budaya.....	313
a.	Adat Istiadat Etnik.....	313
b.	Adab Makan.....	315
c.	Sahsiah Diri Murid.....	
d.	Hubungan Sosialisasi.....	317
e.	Persamaan Hak Jantina.....	319
4.5.1.9	Penerapan Sahsiah Mulia Guru.....	321
4.5.1.10	Penerapan Sosioekonomi.....	322
4.6	Rumusan Penerapan APAB Dalam Pengajaran .....	323
4.7	Dapatan Kajian : Sumber Rintangan APAB (SK4).....	326
4.7.1	Perbezaan Jantina.....	328
4.7.1.1	Penglibatan Gender Guru.....	331
4.7.1.2	Penglibatan Gender Murid .....	333
4.7.2	Etnik.....	336



4.7.2.1	Adat Istiadat Etnik.....	336
4.7.3	Sosio Budaya.....	340
4.7.3.1	Amalan Pendidikan Ibu Bapa Di Rumah.....	340
4.7.3.2	Amalan Pendidikan Guru.....	342
4.7.4	Perkembangan Murid.....	347
4.7.4.1	Perkembangan Kognitif .....	347
4.7.4.2	Perkembangan Sosio Emosi.....	349
4.7.5	Kemahiran Guru Dalam Pengajaran.....	353
4.7.5.1	Pemilihan Kemahiran Kandungan Pengajaran.....	354
4.7.5.2	Pemilihan Pendekatan Pengajaran.....	355
4.7.5.3	Pemilihan Bahasa Sebagai Alat Komunikasi.....	356
4.8	Rumusan Sumber Rintangan Pengajaran APAB.....	361

## **Bab 5 Perbincangan Dan Implikasi Kajian**

5.1	Pendahuluan .....	363
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian.....	363
5.2.1	Pengetahuan Dan Kefahaman Guru Prasekolah Terhadap APAB (SK1).....	365
5.2.1.1	Pengetahuan Tentang Fokus, Standard Kandungan.....	366
5.2.1.2	Pengetahuan Modul Teras Asas Dan Modul Bertema.....	368
5.2.1.3	Pengetahuan Kandungan Tunjang Pembelajaran.....	369
5.2.1.4	Pengetahuan Membina Rancangan Pengajaran.....	370
5.2.1.5	Pengetahuan Kandungan Nilai Murni.....	371
5.2.1.6	Pengetahuan Kandungan Tentang Pendekatan Pengajaran.....	373
5.2.1.7	Pengetahuan Kandungan Penilaian Pengajaran.....	375

5.2.1.8	Pengetahuan Definisi Dan Konsep APAB.....	375
5.2.1.9	Pengetahuan Tentang Persepsi APAB.....	376
5.2.2	Pendekatan Pengajaran APAB (SK2).....	377
5.2.2.1	Pendekatan Belajar Melalui Bermain.....	379
5.2.2.2	Pendekatan Bertema.....	381
5.2.2.3	Pendekatan Berpusat Murid.....	381
5.2.2.4	Pendekatan Projek.....	382
5.2.2.5	Pendekatan Teknik Perbincangan.....	382
5.2.2.1	Pendekatan Teknik Tunjuk Cara.....	383
5.2.3	Penerapan APAB Dalam Pengajaran (SK3).....	384
5.2.3.1	Penerapan APAB Dalam Modul Teras Asas Dan Modul Bertema.....	385
5.2.3.2	Penerapan APAB Dalam Sosiobudaya.....	387
5.2.3.3	Penerapan APAB Dalam Sosioekonomi.....	388
5.2.3.4	Penerapan APAB Dalam Pedagogi Guru.....	390
5.2.4	Sumber Rintangan Dalam Pengajaran APAB (SK3).....	390
5.2.4.1	Sumber Rintangan Jantina Dalam Pengajaran APAB.....	390
5.2.4.2	Sumber Rintangan Etnik Dalam Pengajaran APAB.....	392
5.2.4.3	Sumber Rintangan Sosio Budaya Dalam Pengajaran APAB...	393
5.2.4.4	Sumber Rintangan Perkembangan Murid Dalam Pengajaran APAB.....	394
5.2.4.5	Sumber Rintangan Kemahiran Guru Dalam Pengajaran APAB.....	395
5.2.4.6	Sumber Rintangan Sosio ekonomi Dalam Pengajaran APAB	396
5.3	Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian.....	396

5.4	Implikasi Kajian.....	398
5.4.1	Implikasi Pengetahuan Tentang Definisi, Konsep Dan Persepsi APAB Prasekolah.....	398
5.4.2	Implikasi Terhadap Isi Kandungan KSPK.....	402
5.4.3	Implikasi Pendekatan Pedagogi Pengajaran Prasekolah.....	403
5.4.4	Implikasi Pedagogi Dalam Penerapan APAB di Sekolah.....	406
5.4.5	Implikasi Penilaian Pengajaran Prasekolah.....	408
5.4.6	Implikasi Bahan Bantu Mengajar Prasekolah.....	409
5.4.7	Implikasi Sosio Budaya Amalan Pendidikan Di Rumah.....	410
5.4.8	Implikasi Sosio Budaya Gender Dalam Pengajaran APAB.....	411
5.4.9	Implikasi Sosio Budaya Etnik Dalam Pengajaran APAB.....	412
5.4.8	Implikasi Perkembangan Murid Dalam Pengajaran APAB.....	413
5.5	Cadangan Kajian.....	414
5.5.1	Cadangan Tentang Kemahiran Guru.....	414
5.5.2	Cadangan Penambahan Isi Kandungan Kurikulum Prasekolah.....	417
5.5.3	Cadangan Amalan Pedagogi.....	418
5.5.4	Cadangan Pelaksanaan Garis Panduan Pendidikan Keibubapaan APAB	420
5.5.5	Cadangan Kajian Lanjut.....	422
5.5.5.1	Cadangan Kerangka Konsep Amalan Pendidikan Anti Bias.....	423
5.6	Kesimpulan Data Kajian.....	428
5.6.1	Pengetahuan Kandungan.....	429
5.6.2	Pendekatan Pengajaran.....	429
5.6.3	Penerapan APAB.....	429
5.6.4	Sumber Rintangan.....	430
5.7	Rumusan Keseluruhan.....	431

Rujukan .....	435
Lampiran .....	458

..

Universiti Malaya

## Senarai Rajah

Rajah 2.1	Kerangka Teori Kajian.....	50
Rajah 2.2	Pecahan Sistem Yang Mempengaruhi Ekologi Manusia.....	51
Rajah 2.3	Lima Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya.....	59
Rajah 2.4	Amalan Murabbi Berdasarkan Teori Al Ghazali.....	66
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pendidikan <i>Anti-Bias</i> Di Prasekolah Berdasarkan Teori Ekologi, Teori Dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya Dan Teori Al-Ghazali.....	69
Rajah 3.1	Reka Bentuk Dan Kaedah Kajian .....	135
Rajah 3.2	Kaedah Mengutip Data.....	172
Rajah 3.3	Triangulasi Data Yang Dikutip.....	210
Rajah 3.4	Prosedur Analisis Data.....	225
Rajah 5.1	Cadangan Kerangka Pengetahuan Pengajaran APAB Prasekolah.....	423

## Senarai Jadual

Jadual 2.1	Perbandingan Kurikulum Pendidikan Anti-Bias Di Luar Negara Dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Di Malaysia.....	115
Jadual 3.1	Tujuan, Objektif, Persoalan, Signifikan Dan Limitasi Kajian.....	<b>131</b>
Jadual 3.2	Data Murid Prasekolah SK Bunga Melor Mengikut Etnik Dan Jantina.....	142
Jadual 3.3	Data Murid Prasekolah SK Bunga Mengikut Etnik Dan Jantina.....	143
Jadual 3.4	Data Murid Prasekolah SK Seri Mulia Mengikut Etnik Dan Jantina.....	145
Jadual 3.5	Data Murid Prasekolah SK Pantai Mengikut Etnik Dan Jantina.....	146
Jadual 3.6	Latar Belakang Peserta Kajian.....	163
Jadual 3.7	Kekerapan Pemerhatian Dan Temu Bual Guru.....	165
Jadual 3.8	Kebenaran Melaksanakan Kajian Lapangan.....	167
Jadual 3.9	Tatacara Pelaksanaan Kajian.....	167
Jadual 3.10	Aktiviti Pemerhatian.....	185
Jadual 3.11	Aktiviti Temu Bual.....	195
Jadual 3.12	Perhubungan Antara Soalan Kajian, Data Yang Dikehendaki, Sumber Data Dan Kaedah Mengumpul Data.....	202
Jadual 3.13	Skala Persetujuan Cohen Kappa.....	213
Jadual 3.14	Nilai Persetujuan Antara Pakar.....	215
Jadual 3.15	Contoh Unit Analisis Yang Disahkan Oleh Pakar Melalui Skala Persetujuan Cohen Kappa.....	216
Jadual 3.16	Perkaitan Konstrak Tema, Kod dan Sub tema.....	227
Jadual 4.1	Huraian Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran.....	232
Jadual 4.2	Tunjang-Tunjang Pembelajaran.....	237

Jadual 4.3	Perbandingan Kandungan Tunjang Pembelajaran (KSPK, 2010) Berdasarkan PK2 Dan PK4.....	238
Jadual 4.4	Perbandingan Kandungan Tunjang Pembelajaran (KSPK, 2010) Berdasarkan PK1, PK3 Dan PK5.....	239
Jadual 4.5	Takrifan Modul Teras Asas dan modul bertema.....	240
Jadual 4.6	Kandungan Pengajaran Prasekolah.....	244
Jadual 4.7	Kandungan Pengajaran Prasekolah.....	247
Jadual 4.8	Kesepaduan Dalam Tunjang Pembelajaran.....	249
Jadual 4.9	Pengetahuan Dan Kefahaman Nilai-Nilai Murni.....	252
Jadual 4.10	Definisi Konsep Dan Persepsi APAB.....	257
Jadual 4.11	Pendekatan Pengajaran APAB.....	265
Jadual 4.12	Pendekatan Kemahiran Murid.....	274
Jadual 4.13	Pendekatan Maklum Balas Murid.....	286
Jadual 4.14	Pendekatan Penilaian Kendiri Guru.....	292
Jadual 4.15	Penerapan APAB Dalam Pengajaran Prasekolah.....	297
Jadual 4.16	Rumusan Penerapan APAB Dalam Rancangan Pengajaran.....	304
Jadual 4.17	Senarai Sumber Rintangan Pengajaran APAB.....	327
Jadual 4.18	Rumusan Sumber Rintangan Perbezaan Gender.....	334
Jadual 4.19	Rumusan Sumber Rintangan Etnik.....	339
Jadual 4.20	Rumusan Sumber Rintangan Sosio Budaya Dalam Pengajaran APAB Di Kelas Prasekolah.....	345
Jadual 4.21	Rumusan Sumber Rintangan Perkembangan Murid Dalam Pengajaran APAB Di Kelas Prasekolah.....	351
Jadual 4.22	Rumusan Sumber Rintangan Pengajaran Guru Dalam Penerapan APAB Di Kelas Prasekolah.....	358

## Senarai Singkatan

APAB	:	Amalan Pendidikan <i>Anti-Bias</i>
JPN	;	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPM	:	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPK	:	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KSPK	:	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
OECD	:	Organisation For Economic Co-operation And Development European Commission
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	:	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PIPP	:	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PAB	:	Pendidikan <i>Anti-Bias</i>
PPB	:	Pendidikan Pelbagai Budaya
SUHAKAM	:	Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia



## **BAB 1 : PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Malaysia terkenal sebagai negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, bangsa dan budaya. Kerukunan negara, sentiasa mementingkan pendidikan sebagai sumber utama menyatukan perpaduan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik. Situasi ini diperkukuhkan lagi dengan perkembangan Pendidikan Abad ke-21 yang mengutamakan penerapan amalan integrasi dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, suku kaum dan amalan tradisi yang unik.

Kepentingan amalan perpaduan ini mendorong golongan pendidik untuk meneroka dan memahami rutin kehidupan pelbagai masyarakat di Malaysia. Perkembangannya menyumbang kepada amalan penghapusan prasangka dan stereotaip etnik yang pelbagai. Pemupukan amalan perpaduan, melahirkan masyarakat majmuk yang saling hormat menghormati terhadap perbezaan warna kulit, bahasa, etnik, dan budaya. Semua murid diberikan identiti nasional yang utuh melibatkan hak pendidikan yang sama rata, amalan beragama, adil tanpa adanya perbezaan dan berpegang teguh dengan prinsip Rukun Negara (Abd Halim & Nur Hanani, 2017; Abd Rahim 2009).

Dalam konteks Malaysia, pendidikan merupakan amalan permuafakatan untuk dikongsi bersama individu yang berbeza latar belakang pendidikan dan amalan budaya (KPM, 2012). Dalam hal ini, sekolah bertindak sebagai institusi yang berperanan besar menerima dan mendidik para murid yang terdiri daripada pelbagai ras etnik dan latar belakang sosial. Sekolah berperanan luas membentuk integrasi nasional dan seterusnya memperkembangkan potensi semula jadi murid yang berfokus Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Suresh Kumar, 2014) dan setiap warganegara dilatih pula untuk mempunyai tanggungjawab masing-masing berhubung kait tentang soal status, hak sebagai rakyat, amalan kebangsaan dan kompetensi (Abd Halim & Nur Hanani, 2017).

Pendidikan Abad Ke 21, meletakkan murid sebagai aspirasi utama dalam merealisasikan pembangunan negara pada masa hadapan. Mereka berperanan penting dan penyumbang kepada perkembangan pendidikan negara. Dalam pengajaran, karektor mereka di kembangkan dengan kebolehan dan kemahiran untuk memimpin serta berkeupayaan untuk berkolaboratif dengan orang lain (James, 2017). Di sekolah, murid bukan sahaja dibekalkan dengan kemahiran memimpin, tetapi juga dengan amalan murni sejagat seperti integriti, kasih sayang, jujur, adil, dan altruisme (Abd Halim & Nur Hanani, 2017; Komalasari, 2017; Sofiah & Kamarul Azmi; 2017).

Amalan pembangunan warganegara ini, menyediakan murid yang tamat persekolahan untuk lebih bersedia menghadapi cabaran dalam menyelesaikan konflik secara berpegang kepada prinsip beragama, harmoni, dan berani membuat perubahan yang positif. Semua amalan ini, diharap dapat melahirkan generasi yang seimbang dalam membuat keputusan beretika, kesamarataan, harmoni dan membentuk pembangunan warganegara yang beridentitikan nasional selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2012).

Dalam proses mendidik, guru merupakan arkitek yang diamanahkan untuk membina dan mengembangkan pengetahuan, pendekatan berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah murid. Aspirasi guru merupakan penggerak positif dan pencipta suasana pengajaran yang kondusif (Hafzan & Zulkepli, 2016; Mariani, 2012). Mereka mengalas tugas membentuk diri murid supaya dapat hidup dalam masyarakat majmuk yang berbeza bahasa, bangsa, etnik, dan agama. Mereka merupakan pengurus utama yang merapatkan jurang generasi di dalam bilik darjah melibatkan budaya dan amalan rutin hidup murid seharian (Mohd.Nazri & Wan Nurul Baizura, 2018; Mariani, 2010). Mereka mendidik murid untuk berinteraksi secara harmoni, membina jati diri yang kukuh dan bekerjasama secara berpasukan melibatkan pelbagai latar belakang agama, etnik serta amalan budaya.

Pedagogi pula merupakan sumber utama dalam pendidikan yang membincangkan pendekatan pengajaran dalam bilik darjah (Noornajihan & Ab. Halim, 2012). Amalan pedagogi ini yang diguna pakai oleh guru berupaya mengubah pemikiran dan tingkah laku murid. Segala bentuk amalan yang diterapkan bertujuan untuk menyemai, membina dan menterjemahkan tingkah laku murid dalam bilik darjah agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan efisien (Haliza, Joy Nesamalar & Rafidah, 2008; Banks, 2008). Oleh itu, dalam konteks pendidikan di Malaysia, aspek hidup bermasyarakat, amalan perpaduan dan toleransi budaya dikongsi bersama kerana murid secara realitinya hidup dalam kelompok masyarakat yang pelbagai etnik, budaya dan agama.

Cendekiawan Islam, menyatakan bahawa amalan pengajaran anti-bias melibatkan amalan yang mendidik murid tentang hak-hak murid. Hak dalam pendidikan ini meliputi hak mendapat ilmu pengetahuan, hak kebebasan, hak sama rata dan hak keadilan (Al-Ghazali, 2010). Manakala di Malaysia, setiap murid juga mempunyai hak untuk memperoleh keadilan dalam aspek menyatakan pendapat, adap perilaku, amalan rutin budaya, kepercayaan agama dan etnik sesuai dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2012). Hal ini menerangkan bahawa kejadian manusia secara semula jadi adalah sama rata tanpa ada perbezaan. Namun kewujudan kelompok masyarakat yang pelbagai latar belakang, melahirkan amalan agama dan budaya etnik yang berlainan. Cabaran ini mendidik guru untuk menghormati kepelbagaian, belajar menerima persamaan dan perbezaan sebagai satu peraturan bersifat global yang akan terus berlaku (Nazri, Nik Yusri, & Ahmad Hidayat, 2011).

Dalam Al Quran, menyentuh tentang tujuan penciptaan manusia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Kejadian manusia mempunyai yang mempunyai hikmah berlaku secara semula jadi. Surah Ar-Rum 30:22 menghuraikan berkaitan perbezaan fizikal murid yang melibatkan rupa paras, bentuk badan, jantina, warna kulit, etnik dan kepercayaan agama merupakan antara bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT. Dalam Al

Quran Surah An-Nisaa' ayat 4:2014, mengajak manusia untuk sentiasa tolong-menolong, ingat mengingati dan merapatkan hubungan kemanusiaan tanpa membezakan etnik, warna kulit, bentuk fizikal badan, warisan budaya dan taraf sosial (Abdullah Basmeih, 2013; Abdul Halim, Salleh & Khadijah, 2012; Abdullah Nasih, 2008).

Dalam bilik darjah, guru perlu melihat setiap isu-isu perpaduan yang wujud sebagai cabaran utama dalam melaksanakan penyatuan masyarakat. Mereka perlu bersikap adil dalam menangani ketidakadilan dalam masyarakat. Elakkan perbezaan dalam kelompok masyarakat di mana tindakan perlu berpaksikan menyemai dan membina perhubungan antara sesama manusia serta berlaku adil kepada semua makhluk (Abdullah et.al., 2016; Ab. Halim, 2014; Noraini, Mohd Aderi, Mohd Isa & Hasan, 2014; Abdullah, 2013). Segala bentuk perbezaan manusia yang wujud bukanlah penyebab berlakunya pertentangan melibatkan keperluan manusia namun sebagai suatu bentuk pendidikan yang memerlukan manusia untuk berfikir mencari penyelesaian.

Islam sebagai agama yang syumul meletakkan manusia sebagai sebaik-baik kemuliaan makhluk dan hak kejadian. Manusia diperingatkan untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup yang berteraskan persamaan dan menolak sebarang bentuk perbezaan atau penafian hak (Al-Ghazali, 2010). Latar belakang pelbagai dan perbezaan manusia bukanlah elemen utama pertentangan dan perpecahan dalam masyarakat. Sebaliknya amalan pendidikan dijadikan landasan untuk saling berkongsi pengetahuan dan tolong-menolong dalam mencipta kedamaian serta kemakmuran hidup bermasyarakat (Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat, 2011).

Perkara ini selaras dengan firman Allah SWT (Surah al-Hujurat 49:13) yang bermaksud "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di

antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya akan keadaan dan amalan kamu. (Abdullah Basmeih, 2013; Abdul Halim, Salleh & Khadijah, 2012; Abdullah Nasih, 2008).

Dalam menjelaskan perkara di atas, bab ini menghuraikan tentang latar belakang awal Pendidikan *Anti-Bias* (PAB) di luar negara mengikut pendapat beberapa tokoh pendidik. Selain itu penyelidik juga menyentuh tentang Amalan Pendidikan *Anti-Bias* (APAB) berlandaskan konsep amalan pendidikan prasekolah di Malaysia, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian yang menjadi asas kajian. Bagi menjelaskan lagi skop kajian, penyelidik turut menjelaskan kerangka konsep, batasan, kepentingan dan definisi operasional kajian.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Transformasi pendidikan pada hari ini amat memerlukan pendekatan yang relevan untuk diterima oleh semua pihak. Guru yang berfungsi sebagai agen pendidik dilihat penting peranannya sebagai insan yang adil iaitu bersifat tidak berat sebelah dalam pengajaran. Guru di lihat memerlukan sentuhan Amalan Pendidikan *Anti-Bias* atau ringkasnya dalam kajian ini sebut sebagai APAB. Amalan ini penting untuk diamalkan dalam pengajaran bagi menepati keperluan murid.

Cendekiawan Islam iaitu Al-Ghazali dan Imam Al-Safe'i mengutarakan pentingnya APAB dalam mendidik murid (Abdullah Nasih, 2008). Menurutnya, pengertian *anti-bias* dalam istilah bahasa Arab disebut sebagai *al-'adl*. Perkataan ini disebut sebanyak 14 kali di dalam Al-Quran yang membawa maksud tidak berat sebelah, tidak memihak atau menyerupakan sesuatu (Zulkifli et.al. 2011).

Amalan *anti-bias* merujuk kepada amalan guru yang terarah kepada tidak berlaku zalim, sikap adil dalam setiap tindakan dan berusaha membuat keputusan yang tepat terhadap amanah yang diberikan. Bias atau perbuatan berat sebelah adalah amalan yang

bertentangan dengan nilai murni dalam pendidikan. Amalan ini tidak terbina secara semula jadi dalam kehidupan seharian masyarakat. Ianya dicipta oleh individu atau kumpulan masyarakat yang disampaikan melalui satu generasi ke generasi yang seterusnya (Derman-Sparks & Ramsey, 2011; Giugni, 2008).

Amalan sedemikian, bertambah kurang menyenangkan apabila murid di label dengan sesuatu yang negatif iaitu berdasarkan ciri-ciri fizikal dan pencapaian akademik kumpulan etnik dalam masyarakat (Derman-Sparks & Fite, 2007). Amalan seumpama ini memberi kesan negatif yang akhirnya meresapi kehidupan, pemikiran dan tingkah laku murid di prasekolah.

Sejarah Pendidikan *Anti-Bias* terhasil daripada perkembangan Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB) yang bermula di Amerika Syarikat setelah dicetuskan oleh *Civil Rights Movements* pada tahun 1960 an (Giugni, 2008; Banks & Banks, 2010). Tokoh utama yang memperkembangkan Pendidikan *Anti-Bias* (PAB) adalah Louise Derman-Sparks. Pendidikan *Anti-Bias* yang diperjuangkan, adalah amalan dalam pendidikan yang menangani sikap berat sebelah, stereotaip dan maklumat yang salah berkenaan jantina, bahasa, kepelbagaian agama, orientasi seksual, kebolehan fizikal dan mental dan kelas ekonomi (Derman-Sparks & Edwards, 2010).

Perkembangan dan sokongan golongan pendidik terhadap Pendidikan Anti Bias (PAB) membawa kepada penghasilan Kurikulum *Anti-Bias*. Kurikulum ini diguna pakai oleh golongan pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat institusi pendidikan di Amerika Syarikat. Isi kandungan kurikulum, mengandungi pendekatan pengajaran yang mengutamakan amalan harian, budaya, etnik, bahasa, agama dan nilai murni sebenar dalam masyarakat (Derman-Sparks & Edwards, 2010).

Pengamalan kurikulum PAB ini mudah difahami murid, ibu bapa dan golongan pendidik. Banyak masalah yang wujud dalam masyarakat diselesaikan melalui

pendekatan guru di dalam pengajaran yang menanamkan minat dan pemahaman *anti-bias* (Abdullah et.al., 2016; Derman-Sparks & Edwards, 2010).

Perkembangan positif ini mempengaruhi negara-negara maju seperti Australia, England, Belgium, Perancis, Greece, Belanda dan negara lain untuk turut serta membina Kurikulum Pendidikan *Anti-Bias* yang bersesuaian dengan cabaran pendidikan di negara masing-masing (Giugni, 2008).

Di Malaysia, kajian APAB dianggap penting dalam pelaksanaan pendidikan. Hal ini kerana masyarakatnya terdiri daripada masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai budaya, etnik dan agama (Mariani & Mohd Sofian, 2012). Pelaksanaannya dilihat, sebagai suatu keperluan kepada polisi dan program pendidikan yang melibatkan pendidikan awal, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan peringkat universiti. Segala bentuk hasil program tersebut bertindak sebagai pencegahan serta menggalakkan perkongsian pintar antara lapisan masyarakat.

Kepelbagaian populasi rakyat Malaysia terbina daripada adat resam etnik yang berlainan. Maklumat Jabatan Perangkaan Negara (2015), mendapati bahawa jumlah penduduk Malaysia telah mencapai 26,013,356 orang. Jumlah ini, meliputi penduduk di negeri Sabah seramai 2,316,963 orang dan di negeri Sarawak seramai 2,354,048 orang. Mereka adalah masyarakat yang terdiri daripada latar belakang etnik dan budaya yang unik yang pelbagai (Salasiah, 2012). Jumlah ini merangkumi tiga kumpulan kaum utama bagi Semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Ini disertai dengan beberapa kelompok etnik minoriti yang berbeza di Semenanjung Malaysia Siam dan Orang Asli.

Masyarakat Sabah dan Sarawak, majoriti masyarakatnya terdiri daripada kaum peribumi yang terdiri daripada pelbagai etnik mengikut suku kaum. Mereka berkomunikasi sesama etnik dan masyarakat sekitar dengan bahasa ibunda masing-masing. Di Sabah, pada masa kini terdapat dalam 35 kelompok etnik kaum dan hampir 80 jenis bahasa pertuturan yang berbeza mengikut suku kaumnya (Nordin, 2007).

Misalnya etnik Iban, Bajau, Suluk, Kadazan Dusun, Murut, Rungus, Kedayan, Tidong, Idahan, Sungai, Bisaya, Jawa, Banjar, Bugis dan sebagainya.

Manakala di Sarawak, penduduk pribumi terdiri daripada 27 kelompok etnik kaum besar iaitu seperti Orang Melayu, Melanau, Dayak, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut dan lain lain. Setiap etnik mempunyai bahasa pertuturan, amalan kebudayaan, dan cara kehidupan yang unik. Mereka hidup berdasarkan latar belakang etnik mengikut lokasi penempatan mereka seperti lembah sungai, berhampiran pantai, kawasan pendalaman, dan kawasan tanah tinggi (Mohammed, 2009; Asmah, 2004).

Kepelbagaian bangsa dan suku kaum ini, menjadikan Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami perubahan dalam pembentukan negara bangsa yang berasaskan budaya, etnik, bahasa, agama dan nilai murni dalam masyarakat berdasarkan PPPM 2013-2025. (KPM, 2012).

KPM menyedari pentingnya peranan golongan pendidik dan sekolah sebagai institusi untuk memupuk nilai murni, budaya kebangsaan, bahasa kebangsaan, penyatuan etnik dan amalan agama. Oleh itu, dasar pendidikan telah dibentuk berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan mengambil kira kepentingan dan matlamat pendidikan melibatkan semua kaum (Noriati et.al., 2014). Berpandukan falsafah pendidikan ini, masyarakat Malaysia dibentuk untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari semua aspek kemanusiaan meliputi sikap toleransi, bekerjasama, hormat-menghormati dan mencapai perpaduan kaum berpandukan PPPM 2013-2025. (KPM, 2012).

Di dalam pernyataan falsafah ini, input-input pembangunan intelek, pembangunan rohani dan emosi serta pembangunan jasmani adalah yang utama. Elemen ini dilihat penting untuk disepadukan dalam pengajaran bagi membina insan sempurna yang merangkumi padanya nilai-nilai murni dalam pengajaran sama ada aspek rohani, emosi, jasmani dan intelegnya.



KPM mewujudkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) untuk memperjuangkan pendidikan prasekolah ke atas semua lapisan masyarakat tanpa ada sikap berat sebelah dan stereotaip. Ini melibatkan pendekatan pengajaran, kemudahan pembelajaran guru, keperluan perkembangan murid dan kurikulum (KPM, 2013, 2010). Latar belakang kewujudan akta ini menyatakan dengan jelas tujuan diperkenalkan pendidikan prasekolah adalah untuk memberi pendidikan kepada semua murid yang miskin dalam dan luar bandar. Akta ini seterusnya berkembang dengan menjadikan prasekolah sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak yang memberi pendidikan kepada semua lapisan murid di Malaysia (Akta Pendidikan: Pindaan 2002).

Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperkukuhkan amalan pendidikan guru di sekolah. Ini dapat dilihat melalui Teras Pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP 2006-2010, KPM 2006) iaitu membina negara bangsa (PPPM 2013-2025, KPM 2012). Konsep negara bangsa ini bermaksud Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan rakyatnya mempunyai satu identiti yang sama, mempunyai pegangan sosiobudaya yang sama dan hidup aman serta bersatu padu. Konsep ini tidak membataskan suku kaum, agama ataupun kepercayaan adat istiadat. Melaluinya, norma dan budaya masyarakat akan diterapkan dalam sistem pendidikan.

Dalam pendidikan Islam, tugas guru diletakkan di tempat yang paling tinggi sebagai pendidik. Menurut cendekiawan Islam al-Ghazali (Abdul Halim & Mohamad Khairul, 2010) tugas seorang guru dalam bilik darjah ialah memberikan pendidikan kasih sayang kepada murid-murid serta bersikap lemah lembut serta menganggap murid sebagai anak kandungnya sendiri. Perkara ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w "Sesungguhnya aku bagi kamu umpama bapa bagi anak anaknya" diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasa'i, Ibn.Majah dan Ibn. Hibban (Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008)

Tafsiran hadis ini menekankan bahawa amalan rutin guru yang sentiasa menasihati murid, menyelamatkan murid daripada terdedah dengan perkara yang merugikan.

Sekiranya guru kurang memainkan peranan maka segala usaha ibu bapa untuk mendapatkan kebaikan yang berkekalan tidak akan tercapai. Sesungguhnya guru menyumbangkan kemuliaan kepada murid untuk menerima segala bentuk perbezaan dan persamaan (Saharia, 2015, Al Ghazali, 2010).

Dasar pendemokrasian pendidikan negara yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (Mohd Yusooif & Sufean, 2013), telah memberi implikasi yang lebih jelas kepada APAB. Pendekatan pendemokrasian ini meletakkan keutamaan peluang dan hak kesamarataan kepada setiap individu untuk belajar tanpa mengira status ekonomi, jantina, kaum, sosial, keistimewaan, latar belakang dan agama (Maszuria et.al., 2014). Kepentingan APAB diletakkan selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (KPM, 2010) dan Pendekatan Amalan Bersesuaian Dengan Perkembangan Kanak-Kanak (ABP) serta keperluan masyarakat majmuk.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, masih belum ada kurikulum atau program khas secara rasmi untuk memupuk APAB di kalangan murid prasekolah. APAB hanya dimasukkan dalam pengajaran Pendidikan Hak Asasi Malaysia sebagai satu bahagian daripada subjek eksklusif dalam bidang undang-undang (Rohaida, 2011). Subjek ini, pada awalnya merupakan subjek yang ditawarkan kepada mereka yang memilih bidang undang-undang di peringkat universiti. Di peringkat sekolah pula, pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (KPM, 2010), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (KPM, 2010) yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) (KPM, 2012) menunjukkan perlunya APAB untuk dikembangkan bagi kepentingan perpaduan murid.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, APAB telah menjadi salah satu elemen penting dalam pengisian pengajaran melibatkan pembangunan masyarakat. APAB telah diterjemahkan pengisian pengajarannya ke dalam Pendidikan Hak Asasi Malaysia yang merupakan program pendidikan UNESCO dalam konsep “belajar untuk hidup bersama”.

Konsep ini telah dikenal pasti sebagai antara asas pembelajaran penting untuk pembangunan akhlak dan perhubungan sosial secara menyeluruh dalam abad ke-21 (Rohaida, 2011). Antara isi kandungan APAB dalam Pendidikan Hak Asasi Malaysia ialah menyemai kefahaman, permuafakatan, saling menghargai dan menghormati, toleransi, berkongsi adat istiadat, mementingkan nilai persamaan, penyelesaian secara aman.

Dalam pengajaran di prasekolah, APAB tidak dianggap sebagai subjek teras atau subjek bertema dalam pengajaran di bilik darjah. Komponen pengajaran APAB diaplikasikan secara merentas kurikulum. APAB tidak dianggap sebagai sesuatu yang kontroversi tetapi sebagai elemen penting bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Pelaksanaan di bilik darjah, mementingkan penerapan 16 nilai murni yang disampaikan dalam bentuk pengajaran (SUHAKAM, 2010; KSPK, 2010)

Nilai pengajaran tersebut ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin. Tujuan utamanya ialah untuk menyemai pembentukan akhlak, menambah memperkukuhkan hubungan dan perpaduan masyarakat berbilang etnik.

Penekanan APAB berpandukan nilai murni di atas, dilihat lebih selari dengan prinsip menghormati hak asasi manusia yang mengutamakan layanan secara adil (KSSR, KPM, 2010; KSPK, KPM, 2010; PPPM 2013-2025, KPM, 2012). Hal ini difikirkan perlu untuk dinilai semula kerana kesan APAB di luar negara dilihat banyak memberi implikasi kepada kemenjadian murid di prasekolah. Oleh itu, sewajarnya guru meletakkan nilai-nilai pendidikan *anti-bias* sebagai keutamaan dalam pengajaran di prasekolah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, budaya, agama, sosio ekonomi dan sejarah. Penduduk di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia,

2010), dapat dipecahkan kepada 57% Melayu, 25% Cina, 10% India dan 14% daripada kaum-kaum lain. Malaysia juga mempunyai lebih 200 suku etnik pelbagai budaya, agama dan bahasa (Rohaty et.al. 2011). Sehingga kini, Malaysia terus mengekalkan jati diri, perpaduan, keamanan dan keharmonian antara kaum melalui beberapa pendekatan yang memberi tumpuan kepada integrasi etnik dan perpaduan negara (Najeemah, 2005; Hazri et.al. 2004)

KPM telah meningkatkan perbelanjaan tahunan dalam menyediakan pilihan persekolahan yang memenuhi keperluan gender dan persekitaran etnik yang pelbagai latar belakang. KPM berbelanja sebanyak 16% dalam KDNK 2011, untuk memberi tumpuan kepada peningkatan pendidikan murid dan guru dalam sektor pendidikan berdasarkan PPPM 2013-2025 (KPM, 2012). Implikasinya, dalam laporan PPPM 2013-2025, (KPM, 2012) terdapat peningkatan penyertaan murid mengikut etnik di kalangan masyarakat India, Cina dan Melayu berbanding 10 tahun yang lepas. Kadar murid Cina yang mendaftar di SJK(C) meningkat daripada 92% pada tahun 2000 kepada 96% pada tahun 2011. Manakala jumlah murid India yang belajar di SJKT meningkat daripada 47% kepada 56%. Seramai 94% murid di SK kini ialah murid Bumiputera (PPPM 2013-2025, KPM, 2012). Perkembangan pendidikan ini, menunjukkan keyakinan mereka untuk mengikuti pembelajaran berdasarkan kemahiran bahasa dan etnik masing-masing. Oleh itu, lebih banyak peluang perlu diwujudkan di masa depan untuk membolehkan mereka berinteraksi dan berkongsi amalan mulia dari aspek etnik, budaya, agama, sosio ekonomi dan sejarah.

Persekitaran sekolah dan peranan guru adalah penting untuk menyelesaikan isu sikap guru di dalam pengajaran. Peranan dan penglibatan guru mempunyai kesan langsung kepada kesediaan murid ke prasekolah (KPM, 2002, 2010). Kajian dalam negara, menunjukkan amalan dan sikap guru dalam bilik darjah khasnya terhadap penerimaan bahasa, etnik, budaya, sosial dan sosio ekonomi mempengaruhi

perkembangan motivasi, pencapaian pendidikan dan perbezaan murid (Mohd. Amar, Hazri & Najeemah, 2013; SUHAKAM 2010, 2012; Najeemah, 2005).

Selain itu, terdapat juga perbezaan pencapaian akademik melibatkan sekolah dalam kumpulan luar bandar, pedalaman dan murid yang tinggal di kawasan bandar berdasarkan dapatan PPPM 2013-2025 (KPM 2012). Antara puncanya, daripada sikap guru yang kurang komitmen, masalah keyakinan diri, kurang pengalaman dan pengetahuan mengajar, kurang kepakaran mengurus sekolah serta kurang bimbingan (Haznurah & Mohd Zuri, 2012; Ismail & Ahmad, 2010).

Dapatan kajian di luar negara, mendapati bahawa masalah sikap guru dalam bilik darjah di luar bandar dan pedalaman memberi impak negatif kepada perkembangan murid prasekolah. Murid kurang yakin dengan keupayaan guru untuk menerima murid yang berlainan warna kulit, rambut, bentuk fizikal, anutan agama dan sumber ekonomi ibu bapa. Situasi ini mengundang kepada berlaku bias gender, bias tingkah laku, bias bahasa, prejudis dan stereotaip terhadap murid (Lin, & Bates, 2014; Smith, 2013,; Lin, Lake, & Rice, 2008). Persekitaran bias ini tidak menggalakkan murid untuk datang ke sekolah dan menerima pendidikan yang lebih baik di prasekolah.

Isu kurang penguasaan pedagogi di kalangan guru merupakan antara cabaran apabila berhadapan dengan murid di luar bandar atau pedalaman yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, budaya, ekonomi dan sosial (PPPM, 2013-2025, KPM 2012; Ukpokodu, 2004; Aguado, Ballesteros, & Malik, 2003; Au, & Blake, 2003; Parsad, Lewis, & Farris, 2001). Menurut Parsad, Lewis & Farris, (2001), terdapat hampir 80 % penyampaian pengajaran guru baharu kurang berkesan. Manakala di Malaysia pula, hanya seramai 50% guru mengajar secara berkesan (KPM, 2012). Guru berkesan ini, mengajar berpandukan kurikulum yang standard, pendekatan pengajaran dan mempunyai profesionalisme terhadap tugas guru yang tinggi.

Laporan Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti (KPM, 2012), menjelaskan bahawa terdapat dalam kalangan guru prasekolah masih kurang pengetahuan dan kefahaman tentang isi kandungan KSPK. Masalah tersebut memberi kesan kepada ketidak upaya guru prasekolah untuk memberi penerangan tentang sesuatu kemahiran, pengetahuan, dan nilai murni pembelajaran yang mempunyai kaitan dengan etnik, bahasa, budaya, ekonomi dan sosial. Kesannya murid tidak dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran yang sepatutnya di kuasai. Murid prasekolah cepat bosan dan kurang berminat menerokai pembelajaran semasa berada di bilik darjah (Jain, 2017)

Murid di luar bandar dan pedalaman amat memerlukan khidmat guru yang berpengetahuan, kreatif, pemikiran kritikal, bertanggungjawab, bermotivasi, sabar dan bersedia untuk mengambil cabaran yang sukar (Rohaty et.al. 2011; Kyles & Olafson, 2008). Dengan kemahiran pedagogi, guru dapat meneroka dan mengajar kurikulum alternatif yang mengandungi budaya, latar belakang, adat resam serta persekitaran golongan minoriti agar tidak berlaku prejudis terhadap murid di luar bandar dan pedalaman. Manakala murid pula dapat memahami dengan mudah persamaan, perbezaan dan sensitiviti sesama mereka (Tengku Nor Rizan et.al. 2012; KPM 2012; SUHAKAM, 2012, 2010; Jamilah & Niranjala, 2011).

Di Malaysia, proses melahirkan jati diri masyarakat majmuk yang berkualiti adalah bergantung pada penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran (Ilhavenil & Wan Hasmah, 2013). Nilai murni di sini dinyatakan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan pencipta Nya. Selain daripada ibu bapa, guru merupakan orang dewasa yang paling rapat dengan murid. Mereka dipertanggungjawabkan memberi teguran, pengalaman dan pandangan kepada murid (Komalasari, 2017).

Guru berperanan sebagai insan berpengaruh, penyayang dan arkitek pembentuk perpaduan murid yang pelbagai. Tujuan pengamalan nilai dalam bilik darjah adalah untuk

menyemai, melatih dan membentuk sifat universal yang difikirkan baik dan sesuai untuk murid prasekolah berdasarkan Laporan PPPM 2013-2015 (KPM, 2012) dan KSPK (KPM, 2010). Dalam bilik darjah berpandukan KSPK (KPM 2010) terdapat 16 nilai murni yang diterapkan guru untuk disampaikan dalam bentuk pengajaran merentasi kurikulum (SUHAKAM, 2010)

Semua amalan nilai murni dalam pengajaran ini, mempunyai hubung kait yang rapat dengan kehidupan murid di rumah dan dalam masyarakat (Komalasari, 2017; Derman-Sparks, & Edwards, 2010). Nilai tersebut ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin seperti yang dihasratkan KSPK (KPM, 2010). Semua amalan pada nilai ini dilihat menjurus kepada APAB dengan prinsip menghormati hak asasi manusia yang mengutamakan layanan secara adil. Keutamaan ini di tekankan dalam pelaksanaan KSSR di sekolah rendah (KPM, 2010), KSPK di prasekolah (KPM, 2010) dan dalam Laporan PPPM 2013-2025 (KPM, 2012).

Dalam aspek kurikulum, golongan minoriti di luar bandar dan pedalaman memerlukan kurikulum baru yang merangkumi bahasa, budaya, sejarah, adat dan kepercayaan yang selaras dengan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) Artikel 14 (3) iaitu:

*“Negara-negara mesti bersama-sama dengan Orang Asli mengambil langkah yang berkesan, agar Orang Asli, terutamanya kanak-kanak termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka untuk mengakses apabila mungkin, pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam bahasa mereka sendiri.*

*(Sumber: Laporan Tahunan 2010 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia).*

Situasi ini akhirnya menjadi antara cabaran bagi penyatuan bangsa di bawah bahasa kebangsaan (Akta Bahasa Kebangsaan: Perkara 152). Kesannya, pengajaran guru terhad dalam membantu perubahan sosialisasi dan kognitif murid di prasekolah (Shahabudin,

Rohizani & Mohd. Zahir, 2007; Mahoney, & Schamber, 2004). Bagi memenuhi keperluan di atas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha meneruskan program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah dengan kerjasama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM, 2012) dan pelaksanaan KSPK (KPM, 2010) di semua kelas prasekolah di Malaysia.

Pengisian kurikulum ini merangkumi kepercayaan adat resam, kebudayaan, etnik, bahasa dan agama. Ini dapat dilihat melalui pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (KPM, 2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2012). Bertujuan memastikan semua murid mendapat akses kepada pendidikan serta menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum. Dalam kurikulum ini juga terkandung pengajaran bahasa peribumi dan bahasa minoriti lain seperti bahasa Iban, bahasa Kadazan Dusun dan Semai berdasarkan Laporan PPPM 2013-2015 (KPM, 2012).

Kejayaan APAB di luar negara juga perlu dilihat secara positif dalam mewujudkan perpaduan dan memantapkan pengajaran guru. Kajian di luar negara mendapati, bahawa peningkatan perbezaan atau *bias* kaum, etnik, budaya, dan keperluan kanak-kanak di sekolah menjejaskan kualiti pembelajaran murid (Lin, Lake & Rice, 2008; Derman-Sparks, 2004). Bagi menanganinya, Kurikulum *Anti-Bias* dibentuk sebagai panduan menyelesaikan masalah dan penyerapan amalan murni dalam pengajaran guru di sekolah (Lin, Lake & Rice, 2008; Derman-Sparks, 2004). Amalan budaya murid di rumah dikongsi bersama, dihormati dan diberikan hak untuk bersuara. Usaha ini akhirnya berjaya mengurangkan masalah budaya, etnik, gender, sosialisasi, sosioekonomi dan sebagainya (Lin, & Bates, 2014; Sharifah Norsana & Mohamed Najib, 2013).

Dalam pengajaran dan pembelajaran APAB berfungsi sebagai suatu strategi yang merapatkan jurang hak murid untuk mendapatkan pendidikan, kebebasan berfikir, kebebasan bersuara, beragama dan mengamalkan budaya tanpa diskriminasi (Mariani &



Hamidah, 2014; SUHAKAM, 2012; Van Keulen, 2004, Van Hook, 2002). Oleh itu, guru membentuk murid dengan amalan yang menentang diskriminasi dan perkauman dalam proses pengajaran, seperti yang diutarakan dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 tentang Perkara 2: Tiada Diskriminasi iaitu;

*“Semua hak terpakai bagi kanak-kanak tanpa kecualian. Adalah menjadi obligasi Negara untuk melindungi kanak-kanak daripada apa-apa bentuk dan untuk mengambil tindakan yang positif untuk memajukan hak mereka.”*

Berdasarkan pernyataan di atas menekankan bahawa murid mempunyai hak untuk dilindungi dan dipertahankan daripada segala bentuk unsur yang memudaratkan mereka. Ini boleh dilaksanakan melalui pengajaran yang bersifat *anti-bias* terhadap agama, gender, budaya, bahasa, tingkah laku, amalan prejudis dan amalan stereotaip. Amalan ini membentuk kesan yang positif pada sahsiah, emosi, intelek dan sosial murid (Haznurah & Mohd Zuri, 2012; Van Hook, 2002).

Namun situasi pendidikan di Malaysia, pendidikan anti bias dilaksanakan secara merentas kurikulum yang diterapkan dalam pengajaran di bilik darjah. Pendidikan *Anti-Bias* di Malaysia, berdasarkan Laporan PPPM 2013-2025 (KPM, 2012) diaplikasikan secara merentas kurikulum melalui pelaksanaan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu, pelaksanaannya sebagai sumber perubahan berkesan dalam aspek sosialisasi, kognitif, kreativiti dan emosi tidak dapat diukur dengan jelas. Penyelidik berpendapat, penerokaan terhadap bidang baru ini perlu diteruskan untuk meningkatkan kesedaran amalan budaya, etnik, gender, sosialisasi dan sosioekonomi dan menyelesaikan isu-isu melibatkan *bias* dalam pendidikan.

Semua murid harus didedahkan kepada APAB yang bermatlamat untuk memperkukuhkan integrasi nasional agar dapat mencapai aspirasi negara. Murid harus dididik dengan memberi hak kebebasan untuk membuat keputusan, menyumbang idea, keyakinan terhadap diri sendiri, cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan gagah

menghadapi cabaran. Pendekatan ini mendidik murid kepada pendidikan pencegahan yang lebih baik dari mengubati.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pelaksanaan amalan pendidikan *anti-bias* dalam pengajaran guru di kelas prasekolah. Penyelidik membuat penelitian tentang penguasaan guru terhadap melaksanakan APAB. Ini dilihat melalui aspek pengetahuan kandungan KSPK, pendekatan pengajaran, penerapan APAB dan sumber rintangan pelaksanaan APAB.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah untuk meneroka pelaksanaan pengajaran amalan pendidikan *anti-bias* dalam bilik darjah oleh guru di prasekolah. Objektif khusus adalah berikut:

1. Meneroka pengetahuan kandungan KSPK guru prasekolah.
  - i. Meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang kemahiran kandungan.
  - ii. Meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang isi pengajaran
  - iii. Meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang definisi dan konsep APAB dalam KSPK.
  - iv. Meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang persepsi APAB dalam KSPK
2. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran bagi memupuk APAB di prasekolah.
  - i. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran dari aspek membina minat
  - ii. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran dari aspek pengetahuan murid.

- iii. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran dari aspek meningkatkan kesedaran murid
  - iv. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran dari aspek membangunkan pemikiran kritis murid.
3. Menerokai penerapan pengajaran APAB di prasekolah.
- i. Menerokai penerapan pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina.
  - ii. Menerokai penerapan pengajaran APAB dari aspek etnik.
  - iii. Menerokai penerapan pengajaran APAB dari aspek sosiobudaya
  - iv. Menerokai penerapan pengajaran APAB dari aspek sosioekonomi.
4. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB di prasekolah.
- i. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina.
  - ii. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek etnik.
  - iii. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek sosiobudaya.
  - iv. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek sosioekonomi.

## **1.6 Soalan Kajian**

Kajian yang dijalankan berfokuskan kepada menjawab soalan berikut:

1. Apakah pengetahuan kandungan KSPK guru prasekolah.
  - i. Apakah pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang kemahiran kurikulum?
  - ii. Apakah pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang isi pengajaran?

- iii. Apakah pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang definisi dan konsep APAB dalam KSPK?
  - iv. Apakah pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang persepsi APAB dalam KSPK?
2. Apakah pendekatan pengajaran bagi memupuk APAB di prasekolah.
- i. Apakah pendekatan pengajaran dari aspek membina minat?
  - ii. Apakah pendekatan pengajaran dari aspek pengetahuan murid?
  - iii. Apakah pendekatan pengajaran dari aspek meningkatkan kesedaran murid?
  - iv. Apakah pendekatan pengajaran dari aspek membangunkan pemikiran kritis murid?
3. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB di prasekolah.
- i. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina?
  - ii. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB dari aspek etnik?
  - iii. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB dari aspek sosiobudaya?
  - iv. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB dari aspek sosioekonomi?
4. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB di prasekolah.
- i. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina?
  - ii. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek etnik?
  - iii. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek sosiobudaya?
  - iv. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek sosioekonomi?

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan memberi kesedaran kepada para pendidik, institusi pendidikan, pengurus sekolah, komuniti masyarakat serta ibu bapa tentang kepentingan persamaan hak dan nilai-nilai murni dalam amalan pendidikan (Rohaida, 2011). Kesedaran ini secara langsung melahirkan idea baru tentang pendekatan pedagogi yang bersesuaian dalam pencapaian pendidikan pelbagai pihak. Tindakan ini pastinya dapat melonjakkan penglibatan murid dalam sesuatu program pendidikan khususnya di kawasan luar bandar atau pedalaman. Di samping itu memperkayakan idea baru murid tentang perhubungan kepelbagaian budaya, sosialisasi, toleransi serta sensitiviti sesama murid yang berlainan etnik.

Segala pandangan kajian ini, boleh dipertimbangkan secara ilmiah oleh pihak berwajib untuk diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran yang merentas kurikulum. Ini khususnya, merujuk kepada PPPM 2013-2025 (KPM, 2012) melibatkan aspek keperluan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama. Cadangan kajian untuk menghasilkan kerangka amalan sahsiah murid prasekolah, diharap dapat membantu guru merancang dan menyediakan rancangan pengajaran yang berkesan. Kelebihan dan kelemahan amalan pedagogi yang diperoleh melalui dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada bakal guru dan guru prasekolah permulaan yang lain dalam proses penambah baik. Diharapkan juga kajian seumpama ini dapat membantu dalam penghasilan bahan pengajaran, latihan perguruan dan latihan pembangunan profesionalisme guru (Saedah & Mohd.Sani, 2012). Seterusnya mengubah perspektif negatif di kalangan guru, ibu bapa, masyarakat dan murid terhadap peranan sekolah sebagai tempat penyatuan masyarakat majmuk.

Dalam kajian ini, penyelidik lebih berfokus kepada amalan pengajaran di kalangan guru prasekolah. Elemen utama yang difokuskan penyelidik dalam kajian ini adalah berkenaan pengajaran yang berteraskan APAB dalam bilik darjah. Elemen ini dilihat

sangat penting kerana membantu meningkatkan penguasaan guru dalam kemahiran pedagogi relevan budaya (Corson, 2000). Ini disokong oleh penulisan ilmiah Noriati et.al., (2014) dan Siti Zuraida, (2014) yang menyatakan bahawa pendedahan ke atas pedagogi relevan budaya akan membolehkan guru mahir untuk menganalisis isu berhubung bahasa, budaya dan amalan etnik secara kritikal serta mengenal pasti pendekatan yang paling berkesan untuk memberikan pengalaman yang bermakna kepada murid.

Kajian ini amat penting untuk memberi maklumat kepada guru prasekolah tentang pentingnya pendidikan hak asasi dan keadilan dalam menyumbangkan pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam pengajaran terhadap murid prasekolah dari pelbagai kaum dan budaya (Rohaida, 2011; Najeemah, 2010; Kamarul & Ab. Halim, 2007). Pengamalan sifat keadilan ini juga membantu guru mengenal pasti setiap murid tidak tertinggal dalam pelajaran mereka dengan mengambil kira kepelbagaian aspek budaya murid (Anita, Noryani & Husni, 2015). Secara langsung memberi gambaran kepada murid bahawa pendidikan di prasekolah bukan sekadar belajar berdasarkan KSPK tetapi sebagai penghapusan prejudis, stereotaip, perbezaan jantina dan kepentingan hidup beragama dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kajian ini juga turut menyumbang dalam aspek kepentingan amalan jati diri khasnya kepada murid dan guru yang berkonsepkan budaya dan amalan murni masyarakat majmuk di Malaysia (Abdul Latiff, 2012). Komponen ini penting untuk di kembang dan dipertahankan agar keberhasilan sesuatu program pendidikan memberi kesan yang mendalam kepada objektif yang disasarkan. Justeru itu, dapatan kajian dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pelbagai pihak dari segenap lapisan yang terlibat dalam industri pendidikan.

## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes kualitatif terhadap guru prasekolah di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini hanya memfokuskan kepada elemen pengajaran guru prasekolah berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Dapatan dan rumusan yang terhasil daripada kajian ini hanya mencakupi 4 orang peserta kajian di kalangan guru prasekolah dan 16 orang peserta kajian di kalangan murid prasekolah. Penyelidik tidak membuat generalisasi terhadap hasil kajian. Ini disebabkan bilangan peserta kajian yang kecil dan tidak memberikan gambaran dapatan keseluruhan kaedah pengajaran, halangan dan kesan terhadap murid prasekolah yang ada di Malaysia. Ini selaras dengan kajian Hamdi (2011), Chee (2011) dan Zaidah (2005).

Hasil kajian adalah melihat amalan pengajaran *anti-bias*, yang disampaikan sebagai suatu amalan rutin harian di kelas prasekolah. Pelaksanaan kajian, berdasarkan kepada konseptual kajian yang bertujuan membantu penyelidik menerokai demografi peserta kajian, kaedah pengajaran, halangan dan kesan pelaksanaan APAB. Konseptual kajian ini melibatkan gabungan 3 teori utama iaitu Teori Ekologi, Teori Al-Ghazali dan Teori serta Model Pendidikan Pelbagai Budaya. Pemilihan teori ini dilihat bersesuaian dengan objektif, soalan dan konseptual kajian penyelidik (Merriam, 2009; Bogdan, & Biklen, 2007; Rosli, 2006).

Pemilihan peserta dan tempat kajian juga dibuat berasaskan beberapa kriteria tertentu (Merriam, 2009). Kajian ini dihadkan kepada guru prasekolah yang bertugas di luar bandar dalam Daerah Tawau, Negeri Sabah. Guru yang mengajar di prasekolah ini terdiri daripada guru yang mendapat latihan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala murid prasekolah yang terlibat dalam kajian adalah mereka yang berusia 6 tahun dan tinggal di luar bandar berhampiran dengan sekolah terlibat. Pemilihan peserta dan tempat kajian ini juga dilihat berpandukan latar belakang peserta kajian yang

terdiri daripada berlainan jantina, etnik dan budaya berpandukan objektif serta konseptual kajian (Bogdan, & Biklen, 2007).

Di samping itu, kaedah kajian terbatas kepada pemerhatian, temu bual dan menganalisis dokumen sahaja. Pemilihan kaedah ini bertujuan memastikan data yang dikumpul boleh menjawab soalan kajian dan sah digunakan (Merriam, 2009). Data dikutip daripada 5 orang guru prasekolah dari 4 buah sekolah luar bandar. Justeru, dapatan data kajian tidak memberi gambaran sebenar tentang keadaan semua prasekolah di Malaysia. Maka semua dapatan kajian adalah secara tentatif dan memerlukan kajian lanjutan. Skop perbincangan dalam kaedah kajian dihadkan hanya kepada pengetahuan kandungan KSPK, pendekatan pengajaran, penerapan APAB dan sumber rintangan pelaksanaan APAB. Selain itu profil peserta kajian juga di anggap penting dan dikumpul sebagai penyokong data kajian.



## 1.9 Definisi Konsep Dan Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini yang dijelaskan secara konsep dan operasional. Oleh itu, definisi konsep dan definisi operasional serta penerangan istilah berkaitan yang dinyatakan adalah menjelaskan penggunaan serta mengelakkan kekeliruan dalam konteks kajian. Konsep-konsep tersebut digunakan dengan pengertian berikut:

### 1.9.1 Bias

Definisi konsep *bias* adalah merujuk kepada perbuatan prejudis, stereotaip dan berat sebelah terhadap jantina, budaya, bangsa, bahasa, gaya hidup dan fizikal (Lin & Bates, 2014; Derman-Sparks, & Edwards, 2010).

Definisi operasional *bias* dalam kajian ini pula, diguna pakai untuk menerangkan tentang iklim tidak percaya, rasa takut, curiga, rasa bersalah dan sentiasa prejudis. Berlaku terhadap satu orang atau kumpulan. Boleh wujud secara halus atau terang-terangan, sedar atau tidak sedar dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik.

### 1.9.2 Anti-Bias

Definisi konsep *anti-bias* adalah merujuk kepada iklim percaya, punya keyakinan, hormat, tidak takut berubah, bertindak adil dan sentiasa bersikap terbuka (Lin, & Bates, 2014; Derman-Sparks, & Edwards, 2010).

Manakala, operasional *anti-bias* dalam kajian ini adalah tindakan bertentangan dengan perbuatan bias. Meliputi amalan adil, hormat, percaya, tidak takut berubah, dan bersikap terbuka yang dirujuk kepada niat, kesederhanaan, kelurusan, kesamarataan dan nilai-nilai murni perbuatan.

### **1.9.3 Amalan Pendidikan Anti-Bias (APAB)**

Definisi konsep APAB merujuk kepada amalan pengajaran guru dalam bilik darjah yang mementingkan amalan adil dan sentiasa memberi keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah (KPM, 2009). Menurut Freire P., (2000), dalam Lin, Lake, & Rice, (2008), amalan *anti-bias* dalam pendidikan merujuk kepada amalan pendidikan yang bertentangan dengan tindakan bias dan memberi hak kebebasan kepada murid untuk menerima nilai-nilai murni masyarakat pelbagai dalam kehidupan seharian.

Definisi operasional APAB dalam kajian ini, merujuk kepada tingkahlaku dalaman dan luaran guru dalam pengajaran yang sentiasa tidak berat sebelah, jujur, yakin dan bertanggungjawab tanpa sebarang paksaan. Guru mementingkan interaksi murid, yang terdiri daripada pelbagai etnik, keragaman budaya, pemikiran kritikal dan kesediaan menghadapi ketidakadilan.

### **1.9.4 Pendidikan Anti-Bias Dalam Aspek Kurikulum**

Definisi konsep pendidikan *anti-bias* dalam aspek kurikulum ditakrifkan sebagai suatu dokumen yang mengandungi kemahiran pengajaran. Kemahiran mengandungi pendekatan yang bersifat aktif atau aktivis untuk menghapuskan sikap prejudis, stereotaip, *bias* etnik, *bias* gender, *bias* sosial, *bias* bahasa, *bias* tingkahlaku dan *bias* agama (Lin, & Bates, 2014; Derman-Sparks, & Edwards, 2010).

Definisi operasional pendidikan *anti-bias* dalam aspek kurikulum kajian ini, adalah suatu kurikulum formal yang tersurat dan tersirat. Disampaikan guru secara formal atau secara merentas kurikulum. Berfungsi sebagai panduan guru dalam pengajaran bilik darjah. Pelaksanaan dalam bilik darjah, menggalakkan murid untuk menerokai persekitaran dan menangani masalah sosial. Kemahiran

anti bias meliputi amalan nilai sosial, prejudis, stereotaip, etnik, gender, sosial, bahasa, tingkah laku dan agama. Semua aspek ini, terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, dijadikan bahan rujukan utama penyelidik.

### **1.9.5 Kepelbagaian Budaya**

Definisi konsep kepelbagaian budaya merujuk kepada sub-budaya, ungkapan budaya dominan dalam institusi sosial (Siti Zuraida, 2014; Banks & Banks, 2010).

Dalam definisi operasional, kepelbagaian budaya kajian dirujuk kepada amalan budaya yang diwarisi secara turun temurun. Aspek ini mengandungi kepelbagaian identiti etnik, perbezaan kelompok masyarakat dan kepelbagaian budaya.

### **1.9.6 Prasekolah**

Definisi konsep prasekolah adalah merujuk kepada institusi pendidikan yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid yang berumur 4 hingga 6 tahun sebelum masuk ke Tahun Satu (Akta Pendidikan 1996: Pindaan 2002).

Definisi operasional prasekolah dalam kajian ini, merujuk kepada kelas prasekolah kendalian KPM. Murid-muridnya terdiri daripada kanak-kanak berumur lima dan enam tahun. Mereka dididik berpandukan kemahiran KSPK, KPM sebagai kurikulum utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **1.9.7 Pendekatan Pengajaran**

Definisi konsep pendekatan pengajaran adalah merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik untuk mencapai objektif pengajaran dalam jangka pendek (Azizi & Intan Sapinas, 2010).

Definisi operasional pendekatan pengajaran dalam kajian ini bermaksud satu tindakan sistematik yang berkesan dalam membina minat, pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan membangunkan pemikiran kritis murid. Semua aspek ini, menterjemahkan kemahiran pengajaran yang disampaikan guru selaras dengan objektif pendidikan prasekolah dan objektif setiap mata pelajaran. Berpandukan KSPK (KPM, 2012), Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Bersepadu Dan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran penting dalam mengembangkan kemahiran murid untuk berfikir, mengamalkan nilai murni dan berakhlak mulia.

#### **1.9.8 Pendekatan Pembelajaran**

Definisi konsep pendekatan pembelajaran adalah merujuk kepada interaksi antara murid dan guru yang meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor (Noor Hisham, 2011; Abd Rahim, 2009)

Definisi operasional pendekatan pembelajaran dalam kajian ini dirujuk kepada kemahiran yang dipelajari murid melibatkan minat, pengetahuan, peningkatan kesedaran dan membangunkan pemikiran kritis murid.

#### **1.9.9 Penerapan Amalan Pendidikan Anti-Bias (APAB)**

Definisi konsep penerapan APAB dalam kajian ini adalah merujuk kepada suatu proses pendekatan teori dan metode melibatkan cara mencapai tujuan yang diinginkan. Penerapan ini, melibatkan program yang memiliki sasaran serta manfaat pada sasaran yang ingin dicapai (Lin, & Bates, 2014: Derman-Sparks, & Edwards, 2010).

Definisi operasional penerapan APAB dalam kajian ini adalah merujuk kepada tindakan guru dalam aktiviti pengajaran yang menerapkan murid

dengan ilmu pengetahuan tentang perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosio ekonomi. Bertujuan menyemai nilai baik amalan dalam diri murid prasekolah untuk dikembangkan kepada masyarakat yang lebih luas.

#### **1.9.10 Sumber Rintangan**

Definisi konsep sumber rintangan adalah merujuk kepada halangan, gangguan dan sekatan terhadap penyampaian pengajaran APAB (Lin, & Bates, 2014; Derman-Sparks & Edwards, 2010).

Definisi operasional sumber rintangan dalam kajian ini, difokuskan kepada aspek rintangan yang dihadapi guru dalam menyebarkan amalan anti bias dalam bilik darjah. Sumber rintangan ini dilihat meliputi perbezaan jantina, etnik sosio budaya dan sosioekonomi.

#### **1.9.11 Pengetahuan Pedagogi**

Definisi konsep pengetahuan pedagogi adalah merujuk kepada pengetahuan guru yang mendalam tentang amalan pengajaran dan pembelajaran. Aspek ini turut mengutamakan tujuan pengajaran, objektif pengajaran, penerapan nilai, pengurusan bilik darjah dan penilaian murid (Jain, 2017; Shulman, 1987).

Definisi operasional pengetahuan pedagogi dalam kajian ini, dirujuk kepada pengetahuan guru prasekolah tentang isi kandungan topik, isu-isu pengajaran, teori pengajaran, model pengajaran, teknik dan yang berkaitan dengan pengelolaan bilik darjah.

#### **1.9.12 Pengetahuan Kandungan**

Definisi konsep pengetahuan kandungan adalah merujuk kepada pengetahuan mengenai hal yang patut guru pelajari dan disampaikan kepada murid. Setiap pengetahuan kandungan adalah berbeza mengikut mata pelajaran

yang memerlukan guru memahami dan menguasainya (Shulman, 1986; Jain, 2017).

Definisi operasional pengetahuan kandungan dalam kajian ini, menjelaskan bidang kefahaman seseorang guru terhadap mata pelajaran yang diajarkan sebelum diterjemahkan dalam bentuk pengajaran di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, guru menggunakan KSPK dan sumber yang ada sebagai bahan utama dalam merancang, menyedia dan melaksanakan pengajaran di bilik darjah.

### **1.9.13 Kefahaman Pengajaran**

Definisi konsep kefahaman pengajaran bermaksud keupayaan atau kemampuan guru memahami pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi untuk dapat disampaikan kepada murid dengan berkesan (Jain, 2017; Shulman, 1987).

Definisi operasional kefahaman pengajaran dalam kajian ini dirujuk kepada keupayaan guru prasekolah menterjemahkan isi kandungan KSPK dan APAB dalam aktiviti pengajaran melibatkan murid prasekolah. Aspek ini meliputi kefahaman tentang pendekatan, penerapan, tafsiran, pemeringkatan kemahiran, kesepaduan tunjang, merancang dan menyediakan rancangan pengajaran.

### **1.9.14 Sosio Budaya**

Definisi sosio budaya bermaksud amalan cara hidup, adat istiadat, perayaan dan nilai-nilai murni masyarakat yang berkembang dalam masyarakat. Amalan ini dianggap benar dan dijadikan standard bertingkah laku yang diterima oleh semua ahli dalam kelompok masyarakat. (Abdullah Nasih, 2008; Giugni, 2008; Derman-Sparks & Ramsey, 2011).

Definisi operasional sosio budaya dalam kajian ini dirujuk kepada amalan cara hidup, adat istiadat, perayaan dan nilai-nilai murni masyarakat. Melaluinya murid berkongsi adat istiadat, perayaan dan amalan budaya etnik masing-masing di prasekolah. Antara nilai sosio budaya yang dikongsi meliputi nilai-nilai sopan-santun, kesederhanaan, keindahan dan keharmonian hidup antara ahli-ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat.

#### **1.9.15 Sosialisasi**

Definisi sosialisasi bermaksud proses belajar yang membimbing murid ke arah perkembangan sosial. Ini melibatkan perlakuan dan bimbingan ibu bapa terhadap anak melibatkan aspek kehidupan sosial bermasyarakat (Chen, Nimmo & Fraser, 2009).

Definisi operasional sosialisasi bermaksud amalan hubungan komunikasi melibatkan guru dan murid. Perkara ini dilaksanakan guru melalui aktiviti pengajaran di dalam serta luar kelas prasekolah.

#### **1.9.16 Nilai-Nilai Murni**

Definisi nilai-nilai murni bermaksud idea penerapan tentang keutamaan nilai dan amalan manusia. Nilai murni ini menterjemahkan tingkah laku yang bertatasusila, baik dan beradap yang diamalkan ketika menjalinkan hubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan alam persekitaran (Majid et.al, 2012; Mohammah Jodi et al, 2012).

Definisi operasional nilai-nilai murni merujuk kepada 16 elemen (KPM, 2012) yang diterapkan dalam pengajaran guru dalam bilik darjah.

### **1.9.17 Hak Asasi**

Definisi hak asasi manusia bermaksud hak mutlak manusia untuk dilayan secara adil, sama rata tanpa sebarang penafian hak sebagai manusia (Fatimi et.al, 2016).

Definisi operasional hak asasi dalam pengajaran bermaksud hak untuk memberi idea, jaminan keselamatan, pendidikan yang sempurna, hak beragama, makanan, hak berbudaya dan kepercayaan.

### **1.9.18 Etnik**

Definisi etnik diertikan sebagai kelompok manusia yang dibezakan berdasarkan ciri budaya seperti bahasa, adat resam, pakaian, kegiatan sosial, kegiatan ekonomi dan lain-lain (Paimah, Mohd Azmil & Latifah, 2011).

Definisi operasional etnik dalam pengajaran bermaksud perkongsian amalan bangsa atau suku kaum melibatkan adat resam, pola keluarga, pakaian tradisional, kraf tangan, pekerjaan, jenis makanan, peralatan muzik dan tarian.

### **1.9.19 Sosioekonomi**

Definisi sosioekonomi diertikan sebagai merujuk aspek bilangan isi keluarga, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan aspirasi sesebuah keluarga (Zarinah & Rozumah, 2011).

Definisi operasional sosioekonomi dalam pengajaran bermaksud keperluan pembelajaran murid yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga.

### **1.9.20 Gender**

Definisi gender dihubungkan sebagai peranan dan tanggungjawab laki-laki dan perempuan terhadap keluarga, masyarakat dan budaya (Suhaidah,



Siti Nurul Jannah & Nor Suhaila, 2014). Selain itu, gender juga dimaksudkan sebagai sifat dan perilaku yang semula jadi yang ada pada lelaki dan perempuan yang dibentuk secara sosial dan juga budaya (Zaitul Azma Zainon, 2007).

## **2.0 Rumusan**

Bab ini, membincangkan pendahuluan dan latar belakang kajian pendidikan *Anti-bias* dengan meninjau definisi, matlamat, kepentingan dan gambaran hasil kajian di luar negara secara ringkas. Selain itu, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasi juga diterangkan untuk pengenalan kepada kajian ini.

## **BAB 2 : KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini, dimulakan dengan penerangan tentang pendidikan prasekolah di Malaysia yang membincangkan tentang kurikulum dan pelaksanaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya bab ini, menghuraikan kerangka teori kajian dan kerangka konsep yang mendasari kajian ini. Matlamat dan prinsip APAB, perkembangan budaya APAB, jenis-jenis APAB turut dihuraikan dalam bab ini. Akhir sekali bab ini memperbincangkan perbandingan Kurikulum Pendidikan *Anti-Bias* di luar negara dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah di Malaysia dan kajian Pendidikan *Anti-Bias* (PAB) di dalam dan luar negara serta rumusan.

### **2.2 Pendidikan Prasekolah Di Malaysia**

Pendidikan prasekolah, mendapat tempat yang utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Bermatlamat menyediakan murid dengan pembelajaran formal di Tahun Satu dengan kemahiran, keyakinan dan konsep sendiri yang positif (KPM, 2002, 2010, 2012).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 atau ringkasnya PPPM 2013-2025, (KPM 2012) dan KSPK (KPM, 2012) bagi meneruskan kesinambungan PIPM 2006-2012 (KPM, 2006). Dalam laporan ini, mengandungi 11 Agenda Pendidikan yang difokuskan. Antara fokus utama PPPM 2013-2025 (KPM 2012), menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan tinggi masyarakat,

serta mencetus dan menyokong transformasi perkhidmatan awam. Berikut merupakan agenda pendidikan yang hendak di capai;

- Agenda 1 Dana untuk Pengurusan dan Pembangunan Pendidikan
- Agenda 2 Kecekapan Sistem Pendidikan Malaysia
- Agenda 3 Akses Pendidikan dan Literasi Asas
- Agenda 4 Perpaduan Dalam Masyarakat Pelbagai Kaum, Budaya, dan Agama
- Agenda 5 Prestasi dan Kualiti Pendidikan dan Murid Secara Relatif di Peringkat Antarabangsa
- Agenda 6 Masyarakat Berpendidikan untuk Demokrasi Efektif
- Agenda 7 Ekuiti Keberhasilan dalam Pendidikan antara Bandar dengan Luar Bandar
- Agenda 8 Mentransformasi Profesion Keguruan Menjadi Profesion
- Agenda 9 Meningkatkan Prestasi Sekolah Dengan Mengupaya JPN, PPD Dan Sekolah
- Agenda 10 Aplikasi ICT Bagi Meningkatkan Proses PdP di Sekolah
- Agenda 11 Mentransformasi Organisasi Dan Kecekapan Pengurusan KPM

Pendidikan prasekolah telah dibentangkan dalam Laporan Awal Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, (KPM 2012) dan pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK KPM, 2012). Dalam Laporan PPPM 2013-2015 ini, sebelas anjakan dinyatakan dalam tempoh 13 tahun untuk memartabatkan sistem pengurusan dan pengajaran prasekolah. Bagi pendidikan prasekolah khususnya, sasaran KPM telah tercapai khasnya dalam mempertingkatkan kadar penyertaan murid prasekolah pelbagai latar belakang yang berumur (4+ dan 5+) kepada 87% menjelang 2012 (Zuhaila, 2015).

Unit Pengurusan Prestasi dan Pengurusan KPM (2010), mendapati keberhasilan ini meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan menjadikan prasekolah swasta dan agensi-agensi lain sebagai sebahagian daripada sistem. Antara

teras utama yang mencapai sasaran dalam pendidikan prasekolah yang berkualiti dan berkemampuan ialah;

- i. Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan dan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- ii. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- iii. Menyeragamkan bantuan kepada murid prasekolah kerajaan.
- iv. Meningkatkan kualiti guru dan pembantu murid.
- v. Menambah bilangan kelas prasekolah di kawasan miskin bandar, luar bandar dan pendalaman.
- vi. Meningkatkan perkongsian pintar Kerajaan Swasta dalam pendidikan prasekolah.
- vii. Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan.

(Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pengurusan KPM, 2010).

Pelaksanaan laporan ini, menghendaki guru untuk melakukan peningkatan kualiti dalam pengajaran, khususnya guru yang khusus dalam sesuatu bidang kepakaran. Tujuan utamanya adalah untuk memantapkan penguasaan pedagogi dan kualiti penyampaian pendidikan terhadap murid dalam bilik darjah (Norismayanti Aida & Anida, 2013). Dengan pengetahuan pedagogi, guru dikehendaki memanfaatkan kemahiran pedagogi bagi meningkatkan penguasaan murid terhadap isi kandungan kurikulum. Selain itu, pengajaran yang inovatif dan penilaian pembelajaran yang berterusan dapat mengukur potensi kognitif, sosialisasi dan psikomotor murid pelbagai.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan elemen utama dalam pembentukan kurikulum pendidikan di Malaysia. Kewujudannya membentuk

kurikulum prasekolah yang bertujuan melahirkan murid berakhlak mulia, pelbagai pengetahuan, berkemahiran, bertanggungjawab, berketerampilan, berkeupayaan membentuk diri dan keluarga, masyarakat serta negara yang sejahtera (KPM, 2010).

Matlamat diwujudkan prasekolah adalah bertujuan menyatupadukan pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik, bahasa, agama dan gender (Yong Hie Hie et al, 2018; Saporito & Riper 2016). Persekitaran sekolah yang mengumpulkan pelbagai etnik murid dapat membina persefahaman antara kaum. Hal ini berlaku, kerana sering terdapat penambahbaikan pengetahuan dan perubahan kurikulum yang berfokuskan pembangunan minda murid (Jacobsen, Frankenberg & Lenhoff, 2012).

Sebagai pusat institusi pendidikan, prasekolah dilihat sebagai tempat yang dapat menyemai amalan perpaduan etnik dengan secara bermakna. Usaha penting menyemai nilai murni yang berkaitan dengan perpaduan ini, mesti di mulakan di peringkat awal prasekolah (Yong Hie Hie et al, 2018; Lee, 2009). Di peringkat ini, murid prasekolah mudah diasuh dan dibentuk tentang amalan nilai murni berkaitan perpaduan etnik. Dalam hubungan ini, perkembangan awal murid prasekolah bermula dengan pembentukan diri iaitu murid telah mula mengetahui tentang etnik, ruang masa dan latar belakang sejarah (Rohaty, Salasiah & Elis Johannes, 2011). Apabila proses ini telah meresap dalam kehidupan rutin murid prasekolah, maka kemahiran murid prasekolah semakin berkembang untuk menerokai kepelbagaian sosiobudaya dan sosio ekonomi rakan di persekitarannya. Impak perubahan positif ini akan mengeratkan hubungan sosial antara etnik akan lebih berkembang jika proses sosialisasi tersebut dimulakan lebih awal ketika di prasekolah lagi.

Pengajaran di prasekolah merupakan tempat yang penting bagi perkembangan dan pembentukan perpaduan murid yang pelbagai. Berdasar KSPK (KPM, 2012), Perkembangan bermaksud aspek pendidikan diberikan untuk meningkatkan prestasi

murid dalam aspek merangkumi fizikal, emosi, rohani dan intelek. Bagi pembentukan perpaduan pula, pendidikan yang diterapkan adalah proses permuafakatan yang melibatkan agama, etnik, budaya dan sosialisasi yang dilalui oleh murid prasekolah. Berdasarkan kepentingan dua elemen ini, maka KPM telah mewujudkan dan melaksanakan kurikulum prasekolah secara berperingkat bertujuan membina perkembangan murid yang holistik bagi menghadapi cabaran negara yang pelbagai.

Kurikulum prasekolah penting peranannya di peringkat sekolah. Isi kandungan kurikulum yang terkandung di dalamnya merupakan asas bagi pembentukan generasi muda membina sistem negara bangsa (Yong Hie Hie et.al, 2018). Pendapat ini, selari dengan kajian Ku Hasnita (2007) yang menyatakan bahawa pendidikan adalah kunci utama kepada perpaduan dan keamanan. Aspek ini jelas dilihat melalui konsep sosialisasi yang diterapkan dalam kurikulum. Murid dilatih melalui proses pembentukan seorang warganegara yang bersatu padu. Murid didedahkan untuk belajar dengan peranan mereka, nilai kemasyarakatan dan standard yang diperlukan untuk menyertai dalam institusi sosial (Yong Hie Hie et.al, 2018).

Penghayatan nilai murni merupakan satu polisi pendidikan negara yang boleh memberikan keseimbangan dalam pembangunan sosio ekonomi dan sosial dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia (Yong Hie Hie et.al, 2018; Zaliza & Norlin 2009). Pendidikan anti bias yang mengutamakan guru menekankan nilai murni di sekolah penting sebagai penggerak utama dalam pembentukan murid. Peranan pihak sekolah dan guru dalam menerapkan APAB dalam kalangan murid adalah lebih utama berbanding dengan institusi lain. Ini kerana murid menerima pendidikan secara formal dan sistematik di prasekolah (Abd Rahim, 2001). Guru di sekolah mempunyai kelebihan untuk mempengaruhi kefahaman murid dan persepsi yang positif tentang APAB. Hal ini demikian kerana guru merupakan insan istimewa yang diberi

kepercayaan berinteraksi dengan murid di sekolah tentang budaya pelbagai etnik di sekolah amat relevan selepas ibu bapa di rumah. Dalam konteks ini, pengetahuan interaksi guru perlu sentiasa dikembangkan bagi menerapkan nilai budaya daripada pelbagai kaum dalam bilik darjah supaya pelajar dapat mengenali dan memahami budaya pelbagai kaum di Malaysia.

Pembinaan kurikulum prasekolah dirancang secara bersepadu melalui pendekatan yang holistik iaitu melibatkan Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Murid. Amalan ini merupakan suatu pendekatan yang mengutamakan guru untuk mahir menggunakan kaedah pengajaran yang selari dengan peringkat kecergasan fizikal, kecerdasan intelek, potensi bakat serta minat murid.

Dalam bilik darjah, pendekatan kurikulum yang diamalkan adalah berfokus kepada hasil pembelajaran (outcome-based learning). Pengajaran guru memberi fokus kepada pengetahuan yang murid perlu tahu, faham dan laksanakan serta amalkan. Proses ini berlaku implikasi daripada proses pengajaran guru dan pembelajaran murid dalam bilik darjah. Hal ini kerana, aktiviti pembelajaran memberi fokus kepada apa yang harus dicapai dan diperolehi murid dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, kurikulum prasekolah sentiasa dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perubahan cabaran semasa. Berdasarkan kepada Seksyen 15, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Pendidikan Prasekolah telah dimasukkan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2013). Bermula dengan Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah (KPM, 1993) yang berfungsi sebagai panduan kepada pengajaran guru prasekolah di dalam kelas. Antara objektif utama kurikulum ini ialah semangat sayangkan negara; mengamalkan nilai Islam dan nilai mumi; membentuk konsep diri yang positif, memupuk semangat bergaul, hormat menghormati, bekerjasama, menghargai hak dan kebolehan orang lain.

Sementara Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2003) dibina untuk menggantikan Garis Panduan Kurikulum Pendidikan prasekolah. Kurikulum ini menyediakan pengalaman dan kemahiran murid berusia 4-6 tahun sebelum murid masuk ke Tahun Satu di sekolah formal (KPM, 2003). Dalam kurikulum ini, pendidikan prasekolah antara lain memfokuskan objektif membentuk sifat peribadi, berwatakan dan konsep sendiri yang positif; bahasa sebagai komunikasi utama; mengamalkan nilai Islam dan nilai murni; keseimbangan bagi kemahiran emosi, kognitif dan sosial.

Manakala dalam KSPK (KPM, 2010, 2012) dilengkapi dengan kemahiran yang selari dengan keperluan murid ke tahun satu. Kurikulum ini dilaksanakan bagi menggantikan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Dalam kurikulum baharu ini, fokus pembelajaran yang disediakan berpusatkan murid prasekolah dan aktiviti pengajaran yang mendidik murid menyelesaikan masalah serta membuat keputusan. Berikut adalah penerangan tentang KSPK:

### **2.3 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)**

Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2010), merupakan dokumen rujukan standard yang perlu dipatuhi oleh semua pengelola atau pengusaha tadika. Dokumen standard ini dijadikan parameter untuk mengukur kemahiran dan pencapaian murid dalam bilik darjah. Di dalamnya mengandungi pengisian pengajaran guru dan pembelajaran minimum yang perlu dilaksanakan di semua institusi melibatkan prasekolah di Malaysia (Rosmah & Mariani, 2017).

KSPK dibentuk berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara (KPM, 2010). Kedua-dua falsafah ini dijadikan isi kandungan utama dalam setiap aktiviti melibatkan perkembangan murid yang pelbagai. Dalam hal ini, fokus utama guru adalah menjadikan sekolah sebagai tempat asas sumber penerapan



semangat perpaduan di antara etnik yang berlainan. Perpaduan yang lebih erat, saling hormat menghormati dan menikmati kemakmuran negara secara adil dan saksama diharapkan dapat dicapai sebaik mungkin. Selain itu juga kurikulum dijadikan fokus untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan yakin. Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya (KPM, 2012).

Secara umum, isi kandungan kurikulum ini masih mengekalkan minat dan penguasaan bahasa murid prasekolah untuk dipertingkatkan. Tujuan isi kandungan ini dipertingkatkan adalah untuk membolehkan mereka mengukur kebolehan, keupayaan dan lebih bersedia menerokai persekitaran pembelajaran secara efektif (KPM, 2012). Murid difokuskan untuk melihat diri dengan aktif, menyelesaikan masalah secara kreatif dan kritis serta suka mencipta sesuatu yang baharu khasnya melibatkan kemahiran.

Tunjang bahasa diletakkan sebagai kunci utama dalam kerangka KSPK. Bahasa menjadi asas utama kepada keberhasilan tunjang-tunjang pembelajaran yang terkandung dalam KSPK (KPM, 2012). Di dalam bilik darjah, bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi yang menyatukan semua etnik sesuai dengan perlembagaan Malaysia. Manakala Bahasa Cina, India dan bahasa etnik lain turut dihormati sebagai bahasa kedua yang berperanan mengekalkan etnik masyarakat majmuk.

Bahasa merentasi semua tunjang pembelajaran kerana penguasaan bahasa di kalangan murid merupakan kata kunci kepada proses pembelajaran. Melalui bahasa murid berinteraksi dengan rakan yang berlainan dialek bahasa, berbeza etnik, berkongsi amalan budaya, amalan agama dan merapatkan perbezaan hubungan yang wujud. Namun jika murid tidak memahami dan menguasai bahasa rasmi atau bahasa

etnik maka mereka mengalami kesukaran untuk menguasai pembelajaran dalam bilik darjah.

### **2.3.1 Matlamat KSPK**

Matlamat utama KSPK adalah memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan, serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya (KPM, 2012).

### **2.3.2 Objektif KSPK**

Di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), terkandung beberapa objektif utama yang menjadi fokus kepada kemenjadian murid prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun. Antara objektif tersebut adalah bertujuan membangunkan murid prasekolah dalam aspek jasmani, emosi, intelek, rohani dan sosial (KPM, 2012). Perkara ini dijelaskan seperti berikut:

- i. Dari segi jasmani, murid mempunyai tubuh badan yang sihat, fizikal cergas, menjaga kesihatan dan langkah-langkah menjaga keselamatan, menguasai kemahiran psikomotor asas seperti kemahiran motor halus dan motor kasar.
- ii. Dari segi emosi murid mempunyai konsep sendiri yang positif, keyakinan diri, jati diri, berani mencuba, mempunyai kematangan emosi,

- menghormati perasaan dan hak orang lain, boleh bekerja secara bersendirian dan juga bekerja secara berkumpulan.
- iii. Dari segi intelek dapat berkomunikasi dengan baik (membaca, menulis dan bertutur) menggunakan bahasa Malaysia, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Cina dan Tamil (untuk yang berkenaan), memperoleh kemahiran proses sains dan matematik asas, memperoleh kemahiran berfikir asas, kemahiran menaakul dan kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian murid, mempunyai daya kreatif dan estetika, menghargai keindahan alam dan warisan budaya.
  - iv. Dari segi rohani dapat mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
  - v. Dari segi sosial, murid berkebolehan berkomunikasi dengan mantap, membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya, menyuarakan pandangan dan perasaan dan bekerjasama dengan orang lain.

### **2.3.3 Prinsip KSPK**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2010), menggariskan beberapa prinsip yang diambil kira dalam penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Antara prinsip utamanya ialah reka bentuk kurikulum, kesinambungan kurikulum dan pendekatan kurikulum (Rosmah & Mariani, 2017; Nor Fauzian & Fauziah Hanim, 2016; Majid et.al, 2012). Perkara tersebut dihuraikan seperti berikut iaitu:

- i. Reka bentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular dan berkisar pada enam tunjang utama yang diterapkan secara berterusan dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah.
- ii. Mengutamakan keperluan kurikulum tersebut bagi memastikan kesinambungan antara KSPK dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berlaku.
- iii. Prinsip Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Murid dan Teori Pembelajaran Murid dikekalkan dalam KSPK. Amalan yang Bersesuaian dengan Perkembangan murid adalah satu pendekatan yang menekankan kepada penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan, bakat serta minat murid. Pendekatan kurikulum yang berfokus kepada hasil pembelajaran (outcome-based learning) memberi penekanan kepada apa yang murid perlu tahu, faham dan buat serta amalkan hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna aktiviti pembelajaran memberi penekanan kepada apa yang harus di perolehi dan dicapai oleh murid.

#### **2.3.4 Pelaksanaan KSPK Dalam Bilik Darjah**

Berpandukan KSPK, terdapat beberapa elemen utama yang ditekankan kepada guru dalam pelaksanaan pengajaran di bilik darjah (Nor Fauzian & Fauziah Hanim, 2016; KPM, 2010). Elemen penting tersebut di huraikan seperti di bawah;

- i. Menggabungkan prinsip pendidikan holistik yang berorientasikan kepada hasil pembelajaran yang menyeluruh, bersepadu, seimbang, berkesinambungan dan merangkumi pelbagai aspek penting.

- ii. Menekankan fleksibiliti dan kesepaduan dalam proses pengajaran dengan mengambil kira latar belakang murid yang berbeza. Melalui proses ini, murid diberi peluang untuk menguasai dan memperolehi ciri-ciri seperti kecekapan berbahasa dan berkomunikasi; kemahiran berfikir; berakhlak mulia dan beretika; berkeyakinan dan berdisiplin; sihat dan cergas, berimajinatif, kreatif dan ekspresif. Berbekalkan kecekapan dan kemahiran di atas, murid sudah bersedia untuk ke sekolah rendah. Kesiediaan murid ke Tahun Satu amat bergantung kepada pendedahan asas yang dibina di peringkat prasekolah.
- iii. Mentakrifkan penggunaan bahasa Malaysia, Inggeris, Tamil dan Mandarin sebagai bahasa instruksional yang menghubungkan murid yang pelbagai. Dalam pengertian lain, bahasa merentas semua tunjang yang terdapat dalam KSPK. Penekanan diberi kepada bahasa merentas semua tunjang kerana penguasaan bahasa amat penting dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran bahasa di perolehi melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa akan membantu murid berfikir, memahami sesuatu konsep, berimajinasi, melahirkan idea, berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.
- iv. Mengutamakan aktiviti yang menggalakkan pemahaman budaya serta aktiviti pelbagai bangsa. Fokus utamanya adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi

kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

- v. KSPK dibangunkan berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Tujuan utama penetapan standard adalah untuk ekuiti dan kualiti. Ekuiti membawa maksud semua murid diberi peluang pendidikan yang sama. Manakala kualiti membawa maksud bahawa semua murid perlu diberi pendidikan yang berkualiti. Standard Kandungan merupakan pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan. Perkara ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.
- vi. Modul Asas dan Modul Bertema diutamakan dalam pengajaran. Modul Asas terdiri daripada Komponen Bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil), Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Permainan Luar dan Matematik. Waktu yang khas diperuntukkan untuk pengajaran setiap komponen ini. Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang merangkumi unsur-unsur dalam keenam-enam Tunjang dan juga unsur kreatif, kritis dan inovatif. Modul Bertema dibina menggunakan isu kehidupan seharian kanak-kanak.

### **2.3.5 Pendekatan Pengajaran**

Di dalam KSPK terdapat beberapa pendekatan pengajaran yang dicadangkan bersesuaian dengan tahap perkembangan murid di kelas prasekolah. Antaranya ialah Pendekatan Main Sambil Belajar, Pendekatan Bersepadu, Pendekatan Pengajaran Bertema dan Pendekatan ICT (KPM, 2012,

2010; Sharifah Nor & Aliza, 2011). Berikut diterangkan pendekatan pengajaran tersebut;

- i. Pendekatan Main Sambil Belajar. Pendekatan main sambil belajar merupakan aktiviti yang dilaksanakan secara spontan yang bertujuan menarik minat murid untuk menerokai pembelajaran. Main di sini berperanan sebagai sumber kekuatan daya cipta, kestabilan emosi, sahsiah, perkembangan sosial dan intelek. Pusat Perkembangan Kurikulum menambah, belajar melalui bermain adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang bebas dan selamat, menggembirakan dan bermakna. Terdapat 4 jenis permainan yang kerap dipersembahkan murid di kelas prasekolah. Pertama, permainan 'solitary' iaitu murid secara bersendirian bermain secara bebas. Kedua, permainan 'parallel' iaitu murid bermain bebas secara bersendirian walaupun berhampiran dengan kumpulan rakan sebaya. Ketiga, permainan 'associative' iaitu murid bermain secara bersendirian bersama rakan sebaya lain dalam aktiviti yang sama tetapi masih tidak menunjukkan minat menyertai aktiviti kumpulan. Keempat, permainan 'cooperative' iaitu murid bersedia berkongsi main bersama rakan sebaya yang berlainan saiz fizikal, jantina, etnik, agama, budaya dan status sosial.
- ii. Pendekatan Bersepadu. Pendekatan pengajaran ini, melibatkan gabung jalin di antara dua atau tiga kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid dalam satu masa. Pendekatan ini bertujuan membantu murid memahami tugas dan meningkatkan kemahiran dengan lebih berkesan. Selain itu, guru hendaklah menggunakan pengalaman seharian murid yang pelbagai

dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Impak pendekatan ini, mempercepatkan proses penguasaan pengetahuan, konsep, kemahiran, dan amalan nilai murni.

- iii. Pendekatan Bertema. Pengajaran ini dikenali sebagai tematik, iaitu melibatkan pemilihan tema-tema tertentu. Pendekatan bertema melibatkan kemahiran guru dalam memilih bahan bantu mengajar, teknik dan aktiviti yang selari dengan konsep atau tema. Pendekatan ini menjadi sumber utama yang menghubungkan murid dengan kandungan mata pelajaran.
- iv. Pendekatan ICT. Pendekatan ini mendedahkan murid untuk menerokai komputer secara terperinci. Pengajaran ICT memerlukan guru untuk mengajar mengikut urutan langkah yang betul bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan murid. Pendekatan ICT mempunyai kelebihan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran, mencari maklumat, mencipta kreativiti dan meningkatkan pengetahuan dalam pembelajaran.




## 2.4 Kerangka Teori Kajian

Setiap kajian memerlukan kerangka teori yang kukuh. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga teori utama iaitu Teori Ekologi Pembangunan Manusia; Teori dan Model Pelbagai Budaya; dan Teori Al Ghazali sebagai asas kepada pengkajian. Tujuan utama pemilihan teori ini, sebagai satu panduan, pengetahuan dan pemahaman kepada penyelidik untuk menerokai APAB.

Aplikasi daripada teori ini meletakkan faktor persekitaran, reformasi pendidikan dan amalan pendidik mengembangkan APAB dalam pengajaran. Ini diperjelaskan lagi dengan kedudukan anak panah yang saling berhubungan dan menjelaskan perkaitan teori tersebut. Selain itu, berasaskan daripada teori yang dijadikan pegangan, penyelidik menguji kebenaran teori melalui tujuan kajian, objektif kajian, dan soalan kajian yang telah dibina. Perkara ini dapat dirujuk kepada Rajah 2.1

Aplikasi daripada teori ini meletakkan faktor persekitaran, reformasi pendidikan dan amalan pendidik mengembangkan APAB dalam pengajaran. Ini diperjelaskan lagi dengan kedudukan anak panah yang saling berhubungan dan menjelaskan perkaitan teori tersebut. Selain itu, berasaskan daripada teori yang dijadikan pegangan, penyelidik menguji kebenaran teori melalui tujuan kajian, objektif kajian, dan soalan kajian yang telah dibina.




Rajah 2.1. Kerangka Teori Kajian

#### 2.4.1 Teori Ekologi Pembangunan Manusia

Dalam kajian ini, Teori Ekologi Pembangunan Manusia oleh Bronfenbrenner (1979, 1986, 1992) merupakan asas utama mendorong penyelidik memfokuskan kajian kepentingan peranan guru dalam melaksanakan APAB di bilik darjah. Teori ini menumpukan pengaruh sosiobudaya terhadap perkembangan murid-murid. Teori ini menjelaskan bahawa perkembangan murid dan perilaku mereka dipengaruhi oleh

persekitaran sosialnya dan ianya berlaku pada satu sistem yang kompleks dan interaktif (Nicole et.al, 2017; Abdul Razak, 2011). Bronfenbrenner (1979, 1986, 1992, 2017) menggunakan konsep ekologi untuk menunjukkan perhubungan antara murid dengan persekitaran fizikal dan sosial yang terdekat. Aspek ini jelas dilihat melalui amalan pendidikan yang diterima murid melalui ibu bapa di rumah dan guru di sekolah.



Rajah 2.2. Pecahan Sistem Yang Mempengaruhi Ekologi Manusia (Adaptasi: Abdul Razak, 2011)

Teori ini, mengemukakan lima aspek persekitaran berdasarkan Rajah 2.2 di atas. Aspek persekitaran yang mampu mempengaruhi perkembangan murid iaitu *Mikrosistem*, *Mesosistem*, *Ekosistem*, *Makrosistem* dan *Kronosistem* (Bronfenbrenner, 1979).

Dalam usaha memahami teori Bronfenbrenner (1979, 1986, 1992), Vélez-Agosto et.al., (2017) menjelaskan bahawa murid prasekolah diletakkan di tengah bulatan yang berada di tengah-tengah kesemua bulatan. Kedudukan murid dalam objek bulatan ini seperti persekitaran sarang. Murid mengawal pelbagai sistem yang berada di pusat sarang, dikelilingi oleh lapisan-lapisan

yang mengandungi individu-individu dan kumpulan individu pada setiap lapisan.

Aplikasi teori ini menjelaskan bahawa perkembangan manusia banyak dipengaruhi oleh persekitaran. Persekitaran rumah merupakan persekitaran yang paling hampir dengan perkembangan murid prasekolah. Melaluinya, murid dapat diasuh dengan amalan murni, pencegahan dan adat resam yang bermakna (Abdullah Nasih, 2008; Zahyah, 2008). Secara prinsipnya, teori ini mengaplikasikan dua perkara penting ke atas golongan dewasa. Pertama, murid dalam kajian ini perlu dilayan dengan kasih sayang. Kedua, motivasi yang berterusan dan ruang masa yang berharga ke atas murid adalah penting bagi perkembangan yang sempurna.

Ibu bapa, guru, dan keluarga hampir yang mempunyai hubungan rapat bersama anak diletakkan dalam gelung yang di panggil *Mikrosistem*. Pertembungan hasil didikan di antara ibu bapa, guru dan keluarga hampir ini saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Jika perkongsian hubungan tersebut terjalin secara positif maka meninggalkan perilaku yang positif ke atas perilaku dan pencapaian pembelajaran (Mariani & Hamidah, 2014). Namun jika perkongsian perhubungan melalui pendidikan dan sahsiah murid yang negatif maka memberi kesan negatif kepada murid (Fonny & Zahari, 2012; Zahyah, 2008) dan sistem pendidikan yang sedia ada (Chee, 2011).

Mesosistem merupakan gelung yang menjelaskan perhubungan di antara keluarga dengan sistem lain. *Mesosistem* ini terbentuk hasil interaksi di kalangan ahli *mikrosistem* (Vélez-Agosto et.al, 2017; Bronfenbrenner, 1986). Situasi ini membantu mengembangkan penyertaan dan perhubungan di antara latar hubungan anak serta persekitaran. Ini meliputi perkaitan di antara

*mikrosistem* seperti sekolah, rumah, pusat jagaan kanak-kanak dan jiran yang membentuk perkembangan murid prasekolah.

Ekosistem pula merujuk kepada latar belakang sosial yang memberi kesan kepada perkembangan murid prasekolah. Ianya merupakan lapisan ketiga yang mengelilingi *Mesosistem*. *Ekosistem* memberi impak yang kuat dalam perkembangan murid. Murid menerima perkembangan yang cepat apabila mempunyai ahli keluarga asas dan keluarga kembangan yang besar.

Makrosistem pula merupakan lingkungan lapisan keempat yang meliputi amalan, nilai murni dan institusi budaya yang sempurna serta diterima oleh masyarakat. Lapisan ini mengandungi beberapa faktor yang boleh mempengaruhi dan membantu murid. Jika ibu bapa menekankan nilai murni dan budaya yang bertatasusila dalam mendidik murid maka amalan ini dibawa ke sekolah. Namun jika ibu bapa yang bersikap negatif dan kerap tidak menghormati budaya lain maka amalan *bias* akan muncul. Oleh itu juga, peranan guru sebagai ibu bapa kedua di sekolah turut membantu mengubah persekitaran murid.

Kronosistem pula merujuk kepada pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran di sepanjang hayat (Vélez-Agosto et.al, 2017; Bronfenbrenner, 1979). *Kronosistem* melibatkan perubahan yang berkaitan dengan persekitaran murid yang mana ianya menghasilkan situasi baru yang memberi kesan terhadap perkembangan. Di dalam dunia murid, ianya adalah peristiwa penting seperti kehilangan ahli keluarga dan persaraan guru yang disayangi akan mengubah kehidupan mereka.

Teori ekologi memberi implikasi kepada alam belajar di sekolah dan persekitaran murid di luar bilik darjah. Pelaksanaannya membolehkan guru

memperluaskan fokus pengajaran kepada persekitaran murid meliputi keluarga, rakan sebaya, jiran, amalan budaya, sosial dan sebagainya.

Universiti Malaya

#### **2.4.2 Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya**

Model Pendidikan Pelbagai Budaya diasaskan oleh James A. Banks (1994, 2002, 2008, 2010). Secara umumnya, model ini merupakan suatu pergerakan pembaharuan yang berusaha mengubah struktur kurikulum, persekitaran dan struktur pentadbiran secara holistik. Model ini, mempunyai pendekatan dengan membuat analisis dan mencadangkan penambahbaikan kepada kekurangan, kegagalan serta diskriminasi dalam aspek pendidikan khasnya kurikulum.

Tugas utama sektor pendidikan difokuskan kepada mendidik dan membimbing murid. Penekanan kepada proses kemahiran menaakul dan kemahiran menterjemahkan dianggap amat penting (Banks, 2002). Model ini juga, membentuk konsep kajian yang membincangkan tentang bahasa, kelas sosial, gender, kaum, bangsa, budaya, dan kurang upaya (Banks, 2008). Ianya menolak pertentangan etnik dan sebarang bentuk diskriminasi dalam masyarakat dan sekolah. Namun, model ini mempersetujui dan menggalakkan perkembangan yang berteraskan percampuran bahasa, agama, etnik, gender, ekonomi, dan perbezaan yang wujud di kalangan masyarakat, komuniti dan warga sekolah.

Dalam model ini, guru diletakkan sebagai instrumen utama perubahan sosial yang membentuk kesedaran dalam masyarakat pelbagai latar belakang budaya. Dalam pengajaran, guru mengutamakan pendekatan pengajaran 'Pedagogi Responsif Budaya' yang diperkembangkan, bersandarkan rujukan dan prestasi murid pelbagai etnik. Tujuan utamanya, untuk menjadikan proses pengajaran guru dalam bilik darjah lebih relevan dan berkesan (Siti Zuraida, 2014). Sebagai tugas guru, murid perlu diperingatkan untuk menganalisis

pengetahuan pelbagai yang diterima sesuai dengan kepentingan persekitaran. Menurut Banks dan Banks (2010) mencadangkan antara amalan yang boleh dilakukan untuk melaksanakan pendidikan kepelbagaian budaya adalah; Pertama, integrasi kandungan (content integration). Kedua, proses pembinaan kemahiran atau ilmu (the knowledge construction process) pada peringkat ini guru perlu membantu murid bagaimana untuk memahami, menyelidik dan menentukan budaya yang tersirat, perspektif dan bias yang terdapat antara disiplin ilmu yang telah dibina.

Dalam aspek murid, 'Pendidikan Pelbagai Budaya' adalah satu sistem pendidikan yang menekankan bahawa setiap murid berhak mendapat peluang pendidikan sama tanpa mengira jantina, kelas sosial, kelas ekonomi, etnik, kaum, budaya, bahasa pertuturan dan agama (Banks & Banks, 2010). Murid perlu dilatih untuk mencerap sejarah masa lalu dan menerokai perubahan sejarah (Afrizal, 2012). Murid harus dilatih berfikiran kritis dengan menterjemahkan pengetahuan, personaliti dan memiliki komitmen yang tinggi untuk bersifat adil.

Dalam hubungan ini, Banks & Bank (2010) menjelaskan bahawa Pendidikan Pelbagai Budaya mempunyai 10 elemen penting yang boleh dibahagikan seperti di bawah:


- a. Menimbulkan kesedaran dalam kalangan ahli masyarakat tentang keunikan budaya etnik lain.
- b. Mendedahkan murid tentang budaya-budaya etnik
- c. Memberikan murid kemahiran, sikap dan pengetahuan yang diperlukan dalam interaksi intra dan inter etnik.



- d. Mengurang dan menghapuskan diskriminasi terhadap etnik tertentu sama ada di sekolah atau dalam masyarakat ekoran perbezaan yang wujud antara mereka melibatkan aspek kaum, fizikal dan ciri-ciri budaya.
- e. Membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca, menulis dan penggunaan teknologi maklumat
- f. Membantu murid meningkatkan lagi kecekapan untuk menghadapi situasi silang budaya dalam masyarakat majmuk.
- g. Melakukan transformasi terhadap sekolah agar pelajar istimewa, pelajar berlainan jantina, budaya, kelas sosial dan kumpulan etnik mendapat peluang dan pengalaman yang sama rata dalam proses pembelajaran.
- h. Membantu murid membina sikap yang lebih positif terhadap perbezaan budaya, kaum, bahasa dan agama antara mereka.
- i. Membantu murid meningkatkan keyakinan diri bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.
- j. Membantu membangunkan kemahiran menyatakan pendapat dan pendirian di samping kemahiran menerima pendapat yang berbeza daripada pihak lain.

Pendidikan Pelbagai Budaya mengandungi lima dimensi (Anna Christina, 2012; Banks & Banks, 2010; Bank, J.A., 2002) konsep utama iaitu integrasi kandungan, pembinaan pengetahuan, pengurangan prejudis, memperkasakan budaya sekolah dan pedagogi ekuiti. Semua dimensi ini boleh diaplikasikan oleh guru dalam melaksanakan dan mengakses maklumat kepada pengajaran pendidikan pelbagai budaya.

Berdasarkan Rajah 2.3, dijelaskan bahawa 'Dimensi Integrasi Kandungan' adalah keadaan di mana guru menggunakan maklumat daripada sumber pelbagai budaya untuk menerangkan konsep-konsep utama, prinsip-prinsip dan teori mengenai subjek dan disiplin dalam pengajaran pelbagai budaya. 'Dimensi Pembinaan Pengetahuan' pula menjelaskan tentang bagaimana penyusunan dan pengetahuan dibina. Dalam konteks ini, guru membantu murid memahami bagaimana pengetahuan, kedudukan kelas sosial seseorang individu, amalan budaya, amalan prejudis dan sesebuah kumpulan masyarakat membentuk disiplin diri.



Rajah 2.3. Lima Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya (Adaptasi: Anna Christina Abdullah, 2012)

Dimensi ketiga iaitu ‘Pengurangan Prejudis’ iaitu menerangkan kecenderungan ciri-ciri sikap perkauman murid di mana strategi tertentu boleh digunakan sebagai suatu kekuatan yang membantu murid membangunkan nilai dan sikap yang lebih demokratik. Dimensi empat, ‘Pedagogi Ekuiti’ iaitu wujud apabila guru menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang dapat merangsang peningkatan pencapaian akademik murid dalam kalangan pelbagai kelas sosial, etnik, budaya dan ras. Ini termasuklah penggunaan gaya mengajar yang berdasarkan persekitaran budaya.

Dimensi kelima, ‘Memperkasa Budaya Dan Struktur Sekolah’. Ini menjelaskan tentang proses membentuk semula budaya dan organisasi sekolah

supaya murid dalam kalangan pelbagai kumpulan sosial, budaya, etnik dan ras memperoleh pengalaman pendidikan dan pemeraksanaan yang saksama.

Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya dapat dirumuskan sebagai suatu kesedaran tentang hak-hak asasi manusia, keanekaragaman budaya serta pengurangan atau penghapusan jenis prasangka atau prejudis untuk suatu kehidupan masyarakat yang adil dan maju. Pendidikan Pelbagai Budaya juga dapat dijadikan instrumen strategik untuk mengembangkan kesedaran atas kebanggaan seseorang terhadap negaranya.

Dimensi ketiga iaitu 'Pengurangan Prejudis' iaitu menerangkan kecenderungan ciri-ciri sikap perkauman murid di mana strategi tertentu boleh digunakan sebagai suatu kekuatan yang membantu murid membangunkan nilai dan sikap yang lebih demokratik. Dimensi empat, 'Pedagogi Ekuiti' iaitu wujud apabila guru menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang dapat merangsang peningkatan pencapaian akademik murid dalam kalangan pelbagai kelas sosial, etnik, budaya dan ras. Ini termasuklah penggunaan gaya mengajar yang berdasarkan persekitaran budaya.

Dimensi kelima, 'Memperkasa Budaya Dan Struktur Sekolah'. Ini menjelaskan tentang proses membentuk semula budaya dan organisasi sekolah supaya murid dalam kalangan pelbagai kumpulan sosial, budaya, etnik dan ras memperoleh pengalaman pendidikan dan pemeraksanaan yang saksama.

Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya dapat dirumuskan sebagai suatu kesedaran tentang hak-hak asasi manusia, keanekaragaman budaya serta pengurangan atau penghapusan jenis prasangka atau prejudis untuk suatu kehidupan masyarakat yang adil dan maju. Pendidikan Pelbagai Budaya juga

dapat dijadikan instrumen strategik untuk mengembangkan kesedaran atas kebanggaan seseorang terhadap negaranya.

### **2.4.3 Teori Al-Ghazali**

Dalam perspektif Islam, pengajaran dalam pendidikan awal bermula dari masa murid berada di dalam kandungan ibu. Hal ini merupakan suatu proses amalan mengasuh, mendidik, melatih, menyucikan, memulihara, membentuk jati diri, mengurus akhlak, membentuk ketaatan kepada Allah SWT serta memadamkan semua sifat tercela yang terkandung dalam diri manusia.

Cendekiawan Islam menjelaskan bahawa aspek pendidikan merupakan suatu proses ibadah mulia yang menjurus kepada amalan kebaikan (Al-Ghazali, 2010). Proses ini telah bermula daripada saat kejadian manusia sehinggalah ke akhir hayat. Oleh itu, setiap murid hendaklah sentiasa dididik dengan betul dari peringkat awal sehinggalah mencapai dewasa (Fonny & Zahari, 2012; Abdullah Nasih, 2008; Kamarul Azmi & Ab.Halim, 2007). Asuhan yang sempurna sejak peringkat awal membentuk murid yang seimbang dengan akhlak yang sempurna. Amalan ini merupakan tunjang penting dalam pengamalan akidah Islam sebenar.

Islam mewajibkan umatnya supaya menjalin hubungan dengan sesama umat manusia tanpa mengira latar belakang, agama, etnik dan sosio ekonomi (Al-Ghazali, 2010). Ajaran Islam menegaskan bahawa perbezaan dalam kalangan manusia bukan merupakan satu halangan bagi mereka untuk saling berkenal-kenalan, saling bantu-membantu dan saling berkasih sayang di antara mereka (Halipah, 2016; Abdullah Nasih, 2008). Malahan Islam turut mengiktiraf kepelbagaian etnik dan memandang positif terhadap kepelbagaian tersebut. Perkara ini diterangkan menerusi firman Allah S.W.T. yang berikut:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang lebih takwanya antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah al-Hujuraat, 49:13*

Dalam huraian ayat di atas, Allah S.W.T. menyeru kepada sekalian umat manusia saling hormat-menghormati, supaya saling berkenalan dan mencegah umat manusia daripada bersikap sombong serta berbangga dengan darjat keturunan (Salahuddin & Omar, 2009). A-Ghazali (2010), memperingatkan manusia bahawa agama Islam mengajar umat manusia menerokai persekitaran umat untuk saling mengenali dan secara nyata menolak sebarang bentuk perkauman, perbezaan bentuk fizikal, perbezaan latar belakang ekonomi, kefahaman agama dan kedudukan dalam masyarakat yang merosakkan.

Dalam Islam, Rasulullah SAW sebagai guru yang paling agung. Baginda adalah insan istimewa yang telah menggunakan penerokaan pelbagai ilmu untuk disampaikan kepada pelbagai manusia ketika memberikan pendidikan kepada para sahabat dan mereka yang baharu mempelajari Islam pada zaman baginda (Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2015; Abu Ghudah, 2009). Baginda Rasulullah SAW cukup meraikan perbezaan setiap individu yang belajar sama ada golongan yang disampaikan seruan dakwah atau yang bertanya ((Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2015; Abu Ghudah, 2009)). Baginda berinteraksi dengan setiap individu berdasarkan kefahamannya dan bersesuaian dengan kedudukannya. Baginda juga menjaga perasaan orang yang baru belajar, Rasulullah SAW tidak mengajarkan kepada mereka apa yang diajarkan kepada golongan yang telah lama. Pendekatan yang digunakan oleh imam-imam As-

Syafae, Malik, Ahmad bin Hambal, Abu Hanifah dan Al-Ghazali kesemuanya berdasarkan pendekatan yang telah digunakan oleh Rasulullah SAW ((Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2015; Abu Ghudah, 2009)).

Teori Al-Ghazali meletakkan Allah sebagai pencipta yang Maha Agung dan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pendidik yang paling mulia. Dalam teori Al-Ghazali, kejayaan pendidik diukur melalui hubungan erat guru terhadap anak didiknya. Guru ditekankan kepada 5 amalan murabbi iaitu beriman, berilmu, beramal, bijaksana dan adil. Ini dapat dijelaskan seperti berikut:

#### **2.4.3.1 Beriman**

Iman dari segi bahasa ialah menerima dengan penuh yakin penyampaian seseorang kerana kepercayaan terhadapnya. Imam al-Ghazali (Al Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008) menyatakan iman sebagai amalan berteraskan Al-Quran dan Hadis. Amalan ini diiringi dengan pengakuan dengan lidah, membenarkan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan perbuatan. Pendidik dalam hal ini, berperanan membimbing dan memperkembangkan kepada murid keyakinan yang benar terhadap Allah, nabi dan rasul, malaikat, kitab-kitab yang diturunkan, qadha dan qadar dan hari qiamat. Selain itu, pendidikan berlandaskan iman mendidik murid untuk melaksanakan amalan dan menghayati, hubungan antara Allah dengan hambanya, manusia dengan dirinya, manusia persekitaran dan amalan Islam tentang akhlak.

#### **2.4.3.2 Berilmu**

Guru berperanan penting sebagai da'ei yang membuka minda murid bagi mencari keredaan Allah. Setiap guru wajib mempunyai

ilmu, amalan dan keikhlasan yang akhirnya membentuk akhlak murid. Menurut teori ini, guru perlu mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang, menguasai kemahiran psikologi dan pedagogi, berakhlak mulia dan beragama. Hal ini dilihat penting untuk membolehkan proses dalam pemindahan ilmu daripada guru kepada murid terlaksana dengan lancar dan berkesan (Abdul Halim & Mohamad Khairul, 2010).

#### **2.4.3.3 Beramal**

Beramal merupakan perkara asas yang dilakukan secara berterusan bagi kemenjadian ilmu pengetahuan yang memberi manfaat kepada pendidik di dunia dan akhirat. Menurut Al-Ghazali, amalan ini lebih utama berbanding ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh pendidik. Amalan-amalan ini lebih mudah dilihat serta diteladani oleh anak didiknya, baik secara formal mahupun secara tidak formal. Para guru diperingatkan supaya melaksanakan amalan yang bertunjangkan kepada amal perbuatan, pendidikan akhlak dan peribadi mulia. Selain itu Imam Al-Ghazali juga mengutamakan setiap pendidik mempunyai kemahiran kognitif yang dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi murid (Harun Arrashid & Abu Azka, 2013; Abdullah Nasih, 2008).

#### **2.4.3.4 Bijaksana**

Bijaksana dalam teori al-Ghazali, mengutamakan tindakan guru yang berhikmah dan berwawasan. Dalam hal ini, murid haruslah dididik mengikut tahap kesesuaian dan masalah yang dihadapi. Segala bentuk hukuman, mestilah bersesuaian dengan kesalahan. Amalan memberi peluang kepada murid memperbaiki kesalahan adalah




hukuman yang paling mulia (Nur Hanani, Mohd Aderi & Ab. Halim, 2013; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Guru tidak dibenarkan secara lisan atau perbuatan, untuk membuat celaan dan perbuatan yang menimbulkan sifat mazmumah pada diri murid. Jika murid melakukan perbuatan yang mulia maka perlu diberi peneguhan dan diperkaya dengan amalan yang lebih baik. Sebagai pendidik, guru perlu menerangkan kepada murid tentang sebab, akibat, balasan, perbezaan dan persamaan setiap amalan mengikut agama Islam (Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2013; Abdullah Nasih, 2008).

#### **2.4.3.5 Adil**

Adil adalah merujuk kepada tanggungjawab guru yang meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Pendekatan ini meletakkan guru sebagai arkitek yang mendidik murid sesuai dengan kemampuan akal dan stail pembelajaran mereka. Islam memandang keadilan bukanlah pembahagian sama rata kerana pembahagian tersebut akan menyebabkan ada pihak yang dizalimi kerana tidak mendapat haknya ataupun mendapat sesuatu yang bukan haknya (Rizal & Hairul Nizam, 2007). Diyakini bahawa, pendidikan yang bersifat adil terhadap manusia dan sifat-sifat kemanusiaannya bakal melahirkan insan yang adil terhadap seluruh makhluk di alam ini.

Pendidik dalam teori ini, mengajak manusia untuk tunduk dan taat pada hukum-hukum Allah. Kemudian tujuan utamanya, untuk pembentukan peribadi yang berjiwa tauhid, kreatif, beramal soleh serta bermoral tinggi. Teori ini juga mengutamakan setiap pendidik sebagai

da'ei yang memiliki sifat yang terpuji. Ini dijelaskan dengan merujuk kepada Rajah 2.4.



Rajah 2.4. Amalan Murabbi berpandukan Teori Al-Ghazali (*Adaptasi: Teori Al-Ghazali*)

## 2.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian, merupakan binaan penyelidik berdasarkan gabungan Teori Ekologi, Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya serta Teori Al-Ghazali. Pemilihan teori kajian ini dilihat penyelidik mempunyai pernyataan yang selari dengan objektif dan soalan kajian. Antara dapatan tersebut, menyatakan bahawa proses pertumbuhan dan perkembangan murid di bentuk berdasarkan persekitaran yang mementingkan sosialisasi budaya. Seiring dengan itu, kajian berkaitan APAB dalam pengajaran di bilik darjah mempunyai perhubungan yang rapat.

Selain itu, kekurangan yang wujud dalam kajian lepas dijadikan penyelidik sebagai asas kepada pembentukan kerangka konseptual kajian. Berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan, pendidikan *anti-bias* dilihat berdasarkan amalan dan pelaksanaan guru dalam bilik darjah di kelas prasekolah. Bagi menjelaskan perkaitan dengan konteks guru prasekolah, penyelidik menerokai pengetahuan kandungan

KSPK, pendekatan pengajaran guru, penerapan APAB dan sumber rintangan dalam melaksanakan APAB di bilik darjah.


Kerangka konseptual kajian, bertujuan menjelaskan secara terperinci struktur atau rangka kerja dalam situasi kajian dijalankan. Anak panah dalam konseptual kajian menunjukkan perkaitan dan perhubungan yang akrab di antara pemboleh ubah. Ini selaras dengan Punch, (2000), bahawa konsep yang jelas menerangkan perkara yang hendak dikaji dan sedang dikaji seterusnya menterjemahkan persoalan kajian yang telah dibuat. Kerangka teori dalam kajian ini dibina saling berkaitan dan menjadi panduan kepada penyelidik tentang perkara yang hendak diterokai dan di analisa. Selain itu, kerangka konseptual ini diaplikasikan penyelidik untuk membangunkan pemikiran atau teori terhadap sebarang kemungkinan jawapan. Ini dapat dirujuk berdasarkan Rajah 5 tentang konseptual kajian.

Dalam penerokaan kajian, profil guru menjadi penentu yang amat mempengaruhi bagi pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah (Abdullah Nasih, 2008; Derman-Sparks, & Fite, 2007; Shaver & Kipp, 2010). Dalam kajian ini, penyelidik meletakkan pengetahuan kandungan guru tentang KSPK dan APAB sebagai keutamaan peringkat pertama untuk diterokai. Dalam aspek ini, guru berperanan sebagai insan yang paling hampir dengan murid. Dengan latar belakang sebagai pendidik yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan pengetahuan mereka berperanan menyampaikan mesej secara berkesan dalam pengajaran.

Penerokaan penyelidik, meneliti pengetahuan kandungan guru yang mempengaruhi APAB dalam prasekolah. Bagi pengetahuan kandungan guru, terdapat beberapa faktor yang diteliti iaitu pengetahuan kurikulum KSPK, isi kandungan pengajaran KSPK, definisi dan konsep APAB dan persepsi guru terhadap APAB yang terkandung dalam KSPK. Pembentukan kerangka konsep ini merujuk kepada

pengetahuan dan pengalaman guru yang berbeza yang mungkin menghasilkan pengaruh kepada dapatan kajian. Diyakini bahawa pengetahuan kandungan KSPK guru yang mantap membolehkan murid mendapat lebih banyak pengetahuan tentang APAB. Justeru, pendekatan penyelidikan dalam rangka konsep ini bertujuan melihat bagaimanakah pengetahuan kandungan guru berpandukan KSPK mempengaruhi pelaksanaan APAB di prasekolah.

Kerangka konsep kajian ini juga menganalisis pendekatan yang diaplikasikan guru dalam memupuk APAB di kelas prasekolah. Pendekatan pengajaran guru dalam kerangka ini, diletakkan dalam peringkat kedua untuk diterokai. Penyelidik melihat amat penting untuk memastikan objektif pengajaran dalam bilik darjah tercapai. Objektif pengajaran guru yang tercapai dalam bilik darjah menjadi pengukur kepada keberhasilan APAB. Justeru itu, para guru perlu untuk mempertimbangkan beberapa elemen berikut bagi mencapai pengajaran yang berkesan. Elemen-elemen tersebut ialah membina minat dan pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan membangunkan pemikiran kritis (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Yusof Al-Qardhawi, 2003; Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992).



Rajah 2.5. Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pendidikan Anti-Bias Di Prasekolah Berdasarkan Teori Ekologi, Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya Dan Teori Al-Ghazali.

Kerangka konsep kajian ini juga menganalisis pendekatan yang diaplikasikan guru dalam memupuk APAB di kelas prasekolah. Pendekatan pengajaran guru dalam kerangka ini, diletakkan dalam peringkat kedua untuk diterokai. Penyelidik melihat amat penting untuk memastikan objektif pengajaran dalam bilik darjah tercapai. Objektif pengajaran guru yang tercapai dalam bilik darjah menjadi pengukur kepada keberhasilan APAB. Justeru itu, para guru perlu untuk mempertimbangkan beberapa elemen berikut bagi mencapai pengajaran yang berkesan. Elemen-elemen tersebut ialah membina minat dan pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan membangunkan pemikiran kritis (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Yusof Al-Qardhawi, 2003; Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992).

Dalam kajian ilmiah, penyelidik mendapati pelaksanaan pendekatan pengajaran amat penting mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Mohd Azam, 2009; Noraini & Syuki, 2009; Gamal Abdul Nasir, 2003; Omardin, 1999). Pendekatan inilah yang dapat mengembangkan amalan APAB dalam rutin harian di prasekolah. Melalui kajian ini, penyelidik meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh guru prasekolah ke atas murid prasekolah. Penyelidik memfokuskan kepada empat penelitian utama. Pertama, menganalisis pendekatan yang diaplikasikan guru untuk membangunkan minat murid terhadap APAB. Kedua, menganalisis pendekatan yang diaplikasikan guru untuk meningkatkan pengetahuan murid terhadap APAB. Ketiga, menganalisis pendekatan guru dalam meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan APAB dalam rutin harian. Keempat, menganalisis pendekatan guru untuk membangunkan pemikiran kritis murid terhadap APAB di prasekolah.

Kerangka konsep kajian ini turut menganalisis penerapan APAB yang diaplikasikan guru dalam di kelas prasekolah. Penerapan pengajaran guru dalam

kerangka ini, diletakkan dalam peringkat ketiga untuk diterokai. Penyelidik melihat amat penting untuk guru menerapkan pengajaran APAB. Hal ini demikian kerana memastikan murid bertindak selaras dengan penerapan yang tertanam dalam hati dan minda guru berkenaan. Guru perlu untuk mempertimbangkan beberapa elemen berikut bagi mencapai pengajaran yang berkesan. Elemen-elemen tersebut ialah jantina, etnik, sosio budaya dan sosioekonomi (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Yusof Al-Qardhawi, 2003; Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992).

Penerapan murni ini menjadikan murid lebih terbuka apabila menghadapi persamaan dan perbezaan APAB. Mereka boleh menerima perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi sebagai satu keperluan dalam kehidupan seharian. Mereka berkongsi kekurangan dan kelebihan dengan semangat toleransi yang membina diri untuk hidup dalam masyarakat yang pelbagai.

Kajian ini juga turut melihat kepada sumber rintangan yang mempengaruhi pedagogi pengajaran APAB di prasekolah. Cabaran ini diletakkan penyelidik pada peringkat keempat untuk diterokai. Dapatkan kajian lepas pula, dijadikan penyelidik sebagai panduan untuk menerokai dapatan kajian baharu yang lebih mantap. Dapatkan awal penyelidik, mendapati bahawa amalan pendidikan yang sempurna di rumah dan sekolah mempengaruhi persekitaran jantina, sosiobudaya, sosioekonomi, iklim sekolah dan kerjasama komuniti (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Yusof Al-Qardhawi, 2003; Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992).

Kerjasama kolaboratif ini merupakan suatu halangan dan cabaran yang ditempuh oleh pendidik dalam membentuk persiapan awal murid berhadapan dengan rakan sebaya dan persekitaran (Mariani & Mohd Sofian, 2012; KPM, 2010; Derman-Sparks, & Edwards, 2010; Van Hook, 2002). Di peringkat ini, guru perlu terlebih dahulu menerokai secara mendalam tentang latar belakang murid yang terdiri daripada

pelbagai etnik. Hasil pengetahuan guru ini, diaplikasikan kepada murid dengan memberi pencerahan dan membantu murid memahami konsep sebenar APAB yang melibatkan juga penglibatan sesama rakan sebaya. Justeru itu, guru perlu mengambil pendekatan pengajaran yang mesra APAB agar selari dengan kehendak murid.

Faktor berikut diterokai dalam pengajaran iaitu perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi. Faktor-faktor tersebut diterokai dalam kajian ini, bertujuan untuk mengetahui sumber rintangan utama yang dihadapi guru dalam menyampaikan pengajaran APAB dalam bilik darjah. Selain itu juga, penyelidik menyelidiki tentang sumber-sumber rintangan yang menjadi penghalang guru dalam penyampaian pedagogi pengajaran.

Kerangka Konseptual Kajian menekankan persekitaran, reformasi pendidikan dan amalan murabbi merupakan faktor utama mempengaruhi keberhasilan pengajaran guru di prasekolah. Pelaksanaannya dalam pengajaran sebagai suatu strategi dan panduan yang berharga untuk para guru di dalam bilik darjah.

## **2.6 Konsep Amalan Pendidikan *Anti-Bias* (APAB)**

Dalam konteks pendidikan prasekolah, konsep APAB memberi makna yang luas. Menurut Derman-Spark, (2004), APAB adalah suatu konsep dan pendekatan yang memberi hak keistimewaan kepada setiap manusia untuk dilayan secara adil (Derman-Sparks & Patty Ramsey, 2005). APAB ini, merangkumi idea-idea dan amalan asuhan bersesuaian pendidikan bagi mengatasi amalan diskriminasi. Implikasinya, APAB membantu menyuburkan minat murid, keadilan sosial berbudaya dan pembelajaran yang lebih bermakna. Murid lebih menerokai kepelbagaian etnik, keragaman budaya, membangunkan pemikiran kritikal dan kemahiran untuk berdiri sendiri bagi menghadapi ketidakadilan.



Berdasarkan kajian di barat, konsep APAB adalah suatu konsep pengajaran yang mengutamakan persamaan hak kemanusiaan dalam bilik darjah. Ini bertujuan untuk membantu menangani masalah gender, etnik, sosiobudaya, sosioekonomi, warna kulit, rambut dan bahasa dalam kalangan murid di sekolah (Giugni, 2008). Dalam aspek ini, murid dididik dengan tatasusila yang menghormati hak setiap insan. Hak ini meliputi tanggungjawab untuk dilayan secara hormat, bermaruah, saksama dan adil tanpa perbezaan (Derman-Sparks & Edwards, 2010).

APAB adalah suatu amalan kebebasan (Freire, 2000). Amalan ini memberi pendedahan dan kemudahan kepada murid untuk mengamalkan sosialisasi dengan penuh tatasusila. Melaluinya, membantu murid mengetahui tatacara menguruskan persekitaran secara kritis dan kreatif dengan sempurna.

Pelaksanaan APAB di barat, menggabungkan falsafah pendidikan dengan kepelbagaian budaya, stereotaip dan perubahan semasa masyarakat (Lin, Lake & Rice, 2008). Pelaksanaan APAB berupaya untuk merapatkan jurang perbezaan di kalangan murid. Ini membolehkan setiap murid untuk membina identiti diri yang positif, berkeyakinan dan prihatin (Giugni, 2008; Vandenbroeck, 2007). Ini membolehkan wujud komunikasi yang pelbagai, membina pemikiran kritikal dan kemahiran untuk berdiri sendiri dalam menghadapi ketidakadilan. Oleh itu, APAB membawa golongan pendidik kepada penyerapan amalan positif meliputi harga diri, empati, dan aktivisme dalam ketidakadilan.

Dalam perspektif Islam, konsep APAB diterjemahkan sebagai sifat semula jadi pendidik yang mengutamakan tingkah laku adil, seimbang atau sepadan (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010; Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008). Keadilan di sini juga berhubung kait dengan perilaku ke bijaksana pendidik yang tidak berlebihan atau tidak melampau dalam proses mengasuh murid. Mereka juga dilihat

meletakkan sesuatu keadilan di tempat yang betul dan tidak menimbulkan mudarat. Ini berbeza dengan pandangan umat kini yang meletakkan kedudukan adil dalam pendidikan itu sebagai sama rata atau persamaan hak.

Konsep pendidikan yang berkesan adalah amalan mengajar dan mendidik murid sesuai dengan kemampuan akal dan stail pembelajaran mereka (Al Ghazali, 2010; Yusof Al-Qadrawi, 2003). Ini kerana sesuatu yang mendatangkan kebaikan untuk seseorang, tidak semestinya sesuai ke atas orang lain. Implikasinya, pendidik yang berkesan dan sempurna adalah guru yang dapat menyampaikan ilmunya sesuai dengan tahap kematangan murid (Ab. Halim, Salleh & Khadijah, 2012). Dalam dunia pendidikan, apabila usaha mendidik dilakukan oleh orang yang bukan ahli ataupun murid yang menerima didikan itu dididik mengikut tatacara yang tidak mampu diikuti oleh murid tersebut, maka berlakulah ketidakadilan.

Dalam al-Quran (Abdullah, 2013), terdapat banyak ayat suci yang menerangkan tentang konsep keadilan sebagai panduan utama manusia. Antaranya, Firman Allah yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan sikap adil itu lebih hampir kepada takwa, dan bertakwalah kepada keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”*

*(Surah Al-Maidah : Ayat 8).*

Berpandukan ayat di atas, golongan pendidik dinasihatkan supaya bersifat adil tanpa *bias* terhadap murid. Oleh sebab itulah, Syed Muhammad Naquib Al-Attas, (1992) dalam Rizal dan Hairul (2007), menyatakan pendidik perlu mempertimbangkan lima konsep keadilan dalam menerokai pendidikan. Pertama, pengetahuan dan kebolehan untuk menempatkan yang betul dan wajar bagi sesuatu benda atau manusia.

Kedua, kebenaran yang menentang kesalahan. Ketiga, prosedur atau had pengamalan. Keempat, keuntungan kerohanian terhadap kerugian, dan kelima, kebenaran terhadap kepalsuan. Pandangan ini disokong oleh kajian Siti Salwa dan Azlina (2014), yang menyatakan bahawa guru yang bertakwa sentiasa melaksanakan tugas mendidik dengan penuh keadilan.

Ini selaras dengan amalan pendidikan Rasulullah (Harun Arrasyid & Abu Azka, 2013; Noornajihan & Abdul Halim, 2012; Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008) yang menghendaki golongan pendidik melaksanakan beberapa perkara berikut iaitu:

- i. menyampaikan nasihat yang bersesuaian mengikut perbezaan setiap individu yang meminta nasihat.
- ii. memberi jawapan yang berbeza terhadap pertanyaan yang sama yang disesuaikan dengan individu yang bertanya.
- iii. amalan budi pekerti dan bersikap yang bersesuaian dengan orang yang bergaul dengannya.
- iv. menyampaikan arahan dan peraturan perlulah sesuai dengan kemampuan orang yang menerimanya.
- v. melaksana hukuman dengan bukti yang nyata dan mempertimbangkan pandangan berdasarkan situasi sebenar.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, amalan yang menjurus kepada perbuatan *bias* merupakan suatu tingkah laku negatif yang boleh memberi impak dalaman kepada sektor pendidikan khususnya di kalangan guru dan murid (Aminuddin et.al., 2006). Amalan sosiobudaya ini membawa kepada satu kecenderungan negatif atau sikap prejudis terhadap sesuatu perkara (Amir Hasan, 2004). Amalan *bias* ini kurang sesuai dan amat bertentangan dengan kesesuaian hidup masyarakat majmuk pada masa kini. Amalan ini mempunyai perbezaan dengan amalan hidup yang memperjuangkan kesamarataan dalam kehidupan seharian (Derman-Sparks & Fite, 2007). Masyarakat majmuk khususnya ibu bapa kini, lebih melihat kepada keselesaan dan manfaat yang

diterima oleh anak-anak mereka apabila selesai mengikuti sistem pendidikan yang sedia ada (Abdul Razak, 2011).

Dapatan penyelidik barat, cendekiawan Islam dan penyelidik tempatan sepakat bahawa konsep APAB berperanan penting. Konsep ini meletakkan guru sebagai pendidik yang berpengetahuan dan sumber maklumat kepada persekitaran. Keberkesanan guru banyak bergantung pada amalan dalam pengajaran. Mereka dilatih sebagai model untuk diteladani oleh murid. Dalam aspek pembangunan murid, konsep ini bertujuan untuk melatih murid agar lebih berdikari menghadapi persekitaran sekolah, budaya masyarakat, menghormati perbezaan manusia, menghindari amalan berat sebelah dan sikap berani menyuarakan pendapat.

## **2.7 Matlamat Dan Prinsip APAB**

Pelaksanaan APAB, mengandungi matlamat dan prinsip yang selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2012). Pelaksanaan APAB ini, mempunyai matlamat dan prinsip yang saling berhubungan dan berfokus kepada keadilan sosial (Derman-Sparks & Edwards, 2010). Pelaksanaannya dalam bilik darjah diukur melalui kemahiran, kematangan umur, latar belakang keluarga, sosiobudaya serta pengalaman di persekitaran murid. Manakala matlamat pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan. Keberhasilan murid ini diukur melalui penguasaan kemahiran asas dan tingkah laku sahsiah yang positif berdasarkan KPK dan KSPK (KPM, 2003, 2012).

Matlamat APAB bersifat universal dan isi kandungannya mempunyai hubungan kait dengan kurikulum prasekolah yang diamalkan di Malaysia (KPK, 2003; KSPK 2012). Penyerapan nilai-nilai APAB dalam pengajaran, mudah difahami dan dikembangkan dalam pelbagai bentuk kemahiran melibatkan kepelbagaian masyarakat (Chen, Nimmo & Fraser, 2009). Implikasinya, matlamat yang terkandung dalam

kurikulum berfokus kepada melatih guru menyusun pendekatan pengajaran dan strategi serta keberhasilan amalan kepada murid.

Dalam pengajaran, APAB dapat menyemai dan membina pengetahuan murid dalam bilik darjah. Murid dibimbing untuk mempamerkan kesedaran sendiri, mempunyai keyakinan identiti diri dan berbangga dengan budaya masing-masing (Derman-Sparks & Edwards, 2010). Segala bentuk maklumat yang diamalkan di rumah dan di sekolah dikongsi guru dan murid dalam pengajaran di sekolah. Manakala kurikulum prasekolah di Malaysia iaitu KSPK (KPM 2012) dan KPK (KPM 2003), mempunyai fokus membentuk sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik. Matlamat murni ini, menjadikan murid lebih bermaklumat dan mempunyai sifat kasih sayang terhadap amalan budaya murni masing-masing.

APAB menghendaki guru mengamalkan keselesaan dan berinteraksi dengan penuh prihatin terhadap murid. Guru memerhati perkembangan murid dengan mengambil kira kemahiran kognitif, kemahiran emosi, pengurusan tingkah laku dan kemahiran komunikasi (Milner, 2003). Selain itu, guru juga turut berusaha untuk memahami persamaan dan perbezaan di kalangan murid serta mengutamakan nilai-nilai murni dalam pengajaran. Manakala dalam kurikulum prasekolah KSPK (KPM 2012) dan KPK (KPM 2003), bermatlamat untuk melatih murid berkomunikasi dalam bahasa Melayu, Cina dan India. Ini bertujuan untuk melatih murid berinteraksi dengan baik dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk tujuan komunikasi serta perpaduan bangsa.

Dengan penguasaan bahasa, murid dapat menerokai bahan bercetak bagi memperkayakan idea, emosi dan memahami isu-isu yang wujud di persekitaran (Komalasari, 2018; Mahzan, 2012; Azizi et.al., 2008). Oleh itu, orang yang lebih

dewasa yang berada di sekitar murid memberikan bimbingan yang bersesuaian agar mereka dapat mengaplikasikan bahasa sebagai suatu bentuk kuasa untuk memahami persamaan, perbezaan dan pengurusan diri di kalangan murid prasekolah.

APAB melatih murid dengan mengembangkan pemikiran kognitif ke tahap kritikal (Derman-Sparks & Fite, 2007; Van Keulen, 2004). Matlamat ini selari dengan matlamat kurikulum prasekolah KSPK (KPM, 2012) dan KPK (KPM, 2003). yang melatih murid di Malaysia, dengan kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Ini bertujuan, membimbing murid berfikir secara kritis dan kreatif tentang isu sosial, prejudis, stereotaip, etnik, gender, sosial, bahasa, tingkah laku dan agama.

Mereka dilatih memahami persekitarannya melalui pengalaman pembelajaran sebenar dan manipulasi yang berulang-ulang (KPK, 2003). Justeru itu, mereka berlatih dan mengenal pasti imej yang tidak adil dan tidak benar dalam persekitaran sekolah. Selain itu, pengajaran di prasekolah membantu murid membangunkan sifat empati supaya mereka mengetahui bahawa semua amalan negatif yang melibatkan *bias* memberi kesan negatif kepada orang lain. Manakala amalan negatif yang melibatkan *anti-bias* mendatangkan kestabilan kognitif untuk menyelesaikan sesuatu isu yang timbul (SUHAKAM 2010, 2012). Oleh itu guru dilatih untuk membimbing murid secara adil, menggunakan bahasa panggilan yang baik dan menunjukkan tingkah laku yang sempurna (Komalasari, 2017).

APAB juga menyumbang kepada melatih murid dengan keyakinan diri dan berusaha mengelakkan amalan perbuatan *bias* (Lin & Bates, 2014; Derman-Sparks & Edwards, 2010). Matlamat ini selari dengan matlamat pendidikan prasekolah yang bertujuan untuk menyediakan murid dengan asas sosialisasi yang kukuh, menanam keyakinan diri dan membentuk konsep sendiri yang positif ((KSPK 2012; KPK, 2003;

KPK, 2001). Matlamat ini tercapai melalui kepakaran guru yang memberi keutamaan kepada pengalaman, penglibatan aktif, selamat dan menyeronokkan (Dasar Pendidikan Kebangsaan, KPM 2012).

Implikasinya, matlamat ini melatih murid berfikir dan bertindak melindungi diri sendiri daripada terpengaruh dengan amalan *bias*. Selain itu juga membantu menyebarkan luaskan kelebihan amalan *anti-bias* kepada murid lain yang merupakan rakan sebaya di sekolah. Suasana ceria yang terbentuk di dalam bilik darjah membentuk kepada amalan pembelajaran menyeronokkan kepada murid. Disposisi guru yang cenderung kepada sikap autokratik atau serius boleh menimbulkan konflik antara guru dengan murid. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru amat penting sebagai individu yang menjadi pemangkin dalam proses murid mencari ilmu. Tanpa kehadiran guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak efektif. Guru yang mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif merupakan guru yang cemerlang (Abdul Rasid & Hasmah, 2013). Oleh itu, guru sebagai pendidik perlu sedar akan kepentingan unsur pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan murid-murid mereka. Dengan ini murid terdidik dengan etika yang boleh menyatakan reaksi yang bersesuaian dengan masalah, berhujah menentang amalan negatif dan saling mengambil berat perhubungan sesama rakan sebaya.

Semua amalan dan prinsip APAB ini secara langsung memperlihatkan kepelbagaian dari aspek etnik, budaya, bahasa serta sosio ekonomi. Kerjasama dan semangat perpaduan yang terbina penting dalam memastikan murid memahami pengertian hidup aman serta damai. Usaha yang telah dibina pihak sekolah dengan mengenalpasti masalah bias dalam interaksi bilik darjah merupakan tindakan yang proaktif (Adlina, Rosfazila & Hairol, 2018). Sesungguhnya, keadaan yang harmoni ini

perlu diterapkan semenjak di rumah lagi supaya masyarakat sedar akan kepentingan perpaduan dalam masyarakat. Selain itu, penglibatan semua murid dalam aktiviti pembelajaran dapat merapatkan jurang hubungan murid yang terdiri dari pelbagai kaum. Ini disebabkan penglibatan ahli dalam aktiviti seumpama ini tidak terhad kepada satu kelompok etnik sahaja (Adlina, Rosfazila & Hairol, 2018).

## **2.8 Perkembangan Budaya Amalan Bias Di Sekolah**

Guru sebagai agen penting dalam memupuk budaya perpaduan di sekolah. Namun, perubahan masa mengubah situasi cabaran guru kepada yang lebih mencabar. Senario ini dapat dilihat melalui paparan media masa apabila terdapat guru dan pengurus sekolah yang bertindak bias. Sebagai warga sekolah, guru melakukan pengasingan murid, mengeluarkan kata-kata kesat dan bersikap perkauman mengikut latar belakang kaum, sosioekonomi serta agama (Yong Hie Hie et.al, 2018: Utusan Online 2013; Utusan Online 2002). Cabaran ini menjejaskan peranan guru sebagai agen pendidik dan memupuk perpaduan. Dilema ini menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap peranan sekolah sebagai institusi pendidikan penting yang memupuk penyatuan etnik, agama dan budaya nasional.

Perkembangan budaya amalan bias di sekolah menyumbang penerapan elemen negatif kepada murid. Dalam aspek kajian ilmiah, perkataan budaya berasal daripada bahasa Sanskrit '*buddhayah*' yang terbentuk daripada kata, '*buddhi*' yang bermaksud budi atau akal. Dalam bahasa Inggeris, budaya disebut '*culture*' yang berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud mengolah atau mengerjakan (Noriati et.al. 2014).

Secara konsepnya, amalan budaya yang universal terhasil melalui pemikiran yang melalui proses pendidikan (Chew, 2008). Sarjana Islam pula menjelaskan bahawa budaya berkaitan rapat dengan nilai dan amalan hidup. Kelompok masyarakatlah yang mencipta, mengembang dan menyelaraskan amalan budaya



apabila adanya pertembungan dengan pengaruh luar manusia (Noraini, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa, 2013). Jelaslah di sini bahawa konsep amalan budaya itu diwarisi dari satu generasi ke satu generasi melalui pemerhatian, lisan dan amalan seharian (Afrizal, 2012). Amalannya mempengaruhi amalan hidup masyarakat yang merangkumi amalan bertindak, berkelakuan dan berfikir.

Perkembangan budaya amalan *bias* di kalangan murid di sekolah diwarisi melalui proses sosialisasi budaya. Proses sosialisasi ini, disebar luaskan oleh orang yang paling hampir dengan murid (Hughes & Johnson, 2001). Kesudahannya proses pemindahan ini menyalurkan nilai amalan budaya yang merangkumi pemupukan amalan etnik, gender, sosial serta sosioekonomi. Tujuan pemupukan amalan ini dibuat ke atas murid adalah supaya murid mempunyai identiti tersendiri berbanding golongan murid minoriti (Mustiya & Ross, 2005).

Dalam konteks prasekolah, guru merupakan insan yang berperanan utama untuk mendidik murid di sekolah (Ashley & Trisha 2013). Sebagai agen sosialisasi yang utama dalam menyatupadukan murid pelbagai etnik, seterusnya memupuk kesedaran tentang tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Guru dalam hal ini disifatkan sebagai agen sosialisasi yang memupuk amalan nilai sosial dalam diri murid. Antaranya pemupukan amalan toleransi, demokrasi, kefahaman budaya, persamaan, kerjasama antara satu kaum dengan kaum lain, hormat-menghormati (Marisca, Corredor & Cabezas, 2014). Di bilik darjah, guru bertindak membangunkan murid dengan pemupukan nilai, sikap dan budaya antara etnik. Tujuannya, supaya murid dapat menangani pelbagai isu sensitif melibatkan hubungan etnik yang mungkin akan berlaku pada masa akan hadapan (Reynolds, 2001). Pertembungan pelbagai budaya etnik mungkin berlaku jika sekiranya guru menyampaikan sesuatu ilmu yang bertentangan dengan latar belakang murid yang berlainan etnik di dalam pengajaran

(Cartledge, Kea & Ida, (2000). Oleh itu, guru sebagai pengasuh perlu sentiasa menambah pengetahuan budaya dan menerokai kesediaan murid tentang kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Hal ini penting bagi mengelak salah faham antara guru dan murid yang akan memberi kesan negatif terhadap pembentukan perpaduan di sekolah.

Hasil amalan pendidikan di rumah, murid merasa bangga terhadap etnik, gender, sejarah, budaya dan amalan tradisi (Hughes & Johnson, 2001). Mereka lebih menghargai nilai amalan rutin dan pengalaman yang dialami oleh sesuatu kumpulan etnik. Tujuan sebenar amalan ini diperturunkan kepada murid, agar tertanam perasaan bangga terhadap amalan sosialisasi dan budaya keluarga (Hamidah, 2013; Abdul Razak, 2011). Namun begitu ada juga murid yang dididik tentang amalan kesedaran yang menentang prejudis dan diskriminasi atau *bias*. Tujuan amalan ini dilaksanakan adalah bertujuan sebagai melindungi murid apabila berhadapan dengan persekitaran yang mengamalkan *bias* atau diskriminasi. Mereka dilatih untuk berinteraksi dengan kumpulan etnik lain bagi mengatasi ketakutan dan meningkatkan kepercayaan kepada kumpulan lain.

Dalam Teori Identiti Sosial (Nesdale, Durkin, Maass & Griffiths, 2005; Nesdale, 2004), menyatakan bahawa individu yang berada dalam kelompok yang sama akan cenderung mewariskan emosi serta nilai kepada murid yang berhampiran. Identiti yang diwariskan ini boleh berbentuk semangat kebangsaan, gender, ras, keturunan, etnik, umur, suku kaum, agama dianuti, kelas pekerja dan lain-lain. Oleh itu, guru dalam pengajaran mestilah mempunyai pengetahuan tentang tahap perkembangan prejudis yang menjurus kepada amalan *bias* di kalangan murid. Antara tahap perkembangan murid menurut Nesdale, (2004), yang perlu diketahui guru ialah:

Tahap perkembangan pertama: Sukar membezakan etnik dan persekitaran. Murid yang berumur 2 hingga 3 tahun belum dapat melihat perbezaan etnik. Pada

peringkat ini mereka cenderung untuk belajar membezakan warna hasil interaksi dengan objek di persekitaran.

Tahap perkembangan kedua: Kesedaran etnik dan persekitaran. Kesedaran etnik mula muncul ketika murid berusia 3 hingga 4 tahun. Ini ditambahkan lagi dengan lokasi persekitaran yang pelbagai. Mereka membuat peniruan tingkah laku orang dewasa di persekitaran mereka. Di peringkat ini, mereka mulai sedar tentang kecenderungan gender, etnik, budaya dan persekitaran.

Tahap perkembangan ketiga: Kecenderungan terhadap etnik dan persekitaran. Umur 5 sehingga 7 tahun, telah menjadikan murid mempunyai identiti diri dalam kumpulan sosial yang dominan. Mereka telah mula memahami tentang struktur sosial dalam masyarakat, wujudnya kumpulan berbeza dan berkaitan.

Murid yang kurang matang mudah terdedah dengan persekitaran yang menjurus kepada amalan *bias* (Srisiuni, 2010; Nesdale, Durkin, Maass & Griffiths, 2005; Nesdale, 2004). Ini berlaku apabila mereka kerap berada dalam persekitaran berlakunya amalan *bias*. Masalah persekitaran yang melibatkan ketegangan hubungan, persaingan dan komunikasi sosial dalam masyarakat membantu mempercepatkan penularan amalan ini. Situasi ini membawa murid kepada tingkah laku yang bertentangan dengan nilai-nilai amalan sosial masyarakat.

Sikap prejudis telah mula wujud dalam rutin kehidupan murid prasekolah. Kajian di barat membuktikan bahawa seawal umur lima tahun murid prasekolah telah mula mengenali amalan prejudis ini (Mc.Know, 2004; Nesdale, Durkin, Maass & Griffiths, 2004). Murid telah mula mempelajari amalan *bias* ini melalui perhubungan mereka dengan persekitaran secara individu, interpersonal atau antara kelompok.

Di sekolah khasnya di prasekolah, murid telah menunjukkan tindak balas dengan persekitaran yang menghasilkan pembentukan identiti etnik (Zakaria, Ahmad

Munawar & Noranizah, 2012). Murid membuat peniruan tingkah laku identiti melalui interaksi mereka terhadap kumpulan etnik. Mereka berkongsi maklumat dan mudah terpengaruh dengan tingkah laku amalan kumpulan etnik. Ini jelas dapat dilihat melalui keyakinan dan kecenderungan mereka meluahkan emosi yang positif atau negatif yang menunjukkan berpihak kepada kumpulan tertentu.

Penerangan di atas menunjukkan guru berperanan dalam menyuburkan amalan perpaduan dalam kalangan murid. Dengan adanya pemahaman terhadap budaya APAB, guru dapat menerapkan amalan nilai budaya murni kepada mereka. Murid pula dapat mengenali amalan budaya yang wujud di persekitaran. Seterusnya, mereka lebih memahami amalan yang sesuai dan amalan yang bercanggah dilakukan dalam masyarakat yang pelbagai (Komalasari, 2018). Dalam aspek guru pula, mereka lebih bersedia, berhemah dan menghormati nilai serta amalan budaya setempat tanpa ada sifat prasangka atau prejudis.

## **2.9 Jenis Amalan Bias Di Prasekolah**

Dalam bidang pendidikan, khususnya di prasekolah terdapat beberapa cabaran yang kerap berlaku dan dihubung kait dengan amalan *bias*. Amalan *bias* gender, *bias* bahasa, *bias* tingkah laku dan *bias* agama adalah antara cabaran utama guru apabila berhadapan dengan murid prasekolah (PAUD, 2013). Amalan *bias* ini penting untuk ditangani bagi membantu perkembangan murid dalam aspek kognitif, afektif dan perilaku yang stabil (Aminuddin et.al., 2006).

Dalam penulisan ini, pengkaji menerangkan lapan jenis bias yang sering menjadi cabaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Berikut diuraikan bias tersebut iaitu bias gender, stereotaip, prejudis, bias etnik, bias sosial, bias bahasa, bias tingkahl aku dan bias amalan agama.

### **2.9.1 Bias Gender**

Pengkaji Islam menyatakan bahawa bias gender dirujuk kepada perbuatan yang bertentangan dengan peranan jantina. Setiap gender mempunyai hak serta tanggungjawab yang seimbang. Ini dibuktikan dalam aspek ibadah melibatkan sembahyang, puasa, zakat dan haji. Sementara itu dalam bidang muamalat, lelaki dan perempuan dipertanggungjawabkan menjaga hubungan baik sesama manusia serta setiap makhluk (Al-Ghazali, 2010).

Setiap manusia diamanahkan untuk melaksanakan tugas rutin harian tanpa mengganggu kepentingan pihak lain. Segala bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud secara semula jadi perlu dihormati haknya. Hak persamaan yang diletakkan oleh Islam tidak berdasarkan kepada kedudukan seseorang mengikut jantina atau keturunan ataupun bangsa. Setiap orang, lelaki atau perempuan, Islam atau bukan Islam, kaya atau miskin, adalah sama (Mohd Anuar, 2010; Rahimin Affandi & Nor Adina, 2013).

Mereka mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang dan mempunyai peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah.

Manusia direndhai Allah selagi berada dalam lingkungan ketetapan dan tanggungjawab yang ditetapkan agama. Setiap orang akan diberikan ganjaran dan balasan yang sama atas perbuatan yang dilakukan. Jelaslah Islam tidak mengiktiraf perbezaan fizikal dan lahiriah seperti pangkat, keturunan, etnik dan warna kulit sebagai halangan untuk mendapat perhatian dan perhitungan yang sama daripada Allah. Perkara ini dibincangkan dalam al-Quran, antaranya dalam

Surah Al-Nisa, Al-Talaq, Al-Baqarah, Al-Ma'idah, Al-Nur, Al Ahzab, Al Mumtahanah dan al Tahrir (Mohd Anuar, 2010; Rahimin Affandi & Nor Adina, 2013).

Dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan, guru prasekolah perlu memahami pengertian gender. Istilah gender dalam pendidikan kerap dihubungkan dengan pendekatan pengajaran dan perbezaan antara tugas atau fungsi guru dalam bilik darjah. Selain itu, aspek ini juga mempunyai kesinambungan terhadap tanggungjawab dan kecenderungan murid lelaki serta perempuan akibat interaksi dengan persekitaran sosiobudaya (Mohd Anuar, 2010).

Dalam bidang pendidikan, isu yang kerap timbul dalam aspek gender adalah melibatkan unsur bias kepada penglibatan aktiviti jantina lelaki atau perempuan. Isu ini turut melibatkan tugas guru lelaki dengan murid lelaki atau perempuan dalam kelas pembelajaran. Begitu juga, guru perempuan dengan penglibatan murid lelaki atau perempuan. Demikian halnya, perhubungan tugas di antara guru lelaki dan guru perempuan. Isu-isu sedemikian saling berkaitan, saling mempengaruhi dan memberi impak kepada wujudnya jurang sosialisasi terhadap murid dalam pendidikan (Zalizan, et.al (2005).

Di negara kita Malaysia, penglibatan gender melibatkan murid perempuan menunjukkan perkembangan yang lebih positif dalam bidang pembelajaran. Murid perempuan menunjukkan pencapaian prestasi yang lebih baik berbanding murid lelaki dalam bidang akademik di bilik darjah. Perbezaan penguasaan antara murid lelaki dan perempuan dianalisis melibatkan beberapa elemen di antaranya dalam aspek penghafalan, bahasa dan kemahiran kerja (Zalizan, et.al, 2005; KPM, 2000).

Pencapaian dalam peperiksaan formal di bilik darjah, menunjukkan murid lelaki memperoleh prestasi akademik yang rendah berbanding murid perempuan. Penguasaan kemahiran bahasa murid lelaki adalah kurang berbanding murid perempuan. Mereka kurang minat dalam aktiviti yang melibatkan lisan, bacaan dan penulisan. Mereka lebih cenderung dengan aktiviti 'hand on' yang melibatkan benda maujud. Manakala murid perempuan menunjukkan potensi diri yang baik dalam perkembangan pembelajaran bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik (Zalizan, et.al, 2005; KPM, 2012).

Murid perempuan menunjukkan potensi dan ingatan yang lebih baik dalam penghafalan fakta. Mereka menunjukkan kesungguhan dan ciri-ciri diri yang positif yang lebih baik berbanding murid lelaki. Murid perempuan lebih tekun, rajin, tidak mudah putus asa dan sentiasa berusaha untuk menguasai kemahiran. Manakala murid lelaki lebih cenderung terarah kepada tugas berbentuk terbuka yang berkaitan dengan situasi yang nyata dan melibatkan kemahiran. Perkara ini menunjukkan bahawa guru berperanan besar dalam membentuk penglibatan dan kemahiran gender murid dalam pembelajaran. Selain itu, guru juga perlu mengambil kira kelebihan fungsi gender yang turut mempengaruhi kemahiran dan kecenderungan murid terhadap aspek pembelajaran dalam bilik darjah (KPM, 2012).

Penglibatan guru lelaki lebih banyak mempengaruhi pencapaian kemahiran murid lelaki dan perempuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan guru lelaki lebih banyak membentuk persepsi positif terhadap perkembangan murid di dalam kelas berbanding penglibatan guru perempuan. Peranan guru lelaki dilihat kurang bias dalam menguruskan aktiviti pengajaran.

Mereka lebih baik dalam mengawal emosi dalam pembelajaran terhadap penglibatan murid lelaki serta murid perempuan berbanding guru perempuan. Murid lelaki dilihat lebih aktif dalam pergerakan dan lebih pantas untuk mengira berbanding murid perempuan yang sentiasa tekun menerokai pembelajaran (Santrock, 2008; Zalizan, et.al, 2005).

Kajian luar negara, Santrock, (2008) menerangkan bahawa situasi di dalam bilik darjah mendedahkan murid lelaki dan perempuan dengan tingkah laku *bias*. Hal ini kerana, layanan guru mengikut gender yang berbeza ketika proses pengajaran di sekolah. Trend semasa dan kecenderungan guru mengajar dan layanan terhadap murid mengikut gender menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku yang ketara. Mereka mengklasifikasikan tingkah laku murid mengikut jantina secara biologi, tingkah laku, pemikiran dan sosiobudaya. Selain itu, pengalaman pendidikan di rumah juga turut mempengaruhi penerimaan murid mengikut gender masing-masing.

Dalam penglibatan murid di bilik darjah, secara umumnya murid lelaki lebih aktif dalam aktiviti melibatkan fizikal, lebih baik dalam bidang matematik berbanding murid perempuan dan selalu menimbulkan isu dalam pengajaran (Healey, 2009; Santrock, 2008). Manakala murid perempuan lebih tekun dalam pembelajaran, kurang aktif, lebih kemas dan teratur, cepat matang dan cemerlang di peringkat sekolah rendah. Selain itu, murid perempuan juga adalah berbeza dari aspek tugas jantina, deskripsi tingkah laku dan penaakulan bagi penyelesaian masalah berbanding murid lelaki (Healey, 2009; Santrock, 2008). Implikasinya, perbezaan ini perlu guru ambil sebagai suatu kelebihan pada gender untuk dimantapkan dalam pengajaran.



Kajian gender di negara maju iaitu Perancis, England, Scotland, Jerman, New Zealand, Australia dan Jepun mendapati hasil pencapaian pembelajaran murid perempuan adalah lebih baik berbanding murid lelaki. Murid perempuan dapat memberi fokus pembelajaran yang disampaikan guru dalam kelas dan luar kelas dengan berkesan (Santrock, 2008). Ini menunjukkan bahawa murid perempuan lebih bersedia menghadapi persekitaran pembelajaran, mudah mengaplikasikan pengalaman sedia ada, mengembangkan kemahiran pembelajaran dan lebih bersedia meneruskan pendidikan ke tahap yang lebih mencabar berbanding murid lelaki.

Di negara membangun, khasnya negara Trinidad Tobago golongan perempuan kurang diberi kepercayaan memegang jawatan khasnya dalam bidang sumber manusia. Dalam sektor pendidikan, guru perempuan diletakkan peranannya masih kurang penting dalam pengajaran di bilik darjah berbanding penglibatan guru lelaki. Penglibatan guru perempuan dalam pengajaran di sekolah kurang diyakini sebagai penggerak kepada perubahan murid untuk berjaya. Guru lelaki lebih diyakini sebagai pendidik yang berkesan di rumah dan di sekolah. Ini ditambahkan lagi, ibu bapa mewariskan murid dengan budaya yang lebih menghormati penglibatan jantina lelaki dalam pelbagai sektor perkhidmatan (Jules & Kutnick, 1997). Amalan budaya ini akhirnya memberi impak kepada keciciran murid dalam pembelajaran di sekolah.

### **2.9.2 Stereotaip**

Kepelbagaian etnik dan budaya merupakan antara cabaran kepada usaha guru dalam mengintegrasikan murid. Hal ini demikian, murid kerap terdedah dengan amalan stereotaip di dalam kumpulan masyarakatnya. Pengkaji dalam negara merujuk stereotaip sebagai tindakan kumpulan tertentu yang memberi

gambaran mental atau penilaian tentang individu atau sesuatu budaya yang tidak berasas. Fahaman stereotaip ini menjadi punca menimbulkan perasaan negatif dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia (Mohd.Amar, Hazri Jamil & Najeemah, 2013; Aminuddin et.al, 2006). Misalnya imej negatif tentang sesuatu perlakuan buruk atau baik yang disasarkan kepada sesuatu kumpulan etnik minoriti. Hal ini terhasil apabila berlaku pertembungan melibatkan dua atau lebih komuniti etnik.

Pengkaji luar negara menyatakan stereotaip adalah penilaian sesama manusia yang boleh menyumbang kepada masalah dalam masyarakat pelbagai. Andaian yang salah tanpa usul periksa ini kerap ditujukan terhadap sesuatu budaya, tradisi, nilai serta kepercayaan (Derman-Sparks & Ramsey, 2011; Kyles & Olafson, 2008). Selain itu, stereotaip juga adalah fakta umum yang kurang baik ditujukan kepada sesuatu kumpulan etnik. Imej kurang baik ini dimanipulasikan bertujuan memberi gambaran baik atau negatif yang ditujukan kepada sesuatu kumpulan etnik apabila berlaku pertembungan dua pihak (Afrizal, 2012; Healey, 2009). Impaknya, sesuatu kelompok etnik itu memandang rendah keupayaan etnik lain, menghadkan komunikasi dan menimbulkan semangat perkauman yang menebal.

Seterusnya Healey, (2009) melihat kesan stereotaip yang boleh berlaku berterusan dari satu generasi ke generasi yang akan menjejaskan hubungan antara kumpulan dominan dan minoriti. Kandungan stereotaip juga yang sebenarnya antara yang dominan dan kumpulan-kumpulan minoriti dan sering salah satu cara penting di mana kumpulan dominan cuba untuk membenarkan atau merasionalisasi hubungan itu

Stereotaip boleh dikategorikan kepada dua sifat utama berdasarkan kajian Simpson dan Yinger, (1985) dalam Mohd.Amar, Hazri Jamil dan Najeemah (2013). Sifat stereotaip pertama ialah melabel murid dengan sifat rendah sendiri yang melampau seperti bodoh dan tidak cerdas. Golongan yang mengamalkan stereotaip, kerap memberi pandangan bahawa anak lelaki hanya bermain kereta dan anak perempuan bermain boneka sahaja. Implikasinya dalam pengajaran, fahaman stereotaip ini menjarakkan jurang perhubungan kaum dan membataskan sosialisasi antara murid pelbagai kaum dalam bilik darjah. Selain itu juga menghalang perkembangan sifat kreatif dan ekspresif melalui imaginasi dan pemikiran (KPM, 2003).

Sifat stereotaip kedua, melabelkan kumpulan murid tertentu berdasarkan kumpulan minoriti atau dominan, penyalahgunaan kuasa dan membezakan aktiviti pengajaran berdasarkan status jantina. Kenyataan ini selaras dengan dapatan pengkaji dalam negara yang menyatakan stereotaip sebagai gelaran terhadap suatu kelompok tertentu yang mengakibatkan kerugian dan menimbulkan ketidakadilan (Mohd.Amar, Hazri & Najeemah, 2013; Mohd Anuar, 2010). Misalnya menganggap seseorang malas kerana dia seorang Melayu, pengotor dan tamak kerana dia orang Cina serta sifat licik kerana dia orang India. Segala bentuk kenyataan ini memberikan kesan yang positif dan juga negatif kepada perkembangan emosi, kognitif dan sosialisasi murid (Aminuddin et.al., 2006).

Dalam pengajaran, kepercayaan yang bersifat stereotaip menjadi penghalang atau memutuskan hubungan di antara tugas guru dan murid. Aspek ini menyebabkan komunikasi dua pihak terhalang seterusnya memberi kesan kepada penguasaan dan pencapaian akademik murid (Matkin, & Barbuto, 2012).

Perkembangan tersebut menjadi penghalang kepada penerapan nilai dan keyakinan guru menyampaikan pengajaran. Implikasinya, segala bentuk perkongsian budaya di antara guru dan murid adalah penting serta saling melengkapi dalam aktiviti pengajaran (Koyama, Plash & Davis, 2012).

Implikasi dari amalan stereotaip, guru perlu mengadaptasi cara yang lebih inovatif yang tidak hanya sekadar mempunyai kesedaran terhadap kepelbagaian budaya. Guru perlu lebih menghargai dan memaksimumkan kekuatan kepelbagaian etnik. Guru perlu lebih bijaksana mengaplikasi kelebihan dibawa oleh murid dan ibu bapa, mengembangkan pemikiran yang holistik dan menyediakan secara sebenarnya persekitaran pendidikan yang responsif terhadap semua murid (Mohd.Amar, Hazri & Najeemah, 2013; Mohd Anuar, 2010). Oleh itu, guru perlu mempunyai dan meningkatkan sikap, kesedaran, pengetahuan sebagai langkah untuk lebih memahami murid pelbagaikan etnik (Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof, (2016). Tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi dalam kalangan guru ini akan memastikan proses pengajaran berjalan secara efektif.

### **2.9.3 Prejudis**

Prejudis mempunyai skop pengertian yang luas dalam PAB. Secara umum amalan prejudis merujuk kepada tindakan individu yang memberi anggapan, andaian, pandangan, simpulan, prasangka, simpulan dan tuduhan yang menjurus kepada kecenderungan yang negatif. Pengkajian tentang prejudis membuktikan bahawa amalan ini tidak terhad pada individu tertentu atau berlaku dalam situasi tertentu namun lebih bersifat umum kepada unsur budaya dalam masyarakat (Amir Hasan, 2004). Amalan prejudis ini, timbul dalam kalangan masyarakat apabila proses membuat penghakiman dilakukan lebih awal tanpa

pengenalpastian lebih awal yang akhirnya membawa kepada amalan bersifat positif atau negatif (Aminuddin et.al, 2006).

Prejudis dalam aspek kajian ini merupakan amalan yang diwarisi murid melalui penerapan pendidikan ibu bapa di rumah dan masyarakat persekitaran secara warisan budaya. Sikap prejudis ini seterusnya menular melalui perbuatan pemerhatian murid terhadap persekitaran. Seterusnya sikap tersebut diterjemahkan dan diluahkan melalui perasaan, pemikiran serta amalan rutin harian (Aminuddin et.al, 2006). Kematangan terhadap sikap prejudis mencapai kemuncak apabila murid sekolah sentiasa menilai dan bersikap negatif terhadap kelompok lain sebagai rutin sosialisasi yang akhirnya sampai ke tahap rasis. Kesan sikap prejudis semakin mudah dilihat apabila berlaku persaingan bagi mendapatkan sesuatu yang terhad meliputi politik, ekonomi, sosial dan sebagainya (Jamilah & Niranjala, 2012).

Dalam pengajaran, sikap prejudis juga berlaku apabila guru mengklasifikasikan murid secara biologi berpandukan saiz fizikal atau lebih tepat mengikut ras (Anita, Noryani & Husni, 2015; Noriati et.al 2014). Misalnya, mengasingkan murid obesiti, kerdil, tinggi dan rendah. Sifat-sifat fizikal atau ras ini akhirnya dikaitkan dengan kebolehan moral dan intelek mereka. Ini akhirnya membentuk sikap rasisme yang meyakini ras tertentu berstatus tinggi dan ras lain berstatus lebih rendah.

Implikasi sikap sesetengah guru yang memperlihatkan sikap prejudis terhadap murid daripada latar belakang etnik yang berbeza bukan sahaja akan memberi kesan ke atas hubungan guru-murid malah ia turut memberi kesan ke atas pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid merentasi etnik di bilik darjah. Malah, kerenggangan dalam hubungan antara guru dan murid

menyukarkan proses penyesuaian murid di persekitaran bilik darjah sehinggakan timbulnya konflik, tingkah laku anti-sosial, masalah disiplin dan memberi kesan ke atas pencapaian akademik murid.

Kajian barat mendapati bahawa budaya prejudis kerap berlaku apabila adanya transisi budaya dalam masyarakat. Sikap prejudis digambarkan sebagai amalan yang tidak bertamadun, tidak berperikemanusiaan dan berpihak kepada kumpulan yang berkepentingan sahaja (McLemore & Romo, 2004). Implikasinya, mendedahkan murid sekolah untuk menerima amalan prejudis melalui warisan budaya tanpa sebarang usul periksa.

Bahawa amalan budaya masyarakat tempatan lebih mempengaruhi perkembangan prejudis berbanding budaya yang dibawa oleh masyarakat luar. Hal ini kerana, konflik sosial di antara individu dalam masyarakat menimbulkan kesan sampingan terhadap kumpulan minoriti (Aminuddin et.al, 2006; McLemore & Romo 2004).

#### **2.9.4 Bias Etnik**

Secara umum etnik dihubungkan sebagai sekumpulan manusia yang telah membentuk jati diri berasaskan beberapa persamaan melibatkan latar belakang sejarah, bahasa, budaya, adat resam (Derman-Sparks & Ramsey, 2011). Manakala aspek *bias* etnik, dirujuk sebagai tindakan kumpulan masyarakat yang melabelkan antara kelompok lain dengan berlandaskan generasi dan warisan budaya (Anita, Noryani & Husni, 2015; Noriati et.al, 2014). Terdapat beberapa konsep *bias* etnik yang perlu diketahui guru dalam pengajaran di bilik darjah iaitu konsep *bias* etniksiti, etnosentrisme dan diskriminasi.

Pertama, konsep etniksiti iaitu merujuk kepada rasa kekitaan terhadap sesuatu kumpulan etnik. Kedua, konsep etnosentrisme yang merupakan sikap

atau kepercayaan bahawa budaya etnik yang diwarisi adalah yang terbaik dan tinggi martabatnya daripada budaya kelompok etnik yang lain. Ketiga, konsep diskriminasi iaitu merupakan pandangan, pemikiran dan kepercayaan negatif sekelompok etnik terhadap etnik yang lain.

Di Malaysia masyarakat majmuk, terbentuk daripada pelbagai gabungan etnik. Setiap gabungan etnik mewarisi amalan budaya dan warisan yang unik seperti bahasa, kepercayaan adat istiadat, amalan tradisi dan anutan agama (Ramlee Mustapha et al., 2009). Pegangan hidup kumpulan etnik yang pelbagai ini, mempunyai perhubungan secara langsung dengan kelainan dalam amalan nilai murni yang diamalkan masyarakat (Afrizal, 2012; Syed Serajul Islam, 2008).

Institusi pendidikan di Malaysia, memainkan peranan penting untuk menggalak dan mengekalkan perhubungan integrasi antara etnik yang pelbagai (Ezhar & Madiha 2016). Perkongsian antara etnik adalah sangat penting dan menyumbangkan kefahaman yang membantu untuk mengekalkan perpaduan dan kestabilan dalam masyarakat (Abd Rahim, Mohd Ghafar & Anis Ayuni, 2010). Dalam konteks ini, pendekatan yang terbaik untuk menjalin kefahaman dan saling bertoleransi adalah melalui pengajaran dalam pendidikan (Abd Rahim, Mohd Ghafar & Anis Ayuni, 2010). Pendekatan ini mampu menangani isu perkauman yang mengancam keharmonian dan perpaduan masyarakat (Rohaty, Salasiah & Elis 2011).

Sikap polarisasi kaum merupakan cabaran utama untuk membentuk permuafakatan dalam hubungan etnik. Dalam bidang pendidikan, sikap perkauman juga wujud khasnya melibatkan profesion pendidikan terhadap murid berlainan etnik (Amir Hasan, 2004). Realiti dalam Sistem Pendidikan Abad ke-

21 memerlukan pengajaran di bilik darjah mempunyai keupayaan untuk memberi maklum balas secara efektif terhadap kelompok masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya di sekolah serta komuniti. Selain itu juga menyediakan murid bagi mewujudkan perkongsian maklumat yang dapat mengeratkan hubungan individu yang berbeza budaya (Banks, 2007).

Kajian etnik di Malaysia, menjelaskan bahawa kedudukan atau darjah etnik seseorang individu dalam kumpulan masyarakat yang menentukan tingkahlakunya dalam hubungan etnik tersebut (Mansor, 2001). Individu yang kerap berada dalam etnik dan kurang berkomunikasi dengan etnik lain yang mengutamakan etniknya di dalam tingkahlakunya. Manakala individu yang kurang atau pupus etniknya yang mengutamakan perkiraan bersifat non-etnik hingga boleh menjalin perhubungan dengan individu-individu lain. Implikasi kepada perkembangan di sekolah, suasana sosial tersebut akan membentuk masyarakat yang lebih bersifat bersatu padu dan harmoni (Halipah, 2016). Berbeza jika batas hubungan etnik itu kuat, maka individu hanya menjalin perhubungan erat dengan individu lain berdasarkan persamaan etnik. Hal ini, akan mewujudkan masyarakat yang terpisah (Halipah, 2016; Amir Hasan, 2004). Mereka akan hidup dalam kelompok masing-masing tanpa terikat dengan nilai murni yang dikongsi bersama.

Manakala kajian di Malaysia, menjelaskan perhubungan etnik mestilah berpaksi kepada teori ajaran Islam yang komprehensif dan menyeluruh (Ismail, 2005). Kenyataan ini selari dengan pendapat Al Ghazali (2010), di mana al-Quran adalah panduan yang utama. Isi kandungannya menjelaskan hikmah kejadian manusia yang pelbagai etnik. Hal ini agar manusia dapat hidup bersama, berkomunikasi dan tolong-menolong untuk hidup secara aman, membina ilmu



dan kekuatan ekonomi serta teknologi dalam segala aspek kehidupan (Hanipah, 2016; Mohd Anuar, 2010). Kebebasan beragama dalam Islam berdasarkan keyakinan untuk memilih agamanya. Konsep perkongsian kuasa, kebebasan beragama, perlindungan undang-undang terhadap kaum yang lemah merupakan dasar APAB.

Dalam pembentukan identiti etnik, di dapati murid di sekolah banyak dipengaruhi oleh polisi yang ditetapkan oleh pihak sekolah (Agbenyega & Peers, 2010). Cara murid berfikir, menyelesaikan masalah dan bertindak adalah seiring dengan ketetapan polisi yang diamalkan sekolah ke atas murid (Hazri, 2007). Pelaksanaan polisi sekolah ini menyumbang kepada semangat perpaduan murid khususnya dalam aktiviti pengajaran. Kajian beliau turut mendapati terdapat perbezaan terhadap kepercayaan, pendapat dan proses untuk perpaduan yang telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Latar belakang murid mempengaruhi persepsi guru terhadap hubungan guru-murid (Mohd Azam, 2009; Milner, 2003a). Etnik murid khususnya bangsa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan persepsi guru terhadap kualiti hubungan antara guru dan murid. Persamaan etnik melibatkan guru dan murid mendorong guru membentuk hubungan yang lebih baik dengan murid (Saft & Pianta, 2001). Selain itu, kajian turut mendapati bahawa hubungan guru dengan murid lebih memaparkan nilai bias dari segi etnik dalam bilik darjah. Ini dilihat apabila terdapat murid daripada etnik majoriti dalam sesebuah sekolah berbanding murid daripada etnik minoriti (Casteel, 1998). Kajian ini membuktikan kewujudan sikap prejudis guru daripada etnik majoriti terhadap murid daripada etnik minoriti. Sikap ini bukan sahaja akan menimbulkan jarak

sosial antara guru dan murid malah ia mampu memperlebar sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah.

Sikap guru terhadap murid akan memberi kesan kepada komunikasi di antara guru dengan murid. Aspek tersebut memberi kesan terhadap pengalaman pembelajaran dan pencapaian akademik murid (Mariani, 2010; Yasmin, 2014). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Hazri Jamil et al., (2004) mendapati bahawa guru perlu lebih sensitif terhadap emosi murid kumpulan minoriti. Aspek negatif khasnya komunikasi yang kesat perlu dielakkan dan guru wajib melayan pelajar pelbagai etnik sebagai insan istimewa. Setiap isu yang dikemukakan pelajar melibatkan golongan majoriti atau minoriti perlu di ambil perhatian bagi mengelakkan amalan bias berkembang terhadap kumpulan pelajar tersebut (Hazri Jamil et al., 2004). Amalan sikap mementingkan sensitiviti dan penghargaan terhadap budaya etnik murid yang pelbagai memberi lebih banyak kesan yang besar dan membantu seseorang individu untuk meninggalkan pemikiran yang etnosentrik dan membina pemikiran etnorelatif (Yasmin, 2013; Hazri Jamil et al., 2004).

### **2.9.5 Bias Sosial**

Penilaian guru berdasarkan status sosial dalam pengajaran boleh menimbulkan sikap negatif di kalangan murid. Status sosial dalam kajian ini merujuk kepada status sosio ekonomi merangkumi aspek bilangan isi keluarga, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, dan aspirasi sesebuah keluarga, yang lazimnya dihubungkan dengan komponen teras ekonomi dan sosial (Anita, Noryani & Husni, 2015; Noriati et.al, 2014).

*Bias* sosial wujud apabila murid dibezakan berdasarkan latar belakang kelas sosial rendah, sederhana dan tinggi. Demikian juga dengan amalan

berpakaian, cara berkomunikasi, jenis kenderaan dan tempat perumahan. Hasilnya peluang mendapatkan peluang pendidikan di kalangan murid lebih sukar. Ini menyebabkan kumpulan tertentu dinafikan hak asasi mereka dan kurang mendapat faedah yang diterima kerana layanan yang kurang adil (Aminuddin et.al, 2006; Mohd. Amar, Hazri & Najeemah, 2013). Implikasinya, emosi yang kurang stabil di kalangan pendidik menggalakkan mereka cenderung untuk bertindak pasif terhadap pengajaran yang disampaikan dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, guru perlu bertindak mengurus emosi dan menanamkan amalan sosialisasi yang sihat apabila bersama murid.

Latar belakang ibu bapa pula turut mempengaruhi kesediaan murid menghadapi bias sosial dalam bilik darjah. Sokongan ibubapa mempunyai kesan positif terhadap motivasi dan aspirasi murid di sekolah. Memang jelas bahawa ibu bapa dan latar belakang keluarga mempunyai pengaruh dan berperanan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak serta menentukan hala tuju kehidupan mereka. Masa yang terbanyak seharian anak-anak ialah bersama ibu bapa di rumah dengan keluarga. Situasi ini menolak amalan bias sosial di kalangan murid apabila mereka berada di sekolah.

Murid daripada keluarga berpendapatan tinggi dan berpendidikan menikmati persekitaran pembelajaran yang menggalakkan. Iubapa yang mempunyai sumber pendapatan kukuh, kurang mendapat masalah dalam membantu anak mereka mencapai pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Murid daripada status sosio-ekonomi tinggi mendapat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan murid daripada status sosioekonomi rendah dan sederhana. Keluarga yang berada mempunyai peluang-peluang yang lebih untuk membeli bahan pendidikan atau mengadakan kelas bimbingan tambahan.

Persekitaran pembelajaran yang lebih baik boleh diadakan apabila pendapatan keluarga tinggi. Sumber kewangan boleh menyumbang pencapaian akademik murid yang menggalakkan di sekolah (Derman-Sparks & Edwards, 2010).

Interaksi sosial murid dalam bilik darjah mempengaruhi perkembangan dan keyakinan etnik dalam masyarakat (Najeemah, 2006). Dapatan kajian tentang perkara ini dijelaskan seperti berikut. Pertama, setiap etnik kurang selesa dengan adanya ancaman berbentuk lisan melibatkan etnik. Kesannya menimbulkan keresahan di kalangan murid yang berbeza etnik. Kedua, wujudnya kekerapan pertentangan sesama etnik berbanding kelompok etnik yang berlainan. Ketiga, sebahagian besar kelompok etnik lebih yakin apabila berada bersama etnik yang sama khasnya ketika menelaah pembelajaran atau berbincang berbanding rakan yang berlainan etnik.

Keempat, budaya kesukuan masih menebal di kalangan murid walaupun mereka sedang belajar bersama-sama. Hal ini terbukti, apabila mereka kerap menyebut rakan-rakan mereka daripada kumpulan etnik yang sama ketika mereka memerlukan atau mencari bantuan. Mereka jarang meminta bantuan dari kumpulan etnik lain. Kelima, perbezaan jantina dan pencapaian akademik tidak mempengaruhi interaksi sosial di sekolah. Murid yang cemerlang menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding dengan murid pencapaian rendah dan sederhana. Keenam, kepelbagai sekolah tempat belajar mempengaruhi perbezaan yang signifikan antara murid dari SK, SRJK (C) dan SRJK (T) .

#### **2.9.6 Bias Bahasa**

Bahasa merupakan instrumen komunikasi penting bagi manusia dalam menyampaikan pemikiran yang diterjemahkan dalam bentuk lisan, isyarat dan tulisan (Salinah, 2015). Kewujudan bahasa menyumbang kepada perpaduan

masyarakat pelbagai kerana bahasa adalah medium perkongsian pendapat bagi merapatkan persamaan dan perbezaan fikiran.

Pengucapan bahasa tanpa unsur bias dalam pengajaran, digunakan sebagai alat untuk meningkatkan persefahaman dan perpaduan kebangsaan antara masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, berupaya menarik minat murid yang pelbagai etnik untuk mengikuti proses pengajaran di dalam kelas. Namun, apabila unsur bias bahasa berlaku maka proses pengajaran sudah tentu terjejas dan murid kurang meminati fungsi sekolah sebagai pusat perpaduan..

Bias bahasa dalam kajian ini bermaksud ucapan yang disampaikan guru secara berlebihan dan kurang berfokus dalam meningkatkan motivasi murid. Malahan bahasa yang diadaptasikan itu, memberi kesan negatif terhadap perkembangan komunikasi murid. Ini disebabkan amalan guru dalam pengajaran memberi pandangan lebih berfokus kepada aspek kelemahan berbanding keperluan murid yang memerlukan pujian, galakan dan nasihat yang berterusan (KPM 2012; Mariani, 2012; KPM, 2003).

Penggunaan bahasa di kalangan guru lelaki dan guru wanita adalah berbeza. Kajian bahasa mendapati bahawa, penggunaan bahasa di antara gender tersebut mempunyai kelainan khasnya dalam menyampaikan pendekatan pengajaran (Umi Nadiha, Zamri & Jamaludin, 2011). Malah penggunaan perkataan yang melambangkan jantina juga berbeza di antara guru lelaki dan guru perempuan (Suhaidah, Siti Nurul Jannah & Nur Suhaila, 2014). Implikasi dalam penggunaan bahasa membawa kepada guru wanita sering menggunakan frasa atau perkataan tertentu yang tidak diguna pakai oleh guru lelaki dan begitu juga sebaliknya dengan guru lelaki.

Secara umumnya, murid yang hanya menguasai dialek atau bahasa ibunda berkemungkinan menghadapi masalah dalam menelaah pembelajaran. Ini disebabkan mereka dilihat kurang faham terhadap bahan yang dibaca dan menghadapi kesukaran untuk memahami penerangan guru. Kesannya pengetahuan mereka kurang berkembang dan ketinggalan dalam pelajaran (Noriati et.al., 2014).

Namun, perlu difahami bahawa perbezaan bahasa ini bukanlah perbezaan yang dibawa oleh faktor biologi tetapi berpunca daripada faktor sosial yakni pengaruh persekitarannya. Bersandarkan kepada *bias* bahasa, mendapati bahawa guru perlulah lebih teliti dalam mengeluarkan ucapan secara lisan. Amalan *anti-bias* bahasa dalam pengajaran membolehkan murid berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan bertatasusila.

### **2.9.7 Bias Tingkah Laku**

Di sekolah, guru merupakan insan yang diberikan amanah untuk membimbing dan membentuk tingkah laku murid yang seimbang dan harmonis dari segi fizikal, pemikiran, peluahan emosi dan rohani. Guru juga memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang yang sesuai untuk menjalin komunikasi dalam kalangan murid. Segala bentuk tingkah laku yang ditunjukkan guru mempengaruhi tingkah laku murid. Malah tingkah laku guru juga memberi impak ke atas keberkesanan hubungan antara guru dengan murid (Rudasill, 2011).

Hubungan guru dan murid amat bermakna dalam membolehkan murid menyesuaikan diri dalam persekitaran bilik darjah. Banyak faktor yang mampu memberi kesan ke atas hubungan guru dan murid. Antaranya, sikap dan tingkah

laku murid, sikap dan tingkah laku guru, pengalaman lepas dalam hubungan guru murid dan pengaruh sosial (Suresh Kumar, 2016; Jefridin, 2011).

Kekuatan hubungan antara dua kumpulan ini dipengaruhi oleh keberkesanan iklim bilik darjah yang bergantung kepada kekuatan dan keperluan murid selain persepsi guru terhadap tingkah laku murid di dalam bilik darjah tersebut (Suresh Kumar, 2016; Saft & Pianta, 2001). Yang pasti, hubungan yang baik antara guru dan murid memberi kesan ke atas emosi, tingkah laku dan pencapaian akademik murid (Suresh Kumar, 2016; Jefridin, 2011).

Elemen integriti dan komitmen yang tinggi amat perlu bagi memastikan pembentukan hubungan etnik yang kukuh di persekitaran bilik darjah. Tambahan lagi, kepelbagaian guru daripada etnik yang berbeza dan ciri-ciri teladan yang ditunjukkan oleh guru di persekitaran bilik darjah amat penting bagi murid untuk merapatkan jurang antara etnik di bilik darjah (PPPM 2013-2025, KPM, 2012). Walau bagaimanapun, tanpa keberkesanan hubungan yang baik antara guru dan murid, usaha ini tidak akan membuahkan hasil.

Sikap guru yang sentiasa memberi sokongan dan prihatin dengan perkembangan murid membentuk nilai sendiri murid yang positif. Kesannya, murid menunjukkan minat dan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti dalam bilik darjah. Justeru, peranan guru amat penting dalam merangsang interaksi dan memperkukuh hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid (Komalasari, 2017; Yasmin & Najeemah, 2012). Sehubungan itu, peranan dan tanggungjawab guru amat diperlukan untuk membolehkan usaha pemupukan perpaduan kaum dan pembentukan integrasi nasional dapat direalisasikan dari peringkat akar umbi lagi.

Murid yang aktif dan bermasalah disiplin perlu diurus guru dengan bijaksana bagi mengelakkan konflik sosial. Guru perlu membentuk hubungan yang baik dengan murid yang kurang bersistematik, tidak menumpukan perhatian dalam pembelajaran dan mengamalkan sikap bermusuhan (Suresh Kumar, 2016; Gallagher, 2013)

Dalam hal ini, hubungan yang positif antara guru dan murid amat penting bagi memastikan penyesuaian murid di persekitaran bilik darjah. Kemesraan yang ditunjukkan oleh murid dalam hubungan dan keberkesanan interaksi dalam bilik darjah memberi ruang yang bermakna kepada murid untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, hubungan yang baik antara guru dan murid memberi kesan yang positif ke atas sikap, tingkah laku dan pencapaian akademik murid. Guru bertindak sebagai sokongan emosi dan perlindungan kepada murid di sekolah.

Tingkah laku mempunyai pengaruh yang besar dalam pelaksanaan pengajaran guru di prasekolah. Menurut Aminuddin et.al., (2006), tingkah laku *bias* merujuk kepada potensi diri seseorang bertindak atau mempunyai niat untuk bertindak. *Biasanya* tingkah laku ini ditunjukkan secara tidak langsung atau terang-terangan. Cara peluahan perbuatan ini menggambarkan perbuatan negatif ke arah seseorang disebabkan perbezaan kumpulan, anutan kefahaman, taraf kehidupan dan amalan budaya. Amalan *bias* tingkah laku ini biasanya terpancar dalam bilik darjah melalui tindak balas bahasa badan atau secara komunikasi terhadap murid.

Teknik guru memberi ulasan yang disertai dengan gerak badan yang bertentangan dengan situasi biasa dilihat kasar merupakan komponen tingkah laku yang dilihat murid sebagai perasaan prasangka. Perbuatan ini biasanya



berlaku secara tiba-tiba atau secara disengajakan. Menurut Aminuddin et.al., (2006), apabila seseorang itu mempunyai sikap *bias* terhadap orang lain maka mereka tidak menghiraukan pandangan orang lain terhadapnya, malahan meneruskan sahaja sikap *bias* tersebut. Selain itu, *bias* tingkah laku juga berlaku apabila guru cenderung untuk meletakkan harapan yang berbeza antara peranan murid lelaki dan perempuan (PAUD, 2013).

### **2.9.8 Bias Amalan Agama**

Dalam kajian ini, bias amalan agama dalam pengajaran dirujuk sebagai pendidikan yang bertentangan dalam memahami kebenaran atau penerapan nilai murni agama. Hal ini demikian kerana masalah sikap guru yang menggunakan kerangka pandangan sendiri dalam mencapai matlamat pendidikan segera. Akibatnya menimbulkan kecenderungan untuk mengambil jalan mudah, mengabaikan perkara wajib dan mementingkan diri sendiri (Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat, 2011).

Di Malaysia, agama memainkan peranan penting terhadap hubungan masyarakat. Setiap rakyat sentiasa peka dan sensitif dengan amalan agama masing-masing. Manakala, pengetahuan terhadap agama kaum lain diambil peduli sebagai sumber kekuatan dalam menyemai tahap pemikiran yang murni serta sejahtera bagi mengelak daripada isu perpaduan nasional (Shamsul Amri, 2008).

Murid menerima pendedahan agama daripada ibu bapa masing-masing iaitu sebelum pembelajaran formal bermula di sekolah. Pengisian agama meningkatkan penaakulan murid untuk berfikir dan saling kenal mengenali mengenai sesuatu perkara). Hasilnya boleh memberi kesan positif kepada perkembangan diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara (Abd Halim, Salleh

& Khadijah, 2012; Abdullah Nasih, 2008. Atas sebab tersebut, al-Quran menyebut pentingnya sikap saling mengenali sesama manusia dalam Surah al-Hujurat: ayat 13 yang bermaksud:

*"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal antara satu sama lain".*

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa manusia dijadikan daripada pelbagai etnik dan ras. Walaupun terdapat persamaan dan perbezaan yang ketara namun mereka boleh menerokai dan mengenali antara satu sama lain (Al-Ghazali, 2010). Tidak mustahil akan terbina hubungan yang harmoni di kalangan mereka dalam semua aspek kehidupan serta dapat mengelak daripada sebarang perpecahan akibat kejahilan dan sikap bias agama yang menguasai minda dan sikap masyarakat.

Pada umumnya amalan agama yang menjadi majoriti di sesebuah negara mempengaruhi pelaksanaan nilai-nilai kurikulum yang dibentuk. Namun, jika nilai-nilai murni agama dijadikan penghalang kepada pengajaran maka membawa kepada amalan *bias* agama. Oleh itu, kepekaan guru terhadap agama yang dianuti murid di kelasnya membantu mereka memahami kesamarataan dan keadilan dalam beragama di Malaysia (Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat, 2011). Sebagai pendidik, guru perlu menunjukkan teladan dan toleransi mengenai persamaan serta perbezaan beragama. Guru perlu mengamalkan keadilan dengan menolak sebarang bentuk perbezaan dan ketidakadilan yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain atas warna kulit, kedudukan keluarga, dasar jantina, bahasa, kesukuan, harta dan negara.

Kepelbagaian agama dalam bilik darjah bukan merupakan masalah utama dalam pengajaran. Perkara tersebut merupakan satu cabaran untuk guru

menaakul aktiviti yang membantu murid untuk saling memahami, sentiasa sabar, bertoleransi dan mementingkan amalan perpaduan. Selain itu, kelihatan bahawa kepelbagaian etnik di Malaysia dijadikan sebagai sumber keperluan untuk menerokai dan mengetahui tentang prinsip beragama tanpa mengambil kira agama, umur dan status (Rahimi Affandi & Nor Adina, 2012; Nigosian, 2008). Hal ini kerana implikasi memahami agama lain mampu mendidik guru menolak salah tanggapan terhadap agama etnik lain.

Hak persamaan yang diletakkan oleh Islam tidak berdasarkan kepada kedudukan seseorang mengikut jantina atau keturunan dan bangsa. Setiap orang, lelaki atau perempuan, Islam atau bukan Islam, kaya atau miskin, adalah sama. Mereka mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang dan mempunyai peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah (Rahimi Affandi & Nor Adina, 2012; Nazri, Nik Yusri & Ahmad Hidayat, 2011).

#### **2.10 Perbandingan Kurikulum Pendidikan Anti-Bias Di Luar Negara Dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Di Malaysia**

Kurikulum mempunyai pengertian dan tujuan yang amat luas. Di barat, kurikulum dimaksudkan sebagai suatu dokumen lengkap yang membentuk hala tuju pendidikan yang ingin di capai (Saedah, 2001). Di Malaysia kurikulum diertikan sebagai suatu program pendidikan yang melibatkan program kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum ini bertujuan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu daripada aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2001).

Kurikulum *Anti-Bias* di Amerika Syarikat dan kurikulum prasekolah di Malaysia boleh ditakrifkan sebagai sebuah dokumen standard yang mengandungi kemahiran dan strategi pelaksanaan. Pelaksanaan Kurikulum *Anti-Bias* diaplikasikan di peringkat taska sehingga ke tahap institusi pengajian tinggi (Meece, Rivers & Wingate, 2009). Manakala kurikulum prasekolah melibatkan murid dalam lingkungan umur 4 sehingga 6 tahun. Kurikulum ini direka bentuk selari dengan keperluan pendidikan murid di antara umur empat tahun hingga enam tahun. (KPM, 2001, 2003, 2012).

Kewujudan Kurikulum *Anti-Bias* di luar negara bertujuan menghapuskan segala bentuk amalan serta perbuatan *bias* di sekolah (Derman-Sparks & Edwards, 2010)). Dalam kurikulum ini terkandung strategi yang boleh diaplikasikan guru bagi menangani segala bentuk perbuatan *bias*, meliputi prejudis, stereotaip, berat sebelah dan isu-isu tertentu dalam masyarakat. Isi kandungan kurikulum ini juga, mengasuh murid tentang amalan murni pelbagai budaya masyarakat di persekitaran untuk dinikmati bersama (Meece, Rivers & Wingate, 2009). Pelaksanaan kurikulum ini, dilihat memberikan kepercayaan dan kebebasan kepada murid untuk mengenali nilai amalan budaya masyarakat.

Di Malaysia, kurikulum pendidikan prasekolah digubal dengan tujuan untuk memupuk potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dari segi pembangunan minda dan kreativiti, pemupukan dan amalan nilai yang berteraskan agama dan moral, pengukuhan dan kestabilan emosi dan penyuburan fizikal sebagai persediaan untuk hidup bermasyarakat dan menghadapi pendidikan formal di sekolah rendah (KPM, 2012, 2003, 2001).

Potensi murid ini dikembangkan secara bersepadu kerana setiap aspek perkembangan saling mempengaruhi. Dengan pelaksanaan kurikulum ini, diharap semua murid yang terlibat dalam kurikulum ini dapat melahirkan individu yang

seimbang dan harmonis. Mereka sebagai individu dalam masyarakat diharap dapat memperkembangkan kepercayaan kepada Tuhan, mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran asas, berakhlak mulia, emosi yang stabil dan kesihatan serta kecerdasan.

Kurikulum Anti-Bias memberi ruang kepada murid memperjuangkan persamaan hak dan merapatkan jurang perbezaan dalam sistem pendidikan (Derman-Sparks & Edwards, 2010)). Ini dilihat penyelidik mempunyai persamaan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (KPM, 2001), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (KPM, 2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2012). Melalui pelan pendidikan ini, telah melahirkan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK, 2002) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2012) yang bertujuan merapatkan jurang pendidikan di kalangan masyarakat pelbagai kaum yang tinggal di bandar, luar bandar dan pedalaman. Perjuangan ini juga turut memberi hak kebebasan kepada masyarakat pelbagai latar belakang dan peringkat untuk menyumbangkan kepakaran untuk kepentingan negara khususnya dalam bidang ekonomi, politik serta sosial (Lin, Lake & Rice (2008).

Perkongsian amalan sosial, pendidikan, ekonomi, politik serta sosial ini akhirnya dapat memupuk perpaduan di kalangan murid pelbagai kaum (Derman-Sparks & Ramsey, 2011; Healey, 2009). Mereka dapat mempelajari perhubungan sesama rakan dengan suasana sihat, kesamarataan dalam mencari sumber ekonomi dan berkongsi budaya pelbagai. Oleh itu, melalui peranan sekolah dan kurikulum diharapkan dapat membuka minda murid untuk mengenali perbezaan dan persamaan dengan lebih rapat serta dilayan sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk.

Kurikulum Anti-Bias, berupaya mengubah perspektif sahsiah murid terhadap dunia persekitaran. Pelaksanaan amalannya, mengasuh murid untuk menggantikan tindakan dan kebimbangan terhadap rakan sebaya kepada sikap autonomi dan

bertanggungjawab (Freire, 2000). Manakala KPK (KPM, 2002) dan KSPK (KPM, 2012) yang wujud, memberi tanggungjawab perubahan tingkah laku murid kepada guru. Guru di amanah sebagai pembimbing, pengasuh dan pendorong ke arah perkembangan murid yang berfikir, mempunyai rohani, emosi dan jasmani seimbang.

APAB yang merentasi kurikulum, membantu guru melaksanakan proses pencegahan awal secara berperingkat. Proses ini merangkumi mencegah, menghapuskan dan menyembuhkan segala bentuk masalah melibatkan *bias* atau berat sebelah (Lin, Lake & Rice, 2008; Derman-Sparks & Fite, 2007). Ini selaras dengan keperluan KPK (KPM, 2002) dan KSPK (KPM, 2012) yang menjadikan sekolah sebagai pusat yang penuh kasih sayang, selamat, selesa dan riang. Tujuan utamanya sebagai pusat pendidikan kedua penting selepas pendidikan di rumah.

Dalam hal pencegahan ini, guru dibimbing secara proaktif untuk mengetahui kecenderungan sikap prejudis, stereotaip dan isu bias yang perlu ditangani segera (Lin, Lake & Rice, 2008; Derman-Sparks & Fite, 2007). Implikasi pelaksanaannya pula, dapat melahirkan murid yang mudah memahami masalah yang wujud dengan lebih berkesan. Kemudian mereka berusaha menangani dengan berhikmah, menghargai perbezaan budaya, menerima kepelbagaian etnik sebagai keperluan dan bertoleransi dalam masyarakat pelbagai.

APAB mendidik murid untuk menerima dan membentuk iklim sekolah yang diterima oleh semua murid yang pelbagai etnik. Mereka diberikan hak keadilan dan mengamalkan nilai-nilai mulia masyarakat (Young, 2011; Derman-Sparks & Fite, 2007). Situasi ini, meletakkan murid dalam situasi layanan yang adil tanpa ada perbezaan dalam aspek gender, budaya, suku bangsa, bahasa dan amalan hidup (Milner, 2003b). Pelaksanaannya membolehkan murid menerima amalan *anti-bias* secara hormat sebagai budaya persekitaran yang menentang prasangka budaya

(Meece, Rivers & Wingate, 2009).). Ini selaras dengan kehendak Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2002) yang menekankan iklim sekolah yang baik meliputi keselesaan, ketenteraman, mesra dan suasana riang adalah kunci pembelajaran sempurna. Oleh itu, penekanan kepada kesepaduan iklim berupaya membentuk pendidikan *anti-bias* yang merupakan tunjang pembelajaran bagi kepelbagaian murid.

Pelaksanaan pendidikan anti-bias membentuk pemikiran golongan pendidik serta murid yang berfokus masyarakat. APAB melatih guru dan murid untuk bebas berfikir secara terbuka. Mereka membina hubungan komunikasi, berbincang tentang isu-isu masyarakat serta membentuk persefahaman sebagai garis panduan untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi dalam bilik darjah (Lin, et al, 2010; Derman-Sparks, & Fite, 2007); Rice, Lake & Payne, 2006). Manakala KPK (KPM, 2002) dan KSPK (KPM, 2012) pula, menyatakan APAB berupaya meningkatkan kemahiran berfikir, kemahiran proses, kemahiran menyoiasat dan menyelesaikan masalah.

Peningkatan pengetahuan guru melalui perbincangan dan pertukaran idea melatih mereka berfikir secara rasional sebelum bertindak. Mereka boleh memahami bahawa segala tindakan dan perbuatan yang dilakukan memberi impak kepada perkembangan murid untuk menjalin hubungan sesama rakan yang pelbagai etnik di sekolah (Komalasari, 2018). Dengan ini mereka berupaya mencipta sesuatu perubahan persekitaran sekolah dengan lebih selesa dan selamat. Situasi ini, menjadikan guru lebih berkeyakinan membangunkan sifat positif murid yang terdiri daripada pelbagai etnik. Guru juga dapat menanam dan mengembangkan minat murid untuk menerokai kepelbagaian budaya dengan lebih mencabar minda serta menghapuskan identiti perkauman yang menghalang kebebasan bersuara.

Pembinaan persahabatan di kalangan murid, turut menjadi sasaran utama yang ditekankan dalam APAB di sekolah. Persahabatan yang wujud melalui penerimaan murid terhadap amalan adat istiadat, makanan tradisi dan permainan rakyat memperbaiki perhubungan mereka terhadap rakan-rakan sebaya yang berlainan etnik. Manakala, aktiviti di sekolah murid turut di libatkan dalam pelbagai aktiviti yang akhirnya melunturkan sikap perkauman kepada tingkah laku mulia dan mewujudkan persahabatan (Pfeifer, Brown, & Juvonen, 2007). Oleh itu, pembinaan persahabatan adalah antara kunci asas dalam pendidikan *anti-bias* yang perlu diambil perhatian. Jika telah dikuasai maka mudah untuk mewujudkan semangat kekitaan di kalangan guru dan murid.

Kurikulum Anti-Bias dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah memberi kelebihan penguasaan pedagogi kepada bakal guru baharu prasekolah. Guru di beri pendedahan tentang pedagogi pengajaran kurikulum yang amat bersesuaian dengan tahap perkembangan dan masalah yang *biasa* dihadapi murid (Rosli, 2006). Mereka *biasanya* didedahkan dengan pengajaran yang bersifat '*blind colour*', kepelbagaian budaya dan aktiviti-aktiviti pengajaran bersifat *anti-bias* (Meece, Rivers & Wingate, 2009). Melalui pelaksanaannya, guru dapat membina sikap positif terhadap tugas, memperkembangkan ilmu pengetahuan, keunggulan dan etnosentrisme di kalangan guru baharu (Thomson, 1993 dalam Lin, M., et.al., 2010: Derman-Sparks & Fite, 2007). Mereka melihat murid sebagai keutamaan untuk diasuh dan dikembangkan bakatnya.

APAB berupaya meningkatkan kemahiran sosialisasi guru di sekolah. Proses sosialisasi ini penting untuk guru, kerana saling mempengaruhi antara individu dan persekitaran kerja (Rosli, 2006). Segala bentuk tindakan berat sebelah, perkauman, masalah jantina dan penindasan digantikan dengan interaksi sosialisasi yang positif.



Melalui kurikulum ini juga, menyediakan guru dengan persepsi tentang kehidupan dan persekitaran sebenar murid. Ketelitian guru tentang tugas yang diamanahkan dapat menggalas kepercayaan untuk mengurus murid (McLemore & Romo, 2004). Dengan ini, murid juga lebih yakin untuk datang ke sekolah dan menerima guru sebagai agen perubahan yang bermakna.

Dapatan ini selaras dengan kewujudan Kurikulum Pendidikan Prasekolah yang lebih berfokus kepada sosialisasi kanak-kanak dalam kelas prasekolah. Terdapat perkembangan-perkembangan yang merupakan kemahiran yang diajar berfokus tentang amalan budaya majmuk, jati diri, hormat-menghormati, perpaduan kaum, toleransi, gender, keagamaan, dan nilai-nilai murni masyarakat (Rohani, Nani Menon & Mohd. Sharani, 2007). Ini dapat dilihat melalui beberapa objektif perkembangan pelajaran berikut iaitu Perkembangan Sosioemosi, Perkembangan Kerohanian dan Moral, Pendidikan Agama Islam, Perkembangan Estetika Dan Daya Kreatif dan Pendidikan Ketatanegaraan. Kemahiran-kemahiran yang dinyatakan ini mempunyai kaitan dengan kajian yang sedang dilaksanakan oleh penyelidik.

Pelaksanaan pendidikan anti-bias dilihat memberi kuasa kepada murid prasekolah untuk menentang budaya perkauman. Ini dapat dilihat, apabila Kurikulum Anti-Bias yang telah dibina menggabungkan nilai murni tentang kepelbagaian budaya dengan aktiviti yang sesuai dalam pengajaran. Dalam kurikulum pendidikan prasekolah di Malaysia, juga berlaku aspek tersebut. KPK (KPM, 2002) dan KSPK (KPM, 2012) memasukkan budaya persekitaran dalam pengisian kurikulumnya. Di dalamnya terkandung amalan terbaik hak asasi manusia yang diterapkan dalam pengajaran guru di bilik darjah.

Penggabungan budaya ini bertujuan, untuk menanamkan nilai amalan masyarakat majmuk yang dikongsi bersama dalam sebuah negara (Siti Zuraida, 2014).

Manakala, di peringkat Institusi Pendidikan Guru (IPG) pula telah menawarkan kurikulum bagi Kursus Budaya Dan Pembelajaran dalam bidang pengajian profesional bagi guru pelatih (Noriati et.al., 2014). Ini bertujuan mendedahkan guru dengan implikasi kepelbagaian sosiobudaya terhadap sekolah dan warga sekolah bagi menanamkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan guru.

Berdasarkan Jadual 2.1 di bawah, di terangkan secara ringkas perbandingan Kurikulum Pendidikan Anti-Bias di luar negara dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Di Malaysia.

Universiti Malaysia

Jadual 2.1.

*Perbandingan Kurikulum Pendidikan Anti-Bias Luar Negara (Amerika Syarikat, Britain, Belanda, Kanada, Australia) Dan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Di Malaysia*

Kurikulum Pendidikan Anti-Bias	Kurikulum Pendidikan Prasekolah
<p>Ditakrifkan sebagai dokumen standard yang mengandungi kemahiran dan strategi pelaksanaan. Dilaksanakan di peringkat taska hingga ke tahap institusi pengajian tinggi. Bertujuan menghapuskan amalan serta perbuatan <i>bias</i> di sekolah.</p>	<p>Ditakrifkan sebagai dokumen standard yang mengandungi kemahiran dan strategi pelaksanaan. Dilaksanakan melibatkan murid dalam lingkungan umur 4 sehingga 6 tahun. Bertujuan mengembang dan memupuk potensi murid secara menyeluruh serta bersepadu.</p>
<p>Memberikan kepercayaan dan kebebasan kepada murid untuk mengenali nilai amalan budaya masyarakat.</p>	<p>Menyediakan murid kepada pembelajaran formal ke Tahun 1</p>
<p>Mendidik murid dengan persamaan hak dan merapatkan jurang perbezaan.</p>	<p>Merapatkan jurang pendidikan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.</p>
<p>Perkongsian amalan dan pemupukan perpaduan di kalangan murid pelbagai kaum Membentuk perspektif sahsiah murid terhadap dunia persekitaran. Membantu guru melaksanakan proses pencegahan awal secara berperingkat. Membentuk iklim sekolah, hak keadilan dan nilai-nilai mulia masyarakat</p>	<p>Memberi tanggungjawab perubahan tingkah laku murid kepada guru. Sekolah sebagai pusat pendidikan kedua penting selepas pendidikan di rumah. Menekankan pembentukan iklim sekolah yang baik Mementingkan kemahiran berfikir, kemahiran proses, kemahiran menyiasat dan menyelesaikan masalah.</p>
<p>Membentuk pemikiran golongan pendidik dan murid.</p>	<p>Meningkatkan kemahiran sosialisasi guru dan murid dalam kelas prasekolah</p>
<p>Membina amalan persahabatan di kalangan murid</p>	<p>Menerapkan hak asasi manusia dalam pengajaran guru di bilik darjah.</p>
<p>Mementingkan penguasaan pedagogi kepada bakal guru baharu prasekolah</p>	<p>Menyemai dan memperkukuhkan nilai amalan masyarakat majmuk untuk dikongsi bersama</p>
<p>Meningkatkan kemahiran sosialisasi guru dan murid. Memberi kuasa kepada murid prasekolah untuk menentang budaya perkauman.</p>	

## 2.11 Kajian Pendidikan *Anti-Bias* Di Dalam Dan Luar Negara

Beberapa kajian pendidikan *anti-bias*, telah dihasilkan di dalam dan luar negara. Hasil kajian tersebut mendapati APAB menyumbangkan kepada amalan keadilan sosial, meningkatkan pedagogi guru, kepelbagaian kaedah pengajaran, penerokaan budaya, sokongan persekitaran, pendidikan gender dan nilai murni agama pendidik.

Dalam aspek amalan keadilan sosial, kajian Hershock, Mason, & Hawkins, (2007) mendapati APAB memberikan enam kebaikan yang membawa kepada pelaksanaan dalam pengajaran di bilik darjah. Pertama, pelaksanaan amalan pengajaran *anti-bias* merapatkan jurang pendidikan murid. Kedua, mendedahkan murid tentang amalan sosiobudaya serta sosioekonomi masyarakat. Ketiga, mementingkan hak-hak kebebasan dan interaksi dalam masyarakat pelbagai. Keempat, kebebasan untuk menyuarakan pandangan dan memberi khidmat nasihat kepada mereka yang terlibat amalan *bias*. Kelima, menentang diskriminasi dan prejudis terhadap jantina, bangsa, agama, etnik, seksualiti, status sosioekonomi, umur dan kurang keupayaan. Keenam, amalan pencegahan yang menghalang sebarang bentuk pengaruh, penyebaran dan penganiayaan kumpulan tertentu.

Dapatan ini dilihat selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2012) yang antara lain bertujuan merapatkan jurang pendidikan, penyerapan sosiobudaya masyarakat majmuk, memberi hak murid dan melanjutkan amalan pendemokrasian pendidikan.

Dalam bidang pedagogi, beberapa kajian telah dilaksanakan di Eropah, Amerika Syarikat dan Kanada. Kajian di Eropah, mendapati APAB dapat melatih guru, ibubapa dan pengasuh prasekolah tentang kaedah mendidik murid. Pelaksanaan kajian ini

berfokuskan tentang kepelbagaian konsep dalam pelaksanaan pendidikan prasekolah dan keberkesanan pendidikan anti-bias (Vandenbroeck, 2007).

Hasilnya, mewujudkan perkongsian kaedah dan amalan yang berkesan tanpa ada sifat prasangka. Selain itu, mereka menjadikan sumber ekonomi dan latar belakang keluarga sebagai sumber melengkapkan APAB. Implikasi kajian ini, mencadangkan semua pihak berkepentingan haruslah menyediakan diri dengan pengetahuan asas. Persediaan lebih awal akan membekalkan mereka dengan pengalaman untuk lebih fokus dalam menyelesaikan pelbagai isu (Chen, Nimmo & Fraser, 2009).

Dapatan kajian yang dilaksanakan di Eropah ini dilihat selari dengan kajian yang dibuat di Amerika Syarikat. Kajian berbentuk kualitatif, telah dilaksanakan melibatkan 6 orang guru (Lee, 2011). Guru yang terlibat adalah guru baharu yang mengajar murid mata pelajaran keadilan sosial di Amerika Syarikat. Kajian ini bertujuan untuk memahami konsep pengajaran dan kesukaran mengajar mata pelajaran keadilan sosial. Dalam kajian ini guru mendapati murid mempunyai kefahaman yang berbeza dan mereka lebih banyak dipengaruhi oleh pengalaman. Murid dilihat, menerima dengan baik pengajaran yang disampaikan guru bagi mata pelajaran keadilan sosial. Hasil kajian juga mencadangkan, bahawa guru perlu didedahkan dengan lebih luas tentang pengajaran keadilan sosial ini.

Keberkesanan boneka sebagai sumber utama dalam pengajaran di prasekolah sukar dinafikan. Kajian mendapati pengajaran berbantuan boneka, berupaya sebagai terapi seni dan terapeutik media dalam persekitaran murid (Feen-Calligan, McIntyre, & Sands-Goldstein, 2009). Dalam kajian kualitatif tersebut, seramai 4 orang murid prasekolah terlibat. *'Baby Dolls'* diguna pakai mewakili pelbagai kaum yang ada di Amerika Syarikat. Kajian ini juga mengaplikasikan penggunaan anak patung sebagai penyelesaian kesedihan, membentuk identiti dan komunikasi profesional dalam terapi.

Dapatan kajian menunjukkan anak patung mempunyai identiti profesional yang tersendiri. Penggunaannya menyumbang pengetahuan dan kemahiran. Menggalakkan murid hormat-menghormati, bersosialisasi, prihatin, berjiwa pemimpin dan bertoleransi sesama kaum serta budaya.

Di Malaysia, kajian boneka turut memberikan input yang positif terhadap sosialisasi dan keadilan sosial di kalangan guru dan murid prasekolah. Kajian Mariani (2005), terhadap '*Persona Dolls*' mendapati bahawa penggunaannya dalam pengajaran boleh menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan dalam masyarakat Islam khasnya di Malaysia. Penggunaan '*Persona Dolls*' dalam pengajaran membantu murid prasekolah memahami kepelbagaian dalam struktur keluarga dan menjalani kehidupan dalam masyarakat. Penggunaannya yang kerap dalam bilik darjah menghapuskan sifat prejudis, diskriminasi dan menggalakkan rasa keadilan. Selain itu, penggunaan '*Persona Dolls*' juga berupaya mengembangkan pemikiran, sosialisasi, membina identiti positif dan menghargai sesama murid.

Dalam kajian Smith, (2013), juga telah mengaplikasikan '*Persona Dolls*' dalam kajian pengajaran di luar negara. Dapatan kajiannya dilihat selari dengan dapatan kajian Mariani (2005), mendapati penggunaan '*Persona Dolls*' sesuai dan memberi kesan positif dalam proses mendidik murid prasekolah. Dalam kajiannya, peserta kajian adalah melibatkan murid berusia 5 sehingga 9 tahun yang hidup dalam kemiskinan dan mengalami diskriminasi dalam masyarakat di Afrika Selatan. Dalam kajian ini, orang dewasa dilatih dan membantu dalam penggunaan '*Persona Dolls*' dalam pengajaran. Di akhir kajiannya mendapati bahawa penggunaan '*Persona Dolls*' dalam pengajaran amat berkesan. Penggunaan '*Persona Dolls*' dapat menanamkan sifat empati, menghapuskan sikap prejudis, mengukuhkan kefahaman dan kemahiran sosial dikalangan murid sekolah.

Penyelidik tempatan juga mendapati penggunaan boneka dapat meningkatkan intrapersonal dan interpersonal kanak-kanak (Loy, 2011). Dalam kajiannya, melibatkan murid prasekolah berusia 6 tahun dan terdiri daripada 10 murid lelaki dan 8 murid perempuan. Dapatan kajian membuktikan bahawa perubahan intrapersonal murid prasekolah adalah lebih menonjol jika dibandingkan dengan perubahan interpersonal murid prasekolah. Daripada segi intrapersonal, murid prasekolah dapat mengenal pasti perasaan gembira, sedih, marah, takut dan benci serta menyatakan sebabnya manakala daripada segi interpersonal, murid-murid dapat menyatakan aktiviti yang dilakukan bersama kawan dan sifat-sifat yang ada pada kawan mereka. Selain itu, bilangan kawan yang dimiliki oleh murid prasekolah dalam kajian ini juga meningkat. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa boneka selain sebagai alat pengajaran, juga berupaya menjadi penghubung persahabatan tanpa mengira etnik, warna kulit dan taraf sosioekonomi.

Murid prasekolah juga mempunyai kecenderungan jantina dan budaya dalam memilih peralatan permainan. Ini terbukti dalam kajian oleh R. Ikram (2011) ke atas faktor pengaruh jantina dan budaya dalam pemilihan alat permainan dalam bilik darjah di California, Amerika Syarikat. Kaedah temu bual bersama kaum ibu diaplikasikan untuk mendapatkan maklumat. Temu bual telah dijalankan terhadap 40 orang ibu kepada murid tersebut. Maklum balas daripada ibu menunjukkan, bahawa dalam pelaksanaan permainan murid lelaki lebih agresif berbanding murid perempuan. Didapati murid lelaki lebih suka permainan yang mencabar fizikal berbanding murid perempuan yang cenderung kepada aktiviti seni dan kraf. Kajian ini turut membuktikan, kecenderungan murid memilih peralatan permainan mengikut jantina berbanding dikongsi bersama.

Dalam aspek kajian sosial budaya, APAB membentuk budaya nasional yang diterima oleh masyarakat sesebuah negara. Ini dapat dilihat melalui kajian kualitatif melibatkan 4 orang guru prasekolah di Amerika Syarikat (Han, West-Olatunji & Thomas, 2012). Fokus kajian adalah untuk menerokai kecekapan budaya pendidik awal kanak-kanak berdasarkan teori pembangunan identiti. Selain itu, kajian ini bertujuan memahami pembangunan identiti kaum mereka serta perspektif pengajaran pelbagai budaya ke atas murid prasekolah.

Dapatan kajian, membuktikan bahawa golongan majoriti dalam masyarakat mempunyai kesukaran menerima golongan minoriti khasnya mereka yang berlainan etnik. Mereka cenderung untuk melakukan *bias* tingkah laku berdasarkan kepada warna kulit masyarakat. Implikasi kajian ini, menekankan pentingnya kurikulum pendidikan yang berteraskan sosiobudaya melibatkan bahasa, bangsa, kelas sosial masyarakat, adat resam, dan jantina untuk disampaikan kepada murid. Kurikulum sosiobudaya atau pelbagai budaya penting untuk dilaksanakan bagi menghapuskan perbezaan budaya dan sosioekonomi.

Dapatan kajian di atas selaras dengan kajian Agbenyega dan Peers, (2010). Kajian sosiobudaya ini, berfokuskan kepada ibu bapa dalam golongan imigran Afrika di Australia. Kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif melibatkan 30 orang ibu bapa. Tujuan kajian, mengenalpasti tahap akses dan sokongan terhadap murid prasekolah sub-sahara imigran Afrika yang tinggal menetap di Melbourne, Australia. Kajian mendapati terdapat *bias* dalam layanan ke atas kalangan ibu bapa imigran Afrika di pusat penjagaan murid. Ini disebabkan juga oleh faktor perbezaan latar belakang sosial budaya masyarakat setempat.

Pengkaji tempatan turut mendapati bahawa bahasa berperanan penting dalam menghubungkan sosio budaya yang berfokus kepada membina interaksi sosial di



sekolah (Najeemah,2010). Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan para pendidik. Penguasaan bahasa yang lemah di kalangan murid menyumbang kepada halangan interaksi yang memberi impak kepada interaksi murid yang terdiri daripada pelbagai etnik yang berlainan. Persamaan bahasa ibunda dalam interaksi rutin seharian mewujudkan perhubungan akrab mengikut etnik yang sama.

Manakala semakin banyak kemahiran bahasa yang dikuasai murid dan dikongsi bersama rakan sebaya, semakin lebih akrab serta berkesan hubungan mereka dengan etnik yang berlainan. Dapatan kajian juga turut mendapati sempadan etnik dalam kalangan murid yang berasal dari sekolah mono-etnik adalah tinggi. Justeru, dalam aspek bahasa, perbezaan bahasa ibunda boleh menyumbang kepada halangan pemahaman dan interaksi yang dikongsi bersama dalam hubungan persahabatan (Suresh, 2014; Saft & Pianta, 2001). Dapatan ini disokong dengan kajian Lee (2006), yang mendapati bahawa hubungan persahabatan merentasi etnik wujud akibat persamaan yang dikongsi bersama.

Kajian di Northern Ireland, pula mendapati penggunaan nama, perwatakan dan penampilan fizikal boleh menjelaskan perbezaan budaya serta identiti di kalangan murid sekolah (Connolly, Kelly & Smith, 2009). Kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif ini melibatkan seramai 352 orang murid yang berumur 3 tahun hingga 6 tahun. Tujuan kajian adalah mengenal pasti tahap kesedaran murid pada awal umur terhadap perbezaan etnik berpandukan perwatakan dan gambaran fizikal. Kajian turut mendapati bahawa, murid pada umur seawal enam tahun telah menyedari perbezaan budaya dan etnik sesama mereka. Murid yang berumur 6 tahun telah mengetahui amalan budaya di persekitaran berbanding murid berumur 3 tahun.

Dapatan di atas selaras dengan dapatan kajian di Indonesia berkenaan prejudis etnik. Kajian dilakukan di Surabaya oleh beberapa pengkaji iaitu terdiri daripada Devi,

Yusti Probowati Rahayu dan Srisiuni (Srisiuni, 2010). Fokus kajian adalah melihat perkembangan kesedaran dan kesediaan etnik terhadap 18 peserta kajian berumur 6-7 tahun etnik Jawa dan Cina dan 18 peserta kajian berumur 10-12 tahun etnik Jawa dan Cina. Kaedah temu bual diaplikasikan untuk mendapatkan maklumat. Murid di kalangan etnik Jawa dan Cina seawal umur 6-7 tahun telah mengetahui perbezaan fizikal khususnya warna kulit sebagai identiti etnik. Implikasi kajian ini, murid yang membesar di kawasan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya, lebih bersedia menghadapi persamaan dan perbezaan budaya persekitaran. Oleh itu, pengaruh ibu bapa, sekolah mahupun pusat jagaan kanak-kanak saling berkaitan untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pendekatan sosiobudaya.

Gender juga dilihat penting dan kerap dikaji dalam APAB. Antaranya ialah kajian pengaruh *bias* gender dalam buku dan bahan cetak (Mohd.Anuar, 2010; Santi Dewiki & Dewi Mutiara, 2008; Surya Dharma, Trisakti Handayani & Sugiarti, 2006; Imam Machali, 2005). Dapatan kajian menunjukkan, bahawa konsep dan teknik penelitian gender penting sebagai asas dalam menterjemahkan keadilan bermasyarakat. Penyalahgunaan gender khususnya dalam media cetak akan membuka jurang perbezaan jantina, prasangka serta stereotaip. Oleh itu, dalam penghasilan buku bercetak perlu keadilan yang seimbang dalam penggunaan gender dan kreativiti.

Dalam kajian di Malaysia, telah menyentuh tentang *bias* gender dalam masyarakat muslim dan pandangan Islam tentang masalah gender (Mohd.Anuar, 2010). Dapatan kajian membuktikan bahawa agama mengutamakan konsep keseimbangan, keserasian, keselarasan, keutuhan, bersikap baik tanpa mengira perbezaan gender. Ini disokong oleh dapatan kajian Nadia Ainuddin dan Rohaya (2011). Kajiannya mendapati bahawa kecenderungan gender lelaki dan perempuan dalam aspek akademik dipengaruhi oleh minat dan pengetahuan kognitif. Semakin

guru berpengetahuan, banyak sumber yang boleh diimplimintasikan dalam persekitarannya. Kajian ini turut mencadangkan agar peranan guru mengikut gender di bilik darjah diberi penilaian semula.

Universiti Malaya

## 2.12 Rumusan

Sebagai rumusannya, kajian tentang APAB banyak membantu guru dan murid untuk menerokai persekitaran pendidikan. Pelaksanaan APAB yang berterusan ini membantu guru menerokai latar belakang demografi guru, strategi pengajaran, menerokai halangan dan sumber halangan. Selain itu tindakbalas murid terhadap pendidikan *anti-bias* juga dapat diukur dengan sempurna.

Universiti Malaya

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan tentang kaedah penyelidikan secara kualitatif. Penyelidikan ini berbentuk kajian kes yang bertujuan untuk meneroka secara mendalam proses pelaksanaan Amalan Pendidikan *Anti-Bias* (APAB) dalam pengajaran di kelas prasekolah. Terdapat tujuh perkara yang dibincangkan dalam metodologi kajian ini. Bahagian Pertama, menjelaskan falsafah kajian, reka bentuk kajian dan kaedah kajian. Dalam bahagian kedua, memberi penjelasan kaedah mengutip data. Berikutnya, bahagian ke tiga menjelaskan persampelan kajian. Bahagian keempat tentang kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam bahagian kelima pula, tatacara pelaksanaan kajian. Bahagian ke enam menerangkan prosedur analisis data. Akhirnya dalam bahagian ketujuh, protokol membentuk kategori dan koding.

### **3.2 Falsafah Kajian Dan Reka Bentuk Kajian**

#### **3.2.1 Falsafah Kajian.**

Dalam kajian kualitatif ini, penyelidik mengaplikasikan falsafah kajian konstruktivis berdasarkan pendapat Yin, (2009) dan Cresswell, (2015). Pemilihan falsafah ini, bertujuan untuk membimbing penyelidik menerokai, memahami dan mentafsir masalah dalam persekitaran yang dikaji. Semakin banyak maklumat di peroleh penyelidik, maka semakin baik pengetahuan yang dianalisis dari kandungan dokumen, perhatian dan temu bual yang dijalankan

Selain itu, pemilihan falsafah kajian ini juga mempunyai kaitan dengan tajuk, persoalan kajian dan realiti pengalaman sebenar peserta kajian. Ini bermaksud, penyelidik menggunakan falsafah sebagai menterjemahkan kepelbagaian maklumat dalam kajian dengan berbeza bergantung pada individu

yang pelbagai. Pendekatan ini dianggap penting oleh penyelidik untuk memahami dan mentafsir maklumat tentang APAB di bilik darjah.

### **3.2.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk dalam sesuatu kajian penting kepada penyelidik sebagai panduan kepada perancangan yang dilaksanakan (Yin, 2009; Bogdan & Biklen, 2007). Reka bentuk ini, meliputi beberapa kaedah secara berfokus, termasuk pendekatan yang bersifat semula jadi untuk menyelidik sesuatu perkara (Denzin & Lincoln, 2011).

Susun atur reka bentuk kajian ini, dibina penyelidik dengan mengikut pengaturan yang kemas kini. Mempunyai susunan berperingkat yang melibatkan pemilihan kaedah kajian, persampelan, pengumpulan data, analisis data dan menulis laporan kajian (Bogdan & Biklen, 2007; Yin, 2009; Punch, 2000). Tujuan susun atur tersebut adalah memudahkan penyelidik menyusun proses tindakan kerja yang sistematik sepanjang kajian dilaksanakan.

Berdasarkan kajian lepas, Cresswell, (2015) dan Yin, (2009) berpendapat bahawa pemilihan reka bentuk kajian boleh dibentuk berpandukan kepada empat faktor iaitu tujuan kajian, masalah kajian, peserta kajian dan pengalaman penyelidik. Dalam kajian ini, semua faktor di atas membantu penyelidik untuk menerokai kelompangan maklumat tentang profil, kaedah, halangan dan sumber rintangan pelaksanaan pendidikan anti-bias di prasekolah. Selain itu, pemboleh ubah bagi kajian APAB sukar ditetapkan disebabkan status bidang ini masih baharu diterokai dan amalannya masih belum dapat diukur dalam pengajaran dan pembelajaran. Atas dasar tersebut, sukar bagi penyelidik untuk mengukur APAB

tanpa aplikasi teori dan kaedah kualitatif yang sesuai dengan reka bentuk kajian (Yin, 2011; Creswell, 2015).

Reka bentuk kajian ini, membawa penyelidik untuk meneroka pengelolaan isu kajian secara terperinci berbanding reka bentuk kajian kuantitatif yang terhad sifatnya. Kolaborasi yang kerap antara penyelidik dan peserta kajian pula diyakini memberi gambaran dan penemuan data yang baharu (Yin, 2009; Baxter & Jack, 2008). Mereka berupaya menghubungkan pengalaman dan latar belakang pendidikan dengan kepakaran serta kemahiran terkini (Patton, 2002).

Dalam kajian ini, penyelidik berpandukan reka bentuk kajian secara terperinci meneroka bagaimana profil guru prasekolah, adakah guru melaksanakan pendekatan pengajaran memupuk APAB dalam membina minat, pengetahuan, kesedaran dan pemikiran kritis terhadap APAB. Penyelidik juga berusaha meneroka apakah perbezaan jantina, etnik, sosio budaya dan sosio ekonomi menjadi punca serta sumber rintangan yang mempengaruhi pendekatan pedagogi pengajaran yang berteraskan APAB.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Pemilihan pendekatan kualitatif mempunyai keistimewaan kepada setiap penyelidik. Ini direka bentuk untuk membawa penyelidik mengetahui masalah yang sebenar tentang sesuatu fenomena yang menjadi minat penyelidik. Biasanya diguna pakai dalam menghuraikan sesuatu kajian, perilaku atau penerokaan masalah secara mendalam (Mertens, 1998). Ini dilihat bersesuaian dengan pendapat Creswell, (2009), bahawa kajian kualitatif merupakan suatu proses reka bentuk kajian yang mendalam melibatkan konseptual masalah sehingga peringkat penulis laporan.

Kajian kualitatif secara kajian kes pelbagai tempat (multicase multiplesite) telah dipilih pengkaji untuk menerokai kajian ini (Yin, 2011). Multicase merujuk kepada beberapa orang guru yang memberikan data tentang pelaksanaan APAB dalam bilik darjah, manakala multiplesite merujuk kepada beberapa buah sekolah yang dijadikan sebagai tempat kajian ini. Pengumpulan data melalui temu bual mendalam menjadi tunjang kepada kajian ini. Penggunaan kaedah kajian kes ini membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang pelaksanaan APAB dalam bilik darjah dalam kalangan guru yang dikaji.

Sehubungan itu, Yin (2009), menjelaskan bahawa kajian kes mengandungi dua perkara penting. Pertama, kajian kes adalah suatu bentuk kajian inkuiri empirikal yang bertujuan meneroka serta mengenal pasti isu-isu yang tidak jelas. Dalam hal demikian, perlu dijalankan kajian secara eksperimental yang tidak bergantung sepenuhnya kepada dapatan kajian lepas dan teori yang sedia ada. Kedua, kajian kes ialah satu kajian inkuiri yang bermaksud strategi pelaksanaan kajian adalah pelbagai. Mengandungi reka bentuk kajian, protokol mengutip maklumat, transkripsi maklumat dan pendekatan menganalisis maklumat secara sistematik. Selain itu, keperluan menjalankan suatu kajian kes berkait rapat dengan objektif dan soalan kajian (Yin, 2009). Akhir sekali, fokus kajian kes adalah berlandaskan fenomena semasa di dalam konteks kehidupan sebenar masyarakat.

Dengan menggunakan kajian kes ini, pengkaji dapat mencungkil perasaan, emosi dan pemikiran peserta kajian bagi pelaksanaan APAB dalam bilik darjah tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji dapat bertindak sebagai alat pengkajian yang sensitif serta berkeupayaan memahami perlakuan-perlakuan manusia, menggunakan pengalaman dan pengetahuan untuk meneliti dan menelaah tentang apa yang dikaji



dengan lebih bermakna (Marohaini 2001). Selain itu, kaedah kajian ini dipilih kerana dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang APAB di prasekolah yang dikaji.

Dalam konteks penulisan tesis ini, aspek yang menjadi fokus utama kajian adalah pedagogi pengajaran berteraskan penerapan APAB. Kaedah kajian kes jenis ini dipilih kerana penyelidik ingin meneroka secara mendalam dan terperinci berkenaan pengetahuan guru prasekolah tentang kandungan KSPK, pendekatan pengajaran yang diamalkan guru untuk menerapkan APAB, penerapan pengajaran yang berteraskan APAB dan sumber rintangan yang dihadapi guru dalam menyampaikan pengajaran APAB. Peserta kajian terdiri daripada guru yang mengajar dalam kelas prasekolah dan lokasi kajian adalah sekolah luar bandar di satu daerah dalam negeri Sabah. Pendekatan kualitatif secara kajian kes 'setempat' ini dilihat mempunyai kelebihan untuk memahami isu-isu dalam pengajaran guru dan cabaran murid yang terdiri daripada pelbagai agama, budaya serta etnik, berbanding pendekatan kajian kuantitatif.

Pemilihan ini kerana kajian kes secara kualitatif telah lama wujud dalam disiplin penyelidikan dan lebih memfokuskan kepada peristiwa, peserta dan tempat kajian yang sebenar (Merriam, 2009). Menerusi kajian ini, penyelidik dapat menerokai sekelompok masyarakat luar bandar yang kompleks secara menyeluruh dan mendalam. Penyelidik juga dapat menterjemahkan kajian melalui penulisan naratif tentang peristiwa sebenar yang berlaku, dilihat dan dialami dalam persekitaran yang dikaji (Yin, 2009).

Pendekatan kualitatif membantu penyelidik melakukan kajian secara terperinci, mendalam dan melihat secara menyeluruh fenomena yang berlaku (Marohaini, 2001). Ini memberi gambaran secara langsung berkenaan interaksi lisan dalam bilik darjah berbanding pendekatan yang bersifat kuantitatif (Roselan, 2001). Selain itu kaedah

kualitatif membantu penyelidik untuk menerangkan fenomena melalui peserta kajian. Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan kaedah analisis dokumen, protokol pemerhatian dan protokol temu bual. Ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan pedagogi pengajaran yang mengutamakan penerapan APAB dalam bilik darjah. Peserta kajian yang dilihat adalah terdiri daripada lima orang guru prasekolah yang mengajar dalam kelas prasekolah berpandukan KSPK (KPM, 2010). Mereka terdiri daripada guru yang terlatih dan mempunyai pengalaman 5 tahun hingga 20 tahun mengajar dalam kelas prasekolah. Lokasi berlangsungnya kajian adalah dalam kelas prasekolah yang mempunyai kemudahan asas peralatan dan melaksanakan kurikulum standard prasekolah. Selain itu, murid prasekolah terdiri daripada murid yang pelbagai etnik, jantina, agama dan latar belakang ekonomi yang pelbagai.

Penyelidik dalam kajian kes secara kualitatif ini, bertindak sebagai instrumen utama dalam proses pengumpulan data dan penganalisan data (Merriam, 2009). Penyelidik dalam penerokaannya dilatih untuk menyelami fenomena kajian secara analitik dan holistik (Stake, 2005). Penyelidik menemu bual peserta kajian, menjalankan pemerhatian berdasarkan proses amalan pengajaran ke atas peserta kajian dan seterusnya menganalisis dokumen yang berkaitan dengan prosedur kajian. Situasi ini menjelaskan, kajian setempat secara kualitatif merupakan suatu bentuk kajian yang membawa penyelidik untuk menilai semula teori, mencadangkan sesuatu dalam situasi kompleks dan tidak mengeneralisasi bukti kajian.

Kajian kes bukan semata-mata merujuk kajian berkaitan subjek yang hendak dikaji. Perkara utama yang membezakan suatu kajian itu sebagai kajian kes ialah strategi pelaksanaannya (Yin, 2011). Strategi ini dilihat mempunyai interaksi yang rapat dengan soalan kajian yang lazimnya dikaitkan dengan mengenal pasti 'bagaimana atau mengapa' suatu kes berlaku dalam lingkungan kehidupan sebenar

(Yin, 2009). Dalam kajian APAB ini, penyelidik juga telah berusaha untuk menelaraskan tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian dan limitasi kajian ke atas guru serta murid prasekolah. Perkara ini dapat diringkaskan berdasarkan Jadual 3.1.

Selain itu, dijelaskan bahawa kajian kes secara kualitatif merupakan aspek yang membawa penyelidik menyelami fenomena kajian secara lebih luas (Cresswell, 2008). Menurutnya, kajian kes merupakan salah satu bentuk kajian etnografi yang berhubung kait dengan aktiviti, peristiwa atau program yang melibatkan individu tertentu. Penyelidik yang bertindak sebagai penyelidik akan sentiasa peka dan mendalami masalah dengan beberapa soalan iaitu 'apa', 'mengapa', dan 'bagaimana' sesuatu kes itu berlaku.

Pandangan ini, didapati selari dengan pendapat Fraenkel dan Wallen, (2006), yang berpendapat bahawa kajian kes mempunyai perhubungan dengan kajian etnografi yang memberi tumpuan kepada kes tertentu secara spesifik. Menurut Fraenkel dan Wallen, (2006), perkataan kes bererti objek bagi kajian. Mereka menjelaskan bahawa kes boleh terdiri dari satu individu, satu kelas, satu sekolah, atau satu program bergantung pada soalan kajian yang hendak dikaji.

Pengajaran dan pemupukan APAB di kelas prasekolah merupakan suatu proses yang rumit. Sehubungan dengan itu pendekatan kualitatif diguna pakai untuk membolehkan penyelidik mendekati dan menyelami perasaan, tingkah laku guru serta murid prasekolah. Penyelidik berharap dengan pemilihan kaedah kajian kes secara kualitatif, dapat mencungkil sesuatu sebab yang signifikan dengan kajian (Merriam, 2009). Tinjauan difokuskan terhadap strategi, halangan dan keberkesanan pengajaran berteraskan APAB di dalam kelas prasekolah.

Jadual 3.1

*Tujuan, Objektif, Persoalan, Signifikan Dan Limitasi Kajian*

Tujuan Kajian	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Signifikan Kajian	Limitasi Kajian
Meneroka pelaksanaan APAB dalam pengajaran guru di kelas prasekolah. Penyelidik membuat penelitian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi guru melaksanakan APAB.	Objektif umum : Meneroka pelaksanaan pengajaran APAB dalam bilik darjah oleh guru di prasekolah.  Objektif khusus adalah berikut:  1. Meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang kemahiran kandungan, isi pengajaran, definisi APAB, konsep APAB dan persepsi pelaksanaan APAB.  2. Meneliti dan menganalisis pendekatan pengajaran bagi	1. Bagaimana meneroka pengetahuan kandungan guru prasekolah tentang kemahiran kandungan, isi pengajaran, definisi APAB, konsep APAB dan persepsi pelaksanaan APAB.  2. Adakah guru melaksanakan pendekatan pengajaran	Berfokus kepada kualiti pengajaran di kalangan guru prasekolah. Elemen utamanya adalah melihat APAB dalam pengajaran. Disampaikan sebagai suatu amalan rutin harian atau bersifat pilihan pada masa tertentu sahaja.	Kajian ini kajian kes kualitatif terhadap guru prasekolah di sekolah rendah.  Memfokuskan kepada elemen pengajaran guru prasekolah berdasarkan KSPK.  Dapatan dan rumusan kajian hanya mencakupi subjek kajian dan tidak di generalisasi.  Kajian ini dihadkan kepada guru prasekolah yang bertugas di luar bandar dalam Daerah Tawau, Negeri Sabah.

---

memupuk APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid.

3. Menerokai penerapan pengajaran APAB di prasekolah melibatkan aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

4. Menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB di prasekolah dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

bagi memupuk APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid.

3. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB di prasekolah melibatkan aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

4. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB di prasekolah dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.


Peserta kajian iaitu guru prasekolah mendapat latihan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Di samping itu, kaedah kajian terbatas kepada protokol pemerhatian, protokol temu bual dan menganalisis dokumen sahaja. Data dikutip daripada 5 guru prasekolah.

Antara tindakan yang penyelidik lakukan adalah menjadikan diri penyelidik sebagai sebahagian daripada warga sekolah supaya kehadiran penyelidik dirasai dan diterima. Ini seterusnya memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka maklum balas guru dan murid prasekolah secara mendalam dan bermakna di samping dapat mengekalkan keaslian kajian.

Kekuatan pemilihan kaedah kajian kes membawa penyelidik untuk membuat penerokaan secara teratur. Ini selaras dengan pendapat Yin, (2009) dan Merriam, (2009). Kajian ini paling sesuai diaplikasikan untuk meneliti secara mendalam situasi mengenai tindak balas murid terhadap aktiviti pengajaran yang mementingkan APAB melalui kaedah yang dilaksanakan guru di dalam kelas. Selain itu membantu penyelidik untuk menterjemahkan makna tindak balas peserta kajian. Pemilihan kajian kes secara kualitatif juga membawa penyelidik untuk meneroka, membuat penemuan dari interpretasi dan bukan menguji hipotesis (Merriam, 2009; Conway & Clark, 2003).

Pemilihan kaedah ini, dapat membolehkan penyelidik meneliti fokus penyelidikan secara maujud dan terperinci. Hal ini dapat dilakukan melalui pelbagai kaedah pengumpulan data secara kualitatif seperti pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Penggunaan pelbagai kaedah pengutipan dan analisis maklumat secara triangulasi dalam kajian APAB juga membolehkan penyelidik membuat perbandingan dan pengukuhan data dilaksanakan (Yin, 2009; Merriam, 2009). Proses ini menjadikan data kajian lebih mantap dan mencapai objektif yang disasarkan. Maklumat tentang reka bentuk dan kaedah kajian ini dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 3.1.



Rajah 3.1. Reka Bentuk dan Kaedah Kajian

### **3.4 Persampelan Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik membahagikan persampelan kajian kepada lokasi kajian, tempoh kajian dan peserta kajian. Ini diterangkan penyelidik seperti berikut:

#### **3.4.1 Lokasi Kajian**

Pemilihan lokasi kajian memainkan peranan penting dalam kajian kes secara kualitatif. Lokasi ini berperanan sebagai tempat berlangsungnya kajian dan pusat pengumpulan data kajian (Bogdan & Biklen, 2007). Dalam perkara ini, penyelidik membuat perancangan dalam pemilihan lokasi kajian yang tepat dan isu yang selari dengan objektif serta persoalan kajian.

Lokasi kajian yang dicadangkan penyelidik ialah Daerah Tawau, Sabah. Dari segi geografinya, Daerah Tawau berkongsi sempadan dengan Kalimantan (Indonesia), di selatan serta dikelilingi Laut Sulu di Timur (Filipina) dan Laut Sulawesi di Selatan (Indonesia). Kedudukannya di antara dua sempadan negara ini meletakkannya lokasi yang strategik. Keunikan masyarakatnya, dapat diterokai melalui populasi penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, bahasa, agama dan sosio ekonomi. Ini dapat dilihat melalui interaksi masyarakat pribumi asal dan masyarakat pendatang yang telah menjadi warganegara Malaysia yang mengamalkan budaya serta bahasa masing-masing (Nordin, 2007). Kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama ini mempengaruhi kesediaan murid untuk menerima pembelajaran di sekolah.

Data JPN Sabah pada bulan Mei (JPNS, 2015: KPM, 2014) yang diterima penyelidik mendapati terdapat sebanyak 59 buah sekolah rendah di dalam Daerah Tawau. Sebanyak 47 buah sekolah rendah mempunyai kelas prasekolah. Daripada jumlah itu sebanyak 31 buah kelas prasekolah terletak di kawasan bandar dan 58 buah kelas prasekolah terletak di kawasan luar bandar. Semua kelas prasekolah ini dibina dan dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



Dalam kajian kes ini, penyelidik menyenaraikan dan memilih empat buah sekolah rendah kebangsaan di lokasi luar bandar. Pemilihan ini berdasarkan sekolah rendah yang mempunyai kelas prasekolah, terletak dalam daerah yang sama dan boleh dihubungi penyelidik (Bogdan, & Biklen, 2007; Marohaini, 2001). Pemilihan empat buah sekolah di luar bandar ini juga dipengaruhi oleh terdapatnya masyarakat pelbagai etnik, gender, amalan budaya, bahasa, kepercayaan dan latar belakang demografi.

Masyarakat asal di kawasan ini, berkongsi amalan budaya dengan masyarakat Indonesia dan Filipina yang telah lama berhijrah ke kawasan sekitar kajian (Nordin, 2007). Sebahagian besar murid di sekolah yang dipilih masih boleh berkomunikasi dengan bahasa ibunda masing-masing misalnya bahasa etnik Suluk, Tidung, Bajau Jawa, Bugis, Banjar, Cocos dan Visaya. Ini ditambahkan lagi, kedudukan geografi kajian, adalah 10 minit perjalanan laut ke Kampung Sungai Nyamuk (Daerah Kabupaten Nunukan) Indonesia dan 5 jam perjalanan dari Laut Sulu di Timur sempadan Filipina (Nordin, 2007).

#### **3.4.1.1 Penentuan Dan Kaedah Pemilihan Lokasi Kajian**

Penyelidik dalam memilih tempat kajian, mempunyai alasan tersendiri yang selaras dengan objektif dan persoalan kajian (Othman, 2014; Noraini, 2013; Marshall & Rossman, 2010; Merriam, 2009). Kematangan berfikir dan membuat analisis terhadap tempat berlangsungnya kajian menjadi faktor utama kejayaan sesuatu kajian. Selain itu, pemilihan tempat juga membolehkan penyelidik memperoleh maklumat secara meluaskan.

Penyelidik telah menyenaraikan lima kriteria khusus pemilihan lokasi kajian iaitu dengan merujuk kepada tujuan kajian, kemasukan yang mudah, peluang pemilihan kelas, pentadbir yang fleksibel dan adanya

perbincangan serta cadangan konsensus (Othman, 2014; Marshall & Rossman, 2010; Yin, 2009; Merriam, 2009). Berikut adalah huraian penyelidik tentang pemilihan lokasi tersebut:

**a. Tujuan Kajian**

Pelaksanaan kajian kes secara kualitatif ini, bertujuan untuk meneroka dan mengumpul data tentang APAB di dalam pengajaran guru di kelas prasekolah (Bogdan & Biklen, 2007). Pemilihan sekolah, adalah berdasarkan sekolah yang menawarkan pengajaran pendidikan prasekolah; guru yang berlainan etnik dan gender; murid prasekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik; guru yang terlatih dan berpengetahuan; kemudahan pembelajaran yang lengkap; dan organisasi sekolah yang berfungsi.

**b. Kemasukan Yang Mudah Ke Lokasi Kajian**

Dalam membuat pemilihan lokasi kajian ini, penyelidik terlebih dahulu membuat tinjauan ke sekolah luar bandar yang selaras dengan objektif kajian. Ini bertujuan memastikan lokasi kajian yang dipilih tidak menghadkan apa yang ingin diterokai penyelidik. Selain itu faktor jarak di antara sekolah dan kemudahan asas juga diambil perhatian (Marohaini, 2001). Misalnya jalan raya, kemudahan elektrik, air, bangunan, pagar sekolah, jalan raya dan kemudahan komunikasi. Penyelidik membuat pemilihan untuk 4 buah sekolah rendah yang menawarkan kelas prasekolah dan mempunyai guru prasekolah yang terlatih. Dengan pemilihan ini memudahkan penyelidik melaksanakan kajian dengan teratur dan terperinci.

### **c. Peluang Pemilihan Kelas**

Penyelidik berjumpa secara formal dengan pihak pengurusan sekolah. Tujuan perbincangan adalah untuk berkongsi maklumat kajian berkenaan prosedur kajian, objektif kajian, instrumen kajian serta kerahsiaan kajian yang dikumpul. Selain itu juga perbincangan bertujuan membuat pemilihan ke atas 5 orang guru prasekolah dan 5 kelas prasekolah. Hal ini kerana, proses pengajaran dan pembelajaran APAB berlangsung dalam kelas prasekolah.

Di samping itu, hanya kelas yang guru prasekolah sanggup untuk membenarkan penyelidikan temu bual, analisa dokumen dan pemerhatian sahaja yang diutamakan. Kelas yang dilihat penyelidik sebagai kelas yang kurang bekerjasama dalam kajian ini dikecualikan. Penjadualan waktu pengajaran dan pembelajaran juga dipertimbangkan penyelidik dalam menentukan pemilihan kelas. Hal ini penting bagi memastikan pengumpulan data teratur dan memelihara pengurusan waktu dengan lebih berkesan.

### **d. Pentadbiran Sekolah**

Kriteria pemilihan pentadbir sekolah dalam kajian memainkan peranan penting. Dalam konteks kajian ini pentadbir sekolah khususnya guru besar merupakan '*gatekeepers*' iaitu individu yang mempunyai autoriti bagi membenarkan kajian ini dijalankan (Marshall & Rossman, 2010). Oleh itu, pemilihan sekolah dalam kajian ini penyelidik memberi keutamaan kepada pentadbir yang bersikap bersedia berkongsi maklumat bersama penyelidik (Marohaini, 2001). Selain itu, semua warga sekolah khususnya guru penolong kanan, guru panitia, guru dan kakitangan bukan mengajar berusaha sebagai satu pasukan. Aspek kerjasama dan

kesanggupan pentadbir sekolah ini dilihat amat penting untuk memastikan penyelidik mendapat persetujuan secara berterusan untuk masuk dan mengkaji pada sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

**e. Cadangan Konsensus**

Dalam menjaga perhubungan sepanjang berada di lapangan, penyelidik juga terlebih dahulu mengunjungi Pegawai Penyelaras Prasekolah, Pejabat Pendidikan Daerah Tawau. Perbincangan dibina oleh penyelidik dengan memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan serta objektif kajian dilaksanakan. Tujuan perbincangan ialah untuk mendapatkan perkongsian pengisian kajian dan gambaran sekolah yang menepati kehendak sebenar objektif kajian yang dilaksanakan. Melalui dapatan tersebut, membolehkan penyelidik membuat rumusan akhir bagi pemilihan sekolah khasnya kelas prasekolah sebagai lokasi kajian yang bersesuaian dengan fokus kajian. Permuafakatan bersama ini khasnya diharap dapat membantu penyelidik memilih peserta kajian yang berkualiti bagi menghasilkan data yang bermakna (Merriam, 2009, Marohaini, 2001).

**3.4.1.2 Deskripsi Lokasi Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat empat buah sekolah yang terpilih sebagai lokasi kajian. Semua sekolah tersebut, terletak di lokasi luar bandar iaitu SK Bunga Melor, SK Bunga Tanjung, SK Seri Mulia dan SK Pantai (Semua nama sekolah bukan nama sebenar). Berikut dijelaskan deskripsi sekolah yang terlibat sebagai pusat kajian.

**a. SK Bunga Melor**

Sekolah Kebangsaan Bunga Melor atau SK Bunga Melor merupakan sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah luar bandar.

Terletak 40 kilometer daripada pusat bandar Tawau. Sekolah ini diwujudkan pada peringkat awal, bagi memberi pendidikan kepada anak-anak pekerja ladang dan penempatan baru penduduk etnik Cocos sejak tahun 1960 an. Etnik tersebut berasal daripada kepulauan Cocos, Australia yang dibawa penjajah sebagai tenaga buruh di ladang pertanian. Mereka telah beradaptasi dengan budaya tempatan dan mengamalkan cara hidup masyarakat Islam.

Sekolah asal dibina berkonsepkan sekolah ladang iaitu dibekalkan dengan jumlah guru terhad dan kemudahan yang kurang. Pada masa kini, KPM telah berjaya menyediakan kemudahan bangunan dan peralatan yang lengkap. Sekolah kini mempunyai 7 blok bangunan dan kemudahan bilik darjah serta tenaga pengajar seramai 60 orang. Sekolah dikategorikan JPN sebagai sekolah luar bandar.

SK Bunga Melor, mempunyai murid seramai 669 orang iaitu 324 murid lelaki dan 345 murid perempuan. Sementara jumlah murid prasekolah ialah seramai 50 orang iaitu 34 lelaki dan 26 perempuan berpandukan data tahun 2016. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Manakala terdapat dua kelas prasekolah beroperasi pada sesi pagi sahaja iaitu daripada jam 7.30 pagi sehingga 11.30 pagi. Dengan kapasiti satu guru dan satu pembantu murid bagi satu kelas. Kelas prasekolah ini beroperasi sejak tahun 2010 hasil dasar peluasan prasekolah oleh KPM (2009).

Jadual 3.2 di bawah menunjukkan data kelas prasekolah berdasarkan etnik dan jantina yang terlibat dalam kajian.

Jadual 3.2.

*Data Murid Prasekolah SK Bunga Melor Mengikut Etnik Dan Jantina*

Sekolah	Etnik Murid	Jantina Murid		Jumlah Keseluruhan
		Lelaki	Perempuan	
Sk Bunga Melor	Bugis	6	4	10
	Bajau	2	2	4
	Tidung	1	1	2
	Melayu	-	1	1
	Jawa	1	-	1
	Banjar	1	-	1
	Cocos	3	-	3
	Iban	1	1	2

Di sekolah ini terdapat pelbagai etnik murid iaitu Bugis, Bajau, Tidung, Melayu, Jawa, Banjar, Cocos dan Iban. Majoriti murid sekolah rendah dan prasekolah adalah terdiri daripada masyarakat bumiputera Sabah. Murid prasekolah tersebut masih boleh bertutur dan memahami bahasa ibunda masing-masing. Selain itu, turut masih mengamalkan budaya etnik masing-masing. Mereka masih mengenali dan memakai pakaian tradisional, sambutan perayaan agama, makanan tradisional dan amalan menghormati masyarakat.

Ibu bapa murid di sekolah ini, secara purata adalah masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana di antara RM 300 sehingga RM 2,000. Mereka terdiri daripada pekerja ladang (40%), pekebun (30%), bekerja sendiri (20%), peniaga (5%) dan kakitangan kerajaan (5%).

#### **b. SK Bunga Tanjung**

Sekolah Kebangsaan Bunga Tanjung (bukan nama sebenar) atau SK Bunga Tanjung merupakan sekolah yang terletak 35 kilometer daripada bandar Tawau. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar dan telah wujud sejak tahun 1960 an. Bangunan asal sekolah ini terdiri daripada tiga buah bangunan projek kilat. Kini, sekolah tersebut

telah dipertingkatkan KPM dengan mempunyai 5 blok bangunan konkrit dan 3 blok bangunan kayu.

SK Bunga Tanjung mempunyai 591 orang murid iaitu 235 orang murid lelaki dan 356 murid perempuan. Murid prasekolah pula terdiri daripada 65 orang berdasarkan enrolmen tahun 2016. Sesi pengajaran prasekolah bermula jam 7.30 pagi sehingga 11.30 pagi dengan kapasiti 3 orang guru dan 3 orang pembantu murid prasekolah. Kelas prasekolah beroperasi sejak tahun 1992 (1 kelas) dan tambahan bangunan tahun 2004 (1 kelas) dan 2008 (1 kelas).

Jadual 3.3 di bawah menunjukkan data kelas prasekolah berdasarkan etnik dan jantina yang terlibat dalam kajian.

Jadual 3.3.

*Data Murid Prasekolah SK Bunga Tanjung Mengikut Etnik Dan Jantina*

Sekolah	Etnik Murid	Jantina Murid		Jumlah Keseluruhan
		Lelaki	Perempuan	
Sk Bunga Tanjung (Luar Bandar)	Bugis	-	3	3
	Tidung	-	1	1
	Melayu	2	-	2
	Jawa	1	1	2
	Buton	-	1	1
	Suluk	-	1	1
	Cocos	-	1	1
	Pakistan	-	1	1

Majoriti penduduk di sekitar sekolah adalah terdiri daripada etnik Tidung. Mereka merupakan penduduk asal atau peribumi di negeri Sabah. Murid di sekolah ini pula terdiri daripada etnik Bugis, Tidung, Melayu, Jawa, Buton, Suluk, Cocos dan Pakistan. Sebahagian murid memahami dan menguasai bahasa ibunda masing-masing. Selain itu, murid turut mengamalkan budaya etnik seperti memakai pakaian tradisional, makanan tradisi mengikut kaum, muzik tradisi dan adap-adap menghormati masyarakat.

Ibu bapa murid bekerja dalam sektor yang berbeza iaitu pekebun dan nelayan (50%), sektor swasta (25%), bekerja sendiri (20%) dan kakitangan kerajaan (5%). Mereka berpendapatan di antara RM 450 sehingga RM 2500 sebulan.

**c. SK Seri Mulia**

Sekolah Kebangsaan Seri Mulia (Bukan nama sebenar) atau SK Seri Mulia merupakan sekolah yang dikategorikan JPN Sabah sebagai sekolah luar bandar. Terletak 20 kilometer, daripada pusat bandar Tawau dan telah wujud sejak tahun 1960 an. Sekolah ini telah mengalami perubahan dari segi lokasi dan struktur bangunan sejak tahun 2000. Kelas prasekolah wujud sejak tahun 1993 (2 kelas) dan pada 2010 melalui peluasan prasekolah menerima 2 buah kelas tambahan. Kini sekolah tersebut dilengkapi dengan 5 blok bangunan untuk sekolah rendah dengan kemudahan yang lengkap.

Sekolah ini mempunyai 1100 pelajar yang terdiri daripada 508 lelaki dan 492 perempuan berdasarkan data tahun 2016. Secara keseluruhan di kelas prasekolah, mempunyai seramai 100 orang murid yang terdiri daripada 57 lelaki dan 43 perempuan. Sekolah ini mempunyai 4 orang guru prasekolah dan 4 orang pembantu prasekolah. Tiga buah kelas prasekolah (Pra A, Pra B, Pra C) beroperasi pada sesi pagi dan sebuah kelas prasekolah (Pra D) beroperasi sesi petang. Jadual 3.4 di bawah menunjukkan data kelas prasekolah (Pra B dan Pra D) berdasarkan etnik dan jantina yang terlibat dalam kajian.



Jadual 3.4.

*Data Murid Prasekolah SK Seri Mulia Mengikut Etnik Dan Jantina*

Sekolah	Etnik Murid	Jantina Murid		Jumlah Keseluruhan
		Lelaki	Perempuan	
Sk Seri Mulia	Bugis	8	16	24
	Bajau	7	5	12
	Melayu	1	1	2
	Jawa	1	-	1
	Buton	1	1	2
	Suluk	1	-	1
	Banjar	-	1	1
	Arab	-	1	1
	Irranun	-	1	1
	Tidung	2	2	4
	Kadazan	-	1	1

Penduduk asal di sekitar sekolah terdiri daripada etnik Suluk dan Tidung. Namun demikian perubahan sosio ekonomi penduduk, etnik Bugis turut menduduki kawasan tersebut. Murid terdiri daripada etnik Bugis, Bajau, Melayu, Jawa, Buton, Suluk, Banjar, Arab, Irranun, Tidung dan Kadazan. Sebahagian murid tersebut masih boleh berkomunikasi dengan bahasa ibunda masing-masing. Mereka turut masih mengamalkan budaya etnik masing-masing. Mereka masih memakai pakaian tradisional, makanan tradisi, muzik tradisional kaum dan adat istiadat etnik yang menghormati masyarakat.

Ibu bapa murid bekerja di sektor swasta (35%). pekebun (30), nelayan (20%), kakitangan kerajaan (10%) dan bekerja sendiri (5%). Mereka berpendapatan di antara RM 450 sehingga RM 3500 sebulan. Mereka di kategori sebagai berpendapatan rendah, sederhana dan sebilangan kecil sahaja berpendapatan tinggi.

#### **d. SK Pantai**

Sekolah Kebangsaan Pantai (bukan nama sebenar) atau SK Pantai merupakan sekolah dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Terletak

38 kilometer dari bandar Tawau. Sekolah ini wujud sejak tahun akhir 1960 an dan kini mempunyai 4 blok bangunan yang menempatkan 476 orang murid yang terdiri daripada 235 lelaki dan 241 perempuan. Sementara kelas prasekolah dilengkapi dengan 3 blok bangunan yang dilengkapi dengan 3 bilik darjah, kemudahan dapur serta tandas. Jadual 3.5 di bawah menunjukkan data kelas prasekolah berdasarkan etnik dan jantina yang terlibat dalam kajian.

Jadual 3.5.

*Data Murid Prasekolah SK Pantai Mengikut Etnik Dan Jantina*

Sekolah	Etnik Murid	Jantina Murid		Jumlah Keseluruhan
		Lelaki	Perempuan	
Sk Pantai	Bugis	4	2	6
	Bajau	2	1	3
	Tidung	2	1	3
	Suluk	3	4	7
	Banjar	-	1	1
	Cocos	-	1	1
	Bolongan	-	1	1
	Brunei	-	1	1

Majoriti penduduk di sekitar sekolah adalah daripada etnik Suluk dan Tidung. Mereka tinggal berhampiran dengan kawasan laut. Murid prasekolah yang terlibat terdiri dalam kajian terdiri daripada 23 orang murid iaitu 11 lelaki dan 12 perempuan. Murid terdiri daripada etnik Bugis, Bajau, Tidung, Suluk, Banjar, Cocos, Bolongan dan Brunei. Mereka boleh berinteraksi dalam bahasa ibunda masing-masing dan masih mengamalkan budaya tradisi etnik masing-masing. Mereka masih mengamalkan dan mengenali pakaian tradisional, makanan tradisi kaum, muzik tradisi dan adat istiadat menghormati masyarakat.

Sumber pekerjaan ibu bapa murid terdiri daripada pekebun (35%), nelayan (40%), bekerja sendiri (15%), kakitangan kerajaan (6%) dan lain-

lain (4%). Mereka berpendapatan dalam kategori RM 300 hingga RM 2,000 sebulan.

### **3.4.2 Penentuan Dan Kaedah Pemilihan Peserta Kajian**

Secara umum, peserta kajian adalah mereka yang dilibatkan dalam temu bual dan memberi maklumat bermakna berdasarkan soalan temu bual (Abdul Shatar, 2007). Dalam kajian ini, peserta kajian adalah mereka yang terdiri daripada guru prasekolah, KPM. Bilangan peserta kajian yang dilibatkan adalah kecil untuk mewakili dan menggambarkan fenomena sebenar kajian. Ini kerana tidak ada satu peraturan yang menentukan saiz sample dalam sesuatu penyelidikan (Creswell, 2015; Patton, 2002).

Faktor bilangan peserta kajian yang kecil ini juga dilihat sesuai dengan kajian yang meneroka tentang ciri-ciri secara mendalam dan mendapatkan banyak maklumat berbanding dengan mengumpul maklumat daripada jumlah peserta kajian yang besar tetapi kurang maklumat (Bogdan & Biklen, 2007). Peserta kajian dipilih secara bertujuan atau *purposive sampling* (Noraini, 2013; Fraenkel & Wallen, 2006). Ini dilakukan atas beberapa sebab:

- i. Kajian kes ini dijalankan bukan bertujuan menggeneralisasikan dapatan kajian kepada populasi prasekolah. Oleh itu kaedah persampelan kebarangkalian tidak perlu digunakan (Merriam, 2009).
- ii. Peserta dan lokasi dipilih mengikut kesesuaian kajian (Cresswell, 2015). Bermaksud, peserta kajian dipilih berdasarkan keupayaan, kesanggupan, komitmen dan motivasi mereka untuk memberikan maklumat yang dikehendaki dalam kajian semasa. Menurut Fraenkel dan Wallen, 2006, pendekatan bertujuan sesuai digunakan untuk memilih peserta kajian yang memerlukan kriteria khusus. Selain itu, pendekatan ini mempunyai kelebihan

kerana dapat memastikan maklumat yang secukupnya bagi menjawab persoalan kajian.

- iii. Pendekatan bertujuan yang digunakan dalam kajian ini adalah berasaskan andaian bahawa penyelidik dapat menerokai, memahami, dan menumpukan kajian secara mendalam pada kes yang spesifik (Merriam, 2009). Pandangan ini adalah selaras dengan pendapat Patton, (2002), menegaskan bahawa pendekatan bertujuan adalah sesuai digunakan bagi memilih peserta kajian. Selain itu, penyelidik dapat mengumpul maklumat yang kaya dengan data daripada peserta kajian.

Semua guru prasekolah berpotensi untuk dipilih sebagai peserta kajian yang mewakili kepelbagaian pengalaman terhadap fenomena yang menjadi fokus kajian (Othman Lebar, 2014; Bogdan & Biklen, 2007; Patton, 2002). Pemilihan peserta kajian, penting untuk dapat membekalkan data yang bermakna berkenaan fenomena yang dikaji (Merriam, 2009; Marohaini, 2001). Peserta kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah mereka yang mempunyai kelulusan sijil perguruan atau ijazah pendidikan.

Dalam kajian ini, penyelidik memilih seramai 5 peserta kajian yang terdiri daripada 4 orang guru perempuan dan 1 orang guru lelaki yang mengajar di kelas prasekolah. Mereka terdiri daripada guru yang berbeza gender, etnik, bahasa dan budaya harian di rumah. Pemilihan jumlah peserta kajian yang sedikit dan terhad jumlahnya ini dilihat selaras dengan kajian Chee Siew Lan (2011), Hamdi (2011), Jefridin (2011), Abd. Shatar (2007) dan Zaidah (2005).

Bilangan peserta kajian ini dianggap memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka dan melihat persoalan kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang maklum balas guru semasa pengajaran di dalam

kelas. Ini kerana tujuan utama membuat penyelidikan adalah meneliti secara holistik pengajaran yang menerapkan APAB dalam konteks kelas dan bukan menguji hipotesis. Guru yang terpilih sebagai peserta kajian ini adalah guru terlatih daripada institusi pendidikan, mempunyai pengalaman mengajar dan pengetahuan untuk mengaplikasikan sukatan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2010). Semua guru ini, berkeupayaan untuk menerapkan APAB yang terkandung secara tersurat dan tersirat dalam pengajaran di kelas prasekolah.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik selaku instrumen kajian yang bersifat manusiawi turut memerhati, mengamati, menilai, mentaksir, menyoal dan meneroka sepenuhnya data-data dan prinsip yang tertanam (*embedded*) serta tersembunyi di dalam diri peserta kajian (Othman, 2014; Mahoraini, 2001). Setiap gerak geri, percakapan, tindakan, pendirian dan luahan hati mereka yang ditemui oleh penyelidik adalah merupakan data berharga dalam konteks kajian secara kualitatif. Pemilihan peserta kajian juga adalah berdasarkan latar belakang demografi guru dan murid, gender, etnik, sosiobudaya setempat, penyertaan yang baik, sosioekonomi, kemahiran sosio emosi, kognitif dan kreativiti.

### **3.4.3 Kriteria Pemilihan Peserta Kajian**

Dalam membuat pemilihan peserta kajian, penyelidik membuat beberapa penelitian berdasarkan kajian lepas. Pemilihan peserta kajian ini adalah berpandukan spesifikasi yang disarankan oleh Yin (2009), Merriam (2009) dan Marohaini (2001). Antaranya terdapat 5 kriteria asas dalam pemilihan peserta kajian yang diterangkan seperti berikut:

- i. Mengutamakan peserta kajian yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengajaran khususnya prasekolah. Penyelidik memilih guru prasekolah

yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun. Mempunyai pengetahuan yang baik tentang aktiviti serta amalan maklum balas pengajaran Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di dalam kelas. Faktor ini penting untuk memastikan mereka telah mengalami sendiri proses yang berlaku di tempat kajian secara semula jadi. Dengan ini mereka dapat memberi pandangan secara mendalam dan menyeluruh dari perspektif peserta kajian.

- ii. Guru yang mempunyai latar belakang dan kepakaran pendidikan berkenaan aspek yang dikaji iaitu aktiviti maklum balas semasa pengajaran di bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, guru prasekolah adalah mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang prasekolah daripada Institusi Pendidikan Guru, Universiti Tempatan, Universiti Luar Negara dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah.
- iii. Mempunyai keupayaan dan persetujuan secara lisan atau bertulis untuk menjadi peserta kajian. Mereka bersetuju untuk diperhatikan dalam pengajaran. Sudi bekerjasama dengan penyelidik untuk membekalkan maklumat mengenai peserta kajian. Guru juga bersetuju dan sanggup diperhatikan, dirakam secara pemerhatian melalui video, ditemu bual dan dirakam secara audio. Selain itu, guru yang terlibat juga perlu memberi kebenaran kepada penyelidik untuk meneliti dan menyimpan bahan-bahan berkaitan dengan pengajaran yang diperhatikan seperti rancangan pengajaran, bahan pengajaran, buku latihan pelajaran dan bahan-bahan berkaitan.
- iv. Mempunyai kerjasama dan kebenaran secara rasmi dari peserta kajian untuk mendapatkan dokumen yang berkaitan. Ini diperlukan penyelidik untuk menyemak, meneliti dan menyimpan dokumen pengajaran, bahan pengajaran dan jurnal serta refleksi pengajaran peserta kajian.

- v. Sokongan dari pihak konsensus khasnya Pegawai Prasekolah Daerah, Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Ketua Panitia dan warga sekolah. Sokongan dan cadangan ini adalah berdasarkan pandangan peribadi, sikap dan profesionalisme dalam bidang tugas. Sentiasa memberi kerjasama, membantu menyelesaikan masalah dan mempunyai keupayaan dalam pengajaran seperti yang diperlukan penyelidik berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Ini secara tidak langsung memberikan kemudahan memasuki ke kawasan sekolah dan menggunakan kemudahan yang ada di sekitar sekolah.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menyenaraikan secara terperinci kategori peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada guru prasekolah. Dalam kajian ini, pandangan Hildebrand (1997) dalam Chee (2011) dan Abdullah Nasih (2008) tentang ciri personaliti guru dijadikan panduan oleh penyelidik. Menurutnya, ciri guru yang mempunyai personaliti yang baik dan sesuai sebagai contoh adalah seperti berikut:

- i. sentiasa bersedia dan yakin untuk menjalankan tugas serta tanggungjawab.
- ii. kepercayaan bahawa tugas guru adalah penting dan dapat mempengaruhi murid.
- iii. bersifat tegas tetapi penyayang dan dapat menjalin hubungan mesra dengan murid.
- iv. menguasai kemahiran mendidik yang dapat membimbing murid untuk belajar.

#### **3.4.3.1 Deskripsi Peserta Kajian**

Kajian ini telah mengenal pasti latar belakang peserta kajian secara ringkas melalui temu bual pada pertemuan yang pertama. Pemilihan semua peserta kajian ini lebih berfokuskan kepada kepakaran mereka menguasai KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah. Deskripsi latar belakang peserta kajian di bahagikan kepada

tiga faktor iaitu i) peribadi, melibatkan latar belakang peserta kajian seperti umur, perwatakan diri dan kelayakan akademik; ii) persekitaran, melibatkan latar belakang persekitaran persekolahan seperti lokasi dan latar belakang sekolah, bilangan guru dan murid prasekolah; dan, iii) peristiwa, melibatkan pengalaman perkembangan profesional peserta kajian seperti kursus dan latihan. Selain itu faktor peristiwa seperti pengalaman, aktiviti kokurikulum, persatuan dan program rasmi sekolah. Latar belakang pengalaman pedagogi peserta kajian yang berbeza juga merupakan satu kelebihan dan keunikan dalam kajian ini walaupun mereka daripada latar belakang pengajian opsyen pendidikan yang sama.

Kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian yang terdiri daripada Cikgu Zul, Cikgu Maryam, Cikgu Rahmah, Cikgu Jasmin dan Cikgu Khaty (bukan nama sebenar). Semua guru ini bertugas sebagai tenaga pengajar dalam bidang prasekolah di Sekolah Bantuan Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidik telah menyusun profil latar belakang guru prasekolah tersebut dengan memberi fokus kepada latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan akademik dan tempoh perkhidmatan guru pra sekolah. Berikut adalah dijelaskan peserta kajian tersebut.

**a. Peserta Kajian 1 Cikgu Zul (PK1)**

Cikgu Zul (bukan nama sebenar) adalah guru yang berumur dalam 41 tahun berasal dari negeri Sabah. Beliau telah berumah tangga dan merupakan suku kaum Melayu etnik Bugis. Beliau meminati bidang pendidikan sejak dari bangku sekolah lagi. Pada peringkat awal kerjayanya, dimaklumkan Cikgu Zul kekok untuk mengajar murid prasekolah yang berusia enam tahun .



Kegigihan dan minat yang mendalam, keinginan untuk belajar serta tanggungjawab untuk mendidik anak bangsa menjadi pendorong utama kepada beliau menyelami tanggungjawab seorang pendidik. Baginya, kerjaya guru prasekolah merupakan asas penting pembentukan diri murid ibarat mencorakkan kain putih. Amalan pembelajaran berupaya membantu murid menjadi insan yang berguna dan lebih berdikari pada masa hadapan.

Peserta kajian mempunyai kelulusan dalam bidang sarjana muda pengkhususan Geografi dan minor dalam Biologi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau mendapat latihan perguruan pendidikan melalui Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI-KPM) Kementerian Pendidikan Malaysia pengkhususan dalam bidang pendidikan prasekolah. Semasa kajian dijalankan, peserta kajian sedang mengikuti program pengajian peringkat sarjana pengkhususan dalam bidang pendidikan prasekolah di Universiti Terbuka, Malaysia.

Pada awal kerjaya pendidik, dimaklumkan Cikgu Zul kekok untuk mengajar murid prasekolah yang berusia enam tahun berbanding pengalamannya yang pernah mengajar murid di sekolah menengah swasta. Mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pengajian Am bagi pelajar Tingkatan 6 di sekolah menengah swasta selama hampir 10 tahun. Dalam perkhidmatan pendidikan, beliau mempunyai pengalaman mengajar di dua buah sekolah rendah di luar bandar Sabah. Kini bertugas di SK Bunga Melor iaitu salah sebuah sekolah di luar bandar sebagai guru prasekolah selama hampir 12 tahun.

Sebagai guru prasekolah, mempunyai kemahiran mengajar semua tunjang pembelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Standard

Prasekolah Kebangsaan (KSPK) kecuali bidang Pendidikan Agama Islam. Di peringkat sekolah Cikgu Zul turut diamanahkan sebagai Penasihat Tunas Kadet Remaja Sekolah, Penasihat Permainan Hoki, Penasihat Kelab Sains, Setiausaha Kurikulum Sekolah dan Penyelaras Prasekolah.

Cikgu Zul memperoleh kemahiran kurikulum prasekolah bermula daripada peringkat bawah. Menurutnya, terdapat beberapa kursus yang pernah dihidirinya iaitu Kursus KSPK, Bengkel Pengisian Data dan Maklumat SMPK, Bengkel Perkongsian Ilmu Pengajaran Dalam Pembelajaran Prasekolah, Kursus Bahasa Inggeris Prasekolah, Kursus Fonetik Prasekolah, Bengkel Penetapan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan, Kursus Modul Prasekolah, Mentor Program Profesional Bahasa Inggeris Guru Prasekolah dan Kursus Pembangunan Profesional Jurulatih Kebangsaan.

Pengalaman mengajar di prasekolah yang lama menyebabkan Cikgu Zul mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menyampaikan isi pengajaran berpandukan KSPK. Beliau juga telah diamanahkan sebagai Jurulatih Utama Prasekolah (JU) bagi peringkat Pejabat Pendidikan Daerah dan peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Beliau mengakui bahawa sumber pengetahuan tentang pendidikan prasekolah banyak diperolehnya melalui penglibatan dalam kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penglibatan ini membolehkannya berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai penceramah atau jurulatih utama dalam kursus-kursus melibatkan bidang prasekolah. Pemilihan Cikgu Zul sebagai peserta kajian, lebih berfokuskan kepada kepakaran menguasai KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah.

Daripada temu bual dan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa Cikgu Zul adalah seorang guru yang ada komitmen kerja yang konsisten, tegas, penyayang, tekun berusaha dan suka mendampingi murid prasekolah. Aspek ini dilihat melalui aktiviti dalam kelasnya. Dilihat sentiasa bersama murid semasa dalam pengajaran mahupun di luar kelas. Cikgu Zul juga dilihat bersama murid walaupun selepas pengajaran dan waktu murid prasekolah ini diisikan oleh Cikgu Zul dengan membimbing mereka dengan aktiviti membaca, menulis dan mengira.

**b. Peserta Kajian 2 Cikgu Maryam (PK2)**

Dalam kajian ini, Cikgu Maryam (bukan nama sebenar) adalah anak pribumi negeri Sabah dari etnik Bisaya. Berumur 44 tahun, sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak. Pengaruh latar belakang keluarga banyak mempengaruhi kerjaya Cikgu Maryam khasnya keluarga sebelah ibunya seramai 5 orang bertugas sebagai pendidik. Mereka selalu mengingatkannya sebagai guru “supaya jangan minat pada nama guru tetapi minat pada tugas seorang pendidik”. Ini memberikan suntikan semangat dan membawanya untuk menyelami tugas sebagai seorang guru prasekolah.

Mendapat pendidikan awal di SK Bunga Tanjung, Kota Kinabalu, Sabah dan meneruskan persekolahan menengah di Sekolah Menengah Bunga Ros, Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 1985 sehingga tahun 1989. Setelah beliau lulus Sijil Pelajaran Malaysia, beliau telah meneruskan pengajian di Maktab Perguruan di Sabah. Memulakan latihan perguruan pada tahun 1991 sehingga 1993 dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Minat terhadap kerjaya pendidik, membawa beliau melanjutkan pendidikan secara Pendidikan Jarak Jauh di Universiti Malaysia Sabah

dalam bidang Sarjana Muda Sains Sukan dan Jasmani. Cikgu Maryam mempunyai pengalaman mengajar paling lama iaitu 23 tahun.

Setelah tamat latihan perguruan tahun 1993, Cikgu Maryam telah dihantar bertugas di Sekolah Kebangsaan Pasir Kuning sehingga akhir tahun 2008. Beliau kemudian bertukar dan memulakan tugas baru di Sekolah Batu Tajam pada tahun 2009 sehingga kini. Di maklumkan, Cikgu Maryam mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk Tahun 1 dan Tahun 2 selama hampir 10 tahun. Manakala pengalaman mengajar di kelas prasekolah selama 13 tahun.

Pada awal penglibatan sebagai pendidik, beliau menghadapi cabaran mengajar Bahasa Inggeris untuk murid Tahun 1 dan Tahun 2 selama 10 tahun. Namun pada tahun 2004, beliau berpindah mengajar ke kelas prasekolah. Di sinilah beliau berjumpa dengan anak didiknya di kalangan murid prasekolah yang meningkatkan minatnya mengajar di kelas prasekolah. Ini ditambahkan lagi, menurutnya cabaran pendekatan semasa masyarakat khususnya di luar bandar dan pedalaman di Sabah yang dilihat kurang memikirkan pendidikan anak-anak mereka. Baginya, hanya bidang pendidikan yang berupaya memberi kesedaran kepada murid untuk membina masa depan yang lebih baik.

Sejak terlibat sebagai guru prasekolah, banyak kursus berkaitan prasekolah yang dihadiri. Cikgu Maryam pernah menghadiri Kursus Kaedah Membaca Phonic, Kursus Kaedah Membaca Cepat 'LIGEBU', Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris Guru Prasekolah, Kursus Kesihatan Kaki Tangan Dan Mulut, Kursus Kepentingan Amalan Ekosistem Di Dalam Pengurusan Kelas Prasekolah dan Kursus KSPK. Atas kemahiran dan minat yang ditunjukkan, cikgu Maryam juga telah

dilantik sebagai Juru Latih Utama Bahasa Inggeris Prasekolah di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah. Pemilihan Cikgu Maryam sebagai peserta kajian, lebih berfokuskan kepada kepakaran menguasai KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah. Manakala antara tugas kokurikulum di peringkat sekolah ialah Guru Penasihat Persatuan Bulan Sabit Merah, Guru Penasihat Bahasa Inggeris dan Guru Penasihat Bola Jaring.

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa Cikgu Maryam adalah seorang guru yang berjiwa keibuan, penyayang, komitmen tinggi, tegas dan suka membantu murid prasekolah. Aspek ini diperhatikan melalui sikapnya yang sentiasa berusaha memastikan murid berpakaian kemas, mempunyai kemahiran yang berkualiti dan kerap memberi tugas sebagai pengukuhan kemahiran murid prasekolah. Selain itu, Cikgu Maryam juga aktif dalam Jawatankuasa Waris Prasekolah dan kerap berhubung dan memberi maklum balas kepada ibu bapa tentang pencapaian murid. Sikap sebegini menyebabkan beliau sering dikunjungi dan mudah dibawa berbincang oleh pihak ibu bapa.

**c. Peserta Kajian 3 Cikgu Rahmah (PK3)**

Peserta kajian ketiga adalah Cikgu Rahmah (bukan nama sebenar) yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan kini menetap di Sabah. Beliau berusia 42 tahun, berbangsa Melayu dan sudah berkahwin serta mempunyai 5 orang anak. Anaknya yang sulung berusia 17 tahun dan anak yang bungsu berumur 4 tahun. Beliau memilih kerjaya pendidik kerana amat meminati tugas guru sejak dari bangku sekolah rendah. Manakala di

rumah, beliau sendiri yang mengajar anak-anaknya di peringkat umur prasekolah hingga berjaya.

Beliau mengetahui bahawa setiap anak mempunyai kemahiran berbeza dan tugas seorang guru adalah mencabar. Selain itu, Cikgu Rahmah juga mendapat sokongan penuh pemilihan kerjaya dari suaminya. Ini menjadikannya seorang wanita yang tabah dan telah membuat permohonan sebagai guru sebanyak 10 kali hingga berjaya. Beliau berpendapat, merasa seronok mengajar murid di sekolah rendah berbanding mengajar di sekolah menengah. Mempunyai pengalaman mengajar prasekolah selama 5 tahun dan pernah bertugas di dua buah sekolah rendah di pedalaman Sabah serta sebagai guru sementara di beberapa buah sekolah menengah.

Mempunyai kelulusan akademik dalam bidang Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dari universiti tempatan. Memulakan kerjaya latihan guru pada ambilan Kursus Perguruan Lepas Ijazah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPLI-KPM) 2010, pengkhususan dalam bidang Pendidikan Prasekolah.

Selepas lulus KPLI-KPM, Cikgu Rahmah di serapkan mengajar di Pulau Badaun. Kedudukan tempat mengajar dan tempat tinggal keluarga yang berlainan daerah memaksanya untuk berulang alik sejauh 130 km dari Daerah Biru ke Daerah Kuning pada setiap hari. Namun, atas minat dan tanggungjawab beliau menganggapnya sebagai cabaran seorang pendidik. Atas dasar tersebut, penempatan semula guru oleh Jabatan Pendidikan Negeri membantunya di tempatkan di sekolah kedua iaitu SK Pulau Hijau, dalam Daerah Biru. Kini beliau memulakan tugas di tempat

baharu iaitu di Sekolah Kebangsaan Seri Mulia sebagai guru prasekolah pada sesi petang.

Selama bertugas sebagai seorang guru, beliau menghadiri beberapa kursus wajib iaitu Kursus KSPK, Kursus Kesihatan Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut, 'Post Test' Program Peningkatan Profisiensi Bahasa Inggeris Guru Prasekolah, Bengkel Perkongsian Ilmu Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Prasekolah, Seminar Integriti Warga Pendidik, Ceramah Jenayah Juvana Dan Narkotik dan Kursus Kaedah Membaca Cepat 'LIGEBU'. Di peringkat sekolah beliau dipertanggungjawabkan sebagai Setiausaha Kurikulum, Guru Penasihat Hoki, Guru Penasihat Tunas Kadet Remaja Sekolah dan Guru Penasihat Kelab Sains Dan Matematik.

Dalam temu bual dan pemerhatian pengajaran, cikgu Maryam seorang yang sabar, rajin, konsisten dan mempunyai komunikasi yang baik. Di dalam kelas, seorang guru yang rapat dengan murid dan mudah didekati semasa pengajaran. Beliau sentiasa berusaha untuk memberi penerangan dan pendekatan pengajaran secara kreatif serta mudah diterima murid. Murid prasekolah dilihat mudah berkomunikasi dengannya untuk mengajukan soalan dan bimbingan. Selepas sesi pengajaran pula, murid sering dilibatkan dengan aktiviti bahasa serta matematik. Pemilihan Cikgu Rahmah sebagai peserta kajian, lebih berfokuskan kepada kepakaran menguasai KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah.

**d. Peserta Kajian 4 Cikgu Jasmin (PK4)**

Cikgu Jasmin (bukan nama sebenar) merupakan peserta kajian yang ke empat. Berusia 42 tahun dari bangsa Melayu etnik Bugis dan telah

berkeluarga serta mempunyai seorang cahaya mata. Cikgu Jasmin meminati kerjaya guru dan bercita-cita menjadi pendidik sejak berada di bangku sekolah lagi. Baginya, kerjaya pendidik merupakan pekerjaan mulia yang dapat memimpin anak bangsa. Selain itu, pengaruh persekitaran khasnya suami dan keluarga memberi sokongan kepadanya untuk menjadi seorang guru yang berjaya.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Kelapa sebelum melanjutkan pengajian pendidikan di salah satu maktab perguruan di Sabah. Pengkhususan dalam bidang pendidikan prasekolah sebagai major dan pengajian pendidikan seni sebagai minor. Selepas tamat pengajian di maktab perguruan, beliau dihantar bertugas di sekolah rendah kawasan ladang iaitu Sekolah Kebangsaan Kelapa sejak tahun 1999. Manakala pada tahun 2008, beliau mula bertugas di Sekolah Kebangsaan Seri Mulia sehingga kini. Atas minat yang mendalam mendorongnya melanjutkan pendidikan dalam bidang Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Pendidikan Prasekolah. Mempunyai pengalaman yang luas dalam mengajar prasekolah di luar bandar iaitu selama hampir 19 tahun.

Sejak berkhidmat sebagai guru, cikgu Jasmin telah banyak mengikuti kursus pendidikan prasekolah. Kursus yang paling lama diikutinya ialah Kursus Prasekolah selama 14 minggu di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau. Selain itu beliau juga mengikuti Kursus Jangka Pendik iaitu, Kursus Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kursus Kaedah Membaca Cepat 'LIGEBU', Kursus KSPK, Seminar Integriti Warga Pendidik dan Post Test Program Peningkatan Profesional Bahasa Inggeris Prasekolah. Di samping itu, di peringkat sekolah beliau memegang jawatan Guru Penasihat Badminton, Guru Penasihat Pandu



Puteri Islam Malaysia dan Guru Penasihat Kelab Kebudayaan. Dalam kajian ini, Cikgu Jasmin terpilih sebagai peserta kajian, kerana kepakaran menguasai KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah.

Sepanjang penglibatan dalam kajian ini, penyelidik mendapati Cikgu Jasmin merupakan guru yang mempunyai komitmen tinggi dan sentiasa menepati prosedur kerja yang diamanahkan. Beliau dalam tugas rutin harian sentiasa menepati masa dan kerap memeriksa tugas yang diberikan kepada anak-anak didiknya. Ini terbukti apabila terpilih di peringkat sekolah sebagai Penerima Anugerah Khas sebagai guru terbaik yang mempunyai Buku Rekod Pengajaran kemas kini dan lengkap.

Dalam aspek peribadi, beliau mempunyai ciri keibuan sebagai guru prasekolah, penyayang, prihatin dan bertanggungjawab mengambil berat perkembangan anak didiknya. Diperhatikan beliau suka bertanyakan khabar murid, memberi makanan dan minuman. Dalam pengajaran diperhatikan beliau guru yang kreatif dalam menyampaikan idea pengajaran dengan mengaplikasikan pendekatan dan pelbagai jenis bahan bantu mengajar. Oleh sebab itulah, beliau tidak mudah putus asa dalam mendidik murid-murid.

**e. Peserta Kajian 5 Cikgu Khaty (PK5)**

Cikgu Khaty (bukan nama sebenar) merupakan guru yang berasal dari Sabah dan peserta kajian yang ke lima. Berusia dalam 33 tahun, peribumi Sabah etnik Brunei dan sudah berkeluarga serta mempunyai dua orang anak. Sejak di bangku sekolah, Cikgu Khaty meminati kerjaya guru prasekolah.

Beliau kerap membuat pemerhatian terhadap perkembangan tingkah laku murid prasekolah. Beliau berpuas hati dan seronok jika dapat mendidik mereka menguasai aktiviti pembelajaran yang sepatutnya. Selain itu juga, dorongan daripada keluarga menjadi sumber kekuatan kepada Cikgu Khaty untuk menerokai tugas rutin seorang pendidik. Menurutnya lagi, karier pendidik membolehkan beliau menerokai pembacaan tentang aktiviti membaca dan menulis yang berkesan terhadap murid prasekolah. Di samping itu menyediakan murid prasekolah dengan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul apabila berada di Tahun 1.

Beliau mendapat latihan perguruan di salah satu maktab perguruan di Sabah pada tahun 2001 dalam bidang Pendidikan Prasekolah sebagai major dan Bahasa Malaysia sebagai minor. Oleh sebab minat yang mendalam terhadap bidang pendidikan prasekolah, beliau juga telah menamatkan pengajian dalam bidang Sarjana Muda Pendidikan bidang Pendidikan Prasekolah.

Cikgu Khaty merupakan guru prasekolah yang berpengalaman mengajar selama 12 tahun. Beliau pernah bertugas di dua buah sekolah luar bandar di negeri Sabah iaitu sekolah pertama selama 3 tahun dan sekolah kedua selama 9 tahun. Pelajar di dua buah sekolah terlibat terdiri daripada latar belakang murid, budaya dan etnik yang berbeza

Sejak menjadi seorang guru, terdapat beberapa kursus jangka pendek yang cikgu Khaty hadiri. Antaranya Kursus Profesionalisme Bahasa Inggeris, Kursus LIGEBU, Kursus Aset Prasekolah. Kursus Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kursus i-Think dan Kursus KSPK. Selain itu, di peringkat sekolah beliau juga berpengalaman menjalankan

tugas sebagai Guru Ko-Kurikulum bagi Ketua Penasihat Bola Baling, Guru Penasihat Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kelab Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, pemilihan Cikgu Zul sebagai peserta kajian kerana pengetahuannya tentang KSPK dan kemahiran penerapan APAB dalam pengajaran di prasekolah.

Sepanjang kajian, Cikgu Khaty diperhatikan mempunyai hubungan komunikasi dan melayan murid yang terdiri dari pelbagai etnik secara adil, penyayang serta penyabar. Murid dilibatkan dalam semua aktiviti pembelajaran, arahan jelas dan tidak mengamalkan dendaan. Beliau turut aktif dengan aktiviti Jawatankuasa Waris dan kerap berjumpa dengan ibu bapa bagi program melibatkan prasekolah. Berikut diringkaskan latar belakang peserta kajian berdasarkan Jadual 3.5:

Jadual 3.6  
*Latar Belakang Peserta Kajian*

Perkara	PK 1	PK2	PK3	PK4	PK5
Umur	41	44	42	42	33
Jantina	Lelaki	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Etnik	Bugis	Bisaya	Melayu	Bugis	Brunei
Pengalaman Mengajar	12	23	5	19	12
Pengalaman Mengajar Prasekolah	12	13	5	19	12
Kelayakan Akademik	Sarjana Muda Geografi & Biologi	Sarjana Muda Sains Sukan & Jasmani	Sarjana Muda Sains Pemb. Manusia	Sarjana Muda Pendidikan Prasekolah	Sarjana Muda Pendidikan Prasekolah

	KPLI Prasekolah	Sijil Perguruan Pend. Awal Kanak-Kanak	KPLI Prasekolah	Diploma Prasekolah & Pend. Seni	Diploma Prasekolah & Bah. Melayu
Jawatan Di Sekolah	Guru Penasihat Tunas Kadet Remaja Sekolah, Penasihat Permainan Hoki, Penasihat Kelab Sains, Setiausaha Kurikulum Sekolah dan Penyelaras Prasekolah.	Guru Penasihat Persatuan Bulan Sabit Merah, Guru Penasihat Bahasa Inggeris dan Guru Penasihat Bola Jaring	Setiausaha Kurikulum, Guru Penasihat Hoki, Guru Penasihat Tunas Kadet Remaja Sekolah dan Guru Penasihat Kelab Sains Dan Matematik.	Guru Penasihat Badminton, Guru Penasihat Pandu Puteri Islam Malaysia dan Guru Penasihat Kelab Kebudayaan	Ketua Penasihat Bola Baling, Guru Penasihat Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kelab Bahasa Inggeris
Personaliti	Keyakinan Tanggung jawab Konsisten Penyayang Tekun Minat Mengajar	Keibuan Penyayang Komitmen Tegas Suka Membantu Tanggung jawab Berdisiplin	Sabar Rajin Konsisten Kreatif Penyayang Komunikasi	Keibuan Penyayang Prihatin Tanggung jawab Kreatif Tabah	Peramah Penyayang Penyabar Minat Mendidik Aktif

### 3.4.4 Penentuan Dan Pemilihan Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan kerja kajian lapangan, adalah merujuk kepada penetapan masa sebenar kajian dilaksanakan. Tempoh tersebut, bermula pada hari pertama penyelidik menerokai kerja di lapangan kajian sehinggalah ke hari terakhir pengumpulan data. Tindakan menyingkatkan atau melanjutkan masa pelaksanaan di kajian lapangan tidak digalakkan kerana boleh menjejaskan hasil akhir kajian (Yin, 2009; Merriam, 2009).

Berdasarkan kajian kes yang sempurna, masa tidak boleh ditetapkan penyelidik untuk menghentikan kajian yang sedang berlangsung. Ini kerana pengumpulan data kualitatif banyak melibatkan interaksi secara bersemuka dengan

peserta kajian dan pemahaman tentang latar belakang budaya sesuatu tempat (Merriam, 2009; Marohaini, 2001). Tahap yang diambil kira untuk menghentikan kajian ialah apabila penyelidik mencapai tahap ketepuan data di mana tidak terdapat tema baru muncul dan teori yang dihasilkan dari data adalah sama (Yin, 2009; Merriam, 2009).

Kehadiran penyelidik dalam jangka masa yang lama di lapangan kajian membantu mengurangkan perasaan terancam di kalangan peserta kajian khususnya guru prasekolah dan murid prasekolah. Dengan ini, kepercayaan mereka terhadap penyelidik mudah untuk diterima. Oleh itu, penglibatan penyelidik selaku instrumen utama, amat membantu dalam memastikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dan dapatan kajian.

Secara keseluruhan kajian ini dijalankan dalam tempoh masa 5 bulan iaitu bermula pada Februari, Mac, April, Mei dan Jun pada tahun 2016. Penyelidik tidak menjalankan kajian pada bulan November dan Disember, 2015 kerana cuti semester pada akhir tahun. Manakala pada bulan Januari tahun 2016 pula adalah penyesuaian murid di kelas prasekolah. Tempoh 5 bulan pada penyelidik sudah cukup memberikan reaksi kepada guru dan murid prasekolah untuk menerokai pelaksanaan pengajaran berteraskan APAB. Ini dapat dijelaskan pada Jadual 3.7.

Jadual 3.7  
*Kekerapan Pemerhatian dan Temu Bual Guru*

Peserta Kajian	Pemerhatian (Kekerapan)	Temu Bual (Kekerapan)	Masa Pelaksanaan (Bulan :2016)
Guru 1	7 kali	7 kali	Feb, Mac, Apr, Mei, Jun
Guru 1	7 kali	7 kali	Feb, Mac, Apr, Mei, Jun
Guru 1	7 kali	7 kali	Feb, Mac, Apr, Mei, Jun
Guru 1	7 kali	7 kali	Feb, Mac, Apr, Mei, Jun
Guru 1	7 kali	7 kali	Feb, Mac, Apr, Mei, Jun

Walaupun kajian ini bermula dalam bulan Februari tahun 2016, namun kajian sebenar telah dijalankan penyelidik. Penyelidik telah membina hubungan percaya mempercayai dengan peserta kajian dengan mengunjungi sekolah tersebut beberapa kali iaitu pada bulan sebelumnya. Tujuan kunjungan, mendapatkan maklum balas dan suai kenal awal penerimaan pihak sekolah dan peserta kajian. Selain itu, kunjungan tersebut bertujuan mendapatkan data asas sekolah yang diperlukan untuk bahan dokumentasi.

Penyelidik dalam kajian ini kerap untuk turun kelapangan kajian. Sepanjang tempoh kajian ini, penyelidik membahagikan pemerhatian kepada 7 kali iaitu dalam kelas atau sekitar sekolah bersama setiap peserta kajian yang terdiri daripada guru prasekolah. Sebanyak 7 kali sesi temu bual bersama setiap guru prasekolah iaitu sebagai peserta kajian.

### **3.5 Tatabara Pelaksanaan Kajian**

Tatabara pelaksanaan kajian, memainkan peranan penting dalam pemeringkatan pengumpulan data. Tujuan utama pembahagian peringkat pelaksanaan kajian ini adalah untuk memudahkan proses pengumpulan data kajian (Othman, 2014; Noraini, 2012). Selain itu memastikan penyelidik tidak terpengaruh dengan masalah bias dalam membuat penilaian dalam kajian.

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan sekolah yang terpilih. Berikut adalah kelulusan pihak berkenaan untuk melaksanakan kajian lapangan.

Penyelidik dalam kajian ini telah membahagikan tempoh kajian ini kepada tiga peringkat iaitu pra pengutipan data, semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data. Ini dapat dijelaskan seperti dalam Jadual 3.8 dan Jadual 3.9 berikut:

Jadual 3.8.

*Kebenaran Melaksanakan Kajian Lapangan*

Kelulusan	Tarikh
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	14.12.2015
Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	07.01.2016
Sekolah Kajian	16.02.2016

Jadual 3.9.

*Tatacara Pelaksanaan Kajian*

Pelaksanaan Kajian	Tahun/Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Proses & Tujuan
<b>Peringkat 1</b> Pra Pengutipan Data	2015				√	√	√	Mengenali dan memupuk hubungan kepercayaan dengan pihak sekolah.
	2016		√					Berkenalan secara langsung dengan pihak sekolah. Pemilihan kelas dan peserta kajian. Pemerhatian tidak turut serta. Membina kepercayaan dan persahabatan terhadap peserta kajian. Mendapatkan maklumat gambaran rutin prasekolah dan membiasakan dengan peserta kajian.
<b>Peringkat 2</b> Semasa Pengutipan Data	2016			√	√	√	√	Pengumpulan Data melalui kaedah Bukti Dokumen, Protokol Pemerhatian dan Protokol Temu Bual. Pemerhatian menggunakan perakam video, rekod catatan dan instrumen pemerhatian. Temu bual berstruktur, semi berstruktur dan tidak berstruktur. Penerokaan aspek demografi guru, kaedah pengajaran, halangan dan rintangan serta tindak balas murid prasekolah terhadap pengajaran APAB.
<b>Peringkat 3</b> Selepas Pengutipan Data	2016		√	√	√	√	√	Proses penambahbaikan maklumat dan memperincikan penemuan kajian. Kaedah pemerhatian dan temu bual berfokus tidak dilaksanakan. Proses pengesahan data bukti dokumen, pemerhatian dan temu bual.

### 3.5.1 Pra Pengutipan Data

Peringkat pra pengutipan data melibatkan tempoh selama 3 bulan (April hingga Jun, 2015), iaitu pada semester pertama persekolahan. Tujuan utama peringkat ini adalah untuk penyelidik mengenali dan memupuk hubungan kepercayaan dengan pihak sekolah. Tempoh kerja lapangan ini adalah tempoh masa sebelum penyelidik menjalankan pemerhatian di dalam kelas. Dalam tempoh tersebut, penyelidik telah terlebih awal memupuk hubungan kepercayaan melalui perbualan telefon, lawatan persahabatan, pertemuan tidak formal dan perbualan secara tidak formal.

Penyelidik dalam peringkat ini, sentiasa peka dan merendahkan diri terhadap peserta kajian untuk diterima kehadirannya. Kaedah perapatan melalui perbualan dan tingkah laku positif terhadap peserta kajian membantu penyelidik mendapatkan sebanyak data dengan lebih berkesan. Penyelidik berusaha untuk memastikan murid prasekolah boleh menerimanya. Penyelidik berbincang dengan guru prasekolah, menerangkan pengajaran yang berteraskan APAB dan pelaksanaan di dalam kelas prasekolah. Penyelidik dalam perkara ini juga sentiasa mengingatkan peserta kajian tentang tujuan kajian dijalankan iaitu untuk mengutip data.

Sepanjang minggu pertama, kedua dan ketiga dalam bulan Februari tahun 2016, penyelidik menjalinkan hubungan dan berkenalan dengan warga sekolah. Ini melibatkan guru besar, penolong kanan, panitia, semua guru, guru prasekolah, pembantu pengurusan murid dan murid prasekolah. Penyelidik membuat pemerhatian tidak turut serta, berbincang untuk mendapatkan maklumat tentang gambaran rutin harian sekolah, pemilihan peserta kajian dan membiasakan penyelidik dengan peserta kajian. Dengan ini, barulah wujud hubungan kerja yang positif dan dapat mengumpul maklumat secara tidak langsung.



Di samping itu, tujuan pemerhatian juga adalah untuk membina kepercayaan dan persahabatan di antara penyelidik, guru dan murid prasekolah di samping untuk membiasakan mereka dengan kehadiran penyelidik di dalam bilik prasekolah. Dengan itu, membantu guru dan murid agar tidak terkejut dengan kehadiran penyelidik dan seterusnya dapat menerima penyelidik sebagai salah seorang daripada mereka. Sebaik saja penyelidik diterima oleh murid kelas itu, maka proses pengutipan data bermula.

Selain itu, peringkat pra pengutipan data membantu penyelidik untuk membuat pilihan lokasi berlangsungnya tempat kajian, menganalisis kesesuaian lokasi dan mendapatkan keyakinan peserta kajian yang terlibat. Pemilihan guru prasekolah yang berkualiti juga berlangsung di peringkat ini dan kelas yang diajar sebagai konteks pelaksanaan kajian.

### **3.5.2 Semasa Pengutipan Data**

Penyelidik melaksanakan pemerhatian terhadap guru dan murid prasekolah yang terlibat dalam aktiviti pengajaran serta pembelajaran di kelas prasekolah. Dalam kaedah pemerhatian ini, penyelidik membuat rakaman pengajaran guru dan perilaku murid prasekolah. Penyelidik menggunakan perakam video dan membuat rekod catatan ke dalam buku catatan lapangan. Selain itu, guru sebagai peserta kajian juga dilibatkan dalam sesi temu bual selepas pengajaran tamat iaitu pada waktu yang sesuai tanpa sebarang paksaan. Fokus utama penyelidik semasa pengutipan data adalah untuk berkongsi bahan rakaman dan mendapatkan penjelasan lanjut tentang mana-mana aspek yang kurang jelas semasa pemerhatian dilakukan.

Peringkat kedua semasa pengutipan data ini, merupakan proses kerja lapangan yang agak panjang kerana melibatkan pengumpulan data melalui pemerhatian kelas dan temu bual dengan peserta kajian. Peringkat ini berlangsung

selama 4 bulan iaitu bermula Mac, April, Mei dan Jun tahun 2016. Pada peringkat inilah, penyelidik meneroka dan mendapatkan penjelasan secara mendalam berkenaan demografi guru, kaedah pengajaran, halangan dan sumber rintangan serta tindak balas murid terhadap APAB. Pada peringkat ini, bukan hanya peserta kajian yang diperhatikan dan ditemu bual, malah semua faktor yang berkaitan turut diambil kira termasuk kemudahan asas kelas, bahan bantu mengajar, iklim kelas, persekitaran sekolah, penglibatan semua guru, murid prasekolah, cabaran luaran, pengurusan personaliti guru, pengurusan masa dan sebagainya.

### **3.5.3 Selepas Pengutipan Data**

Pengutipan data dilaksanakan penyelidik pada peringkat ketiga. Fokus utama kerja selepas pengutipan data adalah untuk membuat penambahbaikan maklumat yang ada dan memperincikan penemuan kajian. Sepanjang tempoh selepas pengutipan data juga, kaedah pemerhatian dan temu bual berfokus tidak dilaksanakan oleh penyelidik. Ini bertujuan untuk lebih fokus kepada pengutipan data dan mengelakkan kekeliruan serta memudahkan peserta kajian turut terlibat. Dalam proses membuat pengesahan maklumat tentang bukti dokumen, pemerhatian dan temu bual, penyelidik kembali ke lapangan kajian untuk menemui peserta kajian untuk pengesahan data dan temu bual yang telah dijalankan. Peringkat ini berlaku pada bulan Februari sehingga Jun tahun 2016.

### **3.6 Kaedah Mengutip Data**

Dalam kaedah pengumpulan data, penyelidik telah mengaplikasikan tiga kaedah utama kajian iaitu menganalisis dokumen, protokol pemerhatian dan protokol temu bual. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat, lengkap, terperinci dan sahih khasnya tentang aktiviti pengajaran yang mementingkan APAB di prasekolah (Wiersma, 2014; Merriam, 2009). Pengumpulan data dalam bentuk deskriptif

ini, penting untuk mendapatkan gambaran awal, membuat analisis dan melaporkan keadaan sebenar yang berlaku dalam menyampaikan APAB.

Kombinasi tiga kaedah ini, membolehkan penyelidik tidak bergantung kepada satu sumber rujukan sahaja. Setiap satu daripadanya dapat memperkukuhkan data yang dikumpul antara satu sama lain (Merriam, 2009; Othman, 2014). Ini sudah tentu mengembangkan hasil dapatan dan kesahan kajian yang melibatkan guru prasekolah dan murid prasekolah (Walcott, 2009). Selain itu, melalui kombinasi ini juga penyelidik dapat memperkukuhkan maklumat agar tidak berlaku keciciran maklumat berpandukan garis panduan, kaedah yang telah ditetapkan dalam mencungkil maklum balas guru dan murid melalui aktiviti APAB (Othman, 2014; Noraini, 2013).

### **3.6.1 Kaedah Pemerhatian**


Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian merupakan antara kaedah utama mengutip data yang bertujuan untuk mengetahui perkara sebenar (Noraini, 2013; Yin, 2009; Merriam, 2009). Ini dapat dijelaskan penyelidik melalui Rajah 3.2. Kaedah ini, membimbing penyelidik untuk mengumpul maklumat secara maujud yang dapat memberi gambaran terperinci tentang aktiviti, perilaku dan tindak balas guru serta murid prasekolah terhadap APAB di bilik darjah (Othman, 2014; Yin, 2009; Merriam, 2009).

#### **3.6.1.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian**

Tujuan utama penyelidik mengaplikasikan kaedah ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan memahami pengajaran APAB di dalam kelas prasekolah. Kaedah pemerhatian, membolehkan penyelidik melihat tingkah laku yang ditunjuk guru dan murid prasekolah adalah gambaran semula jadi. Semua data hasil pemerhatian, didokumentasikan secara sistematik berbantuan borang catatan pemerhatian, senarai semak dan rakaman video (Noraini, 2013; Creswell, 2015). Kelebihan kaedah

pemerhatian ini ialah membawa penyelidik untuk memahami kaedah pengajaran guru, halangan dan sumber rintangan serta tindak balas murid prasekolah terhadap APAB.

Pemilihan kaedah pemerhatian dalam kajian ini, mencipta pelbagai penyelesaian kepada penyelidik dalam usaha mengumpul data dan maklumat. Melalui kaedah ini juga, membantu penyelidik untuk memerhati peserta kajian dalam pelbagai keadaan yang melibatkan perilaku rutin harian (Merriam, 2009). Penyelidik akan dapat mengumpulkan maklumat dan membuat analisis kaedah yang kerap diaplikasikan bagi memupuk APAB terhadap murid prasekolah; sumber rintangan dari aspek jantina, etnik, sosio budaya dan sosioekonomi; dan tindak balas murid terhadap APAB yang melibatkan kemahiran sosialisasi, kemahiran kognitif, kemahiran kreativiti dan kemahiran emosi murid prasekolah.



Rajah 3.2. Kaedah Mengutip Data (Adaptasi: Hamdi Ishak, 2011)

Pelaksanaan kaedah pemerhatian, membolehkan isu sensitif dikaji secara mendalam (Marohaini, 2001). Selain itu, proses pemerhatian yang sistematik dan semula jadi ke atas peserta kajian membekalkan data langsung yang amat berkualiti nilainya (Anna Christina, 2000). Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengumpul pelbagai maklumat tentang tingkah laku interpersonal dalam kehidupan seharian murid dalam bilik darjah yang sebenar. Ini kerana murid prasekolah yang masih suci akal, akhlak dan tingkah laku, memerlukan ketelitian serta pendekatan yang jelas.

Dalam aspek strategi pengumpulan maklumat, penyelidik telah memilih dua kaedah pemerhatian. Pertama pemerhatian tidak turut serta dan kedua, pemerhatian turut serta semasa aktiviti pengajaran dalam bilik darjah. Tujuan utama pemilihan pemerhatian ini adalah untuk mengurangkan kebimbangan, mewujudkan kepercayaan serta hubungan rapat di antara penyelidik dengan peserta kajian (Othman 2014; Merriam, 2009). Selain itu, mengurangkan *bias* atau mengelakkan jurang perbezaan di antara penyelidik dengan peserta kajian (Marohaini, 2001).

Perhubungan yang terjalin membolehkan peserta kajian memberikan pelbagai maklumat personel dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran penyelidik. Penyelidik memfokuskan pemerhatian kepada tingkah laku peserta kajian, memerhati murid, meneliti amalan peserta kajian, dan mencatat laporan pemerhatian. Penyelidik juga turut memastikan semua data dan bukti dilaporkan dengan berbantuan penggunaan rakaman video, rakaman audio, catatan lapangan dan catatan jurnal.

Untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian, penyelidik mengaplikasikan kaedah pemerhatian kepada persoalan kajian pertama, persoalan kajian kedua, persoalan kajian ketiga dan persoalan kajian keempat. Berikut adalah antara tema-tema pemerhatian dalam menjawab persoalan kajian:

- a. Fokus pemerhatian bagi persoalan kajian pertama:
  - i. Pengetahuan kandungan kemahiran kandungan KSPK.
  - ii. Pengetahuan kandungan isi pengajaran KSPK.
  - iii. Pengetahuan kandungan definisi dan konsep APAB.
  - iv. Pengetahuan kandungan persepsi APAB.
- b. Fokus pemerhatian bagi persoalan kajian kedua:
  - i. Pendekatan pengajaran APAB tentang minat murid.
  - ii. Pendekatan pengajaran APAB tentang pengetahuan murid.
  - iii. Pendekatan pengajaran APAB tentang meningkatkan kesedaran murid.
  - iv. Pendekatan pengajaran APAB tentang membangunkan pemikiran kritis murid.
- c. Fokus pemerhatian bagi persoalan kajian ketiga:
  - i. Penerapan pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina.
  - ii. Penerapan pengajaran APAB dari aspek etnik.
  - iii. Penerapan pengajaran APAB dari aspek sosiobudaya
  - iv. Penerapan pengajaran APAB dari aspek sosioekonomi.
- d. Fokus pemerhatian bagi persoalan kajian keempat:
  - i. Sumber rintangan pengajaran APAB dalam perbezaan jantina.

- ii. Sumber rintangan pengajaran dalam kepelbagaian etnik.
- iii. Sumber rintangan pengajaran dalam sosiobudaya.
- iv. Sumber rintangan pengajaran dalam sosioekonomi.

Dalam menjayakan proses pemerhatian, penyelidik melaksanakan beberapa pemerhatian terhadap kelas prasekolah yang terlibat. Tujuan utama, mendapatkan gambaran awal kepada penyelidik tentang situasi amalan pengajaran di dalam kelas prasekolah di samping membiasakan diri dengan prosedur pemerhatian.

### **3.6.1.2 Protokol Kaedah Pemerhatian**

Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan kaedah pemerhatian sebanyak 7 kali ke atas 5 orang guru prasekolah. Pada peringkat awal, penyelidik berusaha untuk mengenal pasti 5 buah kelas prasekolah yang menjadi lokasi kajian berdasarkan spesifikasi kajian yang ditetapkan. Peringkat kedua, penyelidik membuat pemerhatian sebenar terhadap amalan rutin perilaku 5 guru prasekolah iaitu peserta kajian ketika pengajaran berlangsung di dalam kelas prasekolah.

Sebelum turun kelapangan kajian, penyelidik terlebih dahulu membuat kolaborasi bersama peserta kajian untuk mendapatkan persetujuan bersama tentang jadual pengajaran harian, tempoh dan jumlah pemerhatian serta tatacara penyelidik membuat pemerhatian di dalam kelas. Penyelidik meminta kebenaran dan persetujuan peserta kajian secara rasmi dengan meminta peserta kajian mengisikan borang persetujuan berpengetahuan pada Lampiran A (Guru).

Semua aspek ini, dianggap amat penting oleh penyelidik untuk dikongsi bersama peserta kajian bagi memastikan kelancaran aktiviti yang dirancang. Penyelidik juga mengguna pakai borang pemerhatian



(Lampiran D, Lampiran D2) dalam setiap aktiviti pemerhatian. Ini bertujuan untuk rekod dan menganalisis situasi yang berlaku dalam proses pengajaran guru di kelas prasekolah.

Semasa menjalankan pemerhatian peringkat pertama, penyelidik mengambil tempat di bahagian belakang kelas dan bertindak sebagai pemerhati sahaja (Fraenkel, & Wallen, 2003; Merriam, 2009). Sepanjang pemerhatian penyelidik menggunakan Borang Lampiran D dan Borang Lampiran D2. Borang Lampiran D adalah asas panduan bagi penyelidik dalam melaksanakan pemerhatian ke atas peserta kajian. Borang Lampiran D2 pula adalah borang catatan pemerhatian bagi pengajaran guru.

Peranan utama penyelidik pada peringkat pertama ini adalah sebagai pemerhati dan pencatat sahaja tanpa perlu mewujudkan interaksi dengan peserta kajian serta persekitaran. Tumpuan pemerhatian penyelidik adalah berfokus kepada set induksi, pengisian pengajaran, kemahiran pengajaran, pengetahuan dan pemahaman pengajaran, penerapan nilai murni dan kesimpulan pengajaran. Ada kalanya, penyelidik menempatkan diri berhampiran dengan peserta kajian yang sedang berkomunikasi agar interaksi mereka dapat diambil dan difahami secara jelas. Ini bertujuan untuk memberi fokus kepada proses pengumpulan data pengajaran dan pembelajaran berbentuk *vervatim* sambil membuat catatan bagi tujuan rekod pernyataan.

Selain itu memudahkan penyelidik meneroka perilaku peserta kajian dalam keadaan yang selamat dan terkawal sesuai dengan konteks kajian. Ini juga memudahkan penyelidik untuk membuat catatan penting hasil pemerhatian dan persoalan dalam dokumen yang berkaitan.

Pada peringkat pemerhatian kedua, penyelidik memilih untuk berperanan sebagai pemerhatian turut serta. Dalam aspek ini, penyelidik melibatkan diri dengan persekitaran dan aktiviti peserta kajian. Penyelidik mengambil bahagian sebagai peserta pemerhati yang memfokuskan kepada tingkah laku peserta kajian, memerhati murid, meneliti amalan peserta kajian, dan mencatat laporan pemerhatian.

Di sepanjang pemerhatian peringkat kedua ini, penyelidik melaksanakan aktiviti pemerhatian ke atas setiap peserta kajian iaitu guru sebanyak 7 kali di dalam kelas prasekolah atau sekitar sekolah. Setiap pemerhatian mengambil masa selama 10 minit sehingga 40 minit bergantung kepada masa sebenar pengajaran berlangsung dan situasi semasa. Tujuan dihadkan masa melaksanakan pemerhatian ialah mengelakkan bosan di kalangan peserta kajian (Marohaini, 2001). Selain itu jadual pengajaran prasekolah bagi setiap mata pelajaran adalah berbeza dan bersifat fleksibel (KPM, 2010, 2002).

Tujuan rakaman dilaksanakan semasa kajian berlangsung khasnya sesi temu bual adalah bertujuan mendapatkan rekod yang asli dan membolehkan penyelidik fokus kepada isi kandungan temu bual. Berikut adalah kenyataan Bryman (2008) “...because the interviewer is supposed to be highly alert to what is being said-following up interesting point made, prompting and probing where necessary, drawing attention to any inconsistencies in the interviewee’s answer- it is best if he or she is not distracted by having to concentrate on getting down notes on what is said”.

Untuk memastikan penyelidik dapat melaksanakan pemerhatian kelas prasekolah dengan lancar dan berkesan, penyelidik mewujudkan

perancangan yang rapi melibatkan peserta kajian iaitu guru prasekolah, pentadbir sekolah serta mereka yang terlibat. Penyelidik juga turut memastikan semua data dan bukti tidak keciciran dalam membuat pemerhatian dengan menggunakan rakaman video, catatan lapangan dan catatan jurnal. Ini diperjelaskan seperti berikut:

**a. Rakaman Video**

Rakaman video merupakan salah satu aspek penting dalam pemerhatian dan perekodan interaksi di dalam kelas atau secara kumpulan (Othman Lebar, 2014; Marohaini, 2001). Tujuan penyelidik memilih rakaman video adalah untuk membantu proses pengutipan data dan analisis data (Marohaini, 2001).

Rakaman video digunakan untuk membantu penyelidik merekodkan perbualan lisan yang berlaku antara para peserta kajian (Bogdan, & Biklen, 2007). Rakaman video diaplikasikan penyelidik, sebagai alat yang merakam aktiviti penyampaian pengajaran dan pembelajaran berteraskan APAB. Tujuan rakaman dalam kajian ini, bertujuan untuk memudahkan penyelidik mengingat peristiwa secara visual dan merekod peristiwa dengan tepat. Fokus rakaman video ini ialah penumpuan berpusat pada percakapan dan perlakuan subjek kajian. Penyelidik menggunakan dokumen Catatan Jurnal (Lampiran I) dan Catatan Lapangan (Lampiran H) sepanjang rakaman.

Dalam kajian ini, rakaman video membolehkan penyelidik membuat imbasan kembali atau bertindak sebagai satu teknik mengingat dan mengkaji butiran yang tertinggal semasa pemerhatian dilaksanakan. Penyelidik mudah untuk membuat perbandingan tingkah laku peserta

kajian dari semasa ke semasa untuk dapatan gambaran yang lebih jelas. Rakaman video dibuat sebanyak tiga kali bagi setiap peserta kajian.

Penyelidik mengendalikan secara individu peralatan rakaman video tersebut. Rakaman video ini dilakukan semasa pengajaran berlangsung. Namun, rakaman ini tidak dijalankan dalam setiap pemerhatian yang dijalankan. Rakaman hanya dibuat berdasarkan keperluan dan kebenaran peserta kajian yang tidak mengganggu proses pengajaran yang berlangsung.

Untuk mewujudkan suasana kelas prasekolah yang semula jadi, penyelidik mengaplikasikan video secara berperingkat. Pada awal penggunaannya, penyelidik meletakkan rakaman tersebut berhampiran dengan lokasi tempat duduk penyelidik di bahagian belakang. Setelah beberapa kali barulah penyelidik membuat rakaman begitu hampir dengan murid prasekolah dan guru prasekolah. Semua hasil rakaman visual, dilihat berulang kali, disalin dan disimpan di dalam komputer riba, *pendrive* dan cakera padat (Compact Disc).

## CONTOH : TRANSKRIPSI PEMERHATIAN (VIDEO)

Bil.Pemerhatian :1/2/3/4/5/6/7	Peserta Kajian : PK4
Tunjang Pembelajaran : Perkembangan Kognitif	Masa:8.00-8.40
Tajuk : Nombor 11-20	Tarikh:02.03.2016

1	Guru memberi salam kepada murid-murid (17 orang: L 7 P 11). Guru memulakan
2	pengajaran dengan mengatur murid mengikut kumpulan mengikut jantina masing-
3	masing. Seramai 24 orang semuanya.
4	Guru : Ok mari kita kira berapa tayar kereta. Tayar kereta ada berapa?
5	Murid : Ada 4
6	Guru : Kenal nombor 1, 2,3,4,5,6,7,8,9?
7	Murid : Kenal
8	Guru: Kalau kenal nombor tu tiada masalah kenal nombor 11 hingga 20. Kawan-kawan
9	kenalkah nombor berapa?
10	(Pemerhatian: Guru memulakan pengajaran dengan mengaitkan dengan gambar maujud
11	(kereta). Guru bertanya kepada murid tentang bentuk dan bilangan objek nombor
12	0,1,2,3,4,5,6,7,8,9. Murid prasekolah menyatakan mereka kenal nombor dan bilangan
13	objek nombor. Oleh itu, jika murid sudah menguasai nombor tersebut maka mereka akan
14	mudah menguasai nombor 11 hingga 20).
15	Guru : Cikgu mahu tanya Azrol nie nombor berapa. Nombor berapa ni Azrul! Nombor
16	berapa nie Azrul, Azrul kuat..kuat Azrul..
17	Murid : Nombor 11
18	Guru : Ada nampak gambarnya di sini
19	Murid : Ada
20	Guru: Ya, gambar kura-kura. Ada 11 ekor kura-kura. Macam mana jadi 11?
21	Murid Intan: Buat satu lepas tu satu.
22	(Pemerhatian: Guru bertanya kepada Azrol tentang nombor yang ditunjukkan pada
23	carta bergambar. Azrul menjawab 'Nombor 11' dengan suara perlahan dan kurang yakin.
24	Guru mengulangi sehingga 3 kali meminta Azrul menyebut nombor tersebut dengan
25	suara yang kuat. Azrul menyebut dengan suara yang kuat. Guru menyatakan ada 11 ekor
26	gambar kura-kura. Guru bertanya kepada kelas macam mana boleh jadi 11? Intan
27	memberitahu, tulis 1 lepastu baru 1 lagi).
27	Guru : Siapa nak tunjuk nombor 15. Ok Shaziman. Tunjuk dengan kawan-kawan nombor
29	15. Mana nombor 15. Bolehkah Ziman sebut 15 biji oren.
30	Murid-murid: 15 biji oren.
31	Guru : Bolehkah tolong cikgu tulis nombor 15. Tulis di sini nombor 15.
32	Murid Ziman : Menulis nombor 15 di papan putih.
33	

34	Guru : Tepuk tangan. Dia kenal sudah nombor 15. Tahniah Ziman, nombor 5 awak tidak
35	terbalik sudah macam biasakan. Siapa nak buat 16.
36	(Pemerhatian: Guru memilih Saziman secara rambang untuk menunjukkan dan menulis
37	nombor 15 kepada rakan-rakan. Shaziman berjaya menunjukkan dan menulis nombor
38	15. Tindakannya itu mendapat pujian daripada guru kerana dia sudah boleh menulis
39	nombor 5 yang ada pada nombor 15 dalam kedudukan yang betul).
40	Guru : Siapa di sana nak tunjuk 16. Ok, Qayyum. Nanti ya Ris. Mana di sana nombor
41	16. Boleh tunjuk dengan kawan-kawan nombor 16. Qayyum tulis nombor 16.
42	Murid Qayyum: Menulis nombor 16 di papan putih.
43	Guru : Sebut Qayyum, 16 ekor ketam. Qayyum jadi cikgu. Tunjuk dengn kawan-kawan.
44	16 ekor ketam. Kuat-kuat suara Qayyum. 16 ekor ketam. Kuat-kuat sayang.
45	Murid Qayyum: 16 ekor katak.
46	Guru : Bukan katak itu sayang (tergelak). Ketam! 16 ekor ketam.
47	Murid Qayyum : 16 ekor ketam (suara perlahan)
48	Guru : Sekali lagi Qayyum. 16 ekor ketam
49	Murid Qayyum: 16 ekor ketam.
50	Guru : Tepuk tangan untuk Qayyum.
51	(Pemerhatian: Guru memilih murid bernama Qayyum untuk menyebut dan menulis
52	nombor 16 di papan putih. Qayyum berjaya menunjukkan dan menulis nombor 16.
53	Namun salah menyebut 16 ekor ketam yang diajuk guru. Qayyum tidak dapat
54	membezakan gambar ketam dengan katak. Dia menyebut 16 ekor katak walaupun
55	gambar sebenar adalah ketam. Guru memberi keyakinan, memberi peluang dan
56	membetulkan sebutan Qayyum. Semua murid memberi tepukan kepada Qayyum).
57	Guru: Ok Ris! Mana di sana 17...17 biji gulaa-gulaa...
58	Murid Ris: Menunjukkan 17 biji gula-gula.
59	Guru : 17 ekor gula-gula. Sebut...
60	Murid Ris: 17 ekor gula-gula..
61	Murid Husin : 17 biji gula-gula
62	Guru : Tengok tu si Husin kasi betul. Tolong. Sebut sekali lagi 17 biji gula-gula.
63	Murid Ris : 17 ekor gula-gula.
64	Guru : Bolehkah jadi ekor gula-gula. Gula-gula ada ekorkah
65	Murid-murid: Tidak...
66	Guru : Kita sebut ekor atau biji
67	Murid : Biji..
	Murid Ris : 17 biji gula-gula.

### **b. Catatan Lapangan.**

Penyelidik melaksanakan kaedah Catatan Lapangan semasa membuat pemerhatian di dalam bilik darjah prasekolah. Penyelidik membuat catatan merangkumi aspek-aspek yang menunjukkan kecenderungan peserta kajian terhadap APAB yang berlaku di dalam kelas dan di sekitarnya. Ini termasuklah pernyataan lisan dan tingkah laku dalam pengajaran yang menerapkan pengetahuan, kesedaran dan pemikiran APAB.

Selain itu komunikasi guru melibatkan perbezaan etnik, jantina, sosialisasi, kognitif, kreativiti dan emosi juga turut diperhatikan. Segala bentuk gerak geri, perbuatan, tindak balas, suasana persekitaran pembelajaran dan gambaran perasaan peserta kajian dicatatkan ke dalam rekod catatan lapangan.

Perkara yang paling penting dalam perkara catatan ini ialah kesediaan penyelidik sebagai alat kajian atau instrumen kajian (Marohaini, 2002). Segala maklumat catatan lapangan yang terkumpul perlu disemak dan disalin semula dengan kemas bagi memudahkan penggunaannya. Penulisan yang lengkap ini biasanya dilakukan oleh penyelidik sebaik sahaja selesai menjalankan pemerhatian ke atas peserta kajian. Namun jika, kekurangan waktu maka penyelidik boleh merekodkan setelah selesai tugas temu bual bersama guru prasekolah dan murid prasekolah dilaksanakan.

### **c. Catatan Jurnal**

Catatan jurnal diaplikasikan penyelidik untuk merekodkan segala bentuk idea, pandangan, solusi pemikiran, pengalaman, dilema, perancangan masalah dan keraguan yang dialami akibat proses tugas

pemerhatian (Marohaini, 2001). Segala perekodan dicatat apabila penyelidik teringat semula perkara penting yang berkaitan semasa melaksanakan kajian lapangan. Catatan Jurnal (Lampiran I) juga boleh diaplikasikan oleh penyelidik untuk meluahkan emosi dan menilai semula tindakan dalam bentuk peribadi (Othman Lebar, 2014; Merriam, 2009). Ini berbeza dengan catatan lapangan yang merekodkan maklumat yang ditemui penyelidik secara langsung di lapangan.

Berikut Jadual 3.4 yang menerangkan tentang aktiviti pemerhatian melibatkan tunjang pembelajaran yang dilaksanakan peserta kajian.

Universiti Malaysia



Jadual 3.10  
Aktiviti Pemerhatian

Tarikh	Peserta Kajian	Aktiviti & Tunjang Pembelajaran	Catatan
17.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Nombor 1-5)	- Soalan Temu bual
17.05.2016	1	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Kenderaan Darat)	- Rakaman Video
11.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Fizikal & Estetika (Tajuk : Seni Visual & Perkembangan Sosioemosi)	- Rakaman Audio
23.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Sains)	- Catatan Lapangan
24.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk : Gerakan Kreatif)	
24.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Fizikal	
25.05.2016	1	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk : Pengurusan Diri)	
05.05.2016	2	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Water Transport )	- Soalan Temu bual
19.05.2016	2	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk: Isi Air Dalam Botol)	- Rakaman Video
19.05.2016	2	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Fonic Sound )	- Rakaman Audio
15.06.2016	2	-Komponen Perkembangan Fizikal & Estetika (Tajuk : Kenderaan Air/Sampan)	- Catatan Lapangan
13.06.2016	2	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Huruf Konsonan )	
12.05.2016	2	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Tanam Bawang)	
15.06.2016	2	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : )	
23.05.2016	3	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Kenderaan Air)	- Soalan Temu bual
24.05.2016	3	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Water Transport )	- Rakaman Video
26.05.2016	3	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Sing Song Water Transport )	- Rakaman Audio
20.05.2016	3	-Komponen Perkembangan Fizikal & Estetika (Tajuk : Kenderaan Air/Sampan)	- Catatan Lapangan
13.06.2016	3	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Huruf Konsonan)	
25.05.2016	3	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk : Pengurusan Diri)	
15.06.2016	3	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Fonic Sound )	
02.03.2016	4	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Nombor 11-20)	- Soalan Temu bual
12.04.2016	4	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Nombor 6-10)	- Rakaman Video

20.05.2016	4	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Air Transport )	- Rakaman Audio
20.05.2016	4	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Berat & Ringan)	- Catatan Lapangan
24.05.2016	4	-Komponen Perkembangan Fizikal & Estetika (Tajuk : Kenderaan Darat)	
25.05.2016	4	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk : Pengurusan Diri)	
24.05.2016	4	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Bunga Kebangsaan)	
04.05.2016	5	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Peralatan Tukang)	- Soalan Temu bual
04.05.2016	5	-Komponen Perkembangan Fizikal (Tajuk : Pengurusan Diri)	- Rakaman Video
18.05.2016	5	-Komponen Perkembangan Fizikal & Estetika (Tajuk : Topeng)	- Rakaman Audio
16.06.2016	5	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Nombor 1-10)	- Catatan Lapangan
13.06.2016	5	-Komponen Bahasa & Komunikasi (Tajuk : Huruf Konsonan)	
17.06.2016	5	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Serangga)	
17.06.2016	5	-Komponen Perkembangan Kognitif (Tajuk : Serangga)	

### 3.7 Kaedah Temu Bual

Di dalam kajian kes secara kualitatif ini, penyelidik telah memilih kaedah temu bual sebagai antara kaedah utama bagi mengutip data. Kaedah ini, diiktiraf sebagai teknik pengutipan data kajian kes secara kualitatif yang terbaik (Wolcott, 2009; Merriam, 2009). Melalui teknik ini, penyelidik kualitatif dapat menyelami perasaan, pemikiran, perhatian dan perilaku yang berkaitan dengan masa lampau yang memberi impak kepada kehidupan kini (Patton, 2002).

#### 3.7.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual dalam aspek kajian ini, boleh didefinisikan sebagai ‘perbualan dengan bertujuan’. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang khusus dan merupakan strategi yang paling pantas untuk mengumpulkan data dalam masa yang singkat. (Othman, 2014; Marohaini, 2001). Oleh itu, temu bual boleh dicapai melalui penetapan masa yang tidak mengganggu tugas, penyelesaian

dan hak peribadi peserta kajian (Merriam, 2009). Ini ditambahkan lagi dengan jumlah peserta kajian yang tidak ramai dan cenderung memfokuskan kepada pengajaran berteraskan APAB.

Penyelidik dalam kajian ini, telah mengaplikasikan tiga kaedah temu bual untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Yin, 2009; Merriam, 2009). Isi kandungan temu bual kajian disertakan penyelidik dalam Lampiran C iaitu Protokol Temu Bual dan Borang Catatan Temu Bual Lampiran C2.

Selain mendapatkan data, tujuan utama pemilihan kaedah ini adalah sebagai suatu strategi untuk menjalinkan kebiasaan dan hubungan keakraban dengan peserta kajian. Manakala penyelidik menjalankan temu bual bersama peserta kajian ini secara bersahaja agar tiada keadaan yang kurang selesa dalam kalangan peserta kajian. Berikut dijelaskan kaedah temu bual iaitu temu bual berstruktur dan temu bual semi berstruktur untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini.

#### **3.7.1.1 Temu Bual Berstruktur**

Dalam kajian ini, pemilihan temu bual berstruktur merujuk kepada pandangan Yin, (2009) dan Marohaini (2001). Temu bual ini adalah melibatkan aktiviti perbualan dan soal jawab. Bentuk dan kandungan soalan yang ingin dikemukakan penyelidik telah dibina dan terhad pada sesuatu tajuk atau bidang yang tertentu sahaja. Penyelidik dalam hal ini, terlebih dahulu mengadaptasi soalan berkenaan dan dilaksanakan sebelum temu bual dilaksanakan secara formal.

Sebagai panduan kepada penyelidik, perkara yang menjadi asas utama kepada soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian dalam temu bual berstruktur ialah demografi guru. Pemilihan temu bual berstruktur ini

bertujuan untuk memperkuat dapatan soalan kajian yang pertama, kedua, ketiga dan keempat.

Soalan temu bual berstruktur dan semi berstruktur diadaptasi daripada kajian Abd. Shatar (2007). Aspek yang diterokai penyelidik dalam pengetahuan kandungan KSPK ialah kemahiran kandungan, isi pengajaran, definisi dan konsep APAB dan persepsi APAB. Selain itu, aspek melibatkan aspek gender, latar belakang pendidikan dan tempoh perkhidmatan turut diambil perhatian. Hal ini meliputi latar belakang keluarga peserta kajian, pendidikan awal, pendidikan terkini, pengalaman bertugas dan kursus perkhidmatan yang pernah dihadiri. Sila rujuk Lampiran C bagi protokol soalan temu bual berstruktur.

Berikut adalah soalan temu bual berstruktur yang dikemukakan kepada peserta kajian.

- a. Boleh cikgu ceritakan latar belakang diri? Sejak bila cikgu berminat untuk menjadi guru?
- b. Mengapa cikgu minat mengajar? Apakah/siapa yang telah mempengaruhi cikgu untuk menjadi guru?
- c. Mengapa cikgu memilih pendidikan sebagai karier? Berapa lamakah cikgu telah menjadi guru?
- d. Apakah pengkhususan cikgu semasa di maktab/ universiti?
- e. Ceritakan tentang kursus dalam perkhidmatan atau latihan kemajuan staf yang pernah cikgu hadiri?

### **3.7.1.2 Temu Bual Semi Berstruktur**

Dalam temu bual semi berstruktur kajian ini, penyelidik terlebih dahulu menyediakan soalan temu bual utama. Soalan ini, kemudian

dikembangkan oleh penyelidik berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian. Kaedah ini dipilih penyelidik kerana bersifat fleksibel terhadap peserta kajian (Othman Lebar, 2014). Situasi ini menurut Cresswell, (2009) dan Merriam, (2009) membolehkan peserta kajian menghuraikan maklumat berdasarkan topik temu bual secara mendalam yang difikirkannya sesuai kepada penyelidik. Selain itu, pengalaman peserta kajian khasnya guru dan latar belakang murid prasekolah berbeza menjadikan temu bual semi berstruktur amat sesuai diaplikasikan dalam kajian (Othman, 2014; Merriam, 2009).

Dalam kaedah temu bual semi berstruktur (Merriam, 2009; Yin, 2009; Berg, 2009) sependapat bahawa temu bual semi berstruktur penting dalam mendapatkan maklumat dalam kajian kes. Berikut dinyatakan justifikasi kesesuaian tersebut;

- i. Temu bual penting untuk memahami isu atau pandangan peserta kajian dan segala maklumat temu bual adalah bermakna.
- ii. Fokus utama temu bual adalah untuk memahami maklumat yang dikongsi bersama peserta kajian.
- iii. Meneroka isu dan situasi masalah secara bijaksana.
- iv. Subjek yang ditemu bual adalah rahsia dan sulit untuk dikongsi kepada pihak lain.
- v. Peserta kajian memerlukan masa untuk berkongsi maklumat secara langsung berbanding secara situasi satu dengan satu.

Temu bual yang bermakna ialah penyelidik dapat mewujudkan keyakinan yang saling mempercayai terhadap peserta kajian. Justeru itu, pengkaji perlu mempunyai pengetahuan untuk mengemukakan soalan yang berkaitan isu kajian dan mempunyai pengetahuan untuk memperoleh

maklumat hasil temu bual dengan peserta kajian (Merriam, 2009; Yin, 2009). Pengetahuan penyelidik semasa proses temu bual, membolehkan peserta kajian bercakap dan berkongsi maklumat yang lebih banyak. Pemilihan kaedah temu bual semi berstruktur adalah hanya merupakan panduan untuk mengendalikan temu bual. Sekiranya berlaku situasi tertentu, yang menyukarkan peserta kajian untuk mendapatkan maklumat balas daripada peserta kajian (Cresswell, 2009; Merriam, 2009). Maka, penyelidik perlu mengubahsuai bentuk soalan untuk membantu dan memudahkan peserta kajian untuk dapat mencapai objektif kajian ini.

Dalam temu bual semi berstruktur, penyelidik mengadaptasi soalan temu bual tentang pendekatan pengajaran daripada kajian Rosli (2006) dan soalan sumber rintangan daripada kajian Hamdi (2011). Sebagai panduan kepada penyelidik, aspek yang menjadi fokus utama perbincangan yang dikemukakan kepada peserta kajian dalam temu bual semi berstruktur ialah berkenaan pendekatan pengajaran yang meningkatkan kesedaran murid dalam aspek minat, pengetahuan dan kemahiran pemikiran kritis. Hal ini menekankan penerapan APAB terhadap murid prasekolah. Selain itu sumber rintangan yang mempengaruhi pedagogi juga diperbincangkan iaitu perbezaan jantina, etnik dan sosiobudaya yang diamalkan di rumah masing-masing.

Pemilihan kaedah temu bual semi berstruktur ini adalah untuk membantu menjawab soalan kajian kedua dan soalan kajian ketiga. Sila rujuk Lampiran C bagi protokol soalan temu bual semi berstruktur. Berikut adalah soalan temu bual bagi pengetahuan kandungan KSPK, pendekatan pengajaran APAB, penerapan pengajaran APAB dan sumber rintangan pengajaran APAB yang dikemukakan kepada peserta kajian:

### Pengetahuan Kandungan KSPK

- i. Apakah pandangan cikgu tentang pengajaran hari ini?
- ii. Berdasarkan KSPK apakah yang cikgu fahami dengan Fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran?
- iii. Bolehkah cikgu berkongsi tentang maksud tunjang utama dalam prasekolah dan berapa tunjang dalam KSPK?
- iv. Boleh cikgu jelaskan tentang maksud Modul Asas dan Modul Bertema?
- v. Bagaimanakah cara cikgu membina rancangan pengajaran pada hari ini?
- vi. Apakah penggabungan kesepaduan yang disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran pada hari ini?
- vii. Apakah nilai-nilai penting yang diterapkan cikgu dalam pengajaran pada hari ini?

### Pendekatan Pengajaran APAB

- i. Apakah pendekatan yang selalu cikgu gunakan dalam pengajaran? Mengapa?
- ii. Apakah pandangan guru tentang kemahiran murid prasekolah?
- iii. Boleh cikgu jelaskan tentang reaksi murid semasa sesi pengajaran?
- iv. Bagaimana cikgu menilai keberkesanan pendekatan pengajaran yang cikgu gunakan?
- v. Boleh cikgu ceritakan tindakan lain yang digunakan apabila cikgu dapati pendekatan pengajaran cikgu kurang berkesan.

## Sumber Rintangan APAB

- i. Apabila disebut tentang APAB, apakah yang terbayang dalam fikiran cikgu?
- ii. Apakah halangan yang cikgu hadapi dalam melaksanakan pengajaran APAB?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi murid semasa proses pengajaran APAB berlangsung?
- iv. Adakah cikgu berpuas hati dengan latihan atau kursus yang telah cikgu perolehi setakat ini?
- v. Melalui pemerhatian cikgu apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan dengan pengajaran APAB?

### 3.7.1.3 Protokol Soalan Temu Bual

Sebelum temu bual dilaksanakan, penyelidik menyediakan protokol soalan temu bual yang diadaptasi daripada kajian lepas. Penyelidik mengadaptasi protokol soalan temu bual berkenaan aspek demografi guru daripada kajian Abd Shatar (2007), aspek pendekatan pengajaran APAB daripada kajian Rosli (2006), aspek punca halangan dan sumber rintangan daripada kajian Hamdi (2011).

Penyelidik menjadikan objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual kajian dan kajian lepas sebagai asas utama adaptasi protokol soalan temu bual (Merriam, 2009, Yin, 2009). Semasa berada di lapangan kajian, penyelidik terlebih dahulu membuat temu janji dengan peserta kajian untuk menentukan masa dan tempat. Penyelidik juga memastikan peserta kajian telah bersedia untuk ditemu bual di dalam kelas, luar bilik darjah atau tempat tertentu yang sesuai.



Dalam proses menjalankan protokol temu bual bersama peserta kajian, penyelidik menggunakan rakaman audio. Sepanjang temu bual di antara penyelidik dan peserta kajian, rakaman direkodkan berbantuan pita audio. Rakaman audio ini, dilihat amat bermanfaat untuk menilai penyelidik mengemukakan soalan dan mencungkil tindak balas peserta kajian (Bogdan, & Biklen, 2007).

Rakaman audio bertujuan membantu penyelidik untuk mendengar semula sesi perbualan yang dirakam berkenaan kaedah penyampaian guru, halangan dan kesan APAB terhadap murid prasekolah. Ini secara langsung, membantu penyelidik membuat analisis data, melihat perbezaan dan persamaan, membuat perbandingan dan mengenal pasti isi penting kandungan temu bual. Lebih kerap penyelidik membuat penelitian ke atas rakaman pita audio, maka lebih tinggi kualiti maklumat hasil pemerhatian yang telah dijalankan (Merriam, 2009).

Sebelum melaksanakan rakaman audio, penyelidik terlebih dahulu memastikan peralatan rakaman suara jenis '*Sony ICD-PX440*' yang diguna pakai semasa kajian berfungsi dengan sempurna. Selain itu, penyelidik juga memohon kebenaran kepada peserta kajian untuk membuat rakaman perbincangan di dalam kelas atau luar bilik darjah. Untuk keselamatan data, penyelidik membuat simpanan rakaman dalam bentuk cakera padat, komputer riba dan *pendrive*.

Penyelidik membiasakan diri memulakan sesi temu bual dengan bertanyakan khabar, mengemukakan soalan yang lebih umum dan kemudian beralih kepada soalan yang lebih khusus. Penyelidik turut meminta peserta kajian khususnya guru untuk mengingati semula pengajaran yang telah mereka amalkan dalam bilik darjah. Ini bertujuan

supaya peserta kajian dapat memberikan tindak balas yang berkesan kepada soalan yang dikemukakan oleh penyelidik.

Semasa sesi temu bual, penyelidik merujuk kepada soalan asas yang direka bentuk supaya ianya selari dengan kehendak objektif kajian. Sepanjang proses temu bual penyelidik berusaha menyesuaikan teknik menyoal supaya peserta kajian bersikap lebih terbuka dengan mengaplikasikan perkataan yang berbentuk '*probing*' seperti boleh terangkan, mengapa, kenapa, bagaimana, apakah pandangan berdasarkan situasi. Sepanjang sesi temu bual, penyelidik sering memberikan ruang kepada peserta kajian untuk menyatakan pandangan semasa sesi temu bual tanpa sekatan. Kesemua pandangan, penambahbaikan dan ulasan yang dikemukakan peserta kajian diterima penyelidik dan merupakan sumber sokongan yang penting dalam kaedah temu bual.

Penyelidik membuat rakaman dalam bentuk audio bagi semua sesi temu bual bersama peserta kajian dalam pita rakaman secara teratur. Penyelidik memerhatikan memek muka, ekspresi wajah dan nada percakapan peserta kajian semasa proses temu bual. Situasi ini membantu penyelidik untuk lebih memahami dan menyelami emosi dan pemikiran peserta kajian. Penyelidik merancang temu bual ini dilaksanakan bersama peserta kajian selama 10 minit hingga 20 minit sahaja bagi setiap sesi. Ini bersesuaian dengan saranan Gay, dan Airasian, (2003), yang menyatakan bahawa tempoh satu temu bual boleh jadi sebentar ataupun lama bergantung kepada situasi. Dicadangkan agar temu bual yang dibuat harus tidak terlalu lama kerana menimbulkan bosan dan kurang minat peserta kajian.

Penetapan masa bertujuan, mengelakkan kebosanan dan tekanan terhadap peserta kajian. Setiap berakhir sesi temu bual, penyelidik mengucapkan penghargaan kepada peserta kajian. Apabila penyelidik merasakan bahawa data yang dikumpul telah mencukupi dan tiada maklumat terbaru maka sesi temu bual akan ditamatkan (Merriam, 2009; Marohaini, 2001).

Selepas sesi temu bual, pita rakaman dilabelkan. Penyelidik mendengar semula rakaman berulang-ulang untuk membuat transkripsi terhadap data yang telah dikumpulkan. Penyelidik menaip transkripsi bagi setiap sesi temu bual dan peserta kajian menyemak serta membuat pembetulan kepada isi kandungan transkripsi tersebut. Penyelidik seterusnya menyimpan data tersebut ke dalam fail (*folder computer*) dan dicetak untuk simpanan fail utama. Pembinaan transkripsi dilakukan bertujuan untuk memudahkan proses pengekodan. Berikut adalah Jadual 3.11 dan contoh protokol temu bual yang menerangkan tentang aktiviti temu bual yang melibatkan penyelidik bersama peserta kajian.

Jadual 3.11  
*Aktiviti Temu Bual*

<b>Tarikh</b>	<b>Peserta Kajian</b>	<b>Kandungan Aktiviti</b>	<b>Catatan</b>
23.02.2016	1	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan demografi peserta kajian	- Soalan Temu bual - Rakaman
01.03.2016	1	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang asas kemahiran KSPK	- Video - Rakaman
21.03.2016	1	- Temu bual tentang pendekatan pengajaran yang kerap dilaksanakan dalam bilik darjah.	- Audio - Catatan
12.04.2016	1	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang halangan dan sumber APAB	- Lapangan
19.04.2016	1	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran menyampaikan APAB dalam pengajaran di bilik darjah	

11.05.2016	1	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB (Aktiviti Makan)	
11.05.2016	1	- Temu bual tentang implikasi APAB terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah.	
30.03.2016	2	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan demografi peserta kajian	- Soalan Temu bual
07.04.2016	2	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang asas kemahiran KSPK	- Rakaman Video
07.04.2016	2	- Temu bual tentang pendekatan pengajaran yang kerap dilaksanakan dalam bilik darjah.	- Rakaman Audio
19.04.2016	2	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB dalam pengajaran di bilik darjah	- Catatan Lapangan
20.04.2016	2	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB (Aktiviti Makan)	
20.04.2016	2	- Temu bual tentang implikasi APAB terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah	
21.04.2016	2	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang halangan dan sumber APAB	
29.02.2016	3	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan demografi peserta kajian	- Soalan Temu bual
04.04.2016	3	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang asas kemahiran KSPK	- Rakaman Video
11.04.2016	3	- Temu bual tentang pendekatan pengajaran yang kerap dilaksanakan dalam bilik darjah.	- Rakaman Audio
23.04.2016	3	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB dalam pengajaran di bilik darjah	- Catatan Lapangan
28.04.2016	3	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang halangan dan sumber APAB	
13.06.2016	3	- Temu bual tentang implikasi APAB terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah	
15.06.2016	3	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB (Aktiviti Makan)	
29.02.2016	4	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan demografi peserta kajian	- Soalan Temu bual
28.03.2016	4	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang asas kemahiran KSPK	- Rakaman Video
11.04.2016	4	- Temu bual tentang pendekatan pengajaran yang kerap dilaksanakan dalam bilik darjah.	- Rakaman Audio
09.05.2016	4	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran menyampaikan APAB dalam pengajaran di bilik darjah	- Catatan Lapangan
20.05.2016	4	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB (Aktiviti Makan)	

23.05.2016	4	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang halangan dan sumber APAB	
13.06.2016	4	- Temu bual tentang implikasi APAB terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah	
02.03.2016	5	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat berkenaan demografi peserta kajian	- Soalan Temu bual
23.03.2016	5	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang asas kemahiran KSPK	- Rakaman Video
06.04.2016	5	- Temu bual tentang pendekatan pengajaran yang kerap dilaksanakan dalam bilik darjah.	- Rakaman Audio
20.04.2016	5	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang halangan dan sumber APAB	- Catatan Lapangan
09.05.2016	5	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB dalam pengajaran di bilik darjah	
25.05.2016	5	- Temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dan kemahiran APAB (Aktiviti Makan)	
17.06.2016	5	- Temu bual tentang implikasi APAB terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah	

## CONTOH : TRANSKRIPSI PROTOKOL TEMU BUAL KEDUA

Peserta Kajian : Tarikh : 30.03.2016  
Masa : 11.20- 11.35 pg Kod Temu bual : PK/Tb-U2  
Perkara : Asas Kemahiran KSPK

Bil	Teks/ Petikan	Kod	Tema/ sub tema
1	<b>Terimakasih. Assalamualaikum lebih dahulu saya</b>		
2	<b>ucapkan kepada [REDACTED] kerana sudi</b>		
3	<b>berkongsi pengalaman bersama kita pada hari ini.</b>		
4	<b>Sepanjang pengajaran dan pembelajaran tadi</b>		
5	<b>yang berlangsung selama 40 minit bagi pandangan</b>		
6	<b>cikgu Sauzanih bagaimanakah perasaan cikgu</b>		
7	<b>sepanjang pengajaran berlangsung?</b>		
8	Ok...pada pandangan saya, pengajaran saya pada hari		
9	ini budak yang hadir pada hari ini 22 orang dan saya		
10	dapati lebih kurang 22 orang ini masih perlukan		
11	bimbingan setiap kali saya membuat aktiviti. Sebab		
12	macam tadi saya mengajar huruf vokal ada lima huruf		
13	A, E, I, U, O.. Tujuh orang memang perlukan		
14	bimbinganlah durang masih belum mengenali huruf		
15	vokal ini. Biarpun beberapa kali telah diajar tetapi		
16	masi lagi durang belum mengenal sepenuhnya huruf		
17	vokal ini.		
18			
19	<b>Berdasarkan KSPK yang digunapakai untuk</b>		
20	<b>semua kelas prasekolah. Apakah yang boleh cikgu</b>		
21	<b>kongsi tentang fokus, SK dan SP di dalam</b>		
22	<b>pengajaran dan pembelajaran prasekolah?</b>		
23	Ok...apa yang saya fahamkan, fokus ini macam yang		
24	tadi saya ambil dalam pengajaran. Fokus ni kemahiran		
25	utama yang ingin ditumpukan dalam pengajaran dan		
26	pembelajaran. Misalnya macam tadi pengajaran saya		
27	Bahasa Melayu. Fokus pengajaran saya rujuk		
27	kemahiran utama, standard kandungan nie perkara		
29	spesifik murid perlu tahu melibatkan nilai,		
30	pengetahuan dan kemahiran. Fokusnya ialah		
31	kemahiran membaca dan kemudian standard		
32	kandungan saya tumpukan kepada mengenal huruf		
33	vokal yea....standard pembelajaran pula saya ambil		
34	dua. Fokuskan kurang terperinci lagi menyebut huruf		
35	vokal dan membunyikan huruf vokal iaitu standard		
36	pembelajarannya. Macam yang fokus tadi kemahiran		
37	membaca kemudian standard kandungan mengenal		

<p>38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52 53 54 55 56 57 58 59 60 61 62 63 64 65 66 67 68 69 70 71 72 73 74 75 76</p>	<p>huruf vokal dan standard pembelajaran menyebut huruf vokal. Itulah yang saya tumpukan dalam pengajaran tunjang komunikasilah Bahasa Melayu. Manakala standard pembelajaran penetapan kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur ke atas murid.</p> <p><b>Bolehkah Cikgu berkongsi tentang maksud tunjang utama dalam pengajaran dan berapa tunjang dalam KSPK pada hari ini?</b></p> <p>Aaaa..tunjang pembelajaran yang ada 6 tunjang utama iaitu tunjang komunikasi terbahagi dua Bm dan BI, tunjang kerohanian, sikap dan nilai terbahagi kepada dua iaitu agama islam dan moral, tunjang ke tiga perkembangan diri dan emosi, keempat tunjang perkembangan fizikal dan estetika terbahagi dua iaitu perkembangan fizikal dan kesihatan dan juga kreativiti, tunjang seterusnya ialah tunjang ke lima tunjang sains dan teknologi iaitu awal sains, awal matematik dan ICT. Yang terakhir tunjang kemahusiaan. Iaitu lebih memfokuskan budak itu hubungan antara diri, keluarga, rakan, komuniti dan alam sekitar.</p> <p><b>Soalan seterusnya bolehkah cikgu jelaskan maksud modul asas dan modul bertema berdasarkan KSPK?</b></p> <p>Ok...yang pemahaman saya aaa tentang maksud modul asas ini. Modul Asas atau teras tunjang utama bagi mengajar 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Misalnya tunjang komunikasi BM, BI, Matematik, Awal Sains dan Permainan Luar...modul bertema pula adalah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan setempat dan semasa murid...model bertema ini yang dicadangkan seperti Diri, Saya Yang Dekat Dengan Murid, Negara Saya, Alam Benda, Alam Kehidupan , Alam Bahan, Alam Fizikal Dan Model Bertema Ini Diri Saya, Sekolah Saya, Kelas Saya, Rakan Saya, Negara Saya,</p>		
---	--	--	--

### **3.8 Kaedah Analisis Dokumen**

Analisis dokumen dalam kajian APAB, melibatkan penyelidik membaca, meneliti dan menyaring teks bahan penyelidikan. Bahan yang dianalisis ini, terdiri daripada bahan visual, bahan bertulis dan bahan maujud (Bogdan, & Biklen, 2007). Proses analisis dokumen ini, berlaku dalam kajian secara sistematik, teratur dan bersandarkan kepada suatu kerangka teori dan konseptual kajian.

#### **3.8.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Dokumen**

Analisis dokumen dalam kajian ini, merupakan rujukan maklumat yang ketiga penting dalam kajian kualitatif selepas kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual (Othman, 2014; Merriam, 2009). Pemilihan analisis dokumen ini, sebagai sumber data penting yang membantu penyelidik untuk menerokai pelbagai maklumat tentang gender, etnik, budaya dan amalan yang dianuti di sesuatu tempat yang dikaji.

Analisis dokumen juga diaplikasikan bertujuan sebagai alat sokongan data dan maklumat kepada kaedah pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Analisis dokumen ini menjadi bahan rujukan yang menghasilkan maklumat penting berkenaan peserta kajian kepada penyelidik sepanjang kajian kualitatif berlangsung. (Yin, 2009; Merriam, 2009).

Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan analisis dokumen untuk menjawab soalan kajian soalan pertama. Penerokaan penyelidik melibatkan demografi guru prasekolah yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran berteraskan APAB. Aspek profil yang diteliti penyelidik ialah berkenaan gender, latar belakang akademik (kelayakan ikhtisas) dan tempoh perkhidmatan (pengalaman kerja). Maklumat yang diterokai ini, adalah tekal sebab segala maklumat yang diperoleh adalah secara tersurat. Ini membantu kepada penyelidik



untuk memperoleh maklumat kajian dengan kesahan yang tinggi (Cresswell, 2015; Fraenkel, & Wallen, 2006).

Dokumen yang dianalisis oleh penyelidik dalam kajian ini, boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Ini bersesuaian dengan pendapat Bognan dan Biklen (2007), yang menyatakan bahawa rekod awam dan dokumen peribadi penting dalam analisis dokumen secara kualitatif. Bahagian pertama, dokumen berbentuk rekod awam yang diterokai penyelidik ialah dokumen rasmi sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik meneliti sukatan KSPK, Huraian KSPK, Buku Rekod Mengajar Guru, Buku Kerja Murid. Penyelidik juga meneliti tentang bilangan guru, bilangan murid, bilangan kelas, buku rekod kehadiran guru, buku rekod kehadiran murid, bahan bantu mengajar, minit mesyuarat prasekolah, laporan aktiviti prasekolah, kursus yang dihadiri dan sebagainya.

Bahagian dokumen kedua yang dianalisis iaitu dokumen peribadi yang merupakan reka cipta hasil individu khususnya peserta yang terlibat dalam kajian. Antara maklumat yang terkandung dalam dokumen ini termasuklah rancangan pengajaran guru, langkah-langkah pengajaran guru, lampiran aktiviti pengajaran, bahan mengajar, nilai-nilai murni, soalan pengayaan, dan sebagainya. Analisis dokumen ini penting, membantu penyelidik untuk menyelami masalah persekitaran kajian dan maklum balas pengajaran.

Pengumpulan maklumat daripada dokumen berbentuk rekod awam dan dokumen rasmi membantu penyelidik kualitatif untuk membuat penambahbaikan, perbandingan dan memantapkan lagi data yang sedia ada (Marohaini, 2001). Penyelidik dalam kajian ini, mengguna pakai dokumen tersebut dengan kebenaran pihak sekolah dan membuat salinan setiap dokumen.

Pengumpulan maklumat daripada dokumen-dokumen ini adalah penting bagi membolehkan penyelidik membuat triangulasi antara teknik yang digunakan

dengan sumber maklumat dari Borang Analisis Dokumen (Lampiran G). Maklumat dari dokumen ini bukan sahaja membolehkan penyelidik menyokong dan menambah bukti dari pelbagai sumber tetapi membantu mengesahkan maklumat yang didapati daripada pemerhatian dan temu bual.

Sebagai kesimpulan, Jadual 3.12 menjelaskan perhubungan antara soalan kajian, data yang dikehendaki sumber data dan kaedah mengumpul data dapat menjelaskan seperti berikut:

Jadual 3.12.

*Perhubungan Antara Soalan Kajian, Data Yang Dikehendaki, Sumber Data Dan Kaedah Mengumpul Data.*

Persoalan Kajian	Data Diperlukan	Sumber Data	Kaedah Mengumpul Data
1. Apakah pengetahuan kandungan KSPK tentang kemahiran kandungan, isi pengajaran, definisi APAB, konsep APAB dan persepsi tentang APAB.	Pengetahuan Kandungan Guru Prasekolah dari aspek kemahiran kandungan, isi pengajaran, definisi APAB, konsep APAB dan persepsi pelaksanaan APAB.	Borang catatan pemerhatian. Laporan rakaman audio & video. Transkripsi data selepas temu bual.	Analisis dokumen iaitu rekod awam dan rekod peribadi. Temu bual semi berstruktur dengan guru prasekolah.
2. Adakah guru melaksanakan pendekatan pengajaran bagi memupuk APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid.	Pendekatan yang diaplikasikan guru dalam memupuk APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid.	Borang catatan pemerhatian. Laporan rakaman audio & video. Transkripsi data selepas temu bual.	Pemerhatian dengan rakaman video, audio, catatan jurnal & catatan lapangan. Temu bual semi berstruktur dengan guru prasekolah.

<p>3. Bagaimanakah penerapan pengajaran APAB di prasekolah melibatkan aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.</p>	<p>Penerapan pengajaran APAB di prasekolah melibatkan aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.</p>	<p>Borang catatan pemerhatian.  Laporan rakaman audio &amp; video.  Transkripsi data selepas temu bual.</p>	<p>Pemerhatian dengan rakaman video, audio, catatan jurnal &amp; catatan lapangan.  Temu bual semi berstruktur dengan guru prasekolah.</p>
<p>4. Apakah sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB di prasekolah dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.</p>	<p>Sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.</p>	<p>Borang catatan pemerhatian.  Laporan rakaman audio &amp; video.  Transkripsi data selepas temu bual.</p>	<p>Pemerhatian dengan rakaman video, audio, catatan jurnal &amp; catatan lapangan.  Temu bual semi berstruktur dengan guru prasekolah.</p>

### 3.9 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Isu kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif adalah penting serta sering diperbincangkan. Penyelidik kualitatif melihat, bahawa kesahan inilah yang menjadi penentu kepada soal kesahihan, penjelasan, kesimpulan dan interpretasi sesuatu kajian (Noraini, 2013; Fraenkel, & Wallen, 2006). Ketepatan pernyataan atau penjelasan dalam kesahan, memastikan keberkesanan metodologi kajian dan mewakili kenyataan penyelidikan tentang sesuatu fenomena sosial (Merriam, S.B., 2009; Creswell & Miller, 2000).

Kebolehpercayaan pula berhubungan rapat dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul (Creswell, 2015). Dapatan kajian ini, boleh diuji semula untuk mendapat ketekalan data yang diperolehi daripada pelbagai punca (Fraenkel & Wallen, 2006). Oleh itu konsep kebergantungan (*dependability*) atau ketekalan (*consistency*) diaplikasikan untuk meningkatkan kredibiliti kajian kualitatif (Denzin & Lincoln, 2011).

Kelebihan kesahan dan kebolehpercayaan, membantu penyelidik mengenal pasti dapatan kajian adalah benar atau tidak berdasarkan bukti yang tidak diragui (Denzin & Lincoln, 2011; Fraenkel & Wallen, 2006). Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan tiga aspek mendapatkan kesahihan kajian iaitu aspek kesahan dalaman, kesahan luaran dan kebolehpercayaan.

Sehubungan dengan itu, penyelidik kualitatif mencadangkan penggunaan istilah 'nilai yang sah atau benar' (*truth value*) untuk kesahan dalaman, kebolehubahan (*transferability*) untuk kesahan luaran dan ketekalan (*consistency*) untuk kebolehpercayaan (Denzin & Lincoln, 2011).

### 3.9.1 Kesahan

Dalam kajian ini, kesahan adalah merujuk kepada punca untuk membuat tuntutan kebenaran. Berdasarkan pendapat Creswell, (2009) menyatakan kesahan sesuatu instrumen berpandukan kepada sejauh mana sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur. Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan kesahan dalaman dan kesahan luaran. Ini adalah berpandukan pendapat Merriam, (2009) dan Yin, (2009), yang diterangkan penyelidik seperti berikut:

#### 3.9.1.1 Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman berhubung kait dengan makna realiti. Ianya menjelaskan bagaimana sesuatu dapatan kajian selari dengan realiti (Merriam, 2009). Terdapat enam strategi yang boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kesahan dalaman oleh penyelidik di lapangan kajian. Strategi tersebut ialah triangulasi maklumat, maklum balas peserta kajian, pemerhatian jangka panjang, pemeriksaan rakan (*peer examination*), penyertaan peserta kajian dan penjelasan kesan penyelidik (Merriam, 2009).

Triangulasi adalah kesahan dalaman yang utama dalam penyelidikan ini. Pengaplikasian triangulasi ini, bertujuan membantu penyelidik untuk menerokai pelbagai sumber maklumat atau teknik pengutipan maklumat bagi mengesahkan dapatan kajian. Semua data yang dikumpul dalam kajian daripada teknik pemerhatian, teknik temu bual dan analisis kandungan dokumen dibandingkan antara data tersebut (Yin, 2009; Merriam, 2009). Justeru, hasil perbandingan data yang dipilih ini adalah benar-benar mencapai tahap kepercayaan yang tinggi. Umpamanya dapatan daripada temu bual penyelidik dengan guru prasekolah tentang APAB boleh dibandingkan dengan dapatan data temu bual, data pemerhatian atau hasil analisis dokumen.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Untuk mendapatkan kesahan dalaman kajian, maka penyelidik mengaplikasikan triangulasi yang melibatkan perbandingan maklumat di antara kaedah-kaedah tersebut berdasarkan Othman (2014), Merriam, (2009) dan Yin, (2009). Kebolehpercayaan dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali daripada peserta kajian dan penyelidik boleh menggunakan teknik ini semasa proses pengkodan data.

Maklum balas peserta kajian tentang data temu bual dan data pemerhatian adalah strategi yang kedua. Penyelidik dalam kajian ini memberikan data dan interpretasi awalan kepada peserta kajian untuk penyemakan semula maklumat pemerhatian dan memperbaiki jika sekiranya terdapat kesilapan sebelum proses analisis maklumat dilaksanakan (Othman, 2014; Yin, 2009). Ini bertujuan untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian maklumat selari dengan kehendak sebenar kajian.

Pemerhatian dalam jangka masa yang panjang adalah strategi penyelidik yang ketiga. Strategi ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang mendalam, berkualiti dan meyakinkan. Dalam kajian ini, penyelidik turun di lapangan kajian untuk mengalami sendiri proses kajian yang berulang-ulang terhadap fenomena yang sama (Othman, 2014; Yin, 2009; Merriam, 2009). Kajian ini berlangsung selama lima bulan di lapangan kajian. Penyelidik memastikan semua data yang dikumpul adalah data yang berupaya menjawab persoalan kajian.

Penelitian rakan sebaya (*peer examination*) merupakan strategi yang keempat. Dalam aspek ini, penyelidik mendapatkan kerjasama tiga orang pensyarah yang berkelulusan PHD dan berkemahiran dengan kajian kualitatif untuk menjalankan pemeriksaan berkenaan. Segala bentuk dapatan yang

tersasar daripada objektif utama agar segera diperbetulkan untuk ketulenan dapatan data kajian. Dengan ini juga meletakkan diri penyelidik di landasan yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh persekitaran.

Dalam strategi kelima, penyelidik melibatkan peserta kajian secara langsung dalam setiap peringkat kajian. Penyelidik membentuk perhubungan kolaboratif bersama peserta kajian. Penyelidik dan peserta kajian bersama-sama berbincang tentang kerangka laporan penulisan, implikasi kajian dan rumusan akhir.

*Non-judgemental'* merupakan strategi ke enam yang membawa maksud suatu pandangan dunia yang berorientasikan teoritikal penyelidikan tentang kajian. Strategi ini, meletakkan penyelidik sebagai instrumen utama dalam mengendalikan proses pengumpulan dan analisis data APAB Oleh itu, kehadiran penyelidik mungkin mendatangkan kesan sampingan yang mempengaruhi perilaku peserta kajian yang terlibat dalam pengajaran di kelas prasekolah. Tindakan proaktif perlu diambil oleh penyelidik dengan menempatkan dan menghadirkan diri penyelidik di sekolah untuk tempoh masa yang lama.

### **3.9.1.2 Kesahan Luaran**

Kesahan luaran dalam kajian kualitatif, merujuk kepada kekuatan sebenar hasil kajian dapat diaplikasikan pada situasi yang lain (Othman, 2014; Noraini, 2013). Kesan impak hasil kajian ini secara langsung memberi makna kepada pembaca yang terdiri daripada penyelidik kualitatif (Merriam, 2009). Generalisasi kurang diambil perhatian dalam kajian kes secara kualitatif (Merriam, 2009). Fokus lebih diberikan kepada penyediaan deskripsi yang analisis berkenaan rangka kajian yang bertujuan membantu pembaca membandingkan kesesuaian dapatan dalam

situasi mereka. Justeru, penyelidik dalam kajian menyediakan rangka yang terperinci untuk mudah difahami.

Untuk mempertingkatkan hasil dapatan kajian kualitatif, penyelidik menyediakan tiga strategi kesahan luaran iaitu penerangan yang teliti, membentuk kes secara tipikal dan reka bentuk pelbagai latar kajian (Yin, 2009; Merriam, 2009). Tindakan penyelidik menyediakan penerangan yang teliti dan terperinci tentang latar belakang kajian bertujuan menentukan perhubungan rapat penyelidik dengan peserta kajian. Strategi ini, dapat memberi peluang kepada yang berminat untuk menghayati dan mengaplikasikan dapatan kajian (Merriam, 2009).

Strategi kedua ialah dengan membentuk kes tersebut secara tipikal. Penyelidik menghuraikan tipikal sesuatu program, kejadian, atau peserta yang terlibat dalam kajian. Melaluinya, pembaca membuat penilaian dan perbandingan, dalam gambaran situasi yang mereka alami (Yin, 2009; Bogdan, & Biklen, 2007; Merriam, 2009).

Strategi ketiga ialah penyelidik mengaplikasikan dengan jelas tentang pelbagai latar, kes dan situasi. Dalam aspek kajian ini, penerangan tentang peserta kajian dan tempat kajian diterangkan dengan teliti. Ini bertujuan membantu pembaca untuk membuat keputusan dalam situasi yang lebih luas dalam kajian kualitatif.

### **3.9.1.3 Kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan dalam kajian ini merujuk kepada kestabilan dan ketekalan sesuatu kajian, soal selidik, ukuran atau alat ukur (Othman, 2014; Yin, 2009; Merriam, 2009). Kebolehpercayaan diaplikasikan penyelidik bertujuan untuk menerokai ukuran yang diguna pakai dalam



kajian itu memberikan dapatan hasil yang sama apabila ia diguna pakai bagi mengukur konsep yang sama kepada peserta kajian yang sama.

Apabila hasil sesuatu dapatan dari satu kajian dianggap 'boleh diterima' maka ianya adalah tekal atau boleh dibuat kebergantungan. Penyelidik dalam melaksanakan kajian merujuk kepada pendapat Merriam, (2002), yang menyatakan bahawa terdapat tiga strategi kebolehpercayaan. Pertama, pendirian penyelidik, kedua iaitu membuat triangulasi tentang kumpulan subjek yang dikaji dan kemahiran deskripsi. Ketiga, melaporkan jejak audit atau '*audit trail*'. Berikut dijelaskan strategi kebolehpercayaan tersebut;


#### **3.9.1.4 Pendirian Penyelidik**

Pendirian penyelidik amat penting dan mempengaruhi proses yang berlaku di lapangan kajian (Merriam, 2009). Penyelidik di sini menjelaskan pendirian penyelidik yang menerangkan andaian, asas pemilihan peserta kajian dan teori yang diguna pakai dalam kajian. Implikasi dari keputusan penyelidik ini membolehkan penerokaan pengajaran berteraskan APAB yang melibatkan kaedah, halangan dan kesan terhadap murid prasekolah dapat dirungkaikan dengan lancar.

#### **3.9.1.5 Triangulasi Data**

Dalam kajian ini, triangulasi data dilaksanakan penyelidik bertujuan mengukuhkan kebolehpercayaan kajian. Triangulasi mengaplikasikan beberapa metod untuk mengumpul dan menganalisis dapatan data kajian. Antaranya, catatan lapangan, transkripsi hasil pemerhatian, analisis kandungan dokumen dan temu bual. Hasilnya dapatan data kajian yang melalui proses triangulasi dijangka mempunyai kesahan dalaman yang tinggi dan boleh dipercayai oleh penyelidik (Yin,

2009; Bogdan, & Biklen, 2007; Merriam, 2009). Ini dapat di gambar dan di hurai berpandukan Rajah 3.3.



Rajah 3.3. Triangulasi Data Yang Dikutip (Adaptasi: Chee Siew Lan, 2011)

Dalam kesahan data, penyelidik mengaplikasikan tiga jenis triangulasi iaitu triangulasi antara kaedah, triangulasi dalam kaedah itu sendiri dan triangulasi analisis (Yin, 2009; Merriam, 2009; Mertens, D.M., 1998). Ini dijelaskan penyelidik seperti berikut:

**a. Triangulasi Antara Kaedah**

Triangulasi ini adalah melibatkan data dikutip oleh penyelidik melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Semua data yang terkumpul tersebut dibandingkan oleh penyelidik untuk mendapatkan rumusan kajian bagi mendapatkan kebolehpercayaan data yang tinggi. Penyelidik membandingkan data pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Perkara penting yang difokuskan ialah tentang

APAB melibatkan demografi guru, kaedah pengajaran, halangan dan rintangan serta tindak balas murid prasekolah.

**b. Triangulasi Dalam Kaedah**

Triangulasi dalam kaedah merupakan proses membuat perbandingan data yang di perolehi daripada kaedah pengumpulan data yang sama. Triangulasi dalam kaedah membolehkan penyelidik memfokuskan tumpuan kepada soalan kajian. Selain itu membolehkan penyelidik menyemak semula tujuan dan proses pengumpulan data yang dilaksanakan (Roselan, 2001). Dalam proses pelaksanaan, data yang di perolehi melalui kaedah yang sama akan diperbandingkan dan dinilai keserasian mengikut objektif kajian APAB.

**c. Triangulasi Melalui Pelbagai Analisis**

Kaedah ini turut diaplikasikan oleh penyelidik untuk mendapatkan kebolehpercayaan dalam kajian. Tujuan utama triangulasi melalui pelbagai analisis adalah untuk membanding, menyemak dan menginterpretasi data yang dikutip (Roselan, 2001). Selepas penyelidik membuat catatan pemerhatian terhadap peserta kajian, penyelidik berbincang dengan guru prasekolah untuk sama-sama menyemak dan menginterpretasi data tersebut. Perkara ini penting untuk memastikan APAB berlaku atau tidak dalam situasi pengajaran di prasekolah.

Perbincangan informal mengenai perlakuan dan percakapan peserta kajian diadakan dengan penyelidik selepas sekolah setiap kali pemerhatian dijalankan. Melalui ini penyelidik dapat membuat interpretasi yang lebih jitu terhadap tingkah laku dan percakapan peserta kajian.

### 3.9.1.6 Jejak Audit

Analisis dapatan kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan Cohen Kappa (1960). Penggunaan jejak audit atau audit trial bertujuan untuk mencari darjah persetujuan unit analisis dengan konstruk, tema atau sub tema mengenai perkara yang dikaji dengan memadankan antara unit analisis dengan tema atau sub tema. Misalnya data kualitatif dan temu bual (Zamri & Noriah, 2004). Melaluinya, penyelidik memberi penjelasan yang terperinci tentang proses pengumpulan data, pengkategorian dibentuk dan asas-asas pertimbangan untuk membuat keputusan di sepanjang kajian (Bogdan, & Biklen, 2007; Merriam, 2009).

Pengumpulan data dimulai dengan melaksanakan kajian lapangan, kesediaan mental, protokol kajian dan bersedia dengan peralatan seperti video dan perakam suara. Penyelidik secara konsisten membuat pemerhatian, sesi temu bual dan mengutip dokumentasi untuk dianalisis seperti buku rekod mengajar, buku kurikulum prasekolah iaitu KSPK dan lain-lain.

Setelah transkrip data pemerhatian dan bahan temu bual dibentuk secara *verbatim*, ditaip dan dicetak dalam *Microsoft Word* maka penyelidik menyerahkan data tersebut kepada peserta kajian untuk semakan semula serta penambahbaikan. Setelah selesai maka, penyelidik mengesan unit-unit yang dianalisis yang boleh mewakili tema. Penyelidik membentuk tema dan sub tema mengikut konstruk dalam kerangka teoritikal.

Untuk mengukuhkan lagi kebolehpercayaan tema dan unit data, penyelidik menggunakan kaedah kebolehpercayaan antara penilai dan mendapatkan nilai pekali *Kappa*. Cohen (1960) telah memperkenalkan

indek persetujuan koefisien yang bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan data dengan mencari darjah persetujuan antara penilai. Menurutnya, nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.75 dianggap sebagai persetujuan yang kuat, sementara 0.41 hingga 0.75 sebagai persetujuan tahap sederhana, manakala nilai 0.40 ke bawah sebagai persetujuan yang lemah. Skala persetujuan *Cohen Kappa* ditunjukkan dalam Jadual 3.13 di bawah.

Jadual 3.13  
*Skala Persetujuan Cohen Kappa*

<i>Nilai Cohen Kappa</i>	<i>Skala Persetujuan</i>
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

*Sumber: Cohen (1960) dalam Zamri (2004)*

Bagi kajian ini penyelidik mendapat kerjasama dan khidmat tiga orang pakar sebagai penilai. Mereka terdiri daripada dua orang pensyarah universiti tempatan dan satu orang pegawai kanan KPM (Bahagian Peperiksaan). Mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang psikologi dan pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, mempunyai kepakaran dalam bidang pedagogi pengajaran, pentaksiran dan pengurusan pendidikan prasekolah.

Pemilihan ini selaras dengan pendapat pengkaji tempatan (Zamri & Noriah, 2004) yang menekankan bahawa pakar yang dilantik mestilah

mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kewibawaan dalam menyemak serta pengesahan data. Mereka dipertanggungjawabkan untuk membuat semakan tema dan contoh unit yang dibentuk hasil data temu bual dan pemerhatian.

Sebelum proses penyemakan dan pengesahan, penyelidik terlebih dahulu menyediakan senarai semak untuk tindakan pakar. Pakar memberi persetujuan berdasarkan definisi operasi dan contoh unit analisis. Selepas melaksanakan semakan, penyelidik mengira nilai persetujuan. Sebanyak 29 unit analisis daripada 12 tema digunakan untuk mencari nilai persetujuan pakar.

Semasa proses penyemakan pakar, mereka melaksanakan penilaian dan persetujuan bagi setiap kod unit analisis. Penyelidik mengutip dokumen persetujuan pakar dan melakukan pengiraan nilai persetujuan tersebut. Persetujuan setiap pakar bagi setiap kod unit analisis adalah penting untuk diselaraskan dan di catat.

Bagi unit analisis yang tidak mendapat persetujuan, penyelidik meminta kerjasama ketiga-tiga pakar berbincang semula sehingga mendapat nilai persetujuan unit yang selaras. Kemudian unit analisis tersebut diberi kod yang sesuai mengikut definisi yang diubahsuai. Nilai pekali persetujuan setiap pakar di catat secara berasingan dan kemudian dikira bagi mendapatkan satu nilai pekali persetujuan. Peringkat akhir, penyelidik melakukan pengiraan nilai menggunakan formula Cohen Kappa (Cohen, 1960). Berikut adalah formula khusus pengiraan tersebut.

- $K = \frac{fa - fc}{N - fc}$   
 K = nilai pekali  
 fa = unit persetujuan  
 fc = 50 peratus jangkauan persetujuan  
 N = bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Manakala Jadual 3.14 menjelaskan tentang nilai persetujuan antara pakar.

Jadual 3.14.  
*Nilai Persetujuan Antara Pakar*

Perkara	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Nilai Persetujuan Keseluruhan
Persetujuan Pakar	$K - \frac{45 - 23}{46 - 23}$	$K - \frac{39 - 23}{46 - 23}$	$K - \frac{42 - 23}{46 - 23}$	- 0.94+0.69+0.82
	$\frac{23}{46 - 23}$	$\frac{16}{46 - 23}$	$\frac{19}{46 - 23}$	$\frac{2.36}{3}$
	$K - \frac{22}{23}$	23	23	- 0.81
	$\frac{23}{N - 0.94}$	$N - 0.69$	$N - 0.82$	

Hasil daripada penilaian pakar, menunjukkan bahawa unit analisis atau sub tema yang dihasilkan mencapai tahap skala persetujuan Cohen Kappa iaitu pada tahap 0.81 (Tahap Sangat Baik). Hal ini, merupakan bukti yang menentukan kebolehpercayaan yang tinggi dalam pengumpulan data kajian. Jadual 3.15 berikut adalah contoh unit analisis yang disahkan oleh pakar melalui skala persetujuan Cohen Kappa.

Jadual 3.15

Contoh Unit Analisis Yang Disahkan Oleh Pakar Melalui Skala Persetujuan Cohen Kappa.

Bil	Kod	Pengetahuan	Unit Analisis					Persetujuan Pakar	
		Kefahaman Pengajaran	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	Ya	Tidak
1	FKP	Fokus	<p><b>Fokus</b></p> <p>“memberikan keseronokan pembelajaran kepada murid-murid yang berumur 5 hingga 6 tahun. Fokus itu dirujuk kepada subjek atau tunjang yang diajar dalam KSPK” (PK1/TB-U2: 16-18).</p>	<p><b>Fokus</b></p> <p>“kemahiran utama yang ingin ditumpukan dalam pengajaran dan pembelajaran” . (PK2/TB-U2: 24-26).</p>	<p><b>Fokus</b></p> <p>“pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada murid... kemahiran utama pengajaran dan berpusatkan kepada pengajaran dan pembelajaran seperti bertema, bersepadu, bermain dan sebagainya”. (PK3/TB-U2: 20-24)</p>	<p><b>Fokus</b></p> <p>“melahirkan murid berkebolehan, berkomunikasi dan bersosialisasi...kemahiran utama yang merupakan tunjang utama hendak disampaikan kepada murid”. (PK4/TB-U2: 26-30)</p>	<p><b>Fokus</b></p> <p>“berfokus kepada ruang pembelajaran yang menyeronokkan, bermakna kepada murid-murid...kemahiran utama yang berpusat kepada murid-murid”. (PK5/TB-U2: 26-30).</p>	√	



### 3.10 Prosedur Analisis Data

Secara umumnya, prosedur analisis data kualitatif adalah merupakan proses yang berterusan. Proses ini melibatkan penelitian secara terperinci tentang makna setiap kata dan perilaku manusia. Semua proses penganalisan data ini dilaksanakan berpandukan urutan format dan persoalan kajian. Tugas yang kompleks ini melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penakulan induktif dan deduktif, antara deskripsi dan interpretasi (Merriam, 2009).

Dalam kajian kualitatif, proses pengutipan dan analisis data berjalan serentak dan seiring bukan secara langkah demi langkah (Marohaini, 2001). Oleh demikian, peringkat analisis data semasa proses pengutipan data perlu di ambil perhatian daripada peringkat bermula kajian sehinggalah sampai ke tahap ketepuan data (*point of saturation data collection*). Teknik penganalisan data semasa proses pengumpulan data penting untuk menjamin kelancaran penganalisan sebenar (Roselan, 2001). Penyelidik lebih fokus pada peristiwa dan situasi yang timbul semasa proses pengumpulan data.

Hasil daripada kerja analisis data, diteliti dan disimpan dengan selamat di dalam fail tertentu. Penyelidik menyimpan semua dokumen berdasarkan saranan yang dicadangkan (Marohaini, 2001). Senarai fail tersebut adalah seperti berikut:

Fail A. Fail ini merupakan fail kes peserta kajian yang mengandungi beberapa maklumat penting berkenaan:

- i. Fail A1 Pemerhatian, Fail ini menyimpan transkrip pemerhatian, catatan lapangan asal, catatan lapangan lengkap dan ringkasan pemerhatian.
- ii. Fail A2 Temu Bual. Mengandungi data maklumat temu duga, catatan dan ringkasan temu bual.
- iii. Fail A3 Bukti Dokumen. Memuatkan kesemua dokumen berkaitan dan ringkasan bagi setiap pengajaran.

- iv. Fail A4 Demografi. Menyimpan fail profil latar belakang peserta kajian.

Jenis fail kedua dinamakan 'Fail B' yang menyimpan fail latar belakang sekolah. Fail ini mengandungi maklumat berkenaan bilangan kakitangan sekolah, jumlah murid mengikut tahap, falsafah, visi, misi, pelan sekolah, pelan kelas dan statistik analisis murid mengikut tahun.

Jenis fail ketiga "Fail C" pula merangkumi catatan jurnal penyelidik yang menyimpan ulasan penyelidik terhadap pengumpulan data dan analisis data serta jadual yang menunjukkan tarikh dan bilangan pemerhatian, temu bual dan rakaman terhadap peserta kajian. Penyelidik menyimpan rakaman video dan audio di dalam bentuk cekera padat. Setiap satunya dilabelkan mengikut nama bagi setiap peserta kajian, tempat, tarikh dan bilangan rakaman dibuat. Bagi menghasilkan sesuatu penemuan kajian yang lengkap dan menyeluruh, analisis data perlu dilaksanakan pada dua peringkat iaitu analisis semasa pengutipan data dan analisis selepas pengutipan data yang lebih intensif dan formal (Merriam, 2009).

### **3.10.1 Analisis Semasa Pengutipan Data**

Dalam sesebuah kajian kes secara kualitatif, proses pengutipan dan analisis data bermula dengan pemerhatian pertama, temu bual pertama, atau dokumen yang dibaca kali pertama (Merriam, 2009). Fokus dan arah sesebuah kajian kualitatif dibentuk secara beransur-ansur melalui data maklumat yang terkumpul (Marohaini, 2001). Penglibatan peserta kajian di kalangan guru dan murid prasekolah memberi gambaran yang lebih tepat.

Pada peringkat semasa pengumpulan data maklumat, penyelidik penambahbaikan objektif utama untuk diperhatikan. Demikian juga memperbaiki bentuk soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian selanjutnya. Proses ini bertujuan membantu penyelidik memperkayakan pengumpulan data melalui

pembentukan idea, mengemas kini maklumat dan menghapuskan data maklumat yang *bias*.

Penyelidik membuat saringan terhadap semua bentuk data maklumat yang terkumpul melalui transkrip pemerhatian, catatan lapangan dan temu bual. Proses kerja ini dilaksanakan secara peringkat demi peringkat. Tujuan utama analisis ini dilaksanakan berperingkat adalah untuk menentukan dan mencorakkan langkah dan jenis data maklumat yang diterokai seterusnya.

Penyelidik mengaplikasikan beberapa kaedah analisis dan penyaringan data yang dilaksanakan penyelidik kualitatif (Yin, 2009; Merriam, 2009; Marohaini, 2001). Terdapat tiga kaedah analisis dan penyaringan data yang utama iaitu membuat ringkasan, membuat catatan refleksi dan membuat catatan memo.

#### **3.10.1.1 Membuat Ringkasan**

Selepas sesi pemerhatian dan temu bual bersama peserta kajian, rakaman video dan audio pengajaran diteliti semula untuk ditranskripsikan. Penyelidik membuat pembacaan berulang-ulang terhadap transkrip, menyemak maksud dan membaca semula catatan lapangan. Ini bertujuan untuk membantu penyelidik membuat ingatan semula, menyemak dan membuat keputusan kajian dengan tepat.

Dokumen juga diteliti dan dibaca bersama semula. Setiap jenis data yang dihasilkan dibuat ringkasan. Ringkasan di catat mengenai data maklumat yang diterima daripada peserta kajian berdasarkan kaedah, halangan, sumber halangan dan tindak balas murid. Ringkasan ini meliputi sintesis data, peristiwa yang perlu ditolak, diperbaiki dan peristiwa yang menepati kehendak kajian kualitatif. Perkataan dan frasa-frasa penting ditulis di ruang analisis di sebelah kanan catatan lapangan lengkap. Tindakan ini bagi memastikan data-data yang selari dengan kajian sahaja

yang diringkaskan. Dengan membuat ringkasan, semua isi utama dapat dijadikan bahan rumusan. Pada masa yang sama, penyelidik akan membuat koding bagi setiap maklumat yang berkaitan dengan soalan kajian.

Rumusan ini akhirnya boleh disimpan dalam fail masing-masing untuk memudahkan penyelidik merujuk dan membuat analisis seterusnya. Langkah-langkah ini memberi panduan kepada penyelidik untuk lebih fokus kepada isu penting yang ingin diterokai dan memantapkan data (Roselan, 2001).

### **3.10.1.2 Membuat Catatan Refleksi**

Catatan refleksi merujuk kepada sebuah penelitian daripada segi perasaan, pemikiran dan pandangan tentang perkara yang dilihat semasa pemerhatian berjalan (Marohaini, 2001). Penyelidik dalam kajian ini, akan memfokuskan tentang apa yang dilihat semasa pemerhatian ke atas peserta kajian. Catatan refleksi ini mengandungi perkara yang disimpulkan dari aspek kaedah pengajaran, halangan dan sumber rintangan serta tindak balas murid terhadap pengajaran APAB. Biasanya penyelidik membuat catatan refleksi yang mengandungi perasaan, idea dan pandangan terhadap aspek pemerhatian. Penyelidik dalam menulis catatan refleksi mengutamakan bentuk penulisan atau hasil penelitian dengan ayat yang positif (Merriam, 2009). Ini bertujuan untuk membantu penyelidik mengembangkan data kajian dengan lebih luas. Catatan ini boleh ditulis oleh penyelidik di ruang maklum balas dalam catatan lapangan (Lampiran H).

### **3.10.1.3 Membuat Catatan Memo**

Catatan memo diaplikasikan sebagai satu catatan ringkas yang terdiri daripada frasa dan ayat yang menggambarkan idea-idea baru yang terfikir oleh penyelidik semasa menganalisis data (Marohaini, 2001). Catatan ini penting kepada penyelidik sebagai sumber untuk menyusun data maklumat APAB mengikut perspektif yang betul. Ini bermakna catatan tersebut membantu penyelidik membentuk dan menggabungkan idea yang timbul semasa penganalisis data pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Kemudian dikembangkan dan dikaitkan dengan data yang sedia ada.

### **3.10.2 Analisis Selepas Pengutipan Data**

Apabila pengutipan mencapai hampir tahap akhir, maka penganalisan data maklumat menjadi rancak (Merriam, 2009). Tugas menganalisis selepas pengumpulan data bertujuan untuk membentuk rumusan. Data-data ini perlu disaring untuk menjamin pemerolehan data yang relevan dengan skop kajian (Roselan, 2001). Beberapa teknik boleh diguna pakai untuk penganalisan data di peringkat akhir. Teknik tersebut ialah penyaringan data, pembentangan data, membentuk kesimpulan dan membuat verifikasi. Teknik ini dijelaskan seperti berikut:

#### **3.10.2.1 Penyaringan Data**

Penyaringan data amat penting di sepanjang proses pengutipan data bagi memudahkan kerja penganalisan data semasa dan selepas pengutipan data. Ini disebabkan penyelidik menghadapi situasi dengan jumlah data yang terlalu banyak untuk dianalisis. Teknik penyaringan ini membantu penyelidik lebih fokus kepada kajian khususnya terhadap jenis-

jenis strategi yang diaplikasikan guru, halangan dan sumber rintangan yang mempengaruhi guru dan tindak balas murid terhadap APAB.

Pada peringkat selepas pengutipan data selesai, penyelidik membuat penelitian semula terhadap semua transkripsi temu bual, pemerhatian, catatan lapangan, catatan temu bual, bukti dokumen dan ringkasan semua data tersebut. Penyelidik membuat saringan akhir bagi semua data dan ringkasan tersebut ke dalam borang koding. Proses ini dinamakan pengkodan. Pengkodan dalam kajian ini dilaksanakan berdasarkan kategori berpandukan soalan kajian dan juga isu yang bersabit (Marohaini, 2001).

Penyelidik membentuk satu set pengkodan untuk dijadikan panduan penyaringan data. Ini dibentuk berpandukan kategori persoalan kajian dan juga isu yang timbul. Satu set pengkodan yang dinamakan Kod Latar Belakang atau konteks boleh diaplikasikan untuk menerangkan tentang peserta kajian (Bogdan, & Biklen, 2007). Kod membekalkan maklumat berkenaan latar belakang sekolah, peserta kajian, statistik sumber manusia dan murid.

Selesai peringkat pengutipan data, penyelidik membuat pembacaan akhir untuk kesemua data untuk melihat kekerapan dan pola. Penyelidik mencari istilah perkataan, frasa dan ayat yang penting yang boleh di hubung kait dengan soalan kajian. Kesemua ini ditandakan dan ditulis di bahagian tepi kertas pemerhatian, temu bual dan dokumen.

### **3.10.2.2 Pembentangan Data**

Teknik pembentangan data adalah untuk memudahkan penyelidik membuat proses analisis data. Ini membantu penyelidik membuat perbandingan, kesimpulan, dan mengambil tindakan selanjutnya. Dalam

kajian ini, penyelidik mengaplikasikan jadual matrik yang bertujuan untuk membandingkan maklumat setiap satu set pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Jadual ini juga membantu penyelidik untuk membuat triangulasi antara teknik dan membandingkan setiap set maklumat pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

### **3.10.2.3 Pengelompokan Data Dan Kesimpulan**

Pengelompokan data merupakan proses membentuk kategori berdasarkan ciri atau pola yang sama. Proses pengekodan yang telah dijalankan membantu penyelidik membuat pengelompokan data. Kod yang dibentuk berdasarkan konsep dan tema yang muncul, memudahkan proses pengenalpastian, pemilihan dan pengelompokan data. Kelompok data ini, kemudian dapat membentuk pola aktiviti pengajaran guru di kelas prasekolah.

Teknik membentuk kesimpulan melibatkan proses penyelidik menentukan kriteria atau tema pengajaran guru berdasarkan APAB. Semua teknik ini adalah bagi membuat perkaitan konsepsi dan teorikal (Bogdan, & Biklen, 2007; Merriam, 2009). Teknik ini memerlukan penyelidik membuat perkiraan bagi kekerapan kemunculan pola dan tema yang di ikuti dengan pengelompokan data. Seterusnya teknik ini mengumpul rangkaian bukti bagi membuat perkaitan konsepsi dan teorikal. Pola yang muncul berulang kali dalam setiap tema dijadikan panduan untuk membuat kesimpulan muktamad.

### **3.10.2.4 Membuat Verifikasi**


Teknik ini memastikan kesahan data yang dikutip dan dikelompokkan berdasarkan kod-kod tertentu. Teknik utamanya dalam membuat verifikasi ini adalah dengan menjalankan proses triangulasi.

Triangulasi boleh di peroleh melalui gabungan pelbagai sumber dan teknik dalam pengutipan data seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Yin, 2009; Merriam, 2009). Pengutipan pelbagai sumber data dan teknik pengutipan menghasilkan data yang amat bermakna dan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang tinggi.

Prosedur analisis data pada persediaan awal analisis data, analisis semasa pengutipan data dan analisis selepas pengutipan data dapat diterangkan berpandukan Rajah 3.4 di bawah.

Universiti Malaysia





Rajah 3.4. Prosedur Analisis Data

### 3.11 Prosedur Membentuk Koding Dan Kategori

Sebagaimana yang dinyatakan bahawa analisis data kualitatif melibatkan dua peringkat iaitu semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data secara intensif. Tujuan analisis data semasa pengutipan data berjalan adalah supaya penyelidik tidak tertekan dan dapat mengemas kini himpunan data yang banyak. Penyelidik membaca setiap transkripsi temu bual catatan lapangan, dan salinan dokumen untuk membimbing penyelidik melaksanakan kerja lapangan seterusnya.

Koding dalam kajian kualitatif, membantu penyelidik untuk mengecam pola tema yang berkaitan dengan objektif dan soalan kajian (Bogdan, & Biklen, 2007). Tujuan proses analisis dan koding pada peringkat awal adalah untuk membantu, penyelidik bagi meringkaskan data relevan dan meletakkan proses penyelidikan di landasan yang betul.

Dalam kajian ini, proses koding dibentuk untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi penyaringan data. Proses pengekodan bermula dengan pembentukan tema analitik yang di perolehi dari proses kategori berpandukan kerangka teori kajian dan soalan kajian. Ini bertujuan untuk memberi pengertian yang sebenar tentang isi kandungan yang hendak disampaikan oleh peserta kajian semasa berada di lapangan. Daripada aspek kategori ini menghasilkan sub-kategori yang kemudiannya memberikan makna kepada data kajian sebenar. Setiap kategori dan sub kategori ini dilihat penyelidik mempunyai perkaitan yang rapat serta berupaya menghasilkan idea baharu.

Tema atau konsep yang timbul dalam kajian ini terhasil daripada kajian literatur dan juga hasil kehadiran penyelidik di lapangan kajian. Kemunculan tema yang berulang kali membolehkan penyelidik menghitung kekerapannya dan akhirnya membentuk kesimpulan dalam kajian. Melalui kajian ini, data di lapangan kajian menghasilkan dapatan tema yang membawa penyelidik meneroka isu dengan lebih berkesan.

Huraian berkenaan dapat dilihat melalui Jadual 3.16 yang menunjukkan perkaitan antara konstrak yang mewujudkan tema. Penyelidik juga menggunakan teknik

mengelompokkan data bagi tujuan membentuk kategori berdasarkan ciri serta pola. Kod yang terbina berpandukan konsep dan tema membantu pengenalanpastian, pemilihan dan pengelompokan data. Di samping itu, pelabelan pada kategori dan koding juga disesuaikan agar relevan dan selari dengan kerangka konseptual yang digunakan. Seperti yang disarankan, Yin, (2009) dan Merriam (2009), pelabelan kategori haruslah menggambarkan tujuan kajian, saling melengkapi dan mewakili keseluruhan data serta konsepsi yang kongruen.

Jadual 3.16  
*Perkaitan Konstruk, Tema, Kod Dan Sub-Tema*

Konstruk	Tema	Kod	Sub-Tema
Pengetahuan & Kefahaman Pengajaran	Pengetahuan Dan Kefahaman KSPK	PKK	Fokus, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tunjang Pembelajaran KSPK Modul Teras Asas dan Modul Bertema Membina Rancangan Pengajaran Kesepaduan Pengajaran. Penerapan Nilai-Nilai Murni
	Pengetahuan Dan Kefahaman APAB	PKA	Definisi dan Konsep Persepsi APAB
Pendekatan Pengajaran	Pendekatan Guru	PG	Belajar Melalui Bermain Bertema Berpusatkan Murid Projek Teknik Perbincangan Teknik Tunjuk Cara
	Pendekatan Murid	PM	Amalan Bersesuaian Perkembangan Murid Kemahiran Bahasa Kemahiran Penaakulan Kemahiran Fizikal Kemahiran Sosioemosi
	Penilaian Pengajaran	PP	Tingkah laku Murid Hasil Kerja Murid Bahan Bantu Mengajar Penilaian Kendiri Guru

Penerapan APAB	Perancangan Pengajaran	PRG	Modul Teras Asas
	Pedagogi Pengajaran	PED	Modul Bertema
	Sosio Budaya Sosialisa si	SB	Pendekatan Belajar Melalui Bermain
		SL	Pendekatan Simulasi
Adap Mekan Murid	AMM	Pendekatan Bersepadu	
Sumber Rintangan APAB	Perbezaan Jantina	PJ	Pendekatan Nyanyian, Muzik, dan Pergerakan Kreatif
		ET	Adat Istiadat dan Budaya
	Etnik	ET	Adap Murid
		SB	Pembentukan Sahsiah Diri
Sosio Budaya	SB	Merapatkan Sosialisasi	
Perkembangan Murid	PM	Persamaan Jantina	
Kemahiran Guru	KG	Adap Guru	

### 3.12 Rumusan

Dalam bab ini, telah merumuskan metodologi kajian dengan jelas meliputi reka bentuk kajian, kaedah mengutip data, kesahan dan kebolehpercayaan, pemilihan tempat dan peserta kajian, tatacara pelaksanaan kajian dan prosedur analisis data.

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang analisis dapatan kajian berkaitan amalan pendidikan anti-bias dalam pengajaran guru prasekolah di luar bandar. Secara terperinci, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka amalan pelaksanaan pendidikan *anti-bias* dalam pengajaran guru di kelas prasekolah.

Dalam konteks kajian ini, terdapat empat soalan kajian yang diterokai mengikut soalan-soalan kajian tersebut. Dapatan kajian dalam setiap bab dijelaskan, demografi peserta kajian yang merupakan guru prasekolah iaitu peserta kajian dengan memberi tumpuan kepada latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan akademik dan tempoh perkhidmatan guru prasekolah telah dijelaskan dalam bab 3. Penghuraian dapatan kajian pertama melibatkan penelitian tentang pengetahuan kandungan peserta kajian tentang KSPK dan APAB. Tumpuan kajian kedua ialah meneroka pendekatan pengajaran APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid. Ketiga ialah meneroka penerapan APAB dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya, sosio ekonomi. Manakala fokus kajian ke empat ialah menerokai sumber rintangan yang dihadapi dalam pengajaran APAB dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

Dapatan kajian, di analisis berpandukan 4 kontruk dan 65 tema utama yang membawa kepada perbincangan, analisis data terhadap analisa dokumen, temu bual dan pemerhatian. Pengubahsuaian terhadap petikan dilakukan untuk tujuan pemahaman tanpa perubahan makna. Dapatan kajian diperoleh melalui protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen.

## 4.2 Dapatan Kajian Pengetahuan Kandungan (SK1)

Pengetahuan kandungan tentang KSPK penting sebagai sumber utama pemupukan APAB. Di dalam KSPK terkandung beberapa tunjang yang saling melengkapi dan membentuk kesepaduan pengajaran terhadap pemikiran murid yang kritis, kreatif serta inovatif (KPM, 2016). Pengetahuan kandungan dalam dapatan kajian ini, melibatkan keupayaan guru membina konsep, perancangan dan menyampaikan isi pelajaran untuk mudah difahami murid. Selain itu, mereka juga mempunyai kemahiran untuk mentafsir dan menjelaskan mengenai istilah-istilah berkaitan KSPK (KPM, 2002).

Berdasarkan analisis temu bual dan pemerhatian, mendapati bahawa latar belakang pengetahuan peserta kajian mempengaruhi pengajaran dalam pembelajaran yang berteraskan APAB. Perkara ini diperbincangkan melalui dua tema utama. Pertama i) Pengetahuan kandungan tentang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), dan, kedua ii) Pengetahuan kandungan tentang APAB.

Dalam tema pengetahuan kandungan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mengandungi dua sub-tema dibincangkan. Sub tema pertama, iaitu Kemahiran Kurikulum. Melibatkan tiga tajuk iaitu i) Pengetahuan kandungan tentang Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran, ii) Pengetahuan kandungan tentang Tunjang Pembelajaran, iii) Pengetahuan kandungan tentang Modul Asas Dan Modul Bertema.

Dalam sub-tema kedua, iaitu isi pengajaran melibatkan tiga tajuk yang diperbincangkan. Tiga tajuk dalam isi pengajaran tersebut ialah i) Pengetahuan Kandungan Membina Rancangan Pengajaran, ii) Pengetahuan Kandungan Kesepaduan Pengajaran, iii) Pengetahuan Kandungan Penerapan Nilai-Nilai Murni. Manakala dalam tema pengetahuan kandungan tentang Amalan Pendidikan Anti Bias (APAB) pula mengandungi dua sub-tema yang diperbincangkan. Sub-tema tersebut iaitu a) Konsep APAB dan b) Persepsi guru terhadap APAB.

#### **4.2.1 Pengetahuan Kandungan KSPK**

Protokol temu bual, protokol pemerhatian serta analisis dokumen diaplikasikan pengkaji untuk mengumpul data. Dalam mengumpul maklumat, temu bual berstruktur dan separa berstruktur diaplikasikan untuk mendapatkan maklumat. Protokol temu bual berstruktur yang dikemukakan bertujuan mendapatkan tema jawapan yang diberikan. Manakala temu bual separa berstruktur bertujuan mendapatkan keterangan lanjut berkenaan jawapan melalui soalan berstruktur. Berdasarkan temu bual utama, terdapat sembilan perkara penting yang merupakan pengetahuan kandungan KSPK peserta kajian yang dianggap penting dalam pengajaran iaitu Fokus, Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Tunjang Pembelajaran, Modul Asas, Modul Bertema, kemahiran asas membina rancangan pengajaran, kesepaduan pengajaran dan nilai-nilai murni.

Berikut diuraikan sub-tema pertama, iaitu Kemahiran Kurikulum melibatkan tiga tajuk iaitu i) Pengetahuan kandungan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran, ii) Pengetahuan kandungan Tunjang Pembelajaran, iii) Pengetahuan kandungan Modul Asas Dan Modul Bertema.

##### **4.2.1.1 Pengetahuan Kandungan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran**

Dapatan data menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan tentang Fokus, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang terkandung dalam KSPK. Semua peserta kajian, memberikan takrifan tentang Fokus, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang selari dengan kehendak kurikulum prasekolah (KPM, 2010). Perkara ini dijelaskan melalui Jadual 4.1 di bawah.

#### Jadual 4.1

#### *Huraian Pengetahuan Kandungan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
<b>Pengetahuan Kandungan</b>					
i. Subjek / Tunjang	√			√	
ii. Kemahiran utama dan berpusat dalam pengajaran dan pembelajaran		√	√	√	√
iii. Mencipta pembelajaran seronok dan bermakna	√		√		√
iv. Meneroka pembelajaran	√				
v. Melatih berkomunikasi dan bersosialisasi				√	
<b>Standard Kandungan</b>					
i. Penghuraian tentang kemahiran	√		√	√	
ii. Pemilihan berdasarkan nilai murni, pengetahuan dan kemahiran		√			√
<b>Standard Pembelajaran</b>					
i. Penetapan kriterian dan indikator	√		√	√	
ii. Diukur mengikut standard kandungan		√			√

Dapatan kajian menunjukkan fokus dirujuk sebagai subjek atau tunjang yang terkandung dalam KSPK seperti disebut oleh PK1.

“...memberikan keseronokan pembelajaran kepada murid-murid yang berumur 5 hingga 6 tahun. Fokus itu dirujuk kepada subjek atau tunjang yang diajar dalam KSPK.

(PK1/TB-U2: 16-18)

Sementara itu, mengikut peserta lain kajian PK2, PK3, PK4 dan PK5 menyatakan mengandungi kemahiran utama yang berpusatkan kepada pengajaran dalam pembelajaran murid. Pemilihan fokus pula berpandukan pendekatan bertema, pendekatan bersepadu dan belajar sambil bermain seperti kenyataan mereka seperti berikut ini:

“...kemahiran utama yang ingin ditumpukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

(PK2/TB-U2: 24-26)



“...pembelajaran yang menyenangkan dan bermakna kepada murid...kemahiran utama pengajaran dan berpusatkan kepada pengajaran dan pembelajaran seperti bertema, bersepadu, bermain dan sebagainya.

(PK3/TB-U2: 20-24)

“...melahirkan murid berkebolehan, berkomunikasi dan bersosialisasi...kemahiran utama yang merupakan tunjang utama hendak disampaikan kepada murid.

(PK4/TB-U2:26-30)

“...berfokus kepada ruang pembelajaran yang menyenangkan, bermakna kepada murid-murid...kemahiran utama yang berpusat kepada murid-murid”.

(PK5/TB-U2: 26-30)

Dapatan temu bual di atas juga memberi implikasi tujuan utama diwujudkan fokus, menurut PK1, PK3, PK5 adalah untuk mencipta situasi pembelajaran yang seronok kepada murid prasekolah yang berumur 5 dan 6 tahun. PK3 dan PK5 menambah bahawa fokus juga bertujuan menggalakkan murid menerokai pembelajaran di kelas prasekolah secara lebih bermakna. Hal penerokaan ini, menurut PK4 melahirkan murid yang berkebolehan untuk berkomunikasi dan bersosialisasi.

Aspek Standard Kandungan, dapatan temu bual menunjukkan bahawa standard kandungan mengandungi penghuraian tentang kemahiran yang ingin dicapai murid dalam pembelajaran. Pemilihan standard kandungan melibatkan pengetahuan tentang penerapan nilai murni, pengetahuan dan kemahiran yang selari dengan perkembangan murid di kelas prasekolah seperti yang dinyatakan oleh PK2, PK4 dan PK5.

“...memberi penerangan lanjut kemahiran yang ingin dicapai dalam pembelajaran”.

(PK1/TB-U2: 22-25)

“...perkara spesifik yang murid perlu tahu melibatkan nilai, pengetahuan dan kemahiran.

(PK2/TB-U2: 27-30)

“...merangkumi kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid.

(PK3/TB-U2: 27-30)

“...penyataan spesifik tentang perkara yang murid ketahui dan boleh lakukan sesuai dengan tahap perkembangan umurnya”.

(PK4/TB-U2: 31-33)

“...perkara penting yang murid patut ketahui dan boleh dilakukan melibatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai”.

(PK5/TB-U2: 30-33)

Kajian menunjukkan juga bahawa standard pembelajaran ditakrifkan sebagai suatu penetapan kriteria atau indikator pembelajaran dan pencapaian murid yang berusia 5 dan 6 tahun mengikut PK2, PK4 dan PK5. Standard pembelajaran ini juga boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Data juga memberi implikasi bahawa standard pembelajaran adalah kemahiran yang perlu dan hendak di kuasai murid di kelas prasekolah seperti bukti yang terdapat dalam kata bual berikut di bawah:

“...standard pembelajaran dijelaskan sebagai standard yang ingin dicapai oleh murid...”

(PK1/TB-U2: 27-30)

“...kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur ke atas murid.

(PK2/TB-U2: 41-43)

“...Standard Pembelajaran adalah yang hendak dicapai murid...”.

(PK3/TB-U2: 29-30)

“...penetapan kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur.

(PK4/TB-U2: 33-35)

“...penetapan indikator pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur dengan murid-murid umur 5 tahun dan 6 tahun”.

(PK5/TB-U2: 34-36)

Dapatan kajian dari data analisis kandungan dokumen, peserta kajian melengkapkan Buku Rekod Mengajar berdasarkan kehendak KSPK (2010). Mereka mencatat dan merujuk Fokus, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran di dalam pengajaran di prasekolah. Berikut menunjukkan fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran yang terkandung dalam Buku Rekod Mengajar peserta kajian:

Modul Bertema  
(Sosioemosi)  
40 minit

Fokus:  
(PSE1.0) Mengenali dan mengurus emosi sendiri.

Standard Kandungan:  
(PSE 1.3) Mengurus emosi sendiri.

Standard Pembelajaran:  
(PSE 1.3.2) Menerima pandangan dan membaca emosi orang lain.

(PK1/D-BRM/M17/11.05.2016)

Permainan Luar  
(Perkembangan  
Fizikal)  
40 minit

Fokus:  
(PFK2.0) Perkembangan Motor halus.

Standard Kandungan:  
(PKK 2.1) Melakukan kemahiran motor kasar lokomotor.

Standard Pembelajaran:  
(PFK 1.2.1) Berjalan dengan postur dan teknik yang betul

(PK2/D-BRM/M10/24.03.2016)

Modul Teras Asas  
(Matematik)  
40 minit

Fokus:  
(ST8.0) Operasi nombor.

Standard Kandungan:  
(ST 8.1) Memahami operasi tambah dalam lingkungan 10.

Standard Pembelajaran:  
(PSE 8.1.5) Menyatakan ayat matematik operasi tambah secara lisan.

(PK3/D-BRM/M20/23.05.2016)

Modul Teras Asas  
(Bahasa  
Malaysia)  
40 minit

Fokus:  
(BM3.0) Kemahiran membaca.

Standard Kandungan:  
(BM3.4) Membina dan membaca suku kata.

Standard Pembelajaran:  
(BM3.4.1) Membunyikan suku kata hasil gabungan huruf konsonan dan huruf vokal

(PK4/D-BRM/M12/28.03.2016)

Modul Bertema  
(Sosioemosi)  
40 minit

Fokus:  
(PSE 2.0) Mencapai emosi yang positif.

Standard Kandungan:  
(PSE 2.3) Membina keyakinan untuk berkomunikasi.

Standard Pembelajaran:  
(PSE 2.3.4) Bertutur dengan penuh keyakinan.

(PK5/D-BRM/M21/16.06.2016)

#### 4.2.1.2 Pengetahuan Kandungan Tunjang Pembelajaran

Semua peserta kajian, memberikan takrifan bahawa tunjang pembelajaran dalam pengajaran mengandungi enam tunjang pembelajaran utama. Terdiri daripada Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Sains Dan Teknologi, Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika, Tunjang Keterampilan Diri. Kenyataan ini adalah selari dengan kandungan KSPK (2010).

Dapatan menunjukkan tunjang pembelajaran prasekolah didefinisikan sebagai mata pelajaran. Aspek mata pelajaran di prasekolah ini mempunyai kesinambungan dengan mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum di tahun satu seperti disebut oleh PK4 dan PK5.

“...tunjang ini mata pelajaran..

(PK4/TB-U2: 67)

“...maksud tunjang ni dia seperti mata pelajaran dalam kurikulum sekolah rendah..

(PK5/TB-U2:41-42)

Dapatan data pada Jadual 4.3, menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang tunjang pembelajaran yang selari dengan kehendak KSPK (2010)\

Jadual 4.2

*Tunjang-Tunjang Pembelajaran*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Tunjang ditakrifkan sebagai mata pelajaran yang berkesinambungan ke Tahun Satu				√	√
Tunjang membina keseimbangan perkembangan diri dan meningkatkan kemahiran	√		√		
Enam Tunjang Pembelajaran					
i. Tunjang Komunikasi	√	√	√	√	√
ii. Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai	√	√	√	√	√
iii. Tunjang Kemanusiaan	√	√	√	√	√
iv. Tunjang Sains Dan Teknologi	√	√	√	√	√
v. Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika,	√	√	√	√	√
vi. Tunjang Keterampilan Diri.	√	√	√	√	√

Sementara itu, mengikut PK1 dan PK3 menyatakan tujuan tunjang pembelajaran dalam pengajaran untuk membina keseimbangan perkembangan diri dan meningkatkan kemahiran intelek dalam pembelajaran murid. Dapatan data tentang takrifan tunjang pembelajaran tersebut dinyatakan mereka seperti di bawah ini:

“...untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi kerohanian dan fizikal yang merangkumi keseluruhan kurikulum prasekolah”.  
(PK1/TB-U2: 43-44)

“...meningkatkan pemikiran kreatif dan inovatif murid agar menjadi insan yang seimbang”.  
(PK3/TB-U2: 39-40)

Data temu bual membuktikan bahawa terdapat enam tunjang pembelajaran yang dilaksanakan dalam pengajaran di kelas prasekolah. Dalam tunjang pembelajaran, terdapat sub tunjang yang selari dengan

kandungan KSPK (2010) mengikut PK2 dan PK4. Kenyataan ini lebih jelas berbanding tunjang pembelajaran yang dinyatakan PK1, PK3 dan PK5. Dapatan temu bual mengenai senarai tunjang pembelajaran dan sub tunjang itu adalah seperti dalam Jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3

*Perbandingan Kandungan Tunjang Pembelajaran (KSPK 2010) Berdasarkan PK2 Dan PK4*

PK2	PK4	KSPK (2010)
Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris	Tunjang Bahasa Komunikasi Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Bahasa Cina Bahasa Tamil	Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Bahasa Cina Bahasa Tamil
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai Agama Islam Pendidikan Moral	Tunjang Kerohanian Sikap dan Nilai Pendidikan Islam Pendidikan Moral	Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai Pendidikan Islam Pendidikan Moral
Tunjang Perkembangan Diri dan Emosi,	Tunjang Sosio emosi	Tunjang Keterampilan Diri Perkembangan Sosio emosi
Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika Perkembangan Fizikal dan Kesihatan Kreativiti	Tunjang Fizikal Kesihatan permainan aktiviti luar.	Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan Perkembangan Kreativiti
Tunjang Sains dan Teknologi Awal Sains Awal Matematik ICT.	Sains dan Teknologi Sains Awal Matematik.	Tunjang Sains Dan Teknologi Awal Sains Awal Matematik Penggunaan ICT
Tunjang Kemanusiaan	Tunjang Kemanusiaan	Tunjang Kemanusiaan Kemanusiaan

Dapatan data temu bual, PK1, PK3 dan PK5 menyatakan Tunjang pembelajaran dinyatakan tanpa sub tunjang yang lengkap. Namun, dalam pengajaran mereka turut melaksanakan pembelajaran berasaskan enam tunjang utama yang terkandung dalam KSPK (2010).

Berikut adalah Jadual 4.4, membuktikan guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang pelaksanaan dalam pengajaran di kelas prasekolah.

Jadual 4.4

*Perbandingan Kandungan Tunjang Pembelajaran (KSPK 2010) Berdasarkan PK1, PK3 dan PK5*

PK1	PK3	PK5	Kandungan KSPK (2010)
Tunjang Komunikasi	Tunjang Komunikasi	Tunjang Komunikasi	Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Bahasa Cina (SJKC) Bahasa Tamil (SJKT)
Tunjang Kerohanian dan Nilai	Tunjang Kerohanian Sikap dan Nilai	Kerohanian Dan Nilai	Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai Pendidikan Islam Pendidikan Moral
Tunjang Perkembangan Diri dan Emosi	Keterampilan Diri, Estetika	Tunjang Keterampilan Diri	Tunjang Keterampilan Diri Perkembangan Sosio emosi
Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika	Fizikal Dan Estetika	Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika	Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika dan Penjagaan Kesihatan Perkembangan Kreativiti
Tunjang Sains dan Teknologi	Sains dan Teknologi	Tunjang Sains Dan Teknologi	Tunjang Sains Dan Teknologi Awal Sains Awal Matematik Penggunaan ICT
Tunjang Kemanusiaan	Tunjang Kemanusiaan	Tunjang Kemanusiaan	Tunjang Kemanusiaan

#### 4.2.1.3 Pengetahuan Kandungan Modul Teras Asas Dan Modul

##### Bertema

Dapatan data temu bual menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang Modul Teras Asas dan Modul Bertema KSPK yang terkandung dalam Jadual 4.5 di bawah.

#### Jadual 4.5

#### *Takrifan Modul Teras Asas Dan Modul Bertema*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
<b>Modul Teras Asas</b>					
i. Ditakrifkan sebagai mata pelajaran teras.	√	√	√	√	√
ii. Mengandungi Tunjang Komunikasi, Matematik, Permainan Luar, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.	√	√	√	√	√
iii. Huraian aktiviti membaca, menulis, mengira dan menaakul	√	√	√	√	√
iv. Penerapan nilai murni			√		
<b>Modul Bertema</b>					
i. Ditakrifkan sebagai kesepaduan tunjang-tunjang dalam pembelajaran.	√	√	√	√	√

Modul Teras Asas ditakrifkan sebagai mata pelajaran teras yang mengandungi Tunjang Komunikasi, Matematik, Permainan Luar, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Manakala Modul Bertema pula ditakrifkan sebagai kesepaduan tunjang-tunjang dalam pembelajaran. Semua peserta kajian, memberikan takrifan tentang Modul Teras Asas dan Modul Bertema yang selari dengan isi kandungan kurikulum prasekolah (KPM, 2010).

Dapatan temu bual membuktikan terdapat dua modul utama dalam KSPK (2010) yang dijadikan sebagai panduan utama guru mengajar di kelas prasekolah. Modul tersebut ialah Modul Teras Asas dan Modul Bertema. Dalam Modul Teras Asas menghuraikan panduan kemahiran pembelajaran murid berpandukan lima mata pelajaran teras utama iaitu Tunjang Komunikasi, Matematik, Permainan Luar, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Berikut merupakan penjelasan peserta kajian tentang Modul Teras Asas dalam pengajaran di kelas prasekolah;



“...mengandungi tunjang komunikasi Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Awal Sains dan Permainan Luar.  
(PK1/TB-U2:49-53)

“...Tunjang Komunikasi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, Matematik, Awal Sains serta Permainan Luar.  
(PK2/TB-U2:66-69)

“...Modul Teras Asas merangkumi Tunjang Komunikasi, Matematik, Permainan Luar, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.  
(PK3/TB-U2:53-56)

“...Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Matematik dan Permainan Luar.  
(PK4/TB-U2:87-90)

“...Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Matematik dan Permainan Luar.  
(PK5/TB-U2:51-54)

Dalam Modul Teras Asas mengandungi penghuraian pengajaran tentang aktiviti membaca, menulis, mengira dan menaakul menurut PK1, PK2, PK3 dan PK5. Sementara itu, mengikut peserta lain kajian PK3 menambah bahawa Modul Teras Asas mengandungi penghuraian kemahiran tentang penerapan amalan murni pendidikan Islam untuk murid yang beragama Islam dan pendidikan moral untuk murid yang bukan beragama Islam. Pengetahuan kandungan peserta kajian tentang isi kandungan Modul Teras Asas dalam pengajaran dinyatakan dalam petikan di bawah.

“...4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul.  
(PK1/TB-U2:49)

“...menekankan 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul.  
(PK2/TB-U2:66-69)

“...membaca, menulis, mengira dan menaakul. Manakala Tunjang Pendidikan Islam disediakan “...untuk murid beragama Islam dan Pendidikan Moral untuk murid yang selain beragama Islam”.  
(PK3/TB-U2:53-60)

“...membantu murid menguasai literasi dan awalan 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul).  
(PK5/TB-U2:51-54)

Modul Teras Asas dilaksanakan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan menurut PK3. Pelaksanaan bertujuan sebagai suatu pendekatan literasi awal kepada murid untuk menguasai membaca, menulis, mengira dan berfikir. Murid di sekolah kebangsaan dimantapkan bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. PK3 menambah, murid di sekolah jenis kebangsaan pula diperkukuhkan dengan pendekatan literasi dan komunikasi dalam bahasa Cina dan India. Selain itu, turut mengembangkan penguasaan kemahiran kognitif murid melibatkan Matematik dan Awal Sains serta aktiviti kecerdasan fizikal melibatkan permainan luar.

“...penguasaan literasi awal membaca, menulis, mengira dan menaakul.  
(PK3/TB-U2:53-60)

“...membantu murid menguasai literasi dan awalan 4 M (membaca, menulis, mengira dan menaakul).  
(PK5/TB-U2:51-54)

Pelaksanaan Modul Teras Asas di kelas prasekolah pada semester yang pertama dan kedua adalah berbeza. PK3 menjelaskan, pada semester pertama iaitu bulan Januari hingga Jun, memperuntukkan pengisian 35% dari jadual waktu harian prasekolah. Manakala pada bulan Julai hingga November, penggunaan bahasa dimantapkan lagi dengan peruntukkan masa sebanyak 65% pengajaran bagi modul teras asas tersebut. Berikut bukti temu bual bersama PK3 tentang pelaksanaan modul teras asas pada semester pertama dan kedua di kelas prasekolah.

“...35% dari jadual waktu harian prasekolah dan pada akhir tahun (Bulan Julai-November) peratus masa berkurangan jika murid telah kuasai kemahiran asas 4M”.

(PK3/TB-U2:66-69)

Modul bertema menghuraikan aktiviti melibatkan kesepaduan tunjang pembelajaran yang selari dengan pengetahuan dan persekitaran yang dialami murid prasekolah. Perkara ini dinyatakan oleh PK1, PK2 PK4 dan PK5, sebagai penting untuk memenuhi kemahiran pembelajaran murid dan keperluan setempat. Antara tema yang menarik minat murid belajar ialah tentang Diri Saya, Saya Yang Dekat Dengan Murid, Negara Saya, Alam Benda, Alam Kehidupan , Alam Bahan, Alam Fizikal Dan Model Bertema Ini Diri Saya, Sekolah Saya, Kelas Saya, Rakan Saya, Negara Saya. Berikut kenyataan PK1, PK2, PK4 dan PK5 mengenai keutamaan Modul Bertema:

“...pengajaran dan pembelajaran yang selari dengan keperluan setempat dan kemahiran semasa murid.

(PK1/TB-U2: 54-56)

“...aktiviti modul bertema, diselaraskan dengan kesepaduan tema antaranya tentang Diri Saya, Saya Yang Dekat Dengan Murid, Negara Saya, Alam Benda, Alam Kehidupan , Alam Bahan, Alam Fizikal Dan Model Bertema Ini Diri Saya, Sekolah Saya, Kelas Saya, Rakan Saya, Negara Saya. ...”.

(PK2/TB-U2:69-76)

“...memfokuskan kesepaduan tunjang pembelajaran yang selari dengan keperluan persekitaran dan kemahiran murid...”

(PK4/TB-U2: 90-93)

“...menyepadukan keseluruhan tunjang dalam kurikulum prasekolah...”

(PK5/TB-U2: 54-56)

Dalam sub-tema kedua, berikut dihuraikan tentang isi pengajaran melibatkan tiga tajuk iaitu i) Pengetahuan Kandungan Membina Rancangan Pengajaran, ii) Pengetahuan Kandungan Kesepaduan Pengajaran, iii) Pengetahuan Kandungan Penerapan Nilai-Nilai Murni.

#### **4.2.1.4 Pengetahuan Kandungan Membina Rancangan Pengajaran**

Dalam Buku Rekod Mengajar, didapati semua peserta kajian melaksanakan penulisan rancangan pengajaran berdasarkan KSPK (2010) dan Arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 Penyediaan Rekod Pengajaran Dan Pembelajaran. Di dalam buku tersebut dilengkapi dengan

biodata peserta kajian, takwim aktiviti sepanjang tahun, pemilihan tema, sub tema, rancangan mingguan dan rancangan harian. Aspek ini diperoleh penyelidik melalui analisis dokumen dan data temu bual seperti dalam Jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6  
*Kandungan Rancangan Pengajaran Prasekolah*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
<b>Persediaan Awal Guru</b>					
i. Merancang pengajaran dalam pembelajaran	√	√	√	√	√
ii. Rancangan Tahunan	√	√	√	√	√
iii. Tema pengajaran	√	√	√	√	√
iv. Minat murid	√	√	√	√	√
<b>Perkembangan Pengetahuan Murid</b>					
i. Tahap Pengetahuan murid	√	√	√	√	
ii. Tahap penguasaan murid	√	√	√	√	
iii. Pengukuhan pengetahuan pembelajaran		√		√	
iv. Meningkatkan kemahiran murid		√		√	
v. Minat murid			√		√
<b>Kesinambungan Pembelajaran</b>					
i. Pengetahuan sedia ada murid	√			√	
ii. Pendekatan pengajaran 'belajar sambil bermain'					√

Dapatan data, semua peserta kajian mempunyai tahap pengetahuan kandungan untuk membina rancangan pengajaran di kelas prasekolah. Semua peserta kajian menggunakan KSPK (KPM, 2010) sebagai sumber rujukan utama dalam merancang dan membina rancangan pengajaran. Semua peserta kajian, mempunyai pengetahuan dalam proses menyiapkan rancangan pengajaran. Mereka mentakrifkan pembinaan rancangan pengajaran sebagai suatu proses yang melibatkan tiga aspek utama iaitu persediaan awal, kemahiran murid dan kesinambungan pembelajaran yang berterusan.

Dapatan data temu bual, menunjukkan persediaan awal guru diletakkan sebagai asas penting dalam membina rancangan pengajaran harian yang berkesan mengikut PK1 dan PK4. Persediaan awal melibatkan proses perancangan penyediaan rancangan tahunan, mingguan dan harian. Kualiti pengajaran yang berkesan adalah dirujuk kepada ketelitian menyediakan rancangan tahunan yang melibatkan pemilihan tema-tema pengajaran dalam setahun. Selain itu, rancangan pengajaran ini hendaklah disiapkan lebih awal untuk diteliti pentadbir agar selari dengan kemahiran murid prasekolah. Selain itu, membantu guru untuk lebih bersedia dengan pengetahuan, membuat perancangan dan menyediakan diri apabila berhadapan dengan murid. Dapatan temu bual mengenai perkara ini dinyatakan seperti berikut.

“...menyediakan rancangan pengajaran pada haari ini biasanya dibuat minggu yang lepasnya dan dihantar pada pentadbir selalunya pada haari Jumaat dan untuk makluman juga persediaan awal perlu dibuat untuk membuat rancangan terbaik”

(PK1/TB-U2: 61-65)

“Sebelum kita membuat pengajaran harian kita telah memilih beberapa tema dalam setahun dan kita akan membuat rancangan tahunan untuk memudahkan guru-guru membuat pengajaran harian...”

(PK4/TB-U2: 109-112)

Perkembangan pengetahuan dan minat murid merupakan antara elemen utama dalam membina rancangan pengajaran mengikut PK1, PK2, PK3 dan PK4. Elemen ini penting bertujuan untuk memperbaiki kekurangan guru dan mengembangkan pengetahuan sedia ada murid prasekolah. Amalan pengulangan pada tajuk pembelajaran yang telah disampaikan penting bagi tujuan memantapkan kefahaman murid sebelum beralih kepada pengetahuan pembelajaran yang berikutnya. Pelaksanaannya dalam pengajaran memberi impak kepada pengurangan bilangan murid yang lemah

dan meningkatkan minat murid terlibat untuk aktif dalam aktiviti pembelajaran. Kepentingan pengetahuan dan minat murid dibuktikan melalui temu bual berikut;

“...perlu dilihat dari segi kemahiran murid-murid nie menguasai atau tidak. Sekiranya persent (%) terlalu banyak yang tidak menguasai bermaksud kita perlu mengulangi balik pelajaran yang lepas barulah kita masuk tajuk yang baharu.

(PK1/TB-U2: 68-73)

“...saya tengok apa kelemahan yang ingin ditingkatkan, diperbaiki dan dikembangkan pada murid saya itu.

(PK2/TB-U2: 81-82)

“...cara saya membina rancangan pengajaran biasanya berpandukan kepada minat murid.

(PK3/TB-U2: 78-80)

“...cara RPH saya dari senang kepada susah. Murid dari tidak tahu kepada tahu berdasarkan ikut pengetahuan murid.

(PK4/TB-U2: 121-123)

Kesinambungan pembelajaran adalah penting dalam proses membina rancangan pengajaran. Aspek kesinambungan ini melibatkan dua perkara penting iaitu pengetahuan sedia ada murid dan pendekatan pembelajaran. Rancangan pengajaran perlu disusun mengikut kesinambungan pembelajaran berdasarkan urutan yang mudah, sederhana dan lebih mencabar. Untuk menanamkan minat dan mengembangkan pengetahuan murid terhadap pembelajaran yang berkesan, pendekatan belajar sambil bermain diamalkan guru bagi menarik minat dan memantapkan pengetahuan murid. Kenyataan PK1, PK3 dan PK5 memperkukuhkan pentingnya kesinambungan pembelajaran dalam membina rancangan pengajaran seperti berikut.

“...kesinambungan pembelajaran yang diajar dan yang akan diajar akan datang perlu ada kesinambungan tajuk.

(PK1/TB-U2: 66-68)

“...pengetahuan sedia ada murid aaa..tentang makanan, kosa kataa apa yang dia tahu tentang makanan...aaa.. dan kemudian kemahiran-kemahiran apa yang saya nak murid ketahui tentang makanan.

(PK3/TB-U2: 82-86)

“Rancangan pengajaran perlu menggunakan pendekatan yang lebih banyak bermain daan belajar. Ini bertujuan untuk menarik minat mereka dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran”.

(PK5/TB-U2: 61-64)

#### 4.2.1.5 Pengetahuan Kandungan Kesepaduan Pengajaran

Kesepaduan pengajaran di takrif dalam KSPK (KPM, 2010), sebagai pengetahuan penggabungjalinan dua atau lebih kemahiran melibatkan tunjang pembelajaran. Tujuan utama penggabungjalinan tunjang ini adalah untuk memenuhi keperluan murid prasekolah dari segi perkembangan, minat dan kebolehan serta perbezaan dari segi latar belakang. Dalam Jadual 4.7, menunjukkan kenyataan peserta kajian terhadap kandungan rancangan pengajaran di prasekolah.

Jadual 4.7  
*Kandungan Rancangan Pengajaran Prasekolah*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Kesepaduan Pengajaran					
i. Kemahiran penggabungjalinan dua atau lebih kemahiran	√	√	√	√	√
ii. Tunjang Komunikasi kunci kesepaduan	√	√	√	√	√
iii. Berfungsi sebagai pembina jati diri murid.	√	√	√	√	√
iv. Murid mudah menguasai 4M					
v. Murid mudah mengurus emosi			√	√	√

Dapatan data temu bual dan pemerhatian, mendapati semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang kukuh dalam melaksanakan kesepaduan dalam pengajaran. Mereka tidak mempunyai masalah dan mempunyai kemahiran yang lengkap dalam menggabungkan

tunjang-tunjang pembelajaran dengan pengetahuan pembelajaran yang terkandung dalam KSPK.

Dalam kesepaduan pengajaran, semua peserta kajian bersetuju bahawa Tunjang Komunikasi berperanan penting sebagai tunjang utama dalam pengajaran di kelas prasekolah. Tunjang Komunikasi kerap disepadukan dengan tunjang-tunjang pembelajaran yang lain kerana isi kandungan tunjang bahasa mudah difahami murid khususnya melibatkan penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jadual memaparkan kesepaduan pengajaran yang melibatkan Tunjang Komunikasi dengan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika, Tunjang Sains dan Teknologi dan Tunjang Keterampilan Diri.

Dapatan data membuktikan bahawa kesepaduan dalam pengajaran berfungsi sebagai pembina jati diri murid. Aspek ini meliputi kemahiran yang pelbagai, keyakinan dan mampu menyelesaikan masalah. Aktiviti kesepaduan memberi impak untuk murid berkomunikasi secara tertib, membina jati diri dan mengamalkan sikap toleransi. Mereka memberikan respons yang baik pada setiap aktiviti pengajaran tanpa sebarang masalah. Ini terbukti melalui analisis kandungan dokumen pada Jadual 4.8 dan data temu bual peserta kajian.



Jadual 4.8

*Kesepaduan Dalam Tunjang Pembelajaran*

Senarai Peserta Kajian				
PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai	Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika dengan Tunjang Ketrampilan Diri	Tunjang Komunikasi dengan Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika.	Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Sains dan Teknologi	Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Ketrampilan Diri

Dalam Jadual 4.9, PK1 melaksanakan kesepaduan pengajaran dengan menggabungkan Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai (Pendidikan Moral). PK2 menyepadukan pengajaran Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika dengan Tunjang Ketrampilan Diri. PK3 menyepadukan pengajaran Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia) dengan Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika. PK4 pula melaksanakan kesepaduan Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Sains dan Teknologi. PK5 pula menggabungkan Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Ketrampilan Diri.

Amalan kesepaduan pengajaran memberi impak yang baik kepada murid prasekolah. Murid prasekolah mudah terlibat aktif dalam aktiviti dan menguasai kemahiran lisan. Seterusnya mereka minat melakukan pergerakan kreatif melibatkan pergerakan tubuh badan iaitu tangan, kaki, jari, kepala, badan dan mata. Pemerhatian pengajaran ke atas PK1 dan PK2, mendapati murid mudah menguasai beberapa kemahiran secara serentak. Petikan berikut merupakan bukti pemerhatian ke atas PK1 dan PK2 tentang kelebihan kesepaduan dalam pengajaran.

Guru :	Ok sebut (merujuk bilangan jari)
Murid :	4,5,1,3,2,1,3
Guru :	In English. Count in English.
Murid :	One, two, three, four, five
Guru :	Kalau count tu apa?
Murid :	Kira...
	(PK1/PM-1: 46-54)
Guru :	Humpty Dumpty sat on a wall. Apa dia 'on a wall'.
	What wall?
	Ok, Humpty Dumpty sat on a wall
	(Guru membuat gerakan tangan yang besar)
	What is fall? Looked here...
	Fall is jatuh, Guru membuat tunjuk cara kepada murid dengan menjatuhkan sebatang pen ke lantai. Apa terjadi telur...jatuh?
Murid :	Pecah!
Guru :	All the king's horses...horse apa? what is horses? Apa dia horses?
Murid :	Kuda!...
	(PK2/PM-1:22-28)

Pengetahuan kandungan terhadap kesepaduan pengajaran memudahkan murid menguasai kemahiran 4M iaitu Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul secara serentak. Ini terbukti dalam kesepaduan Tunjang Sains dan Teknologi dengan Tunjang Komunikasi oleh PK3 dan PK4. Implikasi kesepaduan dalam pengajaran, memberi pengetahuan dan kefahaman yang mudah kepada murid prasekolah untuk memahami konsep nombor, konsep huruf dan konsep sains. Perkara ini dilihat dari aspek bentuk, pergerakan, sebutan dan perhubungan objek dengan persekitaran. Petikan di bawah merupakan aktiviti kemahiran dalam mengembangkan bahasa, sains dan matematik murid prasekolah.

Guru : Ambil satu saja. Satu pemadam. Satu pensil. Yang lain simpan. Ini huruf b. Ini badannya perutnya buncit. Sebut B!B!B (Guru menunjukkan pipi yang dibesarkan). Lagi sebut

Murid L7 : b!b!b! Badannya perutnya buncit (jari menunjukkan huruf b pada lembaran kerja.

(PK3/PM-1: 74-76).

Guru : Sebut SE PU LUH.

Murid : SA PU LUH.

Guru : Bukan SAPULUH...SEPULUH. Sebut betul-betul SEPULUH.

Murid : SEPULUH! SEPULUH!

Guru : S' (Se) konsonan kah atau vokal?

Murid : Konsonan...

(PK4/PM-2: 61-67).

Pengetahuan kandungan ke atas kesepaduan pengajaran meningkatkan keupayaan pengurusan emosi murid prasekolah. Penggunaan bahasa yang sopan dalam pengajaran memudahkan murid mengurus peluahan emosi secara sihat. Ini terbukti apabila PK5, menjalankan kesepaduan pada Tunjang Komunikasi: Bahasa Melayu dengan Tunjang Ketrampilan Diri. Penekanan pengurusan emosi memberi impak kepada murid untuk terlibat aktif untuk menerima rakan sebaya dan pengajaran yang disampaikan guru. Berikut adalah teks pengajaran PK5 dalam pemerhatian tersebut.

Murid	: Berbaris dan mengambil tugas yang diberikan guru.
Guru	: Arshad nie dah jadi budak baik ke? Janji!
Murid Arshad	: Ya..angguk kepala. Sambil mengambil kertas aktiviti.
Guru	: Muh nie! dah jadi budak baik ke?
Murid Qayyum	: Aaa..ahhh..mengangguk kepala. Sambil mengambil kertas aktiviti
(PK5/PM-U1: 90-97)	

#### 4.2.1.6 Pengetahuan Kandungan Penerapan Nilai-Nilai Murni

Secara umum, penerapan nilai-nilai murni merangkumi amalan tingkah-laku yang baik, peradaban dan bertatasusila. Dapatan data semua peserta kajian mentakrifkan penerapan nilai-nilai murni sebagai suatu tindakan mulia dan amat bererti dalam pembentukan sahsiah diri murid prasekolah. Semua peserta kajian, mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang selari tentang penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran di bilik darjah berdasarkan Jadual 4.9 di bawah.

Jadual 4.9  
*Pengetahuan Kandungan Nilai-Nilai Murni*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Pengetahuan Kandungan Nilai-Nilai Murni;					
i. Amalan mulia pembentukan sahsiah diri	√	√	√	√	√
ii. Penyatuan masyarakat pelbagai etnik dan budaya.	√		√		
iii. Membentuk latar belakang murid	√	√	√		
iv. Bermula melalui pendidikan di rumah				√	√
v. Bertujuan membina keyakinan diri murid	√	√	√	√	√
vi. Amalan nilai murni antaranya kasih sayang, tolak ansur, keberanian, keyakinan diri, bekerjasama, berani,	√	√	√	√	√

---

yakin, bersyukur, tolong-menolong,  
berkongsi barang dll

---

Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran diletakkan sebagai penting sebagai sumber penyatuan masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya. Kepentingan perkara ini dinyatakan PK1 dan PK3 dalam kenyataan temu bual berikut:

“...Tanpa penyampaiannya pengajaran guru tidak bererti kepada murid-murid. Ini penting kerana sebagai sumber perpaduan kita”  
(PK1/TB-U2: 99-101)

“...nilai amat penting untuk disampaikan kepada murid.  
(PK3/TB-U2: 112).

Dapatan data temu bual, menjelaskan penerapan amalan nilai murni dalam pengajaran membentuk latar belakang murid yang mempunyai perwatakan mulia dan tertib. Walaupun amalan penerapan ini bersifat abstrak, namun mudah diterjemahkan murid melalui pemerhatian ke atas tingkah laku guru di dalam kelas prasekolah. Pemerhatian tingkah laku guru ini menggalakkan murid membuat peniruan amalan tingkah laku dan menjalinkan hubungan yang akrab terhadap rakan sebaya. Selain itu, penerapan nilai murni melahirkan murid yang menguasai kemahiran 4M dan turut meningkatkan amalan nilai-nilai kemanusiaan. Perkara ini dinyatakan PK1, PK2 dan PK3 dalam petikan di bawah.

“...penerapan nilai-nilai murni adalah suatu tingkah laku mulia dan bertatasusila.  
(PK1/TB-U2: 97-98)

“...nilai-nilai murni adalah amalan baik yang abstrak dan amat baik. Cikgu sampaikan melalui tingkah lakunya dan dilatih tubi oleh murid dalam kelas”.  
(PK2/TB-U2: 121-123)

“...penting sebab untuk melahirkan murid yaang bukan sahaja mempunyai kemahiran 4M tetapi dilengkapi dengan nilai kemanusiaan insan tersebut.

(PK3/TB-U2: 113-115)

Peserta kajian, menyedari bahawa amalan penerapan nilai murni bermula melalui pendidikan di rumah. Amalan ini di bawah ke sekolah dan dimurnikan lagi dengan penerapan aktiviti pembelajaran di sekolah yang menggalakkan murid membentuk sahsiah diri, adil, amalan baik, benar dan ikhlas tanpa membezakan rakan kepada semua rakan. Berikut merupakan kenyataan PK 4 dan PK5 tentang kepentingan penerapan nilai murni.

“...nilai murni dalam pengajaran ialah amalan semula jadi yang diterima oleh semua. Menjadikan murid lebih berakhlak dan adil kepada rakan...”

(PK4/TB-U2: 146-148)

“...nilai nie memandu murid membentuk sahsiah diri dan amalan yang baik, benar dan ikhlas. Tanpa mengira kawan serta tanpa sebarang perbezaan”

(PK5/TB-U2: 90-92)

Elemen kasih sayang, toleransi kaum, keberanian, keyakinan diri, baik akhlak, bersahabat, bersyukur, semangat bekerjasama, tolong-menolong dan berkongsi di terapkan kepada murid prasekolah. Tujuan penerapan adalah untuk membina keyakinan diri murid menghadapi pembelajaran yang lebih mencabar. Mereka memerlukan keberanian mengeluarkan idea, keyakinan dan keupayaan untuk berkongsi pengetahuan. Petikan di bawah menyenaraikan elemen tentang nilai-nilai murni yang terkandung dalam pengajaran.

“...antara nilai-nilai murni yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran salah satunya ialah unsur kasih sayang, tolak ansur sesama rakan serta keberanian bagi setiap pelajaran itu perlu iaitu keyakinan diri”

(PK1/TB-U2: 105-109)

“...nilai-nilai penting yang diterapkan nilai murni pengajaran hari ini iaitu mereka bekerjasama, berani, yakin...”

(PK2/TB-U2: 130-132)

“...nilai-nilai penting aaa yang saya terapkan adalah keyakinan”

(PK3/TB-U2: 100-101)

“...bekerjasama dan tolong-menolong. Murid yang telah menguasai menolong rakan mereka yang akan dan belum menguasai. Mereka akan bantu-membantu dan bekerjasama dalam menyiapkan latihan yang diberi”  
(PK4/TB-U2: 150-154)

“...mewujudkan semangat kerjasama sesama mereka, dapat berkongsi barang, peralatan, mewujudkan keyakinan diri...”  
(PK5/TB-U2: 85-87)

Dalam pemerhatian, cerita-cerita yang berkonsepkan moral amat berkesan untuk penerapan nilai-nilai murni kepada murid prasekolah mengikut PK1 dan PK3. Murid mudah terangsang perhatian mereka dengan cerita-cerita yang berlaku di persekitaran. Selain itu penerapan melalui aktiviti spontan dalam pengajaran juga dijadikan panduan untuk murid bertingkah laku mulia. Berikut merupakan aktiviti penerapan nilai-nilai murni melibatkan PK1 berbentuk cerita-cerita moral dalam pengajaran.

Guru	:	Kalau kita jumpa nenek atau orang tua atau jumpa cikgu maka perlu <u>ucap salam dan salam dia punya tangan</u> . Guru mengingatkan murid supaya <u>tidak berlari naik kenderaan</u> .
Guru	:	Kalau naik bas berlari-lari bolehkah?
Murid	:	Tidak boleh. Beratur.
Guru	:	Perlu berbaris dan naik satu-satu

(PK1/PM-2: 59-64)

Petikan berikut merupakan penerapan nilai-nilai murni melibatkan PK3 berbentuk nasihat yang spontan kepada murid prasekolah.

Guru	:	Thank you ferry. Duduk. Bolehkah booo! kawan macam tu booo! (merendahkan semangat kawan).
Murid	:	Tidak boleh
Guru	:	Kenapa tidak boleh boo kawan yah...
Murid	:	Berdosa!

(PK3/PM-2: 69-74)

Dalam pemerhatian, peneгуan amalan nilai murni, melalui ucapan pujian dan aktiviti tepuk tangan menimbulkan minat dan semangat untuk murid terlibat aktif mengikut PK4 dan PK5. Amalan peneгуan ini dilaksanakan PK4 berdasarkan petikan pengajaran berikut.

Guru	:	<u>Tepuk tangan</u> untuk Aina. Ok kawan-kawan banyak nombor. Nombor apa yang....tengok betul-betul... 1,2,,3,4,5...
Murid	:	Betul
Guru	:	6?
Murid	:	Salah
Guru	:	Betullah nombor 6 tapi terbalik. Nombor 7, 8, 9?
Murid	:	Betul

(PK4/PM-2: 53-59)

Sementara peneгуan juga menggalakkan murid lebih yakin terhadap kebolehan mereka. Berikut merupakan bukti penerapan nilai murni PK5 tersebut;

Guru	:	Siapa yang boleh tolong cikgu?
Murid	:	Saya cikgu! saya cikgu!
Murid Amy	:	Paku (mengeja)
Guru	:	Tepuk tangan...pandai!

(PK5/PM-2: 73-76)

#### 4.2.1.7 Pengetahuan Kandungan APAB

Tema pengetahuan kandungan kedua ialah tentang APAB. Di dalamnya terkandung dua sub-tema utama. Sub.tema pertama ialah definisi dan konsep APAB dan sub-tema kedua ialah tentang persepsi APAB. Berikut diuraikan tema utama dan sub-tema tersebut.

Penerapan APAB di dalam KSPK (2010), berperanan penting dalam penyampaian pengajaran di prasekolah. Pelaksanaan di prasekolah, menggalakkan guru menterjemahkan APAB dalam bentuk aktiviti



pengajaran. Untuk itu, beberapa protokol pengutipan data dilaksanakan pengkaji bagi mendapatkan data kajian tentang pengetahuan dan pemahaman guru terhadap APAB. Pertama, protokol temu bual berstruktur dan semi berstruktur. Kedua, protokol pemerhatian dalam pengajaran. Ketiga, analisis dokumen iaitu melibatkan buku KSPK dan buku rekod mengajar.

Dapatan kajian menunjukkan, peserta kajian mempunyai pengetahuan dan pemahaman terhadap APAB. Aspek ini dapat di bahagikan kepada dua perkara. Pertama, pengetahuan tentang definisi dan konsep APAB. Kedua, persepsi terhadap APAB dalam bilik darjah. Berikut Jadual 4.10 di bawah, menjelaskan tentang pengetahuan dan pemahaman guru terhadap APAB.

Jadual 4.10  
*Definisi, Konsep Dan Persepsi APAB*

Senarai Tema & Sub Tema/Subtajuk	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
i. Definisi Dan Konsep APAB					
- Amalan yang bertentangan dengan sifat pilih kasih atau berat sebelah	√	√	√	√	√
- Persamaan hak kemanusiaan	√	√	√	√	√
- Pembentukan sahsiah murni					
- Perpaduan masyarakat	√	√	√	√	√
- Bahasa asas penyatuan					√
ii. Persepsi APAB					
- Persepsi positif tentang APAB	√	√	√	√	√
- Merentas kurikulum	√	√	√		√
- APAB penting dalam kurikulum	√	√			
- APAB mendapat sambutan pelajar					

Pengetahuan kandungan guru penting dalam pengajaran APAB di prasekolah. Amalan tersebut, mendorong guru untuk menerapkan APAB dalam pengajaran. Data temu bual dan pemerhatian mendapati, guru mempunyai pengetahuan kandungan tentang definisi serta konsep APAB. Pengetahuan dan kefahaman ini memudahkan guru menerapkan nilai-nilai murni tentang persamaan dan perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya, sosioekonomi serta agama.

#### 4.2.1.8 Pengetahuan Definisi Dan Konsep APAB

Secara umum, APAB di definisikan peserta kajian sebagai amalan yang berlawanan dengan sifat pilih kasih atau berat sebelah. APAB menerapkan amalan persamaan hak yang adil tanpa wujud perbezaan. Dalam bilik darjah, insan yang hendak dilahirkan adalah manusia yang tidak berpihak kepada mana-mana individu yang berlainan status ekonomi, etnik, anutan agama dan kepercayaan politik seperti yang dinyatakan oleh PK1, PK2 dan PK5. Impak APAB, murid cenderung kepada nilai-nilai amalan mulia yang terdapat di persekitaran murid seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut.

“...lawan sifat pilih kasih atau berat sebelah...tidak berpihak kepada mana-mana individu...taraf kedudukan bangsa, agama, politik dan lain-lain...tanpa ada perbezaan”

(PK1/TB-U4: 7-12)

“...tidak berpihak kepada mana-mana individu...menganggap semua individu adalah sama tanpa wujud sebarang perbezaan taraf kedudukan, bangsa, agama, politik dan lain-lain”

(PK2/TB-U4: 8-12)

“...amalan mulia yang berlaku di kalangan murid”

(PK5/TB-U4: 9-11)

Dalam pelaksanaan di bilik darjah, PK3, PK4 dan PK5 sependapat bahawa APAB merupakan amalan guru yang diterjemahkan di dalam pengajaran. APAB didefinisikan sebagai pendekatan guru ke arah

pembentukan sahsiah murid yang mulia, adil dan bersikap terbuka dalam menghadapi murid yang pelbagai latar belakang. Perkara ini terlaksana melalui pendekatan pengajaran guru yang aktif dan pelbagai ke atas murid prasekolah. Impaknya, murid yang terdiri daripada pelbagai etnik mudah melibatkan diri dalam aktiviti penerapan budaya, saling berkomunikasi dan mengamalkan nilai murni. Mereka terdedah dengan pendekatan belajar yang kreatif dan menyelesaikan masalah yang dihadapi bersama rakan sebaya.

“APAB merupakan amalan pendekatan guru yang aktif...memudahkan murid melihat dengan jelas pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan amalan budaya etnik...seronok dalam kelas prasekolah...menyelesaikan pelbagai masalah murid di dalam kelas”

(PK3/TB-U4: 9-12)

“...merupakan satu pendekatan guru yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah...tidak membezakan murid, melayan sama rata, tidak berlaku jahil dan mengamalkan sahsiah yang baik”

(PK4/TB-U4: 11-16)

“...tanpa paksaan, adil dan saling berkomunikasi dengan baik”

(PK5/TB-U4: 15-20)

Dalam pelaksanaan di bilik darjah, peserta kajian menerapkan definisi dan konsep APAB melalui aktiviti pengajaran. Penerapan dilaksanakan secara kerap melalui aktiviti berbaris, menghormati perbezaan jantina, pendekatan pengajaran teknik individu, pendekatan pengajaran teknik kumpulan dan kemahiran murid.

PK1 dan PK2 kerap menerapkan definisi dan konsep APAB dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Murid terlibat terdiri daripada etnik Cocos, Banjar, Bugis, Bajau, Suluk, Jawa dan Tidung. Mereka diterapkan APAB melalui amalan berbaris mengikut jantina dan penglibatan mereka dalam kelas (PK1/PM-1: 1-13). Mereka dikehendaki menghormati rakan yang

berlainan jantina, berlainan saiz fizikal dan bertingkah laku sopan terhadap rakan (PK2/PM-2: 1-19).

Impak amalan aktiviti pelbagai etnik mendidik murid kepada perpaduan masyarakat yang pelbagai. Sementara, aktiviti berbaris mengikut jantina adalah mendidik murid tentang perbezaan jantina. Manakala menyusun kedudukan murid mengikut fizikal dan tingkah laku yang aktif di hadapan bertujuan untuk mendidik murid untuk lebih fokus pada pengajaran di bilik darjah.

Data pemerhatian ke atas PK3, PK4 dan PK5, membuktikan bahawa definisi dan konsep APAB diterapkan secara aktiviti kumpulan. Semua murid dilayan secara adil tanpa wujud sebarang perbezaan melibatkan jantina, fizikal murid, warna kulit, suku kaum dan agama. Murid yang mempunyai fizikal kecil diletakkan di depan dan murid yang mempunyai fizikal besar diletakkan di belakang. Murid diperingatkan untuk tidak membuli murid yang bersaiz kecil dan lemah. Murid juga diberi peluang memperbetulkan kesilapan jawapan dengan bimbingan rakan yang berlainan etnik dan jantina (PK4/PM-1: 1-80). PK3 juga dilihat menggunakan loghat bahasa Melayu Sabah walaupun beliau sebenarnya berasal dan mahir bertutur dalam bahasa Melayu Semenanjung Malaysia (PK3/PM-1: 1-24).

Manakala PK5, menterjemahkan definisi dan konsep APAB melalui aktiviti pengajaran mengikut kemahiran murid. Guru berusaha untuk memahami dialek bahasa Melayu Kelantan yang dipertuturkan oleh dua orang murid dalam kelasnya. Guru bertindak aktif bagi mengawal murid dalam pengajaran. PK5 turut menunjukkan sikap sabar dengan tingkah laku

murid yang suka berlari, melompat dan suka mengusik rakan sebaya (PK5/PM-1:1-39).

#### **4.2.1.9 Pengetahuan Persepsi APAB**

Secara umum, persepsi pengajaran APAB merupakan suatu skop pengertian yang luas. Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada proses yang dihadapi dalam membuat tafsiran melibatkan kemahiran memerhati, memahami dan menterjemahkan suatu amalan. Dalam data temu bual, semua peserta kajian mempunyai persepsi yang positif tentang pelaksanaan pengajaran APAB.

Peserta kajian mengakui bahawa pernah mengaplikasikan amalan ini dalam pengajaran bersama murid prasekolah. Mereka menyampaikan APAB secara merentas kurikulum iaitu disampaikan secara tidak formal dan tidak terancang. Aktiviti dalam KSPK yang dirancang melalui Modul Teras Asas dan Modul Bertema menjadikan murid lebih aktif terlibat dalam aktiviti APAB. Impaknya, murid dapat menerima rakan yang pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosial. Guru pula lebih yakin dengan penglibatan murid yang pelbagai serta memberikan persepsi yang positif untuk mengamalkan APAB dalam bilik darjah.

Dalam pengajaran, PK1, PK2 dan PK3 menyatakan bahawa APAB adalah penting dan pernah dilaksanakan di prasekolah. Walaupun dilaksanakan secara tidak formal atau tidak terancang, APAB mendapat sambutan yang baik daripada murid prasekolah (PK1/TB-U5: 11-13). Menurut PK2, buku rekod mengajar dan buku KSPK (KPM, 2010) merupakan rujukan utama guru untuk memahami APAB. Manakala Modul Teras Asas dan Modul Bertema mendedahkan guru dengan aktiviti

merancang pengajaran menurut PK3. Berikut merupakan data temu bual PK1, PK2 dan PK3 tentang persepsi pengajaran yang berteraskan APAB.

“...penting untuk dilaksanakan dalam bilik darjah yang muridnya terdiri daripada pelbagai latar belakang”

(PK1/TB-U5: 18-20)

“...mungkin pernah saya amalkan pendekatan ini dalam pengajaran prasekolah saya tanpa saya sedari”

(PK2/TB-U5: 6-10)

“...mengamalkan pendekatan APAB dalam pengajaran dan pembelajaran”

(PK3/TB-U5: 8-10)

Manakala dalam pembelajaran, PK2 menyatakan bahawa APAB sesuai didedahkan kepada murid prasekolah yang mempunyai keperluan murid yang pelbagai. Mereka boleh menerima dan mengamalkan APAB dalam kelas prasekolah. Ini ditambahkan lagi dengan sifat semula jadi murid yang, “...tidak bersifat bias dan mereka tidak mengamalkan sikap diskriminasi di kalangan mereka” (PK2/TB-U5: 14-16).

Implikasi pembelajaran APAB, boleh diterima murid tanpa sebarang masalah. Amalan ini meletakkan peranan guru sebagai penting dalam memberi bimbingan dan panduan berterusan kepada murid. Impaknya, membolehkan murid menunjukkan APAB dalam tingkah laku sebenar semasa di dalam atau luar bilik darjah (PK1/TB-U5: 20-22).

Bagi PK3, turut mempunyai pendapat yang sama dengan PK1 dan PK2. Beliau memahami dan kerap, “...mengamalkan pendekatan APAB dalam pengajaran dan pembelajaran (PK3/TB-U5: 8-10). Amalan ini diserapkan PK3, dalam aktiviti pengajaran melibatkan Modul Teras Asas dan Modul Bertema. Beliau menambah lagi, bahawa APAB sesuai untuk diamalkan peringkat umur murid prasekolah. Amalan ini dilihat mempunyai

kesinambungan dengan amalan rutin kehidupan mereka seharian di rumah mahupun di sekolah (PK3/TB-U5: 15-18).

Dapatan data temu bual PK4 dan PK5, juga turut menyatakan pernah menyampaikan penerapan APAB dalam pengajaran di kelas prasekolah. Menurutnya, dalam Modul Bertema dan Modul Teras Asas terkandung pelbagai aktiviti APAB. Menurutnya, aktiviti pengajaran APAB mudah diterima serta ditunjukkan murid melalui amalan tingkah laku di prasekolah. Berikut merupakan petikan temu bual PK4 tentang APAB.

“...APAB mudah untuk diserapkan dalam pengajaran dan diamalkan di prasekolah”  
(PK4/TB-U5: 11-15)

Impaknya, situasi ini membolehkan guru mudah memahami latar belakang persekitaran murid, bahasa komunikasi dan kurang menghadapi masalah bersama murid. Keserasian ini membolehkan, “...murid di sekolah-sekolah boleh mengamalkan pendidikan anti-bias dalam bilik darjah walaupun mereka berlainan etnik, bahasa, taraf hidup dan persekitaran (PK4/TB-U5: 19-22).

Temu bual PK5, turut menyatakan pernah menyampaikan pengajaran yang berteraskan APAB dalam kelas prasekolah (PK5/TB-U5: 6-7). Menurutnya, pengajaran yang berteraskan APAB membantu menjadikan murid lebih matang menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah yang berlaku di persekitaran. Pengajaran APAB, melalui pendekatan main yang tidak formal memudahkan murid memahami dan lebih fokus terhadap pembelajaran. Ini ditambahkan lagi dengan keinginan murid melakukan pelbagai aktiviti. Namun melalui bimbingan yang kerap membolehkan murid melakukan aktiviti dengan baik (PK5/TB-U5: 12-19).

### **4.3 Dapatan Kajian Pendekatan Pengajaran APAB (SK2)**

Protokol temu bual dan protokol pemerhatian digunakan untuk mengumpul data tentang pemilihan pendekatan pengajaran bagi memupuk APAB di prasekolah. Kaedah temu bual semi berstruktur telah diguna pakai dalam mengumpul data tentang pemilihan pendekatan tersebut. Terdapat empat soalan utama berkenaan apakah pendekatan pengajaran yang memupuk APAB dari aspek minat, pengetahuan, kesedaran murid dan kemahiran pemikiran kritis.

Dari dapatan kajian, terdapat dua tema yang dijadikan sebagai amalan pendekatan yang kerap diaplikasikan peserta kajian dalam membina minat, pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid terhadap APAB. Tema tersebut ialah pendekatan pengetahuan guru dan pengetahuan kemahiran murid. Perkara ini di terangkan seperti berikut:

#### **4.3.1 Pendekatan Pengetahuan Guru**

Pendekatan pengajaran berdasarkan pengetahuan guru merujuk kepada kepakaran guru dalam bidang pedagogi. Aspek ini meliputi kepakaran guru dari penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai pendekatan pengajaran dan pengurusan proses pengajaran serta pembelajaran. Dapatan data kajian, mendapati semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman melaksanakan pendekatan pengajaran yang terkandung dalam KSPK (2010).

Berdasarkan Jadual 4.11 di bawah, semua peserta kajian berkongsi pengetahuan dan kefahaman tentang beberapa pendekatan pengajaran yang biasa diamalkan dalam kelas prasekolah. Antaranya, Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Berpusatkan Murid, Pendekatan Projek, Pendekatan Teknik Perbincangan dan Pendekatan Teknik Tunjuk Cara.

Peserta kajian menyatakan bahawa pendekatan pengajaran berlangsung untuk menanamkan minat, pengetahuan dan meningkatkan kefahaman murid



yang pelbagai tentang isi kandungan pengajaran. Selain itu, menimbulkan minat murid untuk menerokai pembelajaran dan mengeratkan hubungan murid pelbagai bangsa yang wujud dengan guru.

Jadual 4.11  
*Pendekatan Pengajaran APAB*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
<b>Senarai Pendekatan Pengajaran Guru</b>					
i. Pendekatan Belajar Melalui Bermain	√	√	√	√	√
ii. Pendekatan Bertema	√	√	√	√	√
iii. Pendekatan Berpusatkan Murid	√	√	√	√	√
iv. Pendekatan Projek		√	√	√	
v. Pendekatan Teknik Perbincangan	√		√		
vi. Pendekatan Teknik Tunjuk Cara			√		

Kenyataan PK1 membuktikan, bahawa pendekatan pengajaran bertujuan mengenal pasti dan menimbulkan minat seronok belajar murid seperti kenyataan berikut;

“...murid ada yang cepat ada yang sederhana ada yang lambat...pendekatan menimbulkan keseronokan...kasih sayang guru kepada murid”  
(PK1/TB-U3: 25-31)

Berikut merupakan dapatan data tentang pengetahuan dan kefahaman murid tentang pendekatan pengajaran guru dalam kelas prasekolah.

#### **4.3.1.1 Pendekatan Belajar Melalui Bermain**

Pendekatan Belajar Melalui Bermain, memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan personaliti, perkembangan psikomotor, perkembangan kognitif dan perkembangan bahasa murid prasekolah. Dalam aspek perkembangan personaliti dan perkembangan psikomotor, pendekatan ini menanamkan minat menerokai dan membentuk sikap

seronok murid dalam aktiviti pengajaran. Aktiviti yang dirancang peserta kajian melibatkan penglibatan individu dan kumpulan yang datang dari pelbagai bangsa dan agama. Dapatan data ini terbukti melalui pendapat PK3 seperti berikut;

“...keseronokan dan sesuai dengan fitrah murid yang gemar bermain...keinginan menerokai, memenuhi perasaan ingin tahu, mengembangkan kemahiran motor kasar dan motor halus.n  
(PK3/TB-U3: 10-18)

Dalam aspek kognitif pula, PK1, PK2, PK3 dan PK5 menyatakan pendekatan main meningkatkan perkembangan pemikiran murid menyelesaikan masalah yang wujud akibat pertembungan amalan budaya. Mereka ditanamkan sifat berani untuk berkongsi pengetahuan dan mencuba perkara yang baharu. Pendekatan ini memberi kesan kepada peningkatan kemahiran berfikir murid untuk menyelesaikan masalah secara lebih kreatif dan inovatif. Keupayaan ini membolehkan mereka berfikir di luar kotak pemikiran biasa untuk dikongsi dengan rakan sebaya pelbagai kaum. Perkara ini dinyatakan dalam petikan temu bual dan pemerhatian berikut.

“...melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi  
(PK1/TB-U3: 10-21)

“...dapat memperkembang potensi diri murid-murid  
(PK2/TB-U3: 14-29)

“...meningkatkan keupayaan kognitif murid untuk berfikir secara kreatif dan inovatif  
(PK3/TB-U3:19-20)

Dalam aktiviti pemerhatian pengajaran, murid berusia 5 tahun ditanamkan sikap berani mencuba dengan memadankan gambar dengan huruf seperti berikut:

Guru :	Siapa pegang gambar harimau...mana harimau kamu...di mana hurufnya?
Murid :	Saya cikgu! H..saya cikgu ! J
Guru :	Macam mana huruf J...sama kah dengan H?
Murid :	Ndak cikgu..
Guru :	Siapa pegang gambar beruang...angkat huruf?
Murid :	Saya cikgu! B
Guru :	Siapa pegang gambar gajah...huruf depannya?
Murid :	Saya cikgu! G
Guru :	B untuk apa? S untuk apa? H untuk apa? G untuk apa?
Murid :	Beruang, singa, harimau dan gajah.

(PK5/PM-3: 10-19)

Manakala dalam aspek perkembangan bahasa, pendekatan main memberi impak dalam mengembangkan pengetahuan murid dalam komunikasi dan kemahiran bacaan menurut PK1, PK4 dan PK5. Murid berupaya untuk berkongsi pengetahuan bahasa melalui penerokaan terhadap kewujudan pelbagai etnik dan bahasa yang ada dalam persekitaran sekolah.

Sehubungan itu, bahasa dijadikan sebagai alat penghubung komunikasi yang utama melibatkan murid pelbagai etnik dan dialek pertuturan. Murid berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda sesama etnik dan didedahkan memahami bahasa etnik lain. Hal ini turut menanam serta mengeratkan hubungan sesama mereka. Mereka merasa seronok untuk berkomunikasi yang secara langsung meningkatkan pengetahuan bahasa serta menyedarkan murid tentang wujudnya bahasa etnik lain. Petikan temu bual dan pemerhatian berikut membuktikan kenyataan tersebut.

“...meningkatkan kemahiran penguasaan bacaan. “...menyeronokkan dan mengisikan masa terluang dengan menerokai perkara baru.  
(PK4/TB-U3: 16-24)

“...pendekatan belajar melalui bermain...sesuai dengan perkembangan murid.  
(PK5/TB-U3: 11-12)

“...membantu murid untuk mempelajari sesuatu perkara dengan lebih bermakna. “...Mereka dapat menguasai bahasa dan berkomunikasi dengan rakan mereka walaupun berlainan suku kaum serta dialek pertuturan.

(PK5/TB-U3: 15-21)

Penggunaan pendekatan APAB melalui konsep bermain dalam pengajaran turut memperkembangkan minat murid menerokai bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris. Ini terbukti melalui pengajaran PK1 dan PK3 di pra sekolah yang menggunakan pendekatan main dalam pengajaran. Murid dilibatkan secara kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada pelbagai etnik yang berbeza. Mereka berkongsi minat bersama rakan sebaya dalam kumpulan masing-masing. Mereka menamakan objek maujud yang dilihat dalam dua bahasa yang difahami iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Petikan di bawah merupakan antara situasi pengajaran pendekatan main PK1 dan PK3.

Guru : Kereta api apa?  
Murid : Train..  
Guru : Motosikal apa?  
Murid : Motorcycle

(PK1/PM-2: 21-32)

Guru : Guru menyanyi sambil membuat gerakan kreatif.  
Row, row, row your boat (berdayung dengan tangan)  
Gently down the stream (Merrily, merrily, merrily,  
merrily)  
Berdiri dengan mengerakkan badan seperti pokok  
ditiup angin)  
Life is but a dream (meletakkan kedua-dua tangan di  
pipi).

(PK3/PM-3: 15-21)

Berdasarkan data pemerhatian, pendekatan APAB melatih murid prasekolah menangani masalah dalam pembelajaran secara berfikiran kritis. Pemikiran kritis di sini bermaksud, berlatih untuk berfikiran secara logik atau nyata secara holistik. Selain itu, murid dilatih untuk belajar melihat cabaran dalam membina hubungan komunikasi secara positif. Mereka turut dilatih menyelesaikan masalah melibatkan rakan yang pelbagai bangsa, bahasa dan budaya serta menghapuskan ketidakadilan dalam membuat keputusan.

Dari pemerhatian data, aktiviti gerakan berirama dengan alunan muzik menggalakkan murid terlibat secara aktif. Ini terbukti dalam pengajaran PK2 dan PK3 yang melakukan aktiviti permainan melalui aktiviti nyanyian dan gerakan kreatif. Murid secara semula jadi berupaya menyanyi serta meniru pergerakan binatang dengan mengerakkan badan ke kiri dan kanan, meletakkan tangan di hidung serta menghalakan tangan ke hadapan. Murid yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa dan budaya bersama-sama menjayakan aktiviti yang dirancang guru. Mereka melaksanakan aktiviti dalam kumpulan, memilih dan mencipta pergerakan kreatif serta saling membantu dalam aktiviti yang dirancang. Berikut adalah bukti pengajaran berbantuan pendekatan nyanyian dan gerakan kreatif tersebut.

Guru :	Ada lagu gajah mahu dengar... Gajah hidung panjang, Badan hitam besar, Dua telinga lebar, Lebar macam kipas, Kaki macam tiang, Jalan bengkok-bengkok, Gajah tidak malas, Rajin tolak pokok
Guru :	Murid <u>menyanyi lagu dengan meniru guru</u> <u>membuat gerakan kreatif</u> .
Murid :	<u>Menyanyi dengan gerakan kreatif</u> yang penuh dengan kegembiraan dan suara yang kuat.

#### 4.3.1.2 Pendekatan Bertema

Pendekatan bertema menekankan pengajaran yang berasaskan tema umum. Pendekatan ini berpusatkan guru yang memilih tema yang diminati murid dan memasukkan perancang tersebut dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Implikasi pendekatan bertema, mendidik murid berfikiran kritis terhadap perkara yang berlaku di persekitaran mereka. Mereka belajar untuk mengetahui tentang peranan dan tanggung jawab keluarga, anggota badan, sekolah serta persekitaran.

Data dapatan kajian, mendapati peserta kajian turut mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang pendekatan bertema dalam pengajaran. Pendekatan Bertema ini, dilaksanakan mereka dengan mengutamakan pemupukan APAB dalam pengajaran bilik darjah. Aspek ini kerap dilaksanakan dan dipupuk dalam kelas prasekolah oleh PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5. Ini terbukti melalui analisis dokumen pada buku rekod mengajar guru yang mementingkan kesamarataan dalam membuat penilaian melibatkan murid yang pelbagai etnik . Selain itu kenyataan PK3 menjelaskan lagi keutamaan pendekatan tersebut melalui petikan temu bual seperti di bawah.

“...Pendekatan Bertema yang terkandung dalam KSPK. Dalam KSPK, amalan pemilihan tema ini dilakukan melalui persekitaran yang, “dekat dengan murid. Misalnya tema, “...diri murid, keluarga, sekolah, persekitaran dan lain-lain.

(PK3/TB-U3: 11-31)

#### 4.3.1.3 Pendekatan Berpusatkan Murid

Pendekatan Berpusat Murid (KSPK 2010) bermaksud penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Hasil dapatan data kajian, menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman

tentang pendekatan ini. Mereka turut memberi kepercayaan kepada murid untuk melaksanakan aktiviti dan terlibat secara langsung dalam pembelajaran. Impaknya, pendekatan berpusat ini lebih memberi kesedaran untuk murid saling meluahkan perasaan, menerima idea dan menyelesaikan masalah rakan sebaya secara adil.

Dalam pemerhatian pengajaran, murid di latih berfikiran kritis dalam mencipta idea yang dapat diterima rakan sebaya yang pelbagai bangsa dan etnik. Mereka dilibatkan secara aktif dalam kelas prasekolah tanpa sebarang sekatan. Murid berkongsi pengetahuan, keyakinan dan idea yang bernas. Mereka melaksanakan aktiviti bersama-sama, misalnya melalui penglibatan murid dalam aktiviti nyanyian dan gerakan kreatif. Dapatan data pemerhatian, menunjukkan bahawa semua peserta kajian kerap mengutamakan pendekatan APAB dalam menanamkan minat dan memperkembangkan pengetahuan murid. Ini terbukti melalui kenyataan PK3 seperti berikut.

“...berpusatkan murid...” iaitu pengajaran guru berfokus kepada murid. Murid digalakkan untuk, “...lebih banyak bercakap dan memberi idea sendiri”

(PK3/TB-U3: 11-31)

#### **4.3.1.4 Pendekatan Projek**

Pendekatan projek digunakan dalam pemupukan APAB dalam aktiviti pengajaran kumpulan dalam kelas. Pendekatan ini, mengutamakan proses, pengembangan potensi dan kerjasama murid yang pelbagai bangsa serta etnik dalam pembelajaran. Pendekatan ini lebih menekankan pembelajaran kolaborasi kumpulan yang berterusan untuk suatu jangka masa yang panjang (KPM, 2010). Pendekatan ini lebih menekankan pembelajaran yang berterusan untuk suatu jangka masa yang panjang (KPM, 2010).

Dapatan data temu bual dan pemerhatian, peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman melaksanakan pendekatan projek. Impak pendekatan ini, menggalakkan murid berfikir secara kritis melibatkan aktiviti mencirikan, membandingkan dan kelaskan objek. Mereka disemai dengan semangat berpasukan tanpa mengira latar belakang bangsa dan etnik untuk menghasilkan bahan menggunakan peralatan yang terdapat di persekitaran. Dapatan temu bual bersama PK3 dan pemerhatian ke atas PK4 membuktikan kelebihan pendekatan projek seperti berikut.

“...berasaskan projek iaitu aktiviti pengajaran, mengikut aktiviti bertema. Misalnya, tema makanan aktiviti masak-masak dan tema air iaitu aktiviti membuat pelangi”

PK3/Tb-U3: 11-31)

“...kita buat sampan/kapal menggunakan kertas. Kita ambil kertas, kita lipat kemudian kita kemaskan kapal kita agar lebih cantik. Kita lipat ke atas dan ke bawah dan lipat lagi maka jadilah sebuah kapal. Kita boleh main kapal-kapal di air (wajah murid ceria dan semua murid gembira). Kita ambil kertas lipat dua. Lipat lagi, lipat tetapi jangan lipat semua. Tinggalkan di bawahnya. Mereka yang siap boleh bantu kawan yang belum siap”

(PK4/PM-5: 49-55)

#### 4.3.1.5 Pendekatan Teknik Perbincangan

Data temu bual menunjukkan, pendekatan teknik perbincangan dilaksanakan dalam pengajaran di kelas prasekolah. Pendekatan ini menggunakan pendekatan perbincangan guru dan murid tentang topik pembelajaran dalam kelas prasekolah. Implikasi pendekatan ini menjadikan murid lebih yakin terhadap keupayaan berhujah apabila berhadapan dengan suasana bias melibatkan rakan sebaya yang pelbagai bangsa dan etnik. Kenyataan PK2 di bawah membuktikan dapatan kajian tersebut.

“...perbincangan dapat menggalakkan murid-murid mengemukakan pendapat dan mencungkil potensi diri mereka. Ini mendidik mereka untuk “...berani berucap di hadapan khalayak ramai”.

(PK2/TB-U3: 14-29)



#### 4.3.1.6 Pendekatan Teknik Tunjuk Cara

Pendekatan teknik tunjuk cara adalah proses pengajaran yang memerlukan murid dibimbing dengan jelas oleh guru berbantuan bahan maujud (KPM, 2010). Data kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman melaksanakan teknik ini. Mereka menyatakan tujuan utama teknik tunjuk cara dilaksanakan untuk mempermudah dan meningkatkan pemahaman murid terhadap isi kandungan APAB dalam tunjang-tunjang pembelajaran. Selain itu, meningkatkan kesediaan murid terhadap wujudnya kepelbagaian etnik dan budaya di persekitaran mereka.

Implikasi pendekatan ini mempercepatkan murid memahami proses pembelajaran yang sukar khasnya melibatkan kemahiran penaakulan dan komunikasi bahasa menurut PK1. Murid terlibat secara aktif dalam aktiviti padanan melibatkan nombor dengan objek. Dalam aktiviti secara individu, pasangan dan kumpulan, murid menunjukkan minat berinteraksi untuk berkongsi idea serta menjawab soalan yang dikemukakan dengan penuh yakin (PK1/PM-2:21-32).

“...kaedah tunjuk cara yang secara berulang kali. Tujuannya adalah untuk memberi dan meningkatkan kefahaman kepada murid”

(PK1/TB-U3: 10-21)

#### 4.3.2 Pengetahuan Murid

Dalam proses pengajaran, pengetahuan murid penting untuk diketahui guru. Dapatan data kajian menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman untuk menilai perkembangan kemahiran murid. Pengetahuan murid bermaksud pengetahuan yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran 3M (Membaca, Mengira dan Menulis), kemahiran sains dan teknologi, kemahiran interpersonal dan

intrapersonal dan sebagainya (KPM, 2012). Berikut disenaraikan aspek melibatkan pengetahuan murid berdasarkan Jadual 4.12 di bawah.

Dapatan data kajian, terdapat lima sub-tema pengetahuan murid melibatkan pemupukan APAB yang diberi perhatian oleh peserta kajian. Semua murid yang terlibat dalam pemupukan APAB di kelas prasekolah ini berusia di antara lima dan enam tahun. Antara sub tema pengetahuan murid tersebut ialah amalan bersesuaian perkembangan murid, pengetahuan bahasa, pengetahuan penaakulan, pengetahuan fizikal dan pengetahuan sosio emosi.;Berikut dihuraikan kemahiran murid tersebut;

Jadual 4.12.  
*Perkembangan Kemahiran Murid*

Senarai Tema & Sub Tema/Subtajuk	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Kemahiran murid					
i. Amalan Bersesuaian Perkembangan Murid	√	√	√	√	√
ii. Pengetahuan Bahasa	√	√	√	√	√
iii. Pengetahuan Penaakulan	√	√	√	√	√
iv. Pengetahuan Fizikal	√	√	√	√	√
v. Pengetahuan Sosioemosi	√	√	√	√	√

#### 4.3.2.1 Amalan Bersesuaian Perkembangan Murid (Umur 5-6 Tahun)

Peserta kajian membahagikan, pengetahuan murid prasekolah berdasarkan dua peringkat umur iaitu murid berumur 5 tahun dan 6 tahun. Murid di tahap umur 6 tahun dilihat lebih matang perkembangan diri dalam aspek kognitif dan psikomotor berbanding murid berusia 5 tahun. Impaknya, murid lebih bersedia menguasai kemahiran 4M (membaca, menulis,

mengira dan menaakul), kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar, kemahiran sosialisasi dan kemahiran komunikasi

Murid berusia 6 tahun memberi respons dalam bentuk yang pelbagai secara kreatif yang ditunjukkan melalui tingkah laku di dalam kelas. Mereka sudah boleh menguasai pengetahuan membaca buku fiksi kanak-kanak, meluahkan perasaan pada lukisan, aktiviti permainan kecil berpasukan, memilih sahabat dan berbual-bual bersama rakan sebaya. Murid pada peringkat ini, mempunyai keyakinan dan bersedia memberi respons secara spontan tentang soalan yang dikemukakan guru. Mereka juga amat meminati aktiviti penerokaan persekitaran dan boleh menerima rakan sebaya yang berlainan jantina, budaya, etnik dan agama.

Berbanding murid umur 5 tahun, memerlukan guru untuk memberi lebih banyak keyakinan, bimbingan serta perhatian. Mereka memerlukan lebih banyak latihan kemahiran asas yang mendedahkan murid dengan aktiviti kepelbagaian bangsa dan etnik. Mereka perlu dilibatkan dengan aktiviti berpasangan, kumpulan dan kelas yang menggalakkan kesediaan mereka menerima APAB. Secara keseluruhannya, perkembangan pengetahuan murid merupakan pendedahan awal yang membantu murid meneruskan pembelajaran ke sekolah rendah.

#### **4.3.2.2 Pengetahuan Bahasa**

Dalam kajian ini, pengetahuan bahasa adalah dirujuk kepada Tunjang Bahasa dan Komunikasi yang terdapat dalam KSPK (KPM, 2012). Pengetahuan ini melibatkan pemupukan kemahiran bacaan, kemahiran tulisan, kemahiran mengira dan kemahiran menaakul (KPM,2010).

Pengetahuan ini, menurut PK3 dan PK4 merupakan pengetahuan asas yang dikuasai murid secara semula jadi melibatkan murid prasekolah yang normal. Pengetahuan ini, banyak dikuasai murid prasekolah melalui pembelajaran di dalam kelas prasekolah. Impak penguasaan pengetahuan ini, membantu murid pelbagai bangsa dan etnik untuk memperkembangkan minat untuk terlibat dalam aktiviti menconteng, melakar, mewarnai dan luahan perasaan. Selain itu melalui APAB, mereka dipupuk untuk berkongsi peristiwa rutin harian melalui hasil kerja. Justeru, menanamkan kesedaran untuk kerap berinteraksi dengan persekitaran sekolah apabila berada di Tahun 1. Kepentingan 4M dinyatakan PK3 dan PK4 dalam temu bual di bawah;

“...4M iaitu menulis, membaca, mengira dan menaakul...meningkatkan kemahiran motor halus, motor kasar, berinteraksi dengan kawan, guru dan orang sekeliling”

(PK3/TB-U3: 37-42)

“...kemahiran 4M iaitu kemahiran membaca, kemahiran mengira, kemahiran menulis dan kemahiran menaakul...kemahiran ini perlu dikuasai kerana merupakan kemahiran asas yang membantu murid meneruskan pembelajaran di sekolah rendah”

(PK4/TB-U3: 34-39)

Asas utama untuk menguasai 4M ialah guru perlu mempunyai pengetahuan dan mengamalkan pemerhatian berterusan terhadap tahap perkembangan murid. Tujuan utama pemerhatian, untuk mengenal pasti dan mengetahui perbezaan tahap penguasaan murid yang dikategorikan sebagai cepat, sederhana dan lambat di kalangan murid lelaki dan perempuan. Perkara ini dinyatakan PK1 dalam petikan temu bual berikut;

“...membuat pemerhatian...cepat, sederhana dan lambat”

(PK1/TB-U3: 10-14)

Dapatan data pemerhatian membuktikan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang aktiviti penerapan pra bacaan serta bacaan murid prasekolah. Dalam aktiviti pra baca, murid dilatih untuk membantu rakan sebaya yang berlainan bangsa dan etnik. Mereka menghubungkan objek dan bentuk yang ditemui di persekitaran dengan bentuk abjad menurut PK5. Kemudian mengenal bentuk huruf, persamaan dan perbezaan huruf, melafazkan huruf, menyebut huruf, suku kata dan perkataan (PK5/PM-7: 50-55).

Manakala penerapan aktiviti kemahiran bacaan, peserta kajian menerapkan APAB melalui penggunaan suku kata dan perkataan yang mudah diingat, bahasa pertuturan rutin seharian dan mudah dilafazkan serta difahami. Perkara ini terbukti melalui amalan PK3, yang kerap mencungkil kemahiran bacaan murid melalui aktiviti kelas, kumpulan dan individu. Setiap tugas bacaan, melibatkan semua murid yang pelbagai bangsa dan etnik. Hak mereka diutamakan untuk menguasai kemahiran mengikut tahap masing-masing.

Peserta kajian, menerangkan pengisian pengajaran dengan bahasa yang jelas serta mudah difahami murid prasekolah. Mereka didedahkan dengan perkataan yang mudah di ingat, di sebut dan di baca secara fonik misalnya jam, dam, clam, ham, ram serta yam. Bimbingan bacaan turut memperbetulkan sebutan fonik murid yang berlainan dialek pertuturan. Murid turut menggunakan kreativiti tangan dan riak muka untuk menyebut huruf serta perkataan secara fonik. Impak amalan ini murid mudah membaca suku kata perkataan (PK3/PM-7: 50-55).

Dalam aspek pengetahuan menulis, membuktikan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman mendidik murid

mengerakkan tangan untuk menulis di tahap umur seawal 5 tahun. Penguasaan kemahiran ini terbukti melalui aktiviti penulisan berfokus. Perkara ini terbukti melalui aktiviti PK2 dalam aktiviti pra tulis melibatkan penyambungan titik-titik huruf. Impaknya masalah koordinasi mata dan tangan melibatkan murid dapat ditangani. Murid mempunyai kemahiran untuk memegang pensil dan keupayaan menulis pada awal tahun. (PK2/PM4/: 50-60).

Sementara PK5 menanamkan aktiviti pra tulis melalui aktiviti secara berpasangan serta berkumpul melibatkan murid berlainan jantina dan etnik. Murid dilatih untuk saling membantu melakukan aktiviti pra tulis iaitu menconteng, warna, mengunting dan menyambung titik objek (PK5/PM1:14-20).

Dalam aktiviti kemahiran bertutur data pemerhatian membuktikan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengajar murid prasekolah bertutur dalam dwibahasa. Penerapan aktiviti bertutur ini melibatkan pertuturan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Aktiviti penerapan ini dikembangkan PK4 (PK4/PM-4: 44-48), melalui penggunaan benda maujud iaitu penggunaan kad bergambar tentang helicopter, jet, hot air ballon, rocket dan cable car. Impak pengajaran, menjadikan murid pelbagai bangsa, etnik dan jantina supaya saling membantu untuk mengenal pasti, menyebut dan mengeja perkataan helicopter (helikopter), jet (jet), hot air ballon (belon panas), rocket (roket) dan cable car (kereta kabel).

#### **4.3.2.3 Pengetahuan Penaakulan**

Penerapan amalan menaakul merupakan pengetahuan tertinggi yang di capai murid selepas penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (KPM, 2012). Penerapan pengetahuan ini, menghasilkan murid yang terdiri

daripada pelbagai bangsa dan etnik untuk lebih yakin menjawab dan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi. Mereka dipupuk untuk berkongsi pengetahuan, berani menyampaikan pendapat dan membantukan sebaya yang kurang mahir dalam pembelajaran. Ini terbukti melalui kenyataan PK1 seperti berikut.

“...Kemahiran menaakul ini penting untuk dipertingkatkan...keupayaan berfikir aras tinggi....membina keyakinan diri untuk menjawab setiap persoalan yang dikemukakan dalam pembelajaran”

(PK1/TB-U3: 36-45)

Dapatan data pemerhatian, membuktikan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kemahiran penaakulan yang melibatkan proses sains. Perkara ini terbukti melalui penerapan PK1 dalam pengajaran Tunjang Sains dan Teknologi tentang objek timbul dan tenggelam di dalam air. Aktiviti dirancang dengan melibatkan murid berlainan jantina dan etnik. Impak kepada pengajaran, mengembangkan kemahiran murid untuk meneroka jawapan yang konkrit, meningkatkan kemahiran membilang dalam matematik dan meningkatkan kemahiran proses penaakulan hasil dapatan aktiviti.

“Murid berusia 6 tahun berupaya membuat jangkaan terhadap objek-objek maujud seperti besen, air, pemadam, pensil, stepler, guli dan dawai kokot. Murid berbincang sesama rakan yang berlainan jantina dan latar belakang tentang objek tersebut”.

(PK1/PM-4: 12-15).

#### 4.3.2.4 Kemahiran Fizikal

Kemahiran fizikal ini melibatkan kemahiran motor halus dan motor kasar. Kemahiran motor halus melibatkan pengawalan otot kecil melibatkan tangan, pergelangan tangan, jari tangan, pergelangan kaki, jari kaki, anggota

muka dan lidah. Manakala motor kasar melibatkan pergerakan anggota tangan, lengan, kaki dan anggota badan (KPM, 2012).

Dapatan data pemerhatian dan temu bual, mendapati bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang aktiviti melibatkan kemahiran motor halus dan motor kasar. Peserta kajian mementingkan aktiviti pembelajaran melibatkan perkembangan minat dan pengetahuan murid. Dalam pembelajaran, mereka mementingkan perkembangan kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar dan komunikasi murid prasekolah. Hak murid tidak disekat dan murid diberi peluang terlibat secara adil. Perkara ini dinyatakan PK2 dan PK3 seperti dalam petikan di bawah;

“...murid prasekolah mempunyai kemahiran yang semula jadi dan berkembang mengikut tahap”

(PK2/TB-U3: 35-36)

“...guru perlu mengetahui dan menyelaraskan tahap kemahiran murid dengan pengajaran yang diterapkan. Ini bertujuan untuk mengembangkan kemahiran motor halus, motor kasar, kemahiran berinteraksi murid dengan rakan sebaya, murid dengan guru dan murid dengan masyarakat di persekitaran”

(PK3/TB-U3: 30-42)

Peserta kajian membahagikan kemahiran motor halus dan motor kasar murid mengikut tahap perkembangan umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Tahap umur 6 tahun, murid berkemahiran mengerakkan jari, tangan, bahu, kepala, punggung, lutut dan kaki. Selain itu murid berupaya menggerakkan memek muka yang sedih, gembira dan terkejut. Ini terbukti dalam data pemerhatian melibatkan PK1, PK3 dan PK4 yang melaksanakan aktiviti fizikal dalam pengajaran. Murid diberi kebebasan untuk mengerakkan anggota badan secara kreatif mengikut iringan muzik. Mereka diberi keyakinan untuk melakukan pergerakan bahagian atas dan bawah anggota badan iaitu tangan, kepala, bahu, punggung, lutut dan kaki.



Dalam aspek penulisan, murid berusia 6 tahun lebih mudah menguasai kemahiran motor halus. Mereka berkemahiran memegang pensil untuk menulis nombor yang mempunyai kaitan dengan saiz objek. Ini terbukti apabila PK4 mengembangkan kemahiran motor halus melalui aktiviti menulis nombor dengan mengaitkan bentuk objek yang ada di persekitaran.

“...Misalnya, menulis nombor 5 dengan betul iaitu pertama menulis badan, perut bulat dan kemudian kepala. Murid dilihat mudah menulis dan mengingat bentuk nombor yang mempunyai perkaitan dengan objek fizikal di persekitaran iaitu kurus, gemuk, tinggi, rendah dan sebagainya”.

(PK4/PM-2: 34-39)

Tahap umur murid 5 tahun, merupakan proses transisi menguasai kemahiran motor halus dan motor kasar. Proses ini melibatkan gabung jalin kemahiran yang diperoleh di rumah dengan kemahiran yang diperoleh di sekolah. Ke kerap bimbingan guru terhadap murid yang kerap, meningkatkan penguasaan kemahiran murid.

Dapatan data menunjukkan murid lelaki lebih cepat menguasai kemahiran motor kasar berbanding murid perempuan. Manakala murid perempuan lebih cepat menguasai kemahiran motor halus. Walaupun demikian, peserta kajian melihat proses tersebut sebagai suatu proses perkembangan murid yang semula jadi. Kemahiran murid perlu dipupuk dengan latihan yang berterusan. Kenyataan PK2 dan PK5 tentang aspek ini dinyatakan dalam petikan temu bual berikut;

“...5 tahun masih lagi dalam proses menyesuaikan keadaan diri dan suasana pembelajaran yang formal di dalam kelas...terdedah dengan suasana pembelajaran secara tidak formal dan tidak langsung yang berlaku di rumah...banyak bimbingan terutama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran motor halus”

(PK2/TB-U3: 35-48)

“...aktiviti mengisi air ke dalam botol, pada peringkat pertama murid melakukan dengan lambat. Namun apabila aktiviti peringkat kedua dan ketiga mereka dapat melakukan aktiviti tersebut dengan pantas. Dilihat untuk aktiviti yang kedua dan ketiga ini, bertambah baik kemahiran murid dan lebih berhati-hati mengisi air ke dalam botol”

(PK2/PM-2: 121-124)

“...Mereka aktif dan kurang bersedia untuk belajar secara formal”

(PK5/TB-U3: 25-29)

“...murid perempuan lebih baik kemahiran menulis berbanding murid lelaki. Manakala murid lelaki lebih menonjol dalam aktiviti lasak iaitu berlari, melompat dan memanjat”.

(PK5/PM-4: 87-92)

#### 4.3.2.5 Kemahiran Sosioemosi

Dapatan data temu bual, mendapati bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang aktiviti penerapan kemahiran sosio emosi. Peserta kajian mentakrifkan kemahiran sosio emosi sebagai tindak balas emosi murid terhadap sesuatu situasi atau keadaan. Tingkah laku emosi ini ditunjukkan dalam bentuk tingkah laku yang pelbagai iaitu seronok, prihatin, aktif dan sebagainya (Mariani, 2010).

Dapatan data kajian, murid prasekolah menunjukkan pelbagai tingkah laku yang pelbagai dalam pengajaran di kelas prasekolah. Mereka lebih meminati pembelajaran berpasangan berbanding kumpulan besar. Murid cenderung kepada aktiviti fizikal yang melibatkan aktiviti koordinasi motor halus mata dan tangan. Misalnya, aktiviti mewarna dan mengunting. Mereka memerlukan kepakaran guru untuk memahami murid yang pelbagai latar belakang bangsa dan etnik.

Impak pengajaran kemahiran sosio emosi, menyediakan murid dengan kemahiran berinteraksi secara sopan sesama rakan sebaya walaupun berlainan bahasa pertuturan. Mereka turut belajar, mengawal emosi ketika berkomunikasi dan berkongsi maklumat yang bermakna. Perkara ini dinyatakan PK1 dan PK5 dalam temu bual di bawah;

“...murid prasekolah mempunyai pelbagai tingkah laku sosio emosi...memerlukan kepakaran guru memahami sosioemosi murid yang pelbagai...guru kena pandai memainkan peranan...”

(PK1/TB-U3: 54-58)

“...yang seronok dan ada yang memerlukan perhatian lebih. Murid meminati aktiviti pembelajaran sosio emosi melibatkan pergerakan fizikal, mengunting dan mewarnai. Mereka selesa dengan aktiviti berpasangan berbanding kumpulan ramai. ...mereka boleh berinteraksi sesama kawan walaupun berbeza dialek percakapan”

(PK5/TB-U3: 35-42)

Dapatan data kajian, menunjukkan bahawa pendekatan APAB berkesan dalam mendidik murid memperkembangkan sosio emosi. Amalan ini mendedahkan murid cara peluahan emosi yang betul, mendidik murid tentang peraturan, perkongsian peralatan dan persamaan hak bagi murid yang pelbagai bangsa serta etnik. Pendekatan peserta kajian tersebut dilihat menggalakkan murid prasekolah untuk menonjolkan diri dan terlibat aktif dalam pengajaran.

Dalam data temu bual PK2, PK3 dan PK5, menyatakan terdapat tiga kategori sosio emosi murid. Kategori pertama ialah tingkah laku sosio emosi yang aktif iaitu melibatkan murid yang terlibat aktif dalam pengajaran dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Kedua tingkah laku sosio emosi yang sederhana iaitu murid yang menunjukkan tingkah laku yang sederhana. Ketiga tingkah laku sosio emosi yang pasif iaitu murid menunjukkan tingkah laku yang kurang aktif, gemar bersendirian, kurang fokus kepada

pengajaran dan memerlukan bimbingan yang kerap. Perkara ini terbukti melalui kenyataan PK2, PK3 dan PK5 dalam temu bual seperti di bawah:

“...murid yang aktif khasnya dalam aktiviti perbincangan, dan kerap memberi maklum balas dengan yakin....murid sederhana...“...pasif dan memerlukan banyak bimbingan...rangsangan supaya mereka berani untuk menonjolkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran”.

(PK2/TB-U3: 52-65)

“...murid yang aktif dan ada yang pasif. Murid yang aktif memberi maklum balas dan tumpuan kepada pengajaran guru...murid yang pasif, kerap mendiamkan diri, kurang fokus dan kerap mengusik rakan sebaya dalam bilik darjah”.

(PK3/TB-U3: 51-56)

“...ada yang difahami dan ada yang sukar difahami...”.

(PK5/TB-U3: 34)

Impak penerapan kemahiran sosio emosi penting untuk diamalkan dalam bilik darjah. Dalam aspek guru, penerapan amalan ini menjadikan pengajaran lebih berkesan dan mengembangkan pemikiran murid secara kritis. Manakala untuk murid, amalan ini menanamkan minat murid menguasai kemahiran membina hubungan komunikasi. Mereka berkeupayaan berinteraksi dengan baik sesama rakan sebaya walaupun berlainan dialek pertuturan. Dalam aktiviti kemahiran sosio emosi, murid berupaya memberi respons yang positif terhadap aktiviti serta bahan bantu mengajar.

“...kemahiran sosio emosi penting...reaksi murid yang memberangsangkan...peluang untuk menzahirkan idea mereka secara kreatif. Hasilnya murid merasa seronok, gembira dan minat dengan aktiviti serta bahan yang guru gunakan”

(PK4/TB-U3: 43-50).

#### **4.3.3 Pendekatan Penilaian Pengajaran**

Amalan dalam penilaian pengajaran berperanan penting untuk memastikan pengajaran guru menepati objektif kemahiran dan mencapai objektif KSPK yang ditetapkan. Amalan penilaian dalam pengajaran ini, adalah suatu proses penilaian yang berterusan (KPM, 2010).

Dapatan data temu bual dan data pemerhatian, menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang pendekatan penilaian pengajaran. Terdapat dua sub-tema amalan penilaian pengajaran yang diamalkan peserta kajian dalam memupuk APAB di kalangan murid. Pertama, pendekatan maklum balas murid dalam pembelajaran dan kedua, pendekatan dalam penilaian sendiri guru dalam pengajaran. Berikut dihuraikan amalan penilaian pengajaran tersebut.

#### **4.3.3.1 Pendekatan Maklum Balas Murid**

Maklum balas murid adalah merujuk kepada reaksi dan tingkah laku murid dalam pembelajaran. Aspek tingkah laku ini, boleh dilihat dan dinilai guru secara ilmiah dalam pengajaran (KPM, 2012). Berdasarkan data pemerhatian, terdapat tiga subtajuk amalan pengumpulan maklum balas murid dalam memupuk APAB.

Subtajuk pertama, memantau tingkah laku murid dalam pengajaran. Subtajuk kedua, mengikuti perkembangan hasil kerja murid melalui aktiviti tulisan, sambung titik, warna objek, gunting bentuk dan gam gambar. Sub tajuk tiga, penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran iaitu penggunaan multimedia, kad huruf, kad jawi, carta gambar, boneka dan buku besar. Aspek ini dinyatakan dalam sesi pemerhatian dan temu bual seperti di paparkan dalam Jadual 4.13 di bawah.

Jadual 4.13

*Pendekatan Maklum Balas Murid*

Senarai Tema & Sub Tema/Subtajuk	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
i. Tingkahlaku Murid					
- Mengembangkan pengajaran guru dalam bilik darjah	√	√	√	√	
- Memudahkan guru melaksanakan bimbingan					
- Pendekatan pengajaran melalui teknik nyanyian, teknik individu, teknik kumpulan, teknik soal jawab dan teknik cerita.					
	√		√	√	
ii. Hasil Kerja Murid					
- Dibentuk melalui bimbingan pengajaran					
- Hasil kerja dinilai melalui lembaran kerja, padanan gambar, lukisan dan aktiviti mewarna.					
		√			√
iii. Bahan Bantu Mengajar					
- Suatu pendekatan yang membentuk kefahaman tentang objektif pengajaran					

**a. Tingkah Laku Murid**

Dapatan data pemerhatian, membuktikan bahawa tingkah laku murid mempengaruhi pendekatan APAB dalam pengajaran guru di bilik darjah. Untuk mendapatkan maklum balas murid yang pelbagai bangsa dan etnik dalam pengajaran, peserta kajian melaksanakan beberapa pendekatan yang bertujuan mengenal pasti tingkah laku murid. Situasi ini diserasikan dengan teknik pengajaran yang sesuai dengan perkembangan murid prasekolah. Antaranya, peserta kajian kerap melaksanakan pendekatan teknik nyanyian,

pendekatan teknik individu, pendekatan teknik kumpulan, pendekatan teknik soal jawab dan pendekatan teknik cerita.

Pendekatan teknik pengajaran guru secara individu dan kumpulan, mendedahkan murid dengan pelbagai pengalaman tentang pengurusan tingkah laku di dalam kelas prasekolah. Pendekatan teknik ini menurut PK4 dan PK1, memudahkan guru untuk melaksanakan bimbingan ke atas tingkah laku murid prasekolah. Misalnya, aktiviti pengajaran melibatkan individu, kumpulan kecil (3 orang), kumpulan besar (5-6 orang) dan kelas.

Impaknya, pendekatan ini memberi kesedaran kepada perubahan tingkah laku, disiplin diri untuk mematuhi arahan dan memberi maklum balas yang positif. Selain itu, murid turut berkongsi maklumat dengan rakan sebaya dan menyesuaikan tingkah laku dengan persekitaran. Berikut adalah bukti petikan pemerhatian tersebut.

Guru :	Raffi nie nombor berapa (Guru menunjukkan bilangan jari 1, 2, 3, 4, 5)
Guru :	Ulang balik nombor 3
Murid :	Murid menunjukkan bilangan jari 3.
Guru :	Macam mana 5?
Murid :	Murid menunjukkan ibu jari dengan mewakili nombor 5
(Rakan-rakan kelas Raffi lelaki dan perempuan memberi tunjuk ajar kepadanya tentang nombor 5 apabila Raffi memberi jawapan yang salah) (PK1/PM-1: 12-20)	

Peserta kajian menggunakan pendekatan teknik nyanyian, aktiviti soal jawab dan teknik penceritaan dalam pemupukan APAB. Pendekatan ini, kerap diamalkan peserta kajian dalam memupuk murid untuk mendalami bahasa dengan berkesan. Pendekatan ini dijadikan sumber untuk menarik minat murid mempelajari bahasa sebagai alat komunikasi utama dalam bilik

darjah. Antaranya, menguasai bahasa Malaysia dan mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Selain itu, penguasaan bahasa ini membantu murid yang pelbagai bangsa dan etnik untuk meluahkan perasaan secara verbal serta mengurangkan tingkah laku yang negatif. Ini terbukti apabila dalam pengajaran PK2, murid melafazkan perkataan bahasa Inggeris melalui lagu, “Humpty Dumpty”. Mereka didedahkan tentang isi kandungan lagu “Humpty Dumpty” dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Pengajaran berdasarkan pendekatan teknik gerakan kreatif, bertujuan memupuk murid untuk lebih kreatif dalam meluahkan emosi dan peniruan gerakan pada watak atau haiwan. Teknik pengajaran yang biasa diaplikasikan PK2 ini, menggunakan pendekatan penceritaan tentang isi kandungan lagu sambil membuat gerakan kreatif. Murid pelbagai bangsa dan etnik bersama-sama menghayati pengajaran yang bermakna. Situasi ini menarik minat murid untuk mengetahui cerita yang disampaikan. Dalam melaksanakan aktiviti, kumpulan murid perempuan dan kumpulan murid lelaki membuat persembahan spontan. Mereka juga turut melafazkan setiap ayat, perkataan dan membuat gerakan kreatif yang menarik. Di bawah adalah petikan ringkas tentang pengajaran guru tersebut.

Guru : Boys and girls buat gerakan. Very good.  
Murid : Membuat gerakan dan melafaz senikata lagu:  
Humpty Dumpty sat on a wall  
Humpty Dumpty had a great fall  
All the king's horses and All the King's men  
Couldn't put Humpty together again.

(PK2/PM-1: 74-84)



Bagi PK3 telah melaksanakan pengajaran Tunjang Bahasa dan Komunikasi ke atas murid prasekolah. Dalam pemerhatian, hasil pengajaran bahasa Malaysia berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid tentang APAB. Hal ini membolehkan murid prasekolah menunjukkan tingkah laku yang terkawal dan berkongsi pengetahuan bersama rakan yang berlainan jantina, bangsa dan etnik.

Pendekatan bimbingan guru melalui soal jawab membantu murid menerokai bentuk huruf-huruf konsonan dengan tepat. Guru di dalam pengajaran ini mengaitkan objek yang ada di persekitaran dengan huruf konsonan. Petikan di bawah adalah hasil pemerhatian ke atas pengajaran PK3.

Guru :	Assalamualaikum...apa khabar semua? Hari ini kita belajar huruf konsonan. Tahukah murid semua, huruf konsonan. Huruf apa huruf konsonan? Ini huruf apa?
Murid :	M
Guru :	Huruf vokal
Murid :	U
Guru :	Apa bunyinya suku kata huruf M & U?
Murid :	MU'
Guru :	Melukis bulat di papan putih. Bulatan besat diletakkan di tengah dan di sekelilingnya terdapat tiga bulatan yang kecil dan seterusnya ditambah dua bulatan kecil lagi. Ini bentuk apa?
Murid :	Bulat

(PK3/PM-5: 1-10)

#### **b. Hasil Kerja Murid**

Hasil kerja murid merujuk kepada benda maujud yang dihasilkan murid melalui bimbingan dan pemerhatian guru selepas proses pengajaran. Dapatan data pemerhatian PK1, PK3 dan PK4 membuktikan, hasil kerja murid mudah diperkembangkan melalui pemupukan APAB. Perkara ini

dapat dilihat dengan jelas melalui pemupukan APAB dalam aktiviti individu, berpasangan dan berkumpulan.

Hasil kerja murid dinilai melalui lembaran kerja, padanan gambar, lukisan dan aktiviti mewarna. Misalnya penilaian kreativiti murid melalui aktiviti membina perahu kertas yang bertujuan mendapatkan maklum balas murid tentang kenderaan. Murid melaksanakan kemahiran lipatan kertas dengan membina kapal laut. Selain guru, amalan ini menanamkan kerjasama sesama rakan. Di akhir pengajaran tersebut murid memberi maklum balas tingkah laku yang terkawal, perasaan gembira dan seronok dengan aktiviti tersebut (PK4/PM-5: 58-61).

### **c. Bahan Bantu Mengajar**

Penggunaan bahan bantu mengajar, merupakan alat pemudah cara untuk membantu murid memahami pemupukan APAB yang disampaikan guru dalam pengajaran. Amalan penggunaan bahan bantu mengajar bertujuan, sebagai suatu pendekatan dan memberi kefahaman tentang objektif pengajaran yang telah dirancang (KPM, 2010).

Bahan bantu mengajar mempercepatkan proses pemahaman murid terhadap kemahiran yang disampaikan guru. Ini dipersetujui oleh PK2 yang menyatakan bahawa guru boleh mendapatkan maklum balas murid dengan cepat melalui amalan penggunaan bahan bantu mengajar. Misalnya penggunaan kad aktiviti, kad gambar, kad huruf dan kad nombor dalam pengajaran. Impaknya, menurut PK5 bahasa mudah dikuasai murid yang berusia 5 tahun berbanding murid di bawah umur.

Murid mengenali dan menyebut peralatan pertukangan iaitu paku, tukul, gergaji dan kayu. Murid menunjukkan tingkah laku dan perasaan seronok untuk menjelaskan kegunaan paku serta tukul. Murid berupaya

menghubung kaitkan pengalaman di rumah dengan pembelajaran di kelas prasekolah. Berikut adalah petikan pengajaran tentang maklum balas murid terhadap peralatan pertukangan tersebut.

Guru	:	Semua alat nie untuk apa?
Murid	:	Untuk kerja rumah.
Guru	:	Ya untuk bertukang...amiru pandai..alat nie untuk buat rumah, buat perahu. Selain itu buat apa lagi?
Murid	:	Buat kandang kambing..
Guru	:	Ini apa? Murid Arsyad: Paku
Guru	:	Buat pa paku?
Murid A	:	Rumah
Guru	:	Macam mana guna paku?
Murid A	:	Memberi isyarat tangan, mengepal kedua tangan dan mempertemukan tangan sambil memukulnya...
Guru	:	Untuk apa paku?
Murid A	:	Bergerak ke depan dan memukul seperti menukul tepi papan tulis dengan tangan. Di rumah pukul paku pakai 'hammar'.
Guru	:	Dia kata pukul paku pakai tukul...

(PK5/PM-1: 41-51)

#### 4.3.3.2 Penilaian Kendiri Guru

Amalan penilaian sendiri dalam kajian ini merupakan proses penilaian pengajaran guru ke atas keupayaan dirinya sendiri memupuk APAB. Tujuan utama penilaian sendiri ialah untuk mengukur kemahiran guru, kemahiran murid, pendekatan pengajaran, kefahaman murid dan menambah baik pengajaran guru supaya lebih berkesan (KPM, 2012). Maklumat data analisis dokumen dan pemerhatian pengajaran, menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan serta kerap melaksanakan penilaian sendiri pencapaian pemupukan APAB selepas pengajaran. Aspek penilaian sendiri ini diterangkan dalam Jadual 4.14 di bawah.

Jadual 4.14

*Penilaian Kendiri Guru*

Senarai Tema & Sub Tema/Subtajuk	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Penilaian Kendiri Guru					
- Proses penilaian pengajaran	√	√	√	√	√
- Tujuan mengukur kemahiran guru, kemahiran murid, pendekatan pengajaran, kefahaman murid dan penambahbaikan.					
- Buku Rekod Mengajar sumber penilaian utama					

Buku Rekod Mengajar merupakan sumber utama yang mengukur pencapaian kurikulum dan kemahiran murid yang pelbagai. Perkara ini dinyatakan sebagai penting oleh PK3 dalam petikan di bawah.

“...sekiranya pengajaran yang disampaikan kurang berkesan ke atas murid maka perlu merujuk kepada buku rekod pengajaran yang sedia ada. Tujuannya untuk mengetahui tahap kemahiran kurikulum dan tahap kemahiran murid.

(PK3/TB-U3: 71-75)

Di dalamnya Buku Rekod Mengajar, terkandung penulisan refleksi pengajaran bagi penilaian sendiri oleh semua peserta kajian. Menurut PK1, penulisan refleksi dilaksanakan guru setiap berakhirnya pengajaran (PK1/TB-U3: 78-95). Sementara PK2 menambah, penulisan refleksi adalah rumusan kepada pengajaran pada akhir pembelajaran (PK2/D-RPH/-7).

Refleksi pengajaran, mengandungi maklum balas keseluruhan tentang pendekatan pengajaran dan penglibatan murid semasa proses pembelajaran. Ini meliputi ringkasan perancangan guru berpandukan KSPK, pendekatan pengajaran, kekurangan yang perlu diperbaiki dan tindakan susulan bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Penulisan refleksi ini juga bertujuan

sebagai suatu ukuran pengetahuan tentang tahap kesesuaian kemahiran kandungan kurikulum dan tahap kemahiran murid (PK3/TB-U3: 71-75).

Penulisan dapatan refleksi, boleh ditulis dalam bentuk impak pengajaran menurut PK4 dan PK5. Dapatan refleksi ditulis menggunakan jumlah dan pecahan murid bagi tujuan melaporkan penguasaan murid yang menguasai, tidak menguasai dan perlu bimbingan (PK4/D-RPH/-10-11). Manakala PK5 turut melaporkan dapatan refleksi dengan menggunakan jumlah dan pecahan murid (PK5/D-RPH/-7).

#### **4.4 Rumusan Kajian**

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian berkenaan dengan Pendekatan Pengetahuan Dan Kefahaman Tentang APAB. Dapatan ini adalah merujuk kepada persoalan kajian yang pertama. Berikut adalah pendekatan pengetahuan dan kefahaman tentang KSPK dan APAB peserta kajian;

- i. Dalam temu bual dan analisis kandungan dokumen, semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang sama tentang fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran yang terkandung dalam KSPK. Semua peserta kajian, memberikan takrifan tentang fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran yang selari dengan kehendak kurikulum prasekolah (KPM, 2010).
- ii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian mentakrifkan maksud tunjang pembelajaran berpandukan KSPK (2010). Tujuan tunjang diwujudkan, dinyatakan dengan jelas dan selari dengan pernyataan dalam kandungan KSPK. Analisis temu bual menunjukkan, semua peserta kajian mempunyai pengetahuan terhadap 6 tunjang pembelajaran dalam KSPK. Tunjang-tunjang ini, terdiri daripada Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina Dan Bahasa Tamil), Tunjang Kerohanian dan Nilai (Amalan Agama Dan

Kepercayaan, Sikap & Nilai), Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Keterampilan Diri, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Tunjang Sains dan Teknologi.

- iii. Analisis dapatan kajian mendapati bahawa, semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang Modul Teras Asas dan Modul Bertema yang terkandung dalam KSPK. Mereka menyatakan, Modul Teras Asas ini memfokuskan kepada pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Awal Sains dan Permainan Luar. Hanya PK3 dalam temu bual, menyatakan Modul Teras Asas turut merangkumi Bahasa Cina (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina), Bahasa Tamil (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil) dan Pendidikan Islam untuk murid beragama Islam dan Pendidikan Moral untuk murid bukan beragama Islam (PK3/TB-U2:53-60). Semua peserta kajian menyatakan bahawa isi kandungan dalam Modul Teras Asas ini, mengandungi pembelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina/Bahasa Tamil, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Matematik dan Aktiviti di Luar. Manakala Modul Bertema merangkumi unsur-unsur dalam keenam-enam Tunjang pembelajaran. Modul Teras Asas ini lebih menekankan murid tentang kemahiran asas iaitu melibatkan literasi awal 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Manakala Modul Bertema memfokuskan kepada kesepaduan tunjang-tunjang yang terdapat dalam KSPK. Peserta kajian lebih mementingkan Modul Bertema berbanding Modul Teras Asas kerana selari dengan keperluan setempat atau persekitaran.. Ini juga dipengaruhi oleh kecenderungan murid terhadap kemahiran yang terkandung dalam modul tersebut.
- iv. Semua peserta kajian mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk membina rancangan pengajaran. Terdapat tujuh perkara penting yang dinyatakan peserta kajian sebagai panduan guru dalam membina rancangan pengajaran. Antaranya, kesinambungan pembelajaran, kemahiran murid, minat murid, rancangan

pengajaran tahunan, rancangan pengajaran harian, pemilihan tema dan sub tema serta pendekatan pengajaran. Semua proses membina rancangan pengajaran ini, dilihat berfokus kepada kepakaran guru dan kemahiran murid prasekolah.

- v. Dalam analisis temu bual dan pemerhatian, mendapati peserta kajian mempunyai kemahiran asas dalam melaksanakan kesepaduan tunjang dalam pengajaran. Mereka tidak mempunyai masalah dan mempunyai kemahiran dalam menggabungkan tunjang-tunjang pembelajaran dengan kemahiran pembelajaran yang terkandung dalam KSPK untuk disampaikan kepada murid prasekolah.
- vi. Dapatan kajian, temu bual bersama peserta kajian didapati semua peserta kajian memahami takrifan tentang maksud nilai dan isi kandungan nilai yang terkandung dalam pengajaran. Semua peserta kajian melaksanakan penerapan nilai murni dalam pengajaran di bilik darjah. Secara umumnya, peserta kajian mentakrifkan penerapan nilai murni sebagai suatu tindakan mulia dan amat penting dalam pembentukan sahsiah diri murid prasekolah.
- vii. Peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang pemilihan pendekatan pengajaran prasekolah yang berkesan. Terdapat dua perkara penting iaitu pertama, amalan pemilihan pendekatan pengajaran guru dan kedua, amalan pemilihan kemahiran murid. Pendekatan pengajaran guru melibatkan pendekatan tunjuk cara, pendekatan soal jawab, pendekatan penaakulan, pendekatan perbincangan, pendekatan demonstrasi, pendekatan belajar melalui bermain, pendekatan simulasi, pendekatan bertema, pendekatan berasaskan projek dan pendekatan berpusat murid. Amalan pemilihan kemahiran murid melibatkan Kemahiran Asas 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul), kemahiran motor halus dan motor kasar, dan kemahiran sosio emosi.
- viii. Secara keseluruhannya, amalan penilaian pendekatan pengajaran adalah penting. Amalan ini diaplikasikan peserta kajian melalui maklum balas murid dan penilaian

kendiri guru. Peserta kajian melihat maklum balas murid dalam dua aspek utama iaitu hasil kerja murid dan bahan rangsangan yang digunakan dalam pengajaran. Hasil kerja murid seperti lembaran kerja, gambar, lukisan dan sesi soal jawab. Bahan rangsangan, ialah penggunaan kad aktiviti, kad gambar, kad huruf dan kad nombor. Tujuan utama penggunaan hasil kerja murid dan bahan rangsangan dalam pembelajaran murid ialah untuk mencungkil pengetahuan dan menimbulkan minat murid untuk membuat penerokaan. Dalam penilaian sendiri guru, semua peserta kajian lebih fokus kepada penulisan refleksi yang terdapat pada buku rekod mengajar. Refleksi ini dicatat oleh peserta kajian pada buku rekod mengajar setiap berakhirnya sesi pengajaran. Refleksi ini bertujuan sebagai mengetahui tahap kemahiran kurikulum, tahap kemahiran murid dan penambahbaikan yang perlu dilakukan guru.

- ix. Secara keseluruhan, semua peserta kajian dapat memberikan definisi dan berkongsi tentang konsep APAB dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga mempunyai persepsi pandangan yang positif terhadap APAB untuk dilaksanakan di kelas prasekolah. Mereka mengakui bahawa pernah mengaplikasikan amalan ini dalam pengajaran bersama murid prasekolah sama ada secara tidak formal atau tidak terancang.
- x. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai pengetahuan, kefahaman dan strategi dalam membuat penambahbaikan penerapan pengajaran APAB. Sebagai rumusan, terdapat tujuh pendekatan penerapan pengajaran APAB yang biasa diamalkan oleh peserta kajian. Pendekatan tersebut ialah i) pengukuhan dan pengayaan, ii) penglibatan dan perbincangan dengan ibu bapa, iii) galakan atau motivasi iv) persekitaran pembelajaran menarik, v) menyiasat belakang murid, vi) kriteria pemilihan aktiviti dan kesediaan murid; dan vii) kaedah bertema.



#### 4.5 Dapatan Kajian Penerapan APAB Dalam Pengajaran Prasekolah (S3)

Pengajaran yang berteraskan pemupukan APAB di prasekolah, merupakan sumber utama bagi pembentukan perpaduan murid. Analisis data temu bual, pemerhatian dan kandungan dokumen pengajaran menunjukkan terdapat lima tema utama penerapan APAB dalam pengajaran guru yang dikenal pasti. Pertama, penerapan APAB dalam rancangan pengajaran. Kedua, penerapan APAB dalam pendekatan pedagogi pengajaran. Ketiga, penerapan APAB dalam sosio budaya. Keempat, penerapan APAB dalam sosioekonomi. Kelima, penerapan APAB dalam tingkah laku pendidik. Kelima yang terakhir, penerapan dalam aktiviti makan. Kesemua tema ini saling berkaitan, dalam penerapan yang berteraskan pengajaran APAB yang berkesan.

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian ketiga iaitu bagaimanakah penerapan APAB dilaksanakan guru dalam pengajaran di prasekolah. Temu bual berstruktur dikemukakan untuk mendapatkan tema jawapan dan temu bual separa berstruktur pula digunakan untuk mengembangkan jawapan peserta kajian. Dokumen yang menjadi panduan kepada penyelidik ialah Buku Rekod Mengajar dan Buku KSPK. Aspek penerapan ini di terangkan pada Jadual 4.16 di bawah.

Jadual 4.15

##### *Penerapan APAB Dalam Pengajaran Prasekolah*

Senarai Tema & Sub Tema	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Penerapan Dalam Perancangan Pengajaran	√	√	√	√	√
i. Aktiviti Modul Teras Asas	√	√	√	√	√
ii. Aktiviti Modul Bertema					
Penerapan Dalam Pendekatan Pedagogi Pengajaran					
i. Pendekatan Belajar Melalui Bermain	√	√	√	√	√
ii. Pendekatan Simulasi					√
iii. Pendekatan Bersepadu	√	√	√	√	√
	√	√	√	√	√

iv. Pendekatan Nyanyian, Muzik, dan Pergerakan Kreatif					
Penerapan Sosio Budaya	√	√	√	√	√
Penerapan Sosioekonomi	√	√	√	√	√
Penerapan Adap Makan Murid					
i. Pembentukan Sahsiah Diri	√	√	√	√	√
ii. Merapatkan Sosialisasi	√				√
iii. Persamaan Jantina	√	√	√	√	√
Penerapan Sahsiah Guru	√	√	√	√	√
√ = Ada Penerapan					

#### 4.5.1 Penerapan APAB Dalam Rancangan Pengajaran

Hasil pengajaran yang terlibat guru, menunjukkan penerapan pengajaran APAB penting untuk disampaikan kepada murid prasekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik, jantina, sosio budaya dan sosioekonomi. Dalam KSPK, terkandung kemahiran APAB yang dapat dikategorikan kepada dua sub tema utama, iaitu i) Aktiviti Modul Teras Asas, dan ii) Aktiviti Modul Bertema. Kedua-dua modul ini menjadi panduan utama guru dalam membina rancangan pengajaran prasekolah.

Aktiviti dalam Modul Teras Asas dan Modul Bertema mengandungi tunjang-tunjang pembelajaran KSPK yang terkandung APAB. Semua peserta kajian, membina rancangan pengajaran berdasarkan format standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Berikut adalah analisis dapatan kajian menggunakan kaedah temu bual tentang aspek persediaan rancangan pengajaran harian yang berteraskan APAB.

#### 4.5.1.1 Penerapan Pengajaran Dalam Aktiviti Modul Teras Asas

Dalam KSPK, terkandung Modul Teras Asas yang merupakan sumber rujukan bagi peserta kajian dalam membina rancangan pengajaran di prasekolah. Di dalam modul ini, mengandungi kemahiran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Matematik dan Aktiviti Luar. Antara objektif kemahiran tersebut, sebagai sumber perpaduan bangsa, pendidikan akhlak, penyelesaian masalah dan keyakinan diri yang positif. Setiap mata pelajaran tersebut mengandungi penerapan pendidikan etnik, sosiobudaya, sosioekonomi dan persamaan gender untuk dikongsi bersama murid prasekolah.

Menurut PK1, isi kandungan Modul Teras Asas mengandungi kemahiran Pendidikan Islam dan Kemahiran Pendidikan Moral. Pengajaran Pendidikan Islam mendedahkan murid tentang amalan adab terhadap guru dan adap murid terhadap orang yang lebih tua. Sementara menurut PK5, Kemahiran Pendidikan Islam ini mempunyai kaitan yang rapat dengan penerapan APAB. Di dalamnya terkandung cerita-cerita yang memaparkan tentang Sirah Nabi. Di dalamnya terkandung pendekatan pengajaran yang memuliakan para nabi dan sahabat yang mendidik murid tentang akhlak yang perlu di contohi.

Kemahiran Pendidikan Moral pula, mendedahkan murid pelbagai etnik dan jantina tentang pendekatan kelebihan amalan nilai murni antaranya nilai hormat-menghormati, keadilan dan toleransi. Manakala, Pendidikan Perkembangan Fizikal dan Estetika mendedahkan murid tentang keutamaan dan langkah-langkah menjaga keselamatan diri, rakan sebaya serta

persekitaran. Berikut merupakan petikan tentang keutamaan aktiviti Modul Teras Asas menurut PK1.

“...bertumpu dari segi Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebenarnya. Pendidikan Islam...akhlak yang mengatakan tentang adab. Pendidikan Moral pulanya hormat-menghormati, keadilan, toleransi diterapkan. Namun dalam pemerhatian saya ada juga teras yang berkaitan amalan APAB. Ini melalui kemahiran pendidikan perkembangan fizikal dan estetika dalam kemahiran 5.2 yang merujuk kepada mengamalkan langkah keselamatan dan fungsi...”

(PK1/TB-U5: 75-84)

“...Pendidikan Islam merupakan modul teras dalam kurikulum KSPK” (PK5/TB-U5: 95-97). “...Dalam pengajaran APAB, amalan ini yang dapat diambil dari Pendidikan Islam tentang Sirah Nabi. Kanak-kanak mengetahui amalan mulia para sahabat dan nabi”

(PK5/TB-U5: 102-104)

Bagi PK2, PK3 dan PK4 menyatakan, Modul Teras Asas mengandungi beberapa tunjang utama. Tunjang Komunikasi yang melibatkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dilihat terhad tetapi menyumbangkan peranan yang besar dalam penyatuan etnik dan menghapuskan perbezaan gender. Tunjang ini menggunakan pendekatan bahasa dalam penerapan APAB. Bahasa berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan kaum dan komunikasi utama dalam merapatkan jurang murid yang pelbagai etnik. Impaknya, bahasa berperanan sebagai pembentuk jati diri negara dan penghubung kaum yang utama dalam penerapan APAB murid di prasekolah. Di bawah adalah petikan temu bual bersama PK2, PK3 dan PK4 berhubung kepentingan Modul Teras Asas.

“...modul teras..kurang sikit dia punya kemahiran yang macam menjurus kepada APAB. Tetapi mungkin dari segi Bahasa iaitu berfungsi sebagai penyatuan bahasa ya...dari pelbagai bentuk...”

(PK2/TB-U5: 68-74)

“...kemahiran modul teras nie terhad...modul teras yang sesuai dengan pengajaran APAB adalah kemahiran berbahasa khususnya Bahasa Malaysia

sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda masing-masing....Bahasa juga berguna untuk murid rapatkan jurang sesama mereka”  
(PK3/TB-U5: 77-83)

“Dalam tunjang bahasa dan komunikasi ini, ia merupakan modul teras yang sangat sesuai dengan APAB...bahasa nie penting sebagai menyemai perpaduan kaum”  
(PK4/TB-U5: 87-97)

#### 4.5.1.2 Penerapan APAB Dalam Aktiviti Modul Bertema

Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang menggabungkan kemahiran yang terkandung dalam tunjang pembelajaran (KPM, 2012). Modul Bertema dalam pengajaran terbentuk melalui gabungan beberapa isu kehidupan dan peristiwa seharian yang dialami murid prasekolah. Hasilnya melahirkan tema-tema yang kreatif, kritis dan inovatif untuk penerapan APAB.

Bagi PK1, KSPK mengandungi model bertema yang boleh diterapkan dalam pengajaran APAB. Modul Bertema tersebut mengandungi tajuk-tajuk yang mudah difahami dan berfokus kepada persekitaran murid yang pelbagai bangsa serta etnik. Penerapan APAB melalui tema-tema dalam pengajaran, memimpin murid membezakan perkara yang baik dan buruk. Selain itu, murid diterapkan dengan hak persamaan jantina tanpa wujud pertentangan. Berikut adalah kenyataan PK1 tentang keutamaan tema dalam penerapan APAB.

“...diamalkan dalam pengajaran APAB boleh dijadikan rujukan utama secara keseluruhan merangkumi semua aspek...guru menerapkan APAB ini perlu supaya menjadi panduan kepada murid untuk membezakan mana yang baik dan buruk...”  
(PK1/TB-U5: 62-70)

Bagi PK2 dan PK3 menerangkan, bahawa di dalam KSPK mengandungi pelbagai tema pengajaran yang mempunyai kesinambungan dengan penerapan APAB yang sesuai kepada murid prasekolah. Setiap tema

memaparkan persekitaran murid yang pelbagai bangsa dan etnik, Aspek tema ini, boleh dipadankan dengan aktiviti di kelas prasekolah. Misalnya penerapan tentang pakaian tradisional, peralatan muzik, makanan tradisional, permainan tradisional dan perayaan yang mendedahkan murid tentang APAB. PK3 menambah, penerapan APAB pada modul bertema mudah dirancang dan disampaikan guru. Murid pula mudah memahami aktiviti pembelajaran melibatkan APAB. Di bawah adalah petikan temu bual bersama PK2 dan PK3 tentang Modul Tema.

“Model bertema dilihat banyak boleh di sesuai dalam KSPK. Guru boleh pilih untuk pengajaran APAB melalui tema seperti tema pakaian, sukan dan permainan, alat muzik dan perayaan. Murid boleh lakukan aktiviti berdasarkan tema yang bersesuaian dengan persekitaran mereka”

(PK2/TB-U5: 60-64)

“...modul bertema sesuai dipadan dengan pengajaran APAB. Bertema nie mudah murid faham dan mudah guru rancang...boleh mengenali etnik melalui pakaian tersebut dan juga sub tema mengenai makanan. Kita kenali makanan-makanan tradisional aaa dari perayaan tersebut”

(PK3/TB-U5: 64-73)

Berdasarkan PK4 menjelaskan, modul bertema penting dalam penerapan APAB di prasekolah. Tajuk-tajuk pilihan yang terkandung dalam modul bertema ini sesuai dengan penerapan kepelbagaian masyarakat majmuk di Malaysia. Antaranya, tajuk negara kita yang menerapkan jati diri kepada murid prasekolah. Analisa data kajian, mendapati tema utama kajian boleh dipecahkan kepada sub-tema tentang perayaan yang di sambut di Malaysia iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya, Deepavali dan Pesta Keamatan. Impaknya, pendekatan APAB mendidik murid untuk menghormati amalan agama dan perayaan etnik masing-masing. Petikan di bawah adalah temu bual bersama PK4 tentang kandungan Modul Bertema.

“Tema amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Oleh itu tajuk modul bertema yang menjadi pilihan dalam KSPK yang sesuai dengan pengajaran APAB ialah Negara Kita. Dalam negara kita terdapat

tema-tema tentang perayaan di mana perayaan itu terdiri daripada Tahun Baru Cina, Hari Raya dan Depavali. Selain daripada itu kita mengenali tiga-tiga perayaan tersebut yang merupakan perayaan terbesar di Malaysia berbanding perayaan lain. Contoh kalau di Sabah nie, terdapat banyak perayaan contohnya Pesta Keamatan”

(PK4/TB-U5: 73-83)

Bagi PK5 juga, bersetuju bahawa tajuk-tajuk pilihan pengajaran dalam modul bertema amat sesuai bagi penerapan pengajaran APAB. Tujuan penerapan tema ini, menanamkan nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan di kalangan murid prasekolah yang pelbagai bangsa, budaya dan anutan agama. Antara tema tersebut adalah tema kenegaraan, perayaan, diri saya, keluarga saya serta kampung saya (PK5/TB-U5: 70-73).

PK5 turut mendapati bahawa tema perayaan adalah tema yang kerap mendapat sambutan yang amat baik di kalangan murid prasekolah. Murid merasa seronok dan terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Misalnya Perayaan Hari Raya, Bulan Kemerdekaan, Sambutan Hari Jadi mendapat sambutan yang amat baik (PK5/TB-U5: 77-79). Impak modul tema ini, mendidik murid untuk mengetahui makanan mengikut etnik, menjalinkan hubungan erat dan berkongsi sambutan perayaan bersama rakan yang terdiri daripada pelbagai kaum (PK5/TB-U5: 83-86). Berikut adalah temu bual bersama peserta kajian tentang tema-tema dalam modul bertema.

“...guru boleh ajar tema kenegaraan, perayaan, diri saya, keluarga saya, kampung saya dan sebagainya. Tema-tema nie memberi murid menanamkan nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan”.

(PK5/TB-U5: 70-73)

“...Perayaan yang biasa disambut seperti perayaan Hari Raya, Bulan Kemerdekaan, Sambutan Hari Jadi yang boleh diamalkan dalam amalan ini.

(PK5/TB-U5: 77-79)

“...Sambutan mereka terhadap tema ini amat menyeronokkan dan mereka aktif lakukan aktiviti. Mereka dapat berkongsi perayaan dan bersama

dengan kawan mereka. Bergaul seperti biasa dan mengeratkan lagi hubungan”

(PK5/TB-U5: 83-86)

Jadual 4.16

*Rumusan Penerapan APAB Dalam Rancangan Pengajaran*

Peserta Kajian	Modul Teras Asas	Modul Bertema
PK1	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggabungkan kemahiran Bahasa (B.Malaysia, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil), Pendidikan Moral, Matematik Dan Aktiviti Luar.</li> <li>- Pend. Islam, Pend. Moral &amp; Pend.Fizikal &amp; Estetika banyak menekankan APAB.</li> <li>- Contoh aktiviti Sirah Nabi, penekanan nilai murni &amp; pengurusan diri.</li> </ul>	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan modul bersepadu mengabungkan isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian.</li> <li>- Mudah difahami dan mengalakkan murid fokus pada aktiviti.</li> </ul>
PK2	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggabungkan kemahiran Bahasa (B.Malaysia, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil), Pendidikan Moral, Matematik Dan Aktiviti Luar.</li> <li>- Tunjang Komunikasi khasnya B.Malaysia dan B.Inggeris banyak mengandungi APAB.</li> <li>- Bahasa berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan sumber komunikasi.</li> </ul>	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan modul bersepadu mengabung kemahiran, isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian.</li> <li>- Mudah diterap, dirancang dan disampaikan.</li> </ul>
PK3	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggabungkan kemahiran Bahasa (B.Malaysia, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil), Pendidikan Moral,</li> </ul>	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan modul bersepadu mengabung kemahiran, isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian.</li> </ul>



	<p>Matematik Dan Aktiviti Luar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tunjang Komunikasi khasnya B.Malaysia dan B.Inggeris banyak mengandungi APAB.</li> <li>- Bahasa berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan sumber komunikasi.</li> <li>-</li> <li>-</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mudah diterap, dirancang dan disampaikan.</li> </ul>
PK4	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggabungkan kemahiran Bahasa (B.Malaysia, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil), Pendidikan Moral, Matematik Dan Aktiviti Luar.</li> <li>- Tunjang Komunikasi khasnya B.Malaysia dan B.Inggeris banyak mengandungi APAB.</li> <li>- Bahasa berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan sumber komunikasi.</li> <li>-</li> </ul>	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan modul bersepadu mengabung kemahiran, isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian.</li> <li>- Tajuk aktiviti bertema sesuai dengan APAB yang membentuk jati diri terhadap negara</li> <li>- Mudah diterap, dirancang dan disampaikan.</li> </ul>
PK5	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggabungkan kemahiran Bahasa (B.Malaysia, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil), Pendidikan Moral, Matematik Dan Aktiviti Luar.</li> <li>- Tunjang Komunikasi khasnya B.Malaysia dan B.Inggeris banyak mengandungi APAB.</li> <li>- Bahasa berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan sumber komunikasi.</li> </ul>	<p>Dapatan Analisis Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan modul bersepadu mengabung kemahiran, isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian.</li> <li>- Tajuk aktiviti bertema sesuai dengan APAB yang menanamkan nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan.</li> <li>- Contoh aktiviti perayaan dan sambutan hari jadi</li> </ul>

### **4.5.1.3 Penerapan Dalam Pedagogi Pengajaran**

Dalam kajian ini, penerapan dalam pedagogi pengajaran merujuk kepada cara bagaimana sesuatu tunjang pembelajaran itu dipersembahkan untuk mencapai objektifnya. Setiap penerapan APAB bertujuan untuk memudahkan murid menerima, memahami dan mengaplikasikan isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.

Dapatan data kajian, terdapat empat sub-tema pendekatan pengajaran yang biasa digunakan oleh peserta kajian bagi penerapan APAB kepada murid prasekolah. Pertama, penerapan APAB melalui Pendekatan Belajar Melalui Bermain. Kedua, penerapan APAB dalam Pendekatan Simulasi. Ketiga, penerapan APAB dalam Pendekatan Bersepadu. Keempat, penerapan APAB dalam Pendekatan Nyanyian, Muzik, Dan Pergerakan Kreatif.

### **4.5.1.4 Penerapan APAB Dalam Pendekatan Belajar Melalui Bermain**

.Pendekatan bermain merupakan pendekatan pembelajaran yang mendedahkan murid kepada pengalaman sebenar. Apabila digunakan pendekatan ini, maklum balas murid meningkat dan menunjukkan lebih prihatin kepada emosi orang di persekitaran. Dapatan data kajian ini, mendapati pendekatan belajar melalui bermain amat berkesan bagi penerapan APAB.

Menurut PK1 dan PK2, pendekatan belajar melalui bermain kerap dilaksanakan di kelas prasekolah. Dalam pelaksanaan di kelas prasekolah, penerapan APAB dilaksanakan secara berulang kali bagi menggalakkan murid untuk menaakul. Impaknya murid menunjukkan respons yang baik dan memberangsangkan. Mereka dapat mengubah sikap keegoan dan

mementingkan diri kepada murid yang berdisiplin serta mengembangkan sahsiah yang baik

Pendekatan ini mudah untuk difahami dan diaplikasikan dalam pengajaran APAB di prasekolah. Dapatan data menunjukkan, PK2, PK3, PK4 dan PK5 sependapat bahawa pendekatan belajar melalui bermain memberi nilai positif terhadap penerapan APAB. Mereka mudah memahami dan berkongsi tentang budaya, etnik dan persekitaran rakan sebaya. Misalnya, pengetahuan murid tentang pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak. Perkara ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti simulasi di antara murid yang melibatkan penerapan APAB.

PK3 menambah, pendekatan belajar melalui bermain bersesuaian dengan naluri murid prasekolah. Pendekatan ini berpusatkan murid yang menanamkan minat, keseronokan meneroka dan saling mengenali latar belakang murid. Amalan mulia ini akhirnya menanamkan nilai murni APAB iaitu kesamarataan hak jantina dan kerjasama sesama murid. Dapatan ini disokong dengan kenyataan PK4, yang menyatakan selepas penerapan aktiviti APAB dalam aktiviti main murid menunjukkan reaksi seronok, suka gembira dan sifat ingin tahu yang tinggi dengan banyak bertanya” (PK4/TB-U5: 53-59). Impaknya, pendekatan bermain ini juga mengembangkan minda dan penaakulan murid prasekolah untuk menyelesaikan pelbagai masalah (PK4/TB-U5: 65-69).

PK4 turut menyatakan, kelebihan pendekatan bermain melatih murid dengan kemahiran komunikasi yang akhirnya menanamkan sifat persahabatan terhadap rakan sebaya, memperoleh banyak pengalaman dan kemahiran di samping mendapat bimbingan daripada guru (PK3/TB-U5: 44-50).

#### **4.5.1.5 Penerapan APAB Dalam Pendekatan Simulasi.**

Pendekatan simulasi ditakrifkan dalam kajian ini sebagai pengajaran yang mencipta situasi sebenar dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dikecilkan. Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehan murid menyelesaikan masalah atau isu yang berkaitan.

Dapatan data kajian menunjukkan pendekatan simulasi diaplikasikan dalam pengajaran di prasekolah. Menurut PK5, pendekatan simulasi adalah aktiviti pengajaran dengan menggambarkan suasana yang sebenar, dilakukan dalam kelas prasekolah. Pendekatan ini mengutamakan ekspresi dan perasaan murid secara semula jadi. Murid diberi kepercayaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kemudian meminta murid memainkan peranan masing-masing.

Dalam pendekatan simulasi, PK5 menggunakan teknik bercerita yang membantu murid lebih mudah faham tentang APAB. Mereka berkongsi maklumat bersama rakan sebaya melalui cerita yang disampaikan guru. Pendekatan ini mengembangkan kemahiran tatabahasa, kepercayaan persahabatan dan merapatkan jurang perbezaan latar belakang sosio ekonomi masyarakat. Namun, bimbingan secara berterusan penting untuk mengekalkan kecenderungan murid terhadap pendekatan simulasi (PK5/TB-U5: 44-49).

Impak penerapan pendekatan ini, menggalakkan murid menunjukkan tingkah laku sopan, menghargai sensitiviti etnik dan prihatin terhadap pengajaran dalam pembelajaran di kelas prasekolah. Justeru itu, amalan ini menimbulkan keseronokan di kalangan murid yang dilayan

secara adil dan penuh kasih sayang. Mereka dapat belajar sesuatu yang bermakna dan dapat diamalkan di kelas prasekolah.

#### **4.5.1.6 Penerapan APAB Dalam Pendekatan Bersepadu.**

Dapatan data kajian mentakrifkan pendekatan bersepadu sebagai gabungan beberapa kemahiran dalam pengajaran. Perkara ini meliputi kesepaduan kemahiran dan nilai murni; kesepaduan aktiviti dalam kelas dan luar kelas; kesepaduan aktiviti berfokus guru dan berfokus murid, dan kesepaduan pelbagai kaedah dan teknik. Semua peserta kajian turut menggunakan pendekatan bersepadu dalam penerapan APAB.

PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 melaksanakan penerapan APAB melalui pengajaran melibatkan tunjang-tunjang kemahiran. Dalam pemerhatian ke atas PK1, beliau telah menggabungkan Standard Kandungan Perkembangan Sosio Emosi (PSE 1.3) Mengurus emosi sendiri Pendidikan Moral (PM 5.1.4) Bergaul mesra dan tolong-menolong. Dalam melaksanakan aktiviti, guru dan murid bersama-sama melakukan pergerakan kreatif. Murid pelbagai etnik diberi kepercayaan melakukan aktiviti mengerakkan badan, tangan, kepala, kaki dan pinggang secara serentak mengikuti irama muzik. Mereka melakukan aktiviti bersama-sama, tanpa ada pengasingan jantina dan etnik (PK1/PM-5: 1-29).

Pemerhatian ke atas PK2, beliau telah menggabungkan Standard Kandungan Perkembangan Tunjang Perkembangan Fizikal dan Kesihatan (PFK 1.2) Melakukan kemahiran koordinasi mata tangan dalam perkembangan motor halus dengan Perkembangan Sosio Emosi (PSE 2.2.2) Menunjukkan semangat dan sifat positif seperti berkeyakinan. Dalam aktiviti mengisi air ke dalam botol, murid melakukan aktiviti secara

kumpulan yang menggabungkan kepelbagaian etnik dan persamaan hak jantina. Mereka bekerjasama dalam kumpulan dan memastikan air yang diisi ke dalam botol tidak tumpah. Mereka bekerjasama secara kumpulan untuk memastikan kumpulan mereka mendapat kemenangan. Murid dididik untuk menerima kemenangan kumpulan lain tanpa menimbulkan sebarang masalah (PK2/PM-2: 121-128).

Pemerhatian ke atas PK3, beliau telah menggabungkan Standard Pembelajaran Bahasa Malaysia (BM 1.1.132) Mendengar dan memberi respons terhadap perbualan, permintaan, cerita, lagu dengan Tunjang Sains dan Teknologi (ST 12.3.1) Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti sendiri dan menceritakan binaannya dengan bimbingan. Dalam pengajaran, PK3 memberi layanan yang adil kepada semua murid yang terdiri dari pelbagai latar belakang bangsa dan etnik. Guru memilih komunikasi dalam bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di antara etnik murid tersebut. Untuk lebih mudah difahami murid, guru berkomunikasi dalam bahasa Melayu dalam dialek Sabah. Murid saling berinteraksi sesama rakan dengan melafazkan nama kenderaan air (PK3/PM-1: 1-24).

Pemerhatian ke atas PK4, beliau telah menggabungkan Standard Pembelajaran Bahasa Inggeris (BI 4.2.4) 'Writing simple words in neat and legible print' dengan Tunjang Keterampilan Diri (KTI 1.1.5) Mewarna gambar dalam ruang tertentu. Dalam pengajaran, PK4 meminta murid untuk melafazkan secara kumpulan nama-nama kenderaan yang boleh bergerak di udara. Murid melafazkan secara kumpulan demi kumpulan. Mereka diterapkan saling membantu rakan untuk sama-sama

melafazkan nama kenderaan udara dengan sebutan yang betul (PK4/PM-3: 31-78).

Pemerhatian ke atas PK5, beliau telah menggabungkan Standard Kandungan Kemanusiaan (KM 6.1) Menghayati keindahan alam dengan Perkembangan Sosio Emosi (PSE 2.1.1) Bersikap positif tentang kebolehan dan kekurangan sendiri. Dalam pengajaran, guru menekankan nilai keyakinan diri dan keberanian bercakap di depan umum. Murid tanpa mengambil kira etnik dan jantina, diberi kebebasan untuk melakukan aktiviti secara kumpulan. Mereka juga diterapkan untuk mengawal emosi dalam aktiviti pembelajaran. Penglibatan murid adalah aktif secara berpasangan dan kumpulan. Mereka melafazkan nama-nama haiwan. Murid diberi pengukuhan melalui tepuk tangan apabila berjaya menyiapkan topeng binatang (PK5/PM-3: 1-30).

#### **4.5.1.7 Penerapan APAB Dalam Pendekatan Nyanyian, Muzik, Dan Pergerakan Kreatif.**

Peserta kajian menggunakan pendekatan nyanyian, muzik, dan pergerakan kreatif dalam penerapan APAB. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkembangkan sosio emosi, sosio budaya, bahasa, dan kreativiti murid di kelas prasekolah. Melalui pendekatan ini, murid berasa seronok kerana dapat meluahkan perasaan mereka melalui aktiviti yang dijalankan.

Dalam pemerhatian, PK1 menggunakan pendekatan gerakan kreatif untuk mendidik murid mengawal emosi. Murid melakukan aktiviti dengan melafazkan bunyi sheee (isyarat diam). Mereka juga membentuk memek muka berdasarkan luahan perasaan iaitu mencipta muka marah,

muka gembira, muka sedih, muka senyum, muka terkejut, muka ketawa dan riak muka ketika memasak (PK1/PM-1: 1-30).

Dalam pemerhatian, PK2 menggunakan pendekatan nyanyian dan gerakan kreatif untuk mengajar murid bahasa Inggeris. Guru dan murid menyanyikan lagu 'Humpty Dumpty'. Murid membuat gerakan tangan yang besar, tangan digerakkan jatuh ke bawah, membuat gerakan memegang tali kuda, pergerakan tangan melambai dan kedua tangan kiri dan kanan bersalaman. (PK2/PM-1: 1-31). Impaknya, murid yang pelbagai etnik dan budaya diberi penerapan meluahkan kegembiraan melalui nyanyian dan gerakan.

Dalam pemerhatian, PK3 menggunakan pendekatan nyanyian dan gerakan kreatif untuk memperkenalkan murid tentang bahasa Inggeris. Murid prasekolah membuat gerakan mendayung dengan tangan, berdiri seperti pokok, meletakkan tangan di pipi, duduk berhadapan. Murid menyanyi bersama-sama tanpa ada perbezaan hak jantina sambil membuat gerakan berbantuan irama muzik (PK3/PM-3: 1-35).

Dalam pemerhatian, PK4 menggunakan pendekatan nyanyian secara beraksi untuk menanamkan semangat patriotisme di kalangan murid yang pelbagai latar belakang bangsa, budaya dan etnik. Murid diperkenalkan dengan bunga raya sebagai bunga kebangsaan. Bilangan kelopak bunga ini, melambangkan lima prinsip rukun negara. Manakala warna merah pada bunga menggambarkan keberanian. Murid dididik dengan kewujudan kepelbagaian kaum yang tinggal di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India, Pakistan, Kadazan, Iban, Dusun, Murut, Suluk, Bugis, Jawa, Tidung dan lain-lain (PK4/PM-4: 1-60).



Dalam pemerhatian, PK5 menggunakan pendekatan pergerakan kreatif untuk menerapkan APAB. Murid secara berpasangan dan kumpulan melakukan aktiviti sambil mengajuk haiwan yang mereka ketahui. Mereka kemudian mencari pasangan haiwan yang diwakili tanpa membezakan etnik dan jantina murid. Mereka meniru pergerakan haiwan iaitu berjalan, melompat, mencakar, mengaum, mengiaiu, menggali lubang dan berenang untuk mencari pasangan (PK5/PM-3: 1-66).

#### **4.5.1.8 Penerapan Sosio Budaya.**

Secara umum, sosio budaya bermaksud suatu cara hidup yang dikongsi bersama yang merangkumi nilai, kepercayaan dan pantang larang masyarakat (Syamsul Amri, 2008). Manakala penerapan sosio budaya merujuk kepada suatu pendekatan menyemai aspek budaya dalam kehidupan seharian.

Dapatan data kajian, menjelaskan terdapat tiga subtajuk bagi penerapan sosio budaya di kelas prasekolah. Subtajuk pertama, adat istiadat etnik iaitu diwarisi melalui amalan generasi ke generasi. Subtajuk kedua, adap makan iaitu meliputi pembentukan sahsiah diri murid, merapatkan hubungan sosialisasi murid dan persamaan hak jantina. Subtajuk ketiga, adap sahsiah mulia guru. Berikut dijelaskan tentang subtajuk penerapan sosiobudaya tersebut;

##### **a. Adat Istiadat Etnik**

Dalam data kajian, semua peserta iaitu PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 melaksanakan penerapan APAB dalam pengajaran yang melibatkan amalan istiadat etnik. Penerapan ini melibatkan perkongsian adat istiadat dan budaya etnik yang diwarisi murid di rumah serta persekitaran. Semua amalan ini mengandungi nilai murni APAB yang disampaikan guru untuk

diketahui murid prasekolah. Penerapan amalan ini dalam pengajaran, menanamkan amalan toleransi, menolak amalan anti bias. Seterusnya mengeratkan hubungan sosio budaya di kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik budaya. Ini dibuktikan melalui kenyataan PK1 dan PK3 dalam petikan berikut.

“...membolehkan adat istiadat dan budaya dikongsi bersama. Ini membolehkan guru memahami adat istiadat etnik untuk disampaikan kepada murid dalam pengajaran. Murid pula dapat berkongsi tentang latar belakang etnik mereka dalam pengajaran guru. Secara tidak langsung mengajar murid tersebut tentang tidak baiknya amalan bias terhadap orang lain. Mendidik murid dengan amalan toleransi untuk menerima rakan sekelas dan di sekitar mereka”

(PK1/TB-U7: 17-27)

“...APAB memang sesuai disampaikan kepada murid prasekolah kerana banyak mengandungi nilai-nilai murni yang diterapkan kepada murid. Di samping mengeratkan hubungan antara pelbagai etnik dan juga mengenal amalan-amalan budaya aaa yang berbeza di antara kaum”

(PK3/TB-U5: 92-97)

Menurut PK4, peringkat umur prasekolah, berupaya untuk menerima dan memahami amalan adat istiadat etnik. Aspek ini melibatkan adat masyarakat Melayu, Cina serta India yang berlaku di persekitaran. Murid dari etnik cina boleh mengenal budaya etnik India dan etnik Melayu. Manakala etnik India dan etnik Melayu dapat mengenal amalan-amalan murni etnik Cina. Amalan penerapan ini turut mendidik murid untuk mengetahui sambutan perayaan keagamaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali. Selain itu semangat cintakan negara juga diutamakan dengan sambutan Hari Kebangsaan. Impaknya, penerapan sosio budaya ini merapatkan jurang hubungan untuk saling mengenali dan mempelajari budaya masyarakat majmuk. Perkara ini dijelaskan PK4 melalui petikan temu bual berikut:

“Murid diterapkan APAB melalui tema perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali. Selain itu, penerapan cintakan negara melalui tema Hari Kebangsaan juga mendidik murid dengan APAB.

(PK4/TB-U7: 23-44).

“...masyarakat Melayu, Cina dan India kaya dengan amalan budaya dan adat. Jadi secara tidak langsung bila kita terapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Murid Melayu akan belajar budaya masyarakat Cina. Begitu juga kaum India pun secara tidak langsung belajar budaya orang Melayu dan Cina. Selain itu penerapan yang boleh kita semai adalah melalui perayaan...”

(PK4/TB-U7: 23-44).

“...APAB ini terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh diterapkan kepada murid-murid prasekolah. Selain dari itu amalan dan budaya juga dari kaum masing-masing boleh dikongsi bersama. Contoh kaum cina boleh mengenal budaya kaum India dan Melayu. Begitu juga kaum India dan Melayu dapat mengenal amalan-amalan yang dari kaum Cina”

(PK4/TB-U5: 108-117)

Sementara PK5 menambah, pendekatan aktiviti kumpulan merupakan teknik berkesan memperkenalkan murid dengan budaya dan etnik di Malaysia. Melaluinya, murid terlibat secara langsung dengan aktiviti pembelajaran berkumpulan yang dilaksanakan di prasekolah. Impaknya, penerapan ini memupuk semangat anti-bias yang menggalakkan murid berinteraksi dan bekerjasama menyelesaikan tugas sesama mereka. Ini dapat dilihat melalui kenyataan PK5 di bawah.

“Penerapan yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah ialah melalui pengajaran guru yang kenalkan budaya bangsa, etnik Malaysia dan aktiviti- aktiviti berkumpulan. Itu sudah dapat memupuk semangat anti-bias tu. Ini membolehkan mereka berinteraksi dan bekerjasama sesama mereka”

(PK5/TB-U7: 20-25)

#### **b. Adab Makan**

Aktiviti makan merupakan aktiviti yang paling diminati dan seronok bagi murid prasekolah. Dalam kajian ini, penyelidik membincangkan penerapan APAB dalam aktiviti makan. Terdapat tiga tajuk penting dalam aktiviti makan iaitu a) pembentukan sahsiah diri murid, b) merapatkan

hubungan sosialisasi, dan c) persamaan hak jantina. Berikut dijelaskan tentang dapatan tajuk penting adap makan tersebut.

**c. Sahsiah Diri Murid.**

Aktiviti makan merupakan antara aktiviti yang amat disukai murid prasekolah. Dapatan data temu bual dan pemerhatian, mendapati penerapan APAB dilaksanakan ketika makan dapat membentuk sahsiah diri murid yang mulia.

PK1 dan PK3 sependapat bahawa aktiviti makan di prasekolah merupakan amalan yang baik. Penerapan APAB melalui aktiviti makan di prasekolah adalah aktiviti rutin yang penting dan mendapat sambutan yang baik di kalangan murid. Aktiviti ini, menerapkan disiplin dan pembentukan sahsiah diri ke atas murid yang pelbagai. Mereka dilatih tentang adap sopan ketika sebelum makan, ketika makan dan selepas makan. Impaknya aktiviti makan menanamkan amalan menghormati rakan, bekerjasama, mementingkan kebersihan dan amalan berkongsi makanan.

“...aktiviti makan di prasekolah ini aaa amat baik dan perlu sebenarnya. Di samping itu aaa ia mengajar murid-murid nie dengan disiplin secara tidak langsung. Adap sopan ketika berdepan dengan makanan, membentuk sahsiah diri murid tu agar sentiasa berdisiplin”

(PK1/TB-U6: 7-12)

“...aktiviti rutin makan di prasekolah adalah baik dan perlu diteruskan rutin tersebut. Aktiviti ini secara nyata mendidik murid menghormati rakan, bekerjasama menyedia makanan, bersihkan kelas dan kongsi makanan.

(PK3/TB-U6: 6-10)

Bagi pandangan PK2 dan PK5, penerapan APAB melalui aktiviti makan di prasekolah ini adalah suatu aktiviti yang bermakna untuk murid. Tanpa mengira perbezaan latar belakang, murid makan bersama dan dilatih menguruskan aktiviti makan dengan penuh berdisiplin. Di prasekolah murid dididik dengan amalan menyediakan makanan, menyusun makanan dan

mengemas makanan. Mereka dilatih beratur, membaca doa, menyusun dan mengemas makanan. Berbeza dengan suasana di rumah, murid kurang dilatih menyediakan makanan. Impaknya, penerapan makan menjadikan sahsiah murid sopan, tertib, penyayang dan menghormati rakan. (PK2/TB-U6: 7-17). Petikan di bawah adalah temu bual bersama PK2 dan PK5 tentang pentingnya penerapan pada aktiviti makan di prasekolah kepada murid.

“...mereka makan bersama dan kemudian mereka dilatih aaaa mendisiplinkan diri mereka semasa makan di mana mereka beratur, kemudian membaca doa bersama”

(PK2/TB-U6: 7-10)

“...aktiviti makan di prasekolah amat baik. Ini sangat sesuai diterapkan kepada mereka dan jadikan mereka sopan, tertib, sayang dan hormat rakan”

(PK5/TB-U6: 4-6)

Sebagai guru prasekolah PK4 menyatakan, penerapan APAB melalui aktiviti makan di prasekolah berupaya membentuk personaliti murid yang baik. Mereka dapat berkongsi maklumat tentang jenis makanan, rasa makanan, warna makanan dan berkongsi makanan. Impaknya, murid mudah berinteraksi dengan rakan tentang jenis makanan, rasa makanan, warna makanan dan berkongsi makanan. Aktiviti komunikasi ini menjadikan murid saling hormat menghormati, bertoleransi, tanggungjawab, tertib dan mendidik sahsiah yang baik. Perkara ini dinyatakan dalam petikan di bawah.

“...aktiviti makan yang diadakan di prasekolah adalah baik dalam membentuk personaliti murid. Murid mudah berinteraksi dengan rakan tentang jenis makanan, rasa makanan, warna makanan dan berkongsi makanan. Aktiviti ni jadikan murid saling hormat, bertoleransi, tanggungjawab, tertib dan mendidik sahsiah yang baik”

(PK4/TB-U6: 9-14)

#### d. Hubungan Sosialisasi.

Penerapan APAB dalam aktiviti makan, merapatkan jurang perhubungan sosialisasi di kalangan guru dan murid yang pelbagai. Menurut

PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 sependapat bahawa aktiviti makan di prasekolah merapatkan jurang perhubungan tanpa mengira warna kulit, suku kaum, budaya dan fizikal murid. Perkara ini dinyatakan peserta kajian seperti di bawah

“...perbezaan latar belakang tidak timbul malahan akan timbul kerjasama bertolak ansur tidak kedekut dan banyak lagi secara tidak langsung menutup jurang perbezaan itu.”

(PK1/TB-U6: 83-87)

“...merapatkan hubungan murid prasekolah.”

(PK2/TB-U6: 93)

“...aktiviti makan di prasekolah boleh merapatkan perhubungan yang terdiri dari pelbagai latar belakang...merapatkan jurang perhubungan tanpa mengira warna kulit, suku kaum, budaya dan fizikal murid itu”

(PK3/TB-U6: 64-69)

“...merapatkan jurang perhubungan murid prasekolah yang memang terdiri daripada murid yang pelbagai latar belakang...”

(PK4/TB-U6: 82-84)

“...aktiviti makan dapat merapatkan jurang perhubungan...dapat bergaul sesama mereka tanpa mengira latar belakang kaum itu sendiri...”

(PK5/TB-U6: 66-70)

Amalan dalam aktiviti makan banyak memberikan peluang kepada murid untuk saling mengenali, mengeratkan silaturahim dan menggalakkan murid untuk berkongsi pengalaman tentang perbezaan etnik. Impaknya, murid dapat bersosialisasi secara rapat sesama rakan tanpa membezakan latar belakang malahan merapatkan kerjasama, bertolak ansur, pemurah dan hubungan yang semakin akrab. Dapatan data temu bual PK1, PK2, PK4 dan PK5 dinyatakan seperti di bawah.

“...aktiviti makan di prasekolah banyak memberikan peluang kepada murid. Mereka dapat bersosial secara rapat sesama rakan tanpa melihat latar belakang rakan-rakan mereka sendiri..”

(PK1/TB-U6: 78-81)

“...Dengan makan, murid diajar tentang sahsiah di kalangan mereka tanpa melihat latar belakang. Sebab mungkin di rumah mereka hanya makan di kalangan keluarga mereka sahaja”

(PK2/TB-U6: 93-100)

“... saling kenal mengenal di antara satu dan lain kerana mereka nie datang dari latar belakang yang berbeza.

(PK4/TB-U6: 82-86)

“...dapat bergaul sesama mereka tanpa mengira latar belakang kaum itu sendiri. Mereka dapat menerima kawan yang lain tanpa ada perbezaan...

(PK5/TB-U6: 66-70)

#### e. **Persamaan Hak Jantina.**

Dalam menyemai APAB, semua peserta kajian melaksanakan penerapan melalui pengasingan murid lelaki dan murid perempuan mengikut jantina masing-masing ketika aktiviti makan di prasekolah. Bagi PK1 dan PK5, tujuan pengasingan ini adalah untuk memudahkan pengurusan makan, adap makan dan memberi pendidikan tentang perbezaan jantina murid. Dengan penerapan ini, murid didedahkan tentang batas-batas anggota dan juga perhubungan jantina lelaki dan perempuan (PK1/TB-U6: 68-74). Berikut adalah penjelasan PK1 dan PK5 tentang tujuan pengasingan jantina tersebut.

“...pengasingan antara murid lelaki dan perempuan dilakukan adalah bertujuan untuk memudahkan pihak kami mengatur perjalanan aktiviti makan ini dengan baik dan secara tidak langsung juga mengajar murid-murid nie tentang perbezaan jantina”

(PK1/TB-U6: 68-72)

“...Pengasingan mengikut jantina masing-masing di sini dapat menerapkan mengenai perbatasan dan pergaulan semasa makan antara lelaki dan perempuan. Kaedah ini lebih menekankan kepada penekanan adap makan di sini”

(PK5/TB-U6: 57-60)

Bagi PK2 dan PK3, pengasingan murid mengikut jantina ketika makan di prasekolah merupakan asas penerapan APAB yang baik. Amalan ini

mendedahkan murid tentang tuntutan agama berkenaan batas-batas anggota badan dan perbezaan aurat lelaki serta perempuan. Penerapan ini penting diketahui murid kerana mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan berbeza jantina. Pendedahan peringkat awal, membantu murid mengetahui perbezaan etnik, jantina dan mengamalkan tuntutan agama sebagai amalan rutin harian. Penerapan amalan ini boleh diterima dan dilaksanakan murid prasekolah tanpa sebarang masalah. Petikan temu bual ini menjelaskan kenyataan PK2 dan PK3 tentang kepentingan penerapan melalui pengasingan jantina kepada murid prasekolah.

“...mengasingkan murid lelaki dan murid perempuan ni mengikut jantina amat bersesuaian. Sebab kita boleh menerapkan aaa tentang tuntutan agama...larangan aurat lelaki dan perempuan yang tidak boleh bersentuhan.  
(PK2/TB-U6: 80-85)

“...Pengasingan murid ikut jantina ketika maakan di prasekolah nie perlu dilihat dari sudut agama kerana korektor murid nie berbeza-beza...”  
(PK3/TB-U6: 53-57)

PK3 dan PK4 sependapat bahawa penerapan APAB melalui pengasingan murid mengikut jantina ketika makan adalah proses awal mendidik murid prasekolah. Pengasingan ini bertujuan mendidik murid mengetahui persamaan dan perbezaan mengikut jantina. Mereka berkongsi maklumat tentang hak murid lelaki dan perempuan, jenis pakaian serta kecenderungan tugas mengikut jantina masing-masing. Perkara ini dinyatakan PK3 dan PK4 dalam petikan di bawah.

“...kena biasakan sejak awal supaya jadi amalan”  
(PK3/TB-U6: 58-59)

“...mengasingkan murid mengikut jantina masing-masing ketika makan adalah suatu pendidikan awal untuk mengetahui diri mereka dan mengenal peranan masing-masing sebagai murid perempuan atau murid lelaki.  
(PK4/TB-U6: 71-74)



#### 4.5.1.9 Penerapan Sahsia Mulia Guru.

Dapatan data kajian mendapati, penerapan APAB dalam pengajaran merangkumi tingkah laku guru di kelas prasekolah. Tingkah laku guru di sini melibatkan pendekatan pengajaran guru terhadap murid dan tingkah laku guru yang di terima murid.

Menurut PK1, PK2 dan PK3, sependapat bahawa penerapan tingkah laku murid prasekolah dipengaruhi oleh pendekatan pengajaran, amalan sahsiah guru semasa berada di kelas prasekolah dan kekerapan interaksi murid dengan guru dan rakan sebaya yang ada di persekitaran. Pendekatan penerapan ini memerlukan guru menggunakan pendekatan yang mudah dan dapat diaplikasikan di dalam kelas prasekolah. Ketiga-tiga perkara ini mempunyai kesinambungan yang rapat kerana murid prasekolah mudah menyerap dan meniru perkara yang berlaku di persekitaran seperti dalam petikan temu bual PK3 berikut

“...secara langsung maksudnya setiap slot pembelajaran kita kaitkan dengan nilai-nilai murni yang ada kaitan dengan APAB....mudah murid terima dan aplikasikan dalam kelas. Secara tak langsung mungkin melalui interaksi di persekitaran murid”

(PK3/TB-U7: 26-35)

Tambah PK1 lagi, penerapan APAB melalui pendekatan bercerita menarik minat murid. Murid meminati pendekatan pengajaran berbentuk cerita-cerita teladan, kata nasihat atau aktiviti main peranan. Pendekatan ini menimbulkan rasa seronok murid meneroka persekitaran. Selain itu, tingkah laku guru ketika menyampaikan pengajaran turut menjadi daya tarikan penting murid untuk menerokai APAB. Petikan di bawah menjelaskan pendekatan pengajaran dan amalan tingkah laku guru menurut PK1 dan PK2.

“...penerapan yang berkesan kepada murid aaa prasekolah ialah melalui penceritaan, cerita-cerita teladan, kata nasihat atau main peranan. Main peranan ni membolehkan budak lagi seronok. Saya rasa cara nie lebih berkesan kepada kanak-kanak.

(PK1/TB-U7: 22-27)

“...memudahkan menerima sesuatu perkara tu dan lebih senang untuk kita sampaikan kerana kanak-kanak ini (batuk)...mereka masih apatuh suci pemikiran ....punya pemikiran aaaa seperti pepatah Melayu mengatakan kalau mahu melentur buluh biarlah dari rebungunya...bila kita memulakan yang baik itu bermula dari peringkat awal kanak-kanak lagi...”

(PK2/TB-U5: 93-104)

#### **4.5.1.10 Penerapan sosioekonomi.**

Penerapan sosioekonomi dari sudut ibu bapa ditakrifkan sebagai suatu keperluan pembelajaran murid yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga. Manakala dalam perspektif pengajaran guru, amalan ini melibatkan penerapan hak yang sama rata kepada murid prasekolah dalam aspek pendapatan, taraf hidup, kehidupan sosial dan keluarga.

Dapatan data kajian mendapati bahawa peserta kajian melaksanakan penerapan APAB dengan layanan pengajaran yang saksama melibatkan sosioekonomi murid di dalam kelas prasekolah. Menurut PK1 dan PK5, penerapan sosioekonomi dalam pengajaran merupakan aktiviti yang penting. Proses penerapan ini dilaksanakan guru melalui layanan yang tidak berbelah bahagi terhadap murid yang hidup miskin, sederhana dan berada. Murid di bimbing dan segala bentuk aktiviti dilibatkan secara langsung. Perkara ini dilaksanakan guru melalui aktiviti pengajaran di dalam serta luar kelas prasekolah. Impaknya, penerapan sosioekonomi dalam pendidikan mengembangkan sifat toleransi dan potensi diri murid sebagai seorang pemimpin yang adil. Berikut merupakan kenyataan PK1 tentang penerapan sosialisasi.

“...APAB amat sesuai dan perlu disampaikan kepada murid prasekolah. Penerapan dalam APAB ini bukan sahaja dapat membimbing murid menjadi

bersikap bertoleransi malah dapat membentuk diri menjadi seorang ketua atau pemimpin yang berwibawa”

(PK1/TB-U5: 93-99)

Menurut PK5, impak penerapan layanan yang adil dalam pengajaran meningkatkan kemahiran sosial murid. Murid di dalam kelas dilihat aktif berinteraksi sesama rakan sebaya tanpa mengambil kira aspek pendapatan, taraf hidup, kehidupan sosial dan keluarga. Ini ditambahkan lagi, peranan penggunaan bahasa (Bahasa Malaysia) sebagai bahasa perpaduan. Hal ini, membantu murid saling berkomunikasi, mengeratkan silaturahim dan mewujudkan hubungan kasih sayang yang bermakna. Mereka kerap berkomunikasi dan berkongsi maklumat tentang latar belakang keluarga, masalah yang dihadapi dan mencari jalan menyelesaikan perkara tersebut. Berikut merupakan kenyataan petikan temu bual PK5 tentang pelaksanaan penerapan APAB.

“Ya amat sesuai...guru boleh sampaikan kepada murid prasekolah untuk mereka lebih mahir sosial mereka. Murid-murid dapat bergaul dengan rakan-rakan mereka. Amat sesuai di amalkan di bilik darjah”.

(PK5/TB-U5: 117-119)

“...bahasa penting untuk menyampaikan maklumat pada murid prasekolah. Ini membantu mereka untuk berkomunikasi dan berkongsi di antara sesama mereka. Dapat menghubungi silaturahim dan kasih sayang”

(PK5/TB-U5: 123-127)

#### **4.6 Rumusan Penerapan APAB Dalam Pengajaran**

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian berkenaan dengan penerapan APAB dalam pengajaran prasekolah. Dapatan ini adalah merujuk kepada persoalan kajian yang ke tiga. Berikut adalah dapatan pada penerapan APAB dalam pengajaran prasekolah peserta kajian;

- i. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan pengajaran APAB penting untuk disampaikan kepada murid prasekolah. Dalam KSPK, terkandung kemahiran

APAB yang dapat dikategorikan kepada dua iaitu, i) Modul Teras Asas, dan ii) Modul Bertema. Kedua-dua modul ini dijadikan sebagai rujukan dan aktiviti utama pengajaran. Modul Teras Asas mengandungi kemahiran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Matematik dan Aktiviti Luar. Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang menggabungkan kemahiran yang terkandung dalam tunjang pembelajaran. Tema-tema pengajaran terbentuk melalui isu kehidupan dan peristiwa seharian yang dialami murid prasekolah. Aktiviti pada modul tersebut menjadi panduan utama guru dalam membina rancangan pengajaran prasekolah berasaskan penerapan APAB.

- ii. Dalam dapatan kajian, terdapat empat sub-tema pendekatan pengajaran yang biasa digunakan oleh peserta kajian bagi penerapan APAB kepada murid prasekolah. Pertama, penerapan APAB dalam Pendekatan Belajar Melalui Bermain. Kedua, penerapan APAB dalam Pendekatan Simulasi. Ketiga, penerapan APAB dalam Pendekatan Bersepadu. Keempat, penerapan APAB dalam Pendekatan Nyanyian, Muzik, Dan Pergerakan Kreatif. Penerapan APAB berpandukan Pendekatan Belajar Melalui Bermain merupakan pilihan utama peserta kajian dalam membuat penerapan APAB terhadap murid prasekolah.
- iii. Data kajian mendapati penerapan APAB dalam pengajaran di kelas prasekolah mendedahkan murid tentang sosio budaya iaitu gaya hidup, adat istiadat, perayaan dan nilai-nilai murni masyarakat. Mereka berkongsi amalan tersebut tanpa wujud ada perbezaan jantina, etnik, budaya, fizikal, warna kulit dan agama. Peserta kajian melihat kepentingan sosio budaya dan mengaplikasikan dalam pengajaran di kelas prasekolah.
- iv. Peserta kajian menerapkan APAB melalui sosialisasi bersama murid dalam pengajaran di kelas prasekolah. Peserta kajian bertindak sebagai pembimbing dan

memberi panduan kepada murid. Perkara ini dilaksanakan guru melalui pengajaran dalam serta luar kelas prasekolah. Kesan penerapan ini, murid menunjukkan tingkah laku yang bertoleransi dan mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa untuk diterima rakan mempengaruhi kemenjadian murid prasekolah.

- v. Sosio budaya berperanan penting dalam pembentukan amalan guru dan murid di kelas prasekolah. Pertama, dapatan kajian ini mendapati bahawa amalan pendidikan ibu bapa yang bersikap tradisional menjadi halangan dalam pengajaran penerapan APAB kepada murid prasekolah. Kedua, kekurangan pengetahuan dan kefahaman menjadi halangan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus dan latihan secara formal dilihat menjejaskan pengetahuan serta kefahaman guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Selain itu mereka juga kurang membuat penerokaan melalui pembacaan dan media elektronik tentang kepentingan APAB sebagai elemen perpaduan. Elemen penting ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru menerapkan APAB dalam kelas prasekolah.
- vi. Bagi perkembangan murid, kajian mendapati perkembangan murid yang tidak holistik menjadi penghalang kepada pengajaran APAB. Perkara ini berlaku kerana di kelas prasekolah murid terdiri daripada dua peringkat umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Perbezaan peringkat perkembangan ini dikategorikan kepada dua aspek, iaitu i) perkembangan kognitif, dan ii) perkembangan sosio emosi murid. Perbezaan ini menimbulkan halangan kepada pengajaran APAB. Selain itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran yang mantap.
- vii. Dalam kemahiran pengajaran, menunjukkan tidak terdapat halangan dalam kemahiran pengajaran APAB di prasekolah. Peringkat perkembangan peringkat ini dikategorikan kepada tiga iaitu i) pemilihan kemahiran kandungan pengajaran, ii) pemilihan pendekatan pengajaran, dan iii) bahasa komunikasi. Tiada halangan bagi

pemilihan kemahiran kandungan pengajaran dan pemilihan pendekatan pengajaran berpandukan penerapan APAB. Namun bagi pemilihan bahasa komunikasi, hanya dua peserta yang menyatakan terdapat halangan kerana masalah komunikasi guru dengan murid, murid dengan murid.

#### **4.7 Dapatan Kajian Sumber Rintangan APAB (SK4)**

Pelaksanaan APAB dalam kelas prasekolah, melibatkan pengetahuan dan kefahaman pedagogi guru prasekolah. Berdasarkan soalan kajian 4, terdapat lima sub tema sumber rintangan APAB yang dikenal pasti iaitu i) perbezaan jantina, ii) etnik, iii) sosio budaya, iv) perkembangan murid, dan v) kemahiran guru.

Pengumpulan data sumber rintangan pengajaran APAB ini dikutip melalui protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen. Protokol temu bual, melibatkan 7 kali temu bual dilaksanakan terhadap lima peserta kajian. Temu bual telah mengemukakan lima soalan separa berstruktur. Tujuan temu bual ini, untuk mendapatkan tema dan sub tema kajian.

Manakala protokol pemerhatian pengajaran dilaksanakan sebanyak 7 kali ke atas lima orang peserta kajian. Pemerhatian bertujuan mengesahkan dapatan tema dan sub tema kajian. Dalam analisis kandungan dokumen, penyelidik menganalisis rancangan pengajaran harian, Buku KSPK dan dokumen berkaitan berpandukan tema dan keperluan kajian. Analisis dapatan kajian bagi soalan kajian 4, diharapkan dapat memberi dapatan keseluruhan tentang sumber rintangan yang mempengaruhi pengajaran penerapan APAB. Jadual 4.17 di bawah menunjukkan dapatan kajian tentang halangan pengajaran APAB.

Jadual 4.17

*Senarai Sumber Rintangan Pengajaran APAB*

Senarai Tema & Sub Tema/Subtajuk	Peserta Kajian				
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
Perbezaan Jantina					
i. Penglibatan Gender Guru	X	X	X	X	X
ii. Penglibatan Gender Murid	X	X	X	X	X
Etnik	X	X	X	X	X
Sosio Budaya					
i. Amalan pendidikan ibubapa	√	√	√	√	√
ii. Amalan pendidikan di sekolah	√	√	√	√	√
Perkembangan Murid					
i. Perkembangan Kognitif	√	√	√	√	√
ii. Perkembangan Sosio Emosi	√	√	√	√	√
Kemahiran Pengajaran Guru					
i. Pengetahuan Dan Kefahaman	X	X	X	X	X
	√ = Ada Halangan	X = Tiada Halangan			

#### 4.7.1 Perbezaan Jantina

Penglibatan jantina dalam pengajaran APAB dilihat menyumbang kepada penguasaan kemahiran murid di prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jantina mempengaruhi pemilihan pendekatan pengajaran APAB terhadap murid prasekolah. Terdapat dua sub tajuk berkenaan halangan jantina dalam kajian ini iaitu i) Penglibatan Gender Guru, dan ii) Penglibatan Gender Murid.

##### 4.7.1.1 Penglibatan Gender Guru

Dalam aspek pengajaran di kelas prasekolah, faktor jantina mempunyai keunikan yang tersendiri. Perkara ini dapat dilihat melalui perbezaan watak dan tingkah laku dalam pengajaran guru lelaki dan guru perempuan. Selain itu, kecenderungan aktiviti pengajaran di dalam kelas prasekolah dan aktiviti di luar kelas prasekolah turut mempengaruhi guru menyampaikan penerapan pengajaran APAB.

Dapatan data kajian menunjukkan pengajaran di prasekolah tidak dipengaruhi gender iaitu di antara guru lelaki dan perempuan. PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 sependapat bahawa perbezaan gender tidak mempengaruhi pengajaran guru di prasekolah. Dalam penyampaian di prasekolah, guru dipengaruhi oleh pengetahuan pedagogi dan pendekatan pengajaran. Petikan temu bual berikut merupakan kenyataan peserta kajian tentang perbezaan gender tersebut.

“...perbezaan cara pengajaran sebenarnya lelaki dan perempuan tidak jauh beza.

(PK1/TB-U7: 63-64)

“...sudah tentu pendekatan pengajaran guru lelaki dengan guru perempuan berbeza...”

(PK2/TB-U7: 69-70)



“...perbezaan pengajaran guru lelaki dan guru perempuan secara langsung tak nampak dari segi kaedah pengajarannya...tak dah perbezaan sangat”

(PK3/TB-U7: 80-82)

...Kedua-duanya mempunyai kelebihan mengajar dan cara tersendiri mengaplikasikan APAB”

(PK3/TB-U7: 87-88)

“...pendekatan pengajaran guru lelaki dan guru perempuan berbeza”

(PK4/TB-U7: 79-88)

“...kalau dilihat tidak berlaku kerana masing-masing menjalankan tugas dengan baik. Dalam aspek pengajaran pula lebih kurang sama”

(PK5/TB-U7: 54-55)

Pengaruh gender memberi implikasi positif dan membentuk komitmen guru yang tinggi dalam memastikan murid di kelas prasekolah menguasai kemahiran pembelajaran menurut PK1, PK3 dan PK4. Secara semula jadinya guru lelaki dan perempuan mempunyai sifat penyayang, bertanggungjawab dan prihatin dalam melaksanakan tugas mendidik murid. Dalam bilik darjah, guru lelaki dilihat lebih bersifat kebapaan, fleksibel, tegas dan berusaha membuat keputusan yang adil dalam menjalankan tugas berdasarkan persekitaran murid.

Manakala semasa di dalam bilik darjah guru perempuan bertindak keibuan, lemah lembut tetapi tegas dan menyukai kesempurnaan dalam menyampaikan pengajaran. Amalan gender ini dapat diterima murid dengan baik. Impak amalan gender ini, mempengaruhi pengajaran dan kesediaan murid menerima pembelajaran. Perkara ini dinyatakan dalam petikan berikut yang merupakan kenyataan peserta kajian tentang peranan guru lelaki dan perempuan.

“...pendekatan pengajaran guru perempuan aa lebih banyak menjurus ke arah sikap lemah lembutnya dan sikap penyayanganya lah berbanding lelaki. Namun lelaki juga boleh dikatakan penyayang tetapi ada unsur kebijaksanaan.”

(PK1/TB-U7: 65-67)

“...Guru lelaki itu lebih kepada tugas seorang guru. Tetapi kalau perempuan...lebih bersifat seorang ibu. Saya macam ibu, saya akan push dia...itu peranan...yeah...kalau dari segi tingkah laku. Kalau perempuan nie memang nampak lembut tetapi tegas...emosi lelaki boleh kawal emosinya terhadap kanak-kanak...perempuan nie dia kurang sikit mengawal emosinya kerana watak keibuannya...”

(PK2/TB-U7: 69-94)

“...melihat dari segi sifat-sifat keibuan, guru perempuan tu dia lebih dekat dengan murid. Kalau guru lelaki lebih kebapaan”

(PK3/TB-U7: 86-87)

“...guru perempuan nie bersifat dan mempunyai ciri-ciri keibuan...lemah lembut dan penuh kasih sayang terhadap kanak-kanak prasekolah...Guru lelaki lebih tegas terhadap kanak-kanak prasekolah. Namun demikian kanak-kanak di prasekolah boleh menerima kehadiran guru lelaki di prasekolah”

(PK4/TB-U7: 81-88)

“...Guru lelaki bersifat kebapaan dan perempuan bersifat keibuan dalam mengajar”

(PK5/TB-U7: 57-58)

...Guru perempuan pendekatannya cara lemah lembut dan banyak memujuk berbanding guru lelaki. Kalau lelakinya mungkin lebih tegas. Perempuan pula sebagai ibu dan keibuan”

(PK5/TB-U7: 65-68)

Dapatan data kajian mendapati, guru lelaki dilihat lebih cenderung terlibat dengan kepelbagaian aktiviti khasnya aktiviti luar bilik darjah. Berbanding guru perempuan yang cenderung kepada aktiviti pengajaran dalam bilik darjah. Petikan berikut adalah penerangan PK5 tentang kecenderungan guru dalam pengajaran di prasekolah.

“...guru lelaki bagi pandangan saya lebih kepada kepelbagaian aktiviti khasnya di luar bilik darjah. Dengan caranya sendiri berbanding guru perempuan. Guru perempuan pendekatannya cara lemah lembut dan banyak memujuk berbanding guru lelaki. Kalau lelakinya mungkin lebih tegas. Perempuan pula sebagai ibu dan keibuan”

(PK5/TB-U7: 61-68)

#### 4.7.1.2 Penglibatan Gender Murid

Dalam kajian ini, gender murid prasekolah merujuk kepada bentuk fizikal, tingkah laku, cara berfikir, kecenderungan minat, kepercayaan dan komunikasi dengan persekitaran. Dapatan data mendapati PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 melaksanakan penerapan murni amalan gender dalam program pemakanan di prasekolah. Program pemakanan ini merupakan aktiviti yang diminati dan merapatkan lagi hubungan penglibatan gender dalam bilik darjah. Mereka menerima penerapan APAB yang disampaikan guru melalui aktiviti rutin ketika makan. Hal ini membentuk murid untuk sentiasa memberi kerjasama dalam aktiviti pengajaran guru.

Dalam aktiviti ini, semua peserta kajian bersetuju bahawa murid lelaki dan perempuan menunjukkan tingkah laku yang terkawal. Mereka menunjukkan minat, kerap berbual-bual, membantu rakan dan berkongsi makanan tanpa sebarang masalah. Mereka juga dididik guru membantu menguruskan penyediaan makanan pada sebelum, semasa dan selepas makan. Mereka turut di terapkan nilai kebersihan, bersyukur, peraturan makan, pengurusan diri, hormat hak kawan, berdisiplin dan saling membantu. Temu bual berikut merupakan penerapan APAB dalam aktiviti makan di kelas prasekolah.

“...reaksi yang seronok, gembira dan amat mereka nantikan sebenarnya...Tidak sabar...amat suka dan ceria. Di sini mereka suka berbual-bual, membantu rakan dan berkongsi makanan. Mereka juga diajar tentang pengurusan diri, hormat hak kawan, disiplin pengaturan ketika makan dan selepas makan selalunya”

(PK1/TB-U6: 42-48)

“...Tidak nampak perubahan yang ketara antara murid lelaki dan murid perempuan. Biasanya mereka duduk berasingan tetapi cara pemakanan mungkin sama

(PK2/TB-U6: 63-66)

“...selalu bertabur berbanding murid perempuan makan...perempuan nie makan sambil cakap. Lelaki sama juga tetapi lelaki nie sikap suka main mereka lebih banyak yang kita nampak”

(PK2/TB-U6: 68-72)

“Reaksi murid lelaki dan murid perempuan semasa situasi makan adalah berbeza. Murid lelaki biasanya lebih agresif dan murid perempuan lebih sopanlah”.

(PK3/TB-U6: 36-38)

“...terdapat perbezaan tingkah laku murid lelaki dan murid perempuan ketiga makan di prasekolah. Ini kerana murid lelaki nie..lebih agresif. Manakala murid perempuan nie lebih sopan walaupun tidak semuanya”

(PK4/TB-U6: 55-58)

“...mereka dapat bersosial semasa makan. Contoh dapat bercerita bersama, berkongsi makan bersama, bertukar-tukar makanan juga ada, jika dibekalkan makanan oleh ibu bapa masing-masing”

(PK5/TB-U6: 38-42)

Data kajian mendapati semua peserta kajian tidak menghadapi masalah melaksanakan penerapan APAB dalam aktiviti makan. Mereka mengamalkan penerangan, kepercayaan dan tidak membezakan penglibatan murid lelaki dan perempuan. Secara semula jadi murid lelaki dan perempuan mempunyai tingkah laku yang tidak jauh berbeza. Tingkah laku murid lelaki lebih aktif dan kurang mementingkan kekemasan ketika makan berbanding murid perempuan. Murid perempuan diperhatikan lebih teratur dan mementingkan kekemasan ketika makan.

Protokol pemerhatian PK3 dan PK4 mendapati, murid perempuan pula lebih mudah menunjukkan sahsiah makan yang sopan dengan kecenderungan berbual-bual ketika aktiviti makan. Berbanding murid lelaki yang cenderung bermain ketika makan dan minum. Namun, murid lelaki dan perempuan masih mengekalkan adap tingkah laku yang baik kerana suka berkongsi makanan, berbual-bual dan menolong membersihkan peralatan serta tempat makan. Murid perempuan dilihat mudah menerima penerapan

tentang tatacara makan dan lebih cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran berbanding murid lelaki.

Implikasi amalan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan dan rintangan dalam komunikasi mengikut jantina murid prasekolah. Murid lelaki dan perempuan secara semula jadi boleh berkomunikasi dan berkongsi makanan tanpa wujud perbezaan jantina. Mereka masih mengekalkan amalan sahsiah yang baik yang diwarisi daripada ibu bapa dan didikan guru di sekolah. Berikut adalah hasil temu bual bersama PK1 dan PK2.

“...Ketika disediakan makan di prasekolah selalunya yang paling nampak aktif murid lelaki banding murid perempuan. Murid perempuan nie bila diberitahu adap makan mereka cepat ikut tidak ada masalah pengurusan diri berbanding lelaki. Namun mereka boleh bercerita dan kongsi makanan tanpa masalah. Walau bagaimanapun guru itu perlu memainkan peranan penting untuk memberikan penerangan tentang adap makan supaya dapat berjalan lancar”

(PK1/TB-U6: 52-61)

“...Cara makan tu mereka punya adap makan (perempuan). Mereka (lelaki dan perempuan) semua selalunya berbual bual dan suka juga kongsi makanan serta menolong rakan”.

(PK2/TB-U6: 73-75)

PK5 menambah, dalam aktiviti makan murid yang berusia 5 tahun juga didapati boleh berkenalan dan berkomunikasi sesama mereka walaupun dialek percakapan berbeza. Selain itu, faktor jenis makanan di rumah khasnya murid-murid yang ibu bapanya berasal dari luar Sabah mempengaruhi murid untuk menyesuaikan diri dengan jenis makanan setempat.

“Perbezaan tingkah laku ketika makan ini, murid lelaki ada seorang yang makan hendak disuap, sebelum boleh makan sendiri. Kadang-kadang bayangkanlah murid lelaki kurang minat makan seperti Q dan A. Perbezaan makan Kelantan dan Sabah berbeza...Manakala perempuan baik cara makannya bersopan”

(PK5/TB-U6: 49-55)

Jadual 4.18 di bawah, adalah rumusan bagi sumber rintangan melibatkan gender guru dan murid.

Jadual 4.18

*Rumusan Sumber Rintangan Perbezaan Gender*

Peserta Kajian	Gender Guru	Gender Murid Prasekolah
PK1	<p><b>Dapatan Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Pendekatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru perempuan watak keibuan iaitu lemah lembut dan penyayang</li> <li>- Guru lelaki bijaksana iaitu melayan secara adil</li> </ul> <p>Pengetahuan Guru</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menerokai pengetahuan pengajaran</li> <li>- Meneroka persekitaran murid</li> </ul>	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Aktiviti makan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua murid seronok, gembira dan ceria.</li> <li>- Semua murid saling berbual-bual, membantu rakan dan berkongsi makanan</li> <li>- Semua murid bekerjasama mengurus aktiviti makan pada sebelum, semasa dan selepas makan.</li> <li>- Murid lelaki aktif dan perlukan masa menerima penerapan.</li> <li>- Murid perempuan mudah menerima penerapan APAB.</li> <li>- Murid perempuan mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran.</li> </ul> <p>Penerapan APAB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerapan pengajaran pengurusan diri, hormat hak kawan, berdisiplin dan saling membantu.</li> <li>- Kerap memberi penerangan, kepercayaan dan tidak membezakan jantina.</li> </ul>
PK2	<p><b>Dapatan Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Pendekatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru lelaki fleksibel, mengawal emosi dan suara mendatar</li> <li>- Guru perempuan berjiwa ibu, tegas, lemah lembut, komitmen tinggi, beremosi, suara jelas mengikut keadaan</li> </ul>	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Aktiviti makan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua murid mempunyai tingkah laku yang tidak jauh berbeza.</li> <li>- Amalan duduk berasingan mengikut jantina.</li> <li>- Murid lelaki aktif, kurang mementingkan kekemasan ketika makan.</li> <li>- Murid lelaki makan sambil bermain.</li> </ul>

	<p>Pengetahuan Guru</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Komitmen tugas</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid perempuan penting kekemasan ketika makan</li> <li>- Murid perempuan menunjukkan sahsiah makan sopan</li> <li>- Murid perempuan suka berbual-bual ketika aktiviti makan.</li> <li>- Semua murid mengekalkan adap tingkah laku baik</li> </ul> <p>Penerapan APAB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkongsi makanan, berbual-bual, membantu bersihkan peralatan serta tempat makan.</li> </ul>
PK3	<p><b>Dapatan Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Pendekatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru perempuan bersifat keibuan</li> <li>- Guru lelaki bersifat kebapaan</li> </ul> <p>Pengetahuan Guru</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengajaran.</li> </ul>	<p><b>Analisis</b></p>	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Aktiviti makan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua murid bekerjasama dengan baik</li> <li>- Murid lelaki agresif</li> <li>- Murid perempuan tertib dan sopan</li> </ul> <p>Penerapan APAB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerapan pengajaran sahsiah yang baik</li> </ul>
PK4	<p><b>Dapatan Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Pendekatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru perempuan mempunyai ciri-ciri keibuan yang lemah lembut dan amat menyayangi murid</li> <li>- Guru lelaki lebih tegas</li> <li>- Guru bersifat kebapaan</li> </ul> <p>Pengetahuan Guru</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengajaran murid.</li> </ul>	<p><b>Analisis</b></p>	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul> <p>Aktiviti makan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua murid bekerjasama dengan baik</li> <li>- Murid lelaki agresif</li> <li>- Murid perempuan tertib dan sopan</li> </ul> <p>Penerapan APAB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerapan pengajaran sahsiah yang baik</li> </ul>
PK5	<p><b>Dapatan Kajian</b></p>	<p><b>Analisis</b></p>	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul>

---

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> </ul>	<p>Aktiviti makan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua murid menunjukkan sikap positif</li> <li>- Semua murid bekerjasama dengan baik</li> <li>- Murid lelaki aktif</li> <li>- Murid perempuan lebih sopan</li> <li>- Murid berkenalan dan berkomunikasi.</li> </ul>
<p>Pendekatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru perempuan bersifat keibuan serta menggunakan pujukan dan kelembutan.</li> <li>- Guru lelaki lebih tegas</li> <li>- Guru lelaki suka pelbagai aktiviti luar</li> <li>- Guru perempuan minat aktiviti dalam bilik darjah</li> </ul>	<p>Penerapan APAB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerapan pengajaran sahshiah yang baik</li> </ul>
<p>Pengetahuan Guru</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengajaran murid.</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>-</li> </ul>	

---

## 4.7.2 Etnik

Penglibatan etnik dalam pengajaran, membawa guru meneroka pengetahuan tentang adat resam, pola keluarga, pakaian tradisional, pekerjaan, jenis makanan, peralatan muzik dan tarian.

### 4.7.2.1 Adat Istiadat Etnik

Data kajian mendapati bahawa amalan adat istiadat etnik adalah penting dalam penerapan APAB. Semua peserta kajian bersetuju bahawa tidak terdapat rintangan etnik dalam pengajaran di kelas prasekolah. Pengetahuan dan kefahaman tentang pendidikan etnik yang terkandung dalam APAB menanamkan amalan jati diri murid prasekolah terhadap adat istiadat etnik. Potensi bakat semula jadi mereka dapat dikembangkan melalui perkongsian dan penglibatan etnik yang pelbagai. Misalnya, adat menghormati orang tua, adat bersahabat dan adat bertamu.

Pendapat PK1, PK2, PK3 dan PK4 menyatakan bahawa penglibatan pelbagai etnik adalah sumber perpaduan pelbagai kaum dalam proses



kemenjadian murid prasekolah. Penglibatan pelbagai etnik di dalam pengajaran, membuktikan bahawa prasekolah bukan khusus untuk satu-satu bangsa sahaja. Amalan pendidikan guru di kelas prasekolah, menerima semua amalan kaum yang ada di Malaysia sebagai sumber pendidikan di prasekolah. Pertembungan murid daripada etnik yang berbeza di persekitaran bilik darjah mendorong mereka mencari nilai-nilai persamaan dalam hubungan dan interaksi. Penerapan pendidikan etnik murid didedahkan secara semula jadi melalui warna kulit, rambut, fizikal, sambutan perayaan, pakaian tradisional, kraf tangan, bahasa, tarian dan lagu tradisi pelbagai budaya.

Impaknya, setiap etnik di prasekolah berhubung untuk mencari persamaan dan bekerjasama tanpa mengambil kira perbezaan amalan etnik. Kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan murid daripada etnik lain, mendorong mereka membentuk interaksi dan mengukuhkan persahabatan daripada etnik yang sama. Petikan temu bual bersama PK1, PK2, PK3 dan PK5 berikut menyatakan dengan jelas kepentingan penglibatan etnik kepada murid prasekolah.

“...penglibatan ibu bapa pelbagai penting dalam kemenjadian murid. Dengan adanya penglibatan pelbagai etnik ini mengajak murid belajar tentang kepelbagaian budaya dalam melahirkan masyarakat harmoni dan bekerjasama tanpa mengira etnik”

(PK1/TB-U7: 8-12)

“...penglibatan pelbagai etnik di dalam prasekolah ini dapat menunjukkan bahawa prasekolah ini bukan khusus untuk satu-satu bangsa sahaja. Dia boleh menerima semua apatuh...kaum yang ada di Malaysia untuk mendapat pendidikan di prasekolah ini”

(PK2/TB-U7: 9-17)

“...membantu untuk murid itu memahami perhubungan di antara rakan-rakan kelas dan juga komuniti. Jadi secara tidak langsung jika ada pelbagai etnik murid prasekolah boleh berinteraksi dan menerapkan etika-etika yang baik dalam perhubungan di antara rakan dan komuniti”

(PK3/TB-U7: 10-15)

“mengembangkan sahsiah murid terhadap amalan anti-bias. Dengannya murid boleh tahu latar belakang kawan sekelas dan perbezaan mereka. Manakala guru pula berperanan menyatukan murid pelbagai etnik dengan nilai kebangsaan”

(PK5/TB-U7: 9-14)

Sementara PK4, berpendapat bahawa penglibatan etnik kurang mempengaruhi kemenjadian murid. Perkara ini berlaku kerana, potensi diri dan kebolehan murid lebih kuat mempengaruhi sifat dalaman murid untuk berjaya. Selain itu latar belakang murid dan persekitaran mereka adalah berbeza. Aspek etnik dilihat sebagai pelengkap kepada pembentukan pengetahuan sedia ada murid. Petikan berikut adalah menyokong kenyataan PK4 tersebut.

“...murid-murid mempunyai potensi dan kebolehan masing-masing. Selain itu murid-murid juga mempunyai asas pengetahuan pemikiran. Mereka berbeza di antara satu sama lain”

(PK4/TB-U7: 9-17)

Di bawah dijelaskan sumber rintangan etnik berpandukan Jadual 4.19.

Peserta Kajian	Halangan Etnik
PK1	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> <li>- Etnik tidak menghalang pengajaran.</li> <li>- Etnik pelbagai penting membentuk kemenjadian murid</li> <li>- Murid didedahkan kepelbagaian budaya dan penerapan masyarakat harmoni.</li> <li>- Setiap etnik berkongsi persamaan dan bekerjasama tanpa mengambil kira perbezaan amalan etnik.</li> </ul>
PK2	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> <li>- Etnik tidak menghalang pengajaran.</li> <li>- Pengetahuan dan kefahaman etnik penting.</li> <li>- Pendidikan etnik menanamkan amalan jati diri.</li> <li>- Penglibatan etnik menggalakkan perkongsian amalan dan menanamkan semangat perpaduan</li> <li>- Pendidikan hak untuk semua etnik.</li> </ul>
PK3	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> <li>- Etnik tidak menghalang pengajaran.</li> <li>- Etnik pelbagai penting membentuk kemenjadian murid.</li> <li>- Etnik membentuk nilai persamaan dalam hubungan dan interaksi</li> <li>- Kepelbagaian etnik menggalakkan guru meneroka, interaksi dan membentuk persahabatan</li> </ul>
PK4	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> <li>- Etnik tidak menghalang pengajaran.</li> <li>- Etnik tidak mempengaruhi kemenjadian murid.</li> <li>- Potensi diri dan kebolehan penting untuk murid berjaya.</li> <li>- Etnik membentuk pengetahuan sedia ada dan nilai persamaan</li> <li>- Kepelbagaian etnik menggalakkan penerokaan, interaksi dan membentuk persahabatan</li> <li>- Murid menerima kehadiran etnik lain dan sambutan perayaan</li> </ul>
PK5	<p><b>Dapatan Analisis Kajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Rintangan</li> <li>- Etnik tidak menghalang pengajaran.</li> <li>- Etnik mengembangkan sahsiah murid meneroka persamaan dan perbezaan.</li> <li>- Guru pusat penyatuan murid pelbagai etnik</li> </ul>

### **4.7.3 Sosio Budaya**

Sosio budaya adalah amalan pelbagai budaya yang diperoleh melalui penerapan pendidikan ibu bapa di rumah, pengajaran guru di sekolah dan masyarakat di persekitaran. Amalan sosio budaya ini melibatkan penerapan nilai-nilai sopan-santun, kesederhanaan, keindahan dan keharmonian hidup antara ahli-ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Rintangan sosio budaya dalam dapatan kajian ini adalah berkaitan dengan penerapan amalan pendidikan secara tidak formal dan amalan pendidikan secara formal di sekolah.

Rintangan sosio budaya dilihat meliputi dua sub tajuk utama, iaitu i) amalan pendidikan ibu bapa di rumah, dan ii) amalan pendidikan guru di sekolah. Berikut adalah analisis dapatan kajian terhadap halangan sosio budaya yang dihadapi dalam penerapan APAB.

#### **4.7.3.1 Amalan Pendidikan Ibu Bapa Di Rumah**

Dalam penerapan APAB, terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi pengajaran guru di kelas prasekolah. Berdasarkan data kajian, amalan pendidikan ibu bapa di rumah bermaksud pendidikan yang diberikan dan diwarisi kepada anak mereka sepanjang berada di rumah masing-masing.

Menurut PK1, PK3 dan PK4 menyatakan amalan asuhan di rumah mempengaruhi perkembangan latar belakang murid di kelas prasekolah. Ibu bapa dilihat kurang menerapkan APAB dalam pendidikan di rumah. Mereka cenderung menerapkan amalan sosio budaya yang menganggap budaya mereka sebagai yang terbaik hingga menimbulkan kepercayaan prasangka yang mempengaruhi kehidupan rutin harian murid. Amalan sosio budaya ini bermaksud pendidikan etnik yang diwarisi ibu bapa dari

generasi ke generasi. Ini berdasarkan kenyataan PK1, PK3 dan PK4

tentang amalan pendidikan ibu bapa ke atas murid prasekolah.

“...pertama dari diri murid itu sendiri yang terbiasa sejak kecil di rumah dengan amalan menyendiri, kurang mengetahui perkembangan amalan ini. Dan kemudian halangan dari keluarga, ibu bapa itu sendiri kurang menerapkan, malahan sikap bias ini dipertahankan bila kita cuba memperkenalkan amalan anti- bias kepada ibu bapa murid”

(PK1/TB-U4: 22-29)

“...latar belakang murid yang terdiri daripada pelbagai suku etnik.

(PK3/TB-U4: 34-35)

“...satu daripadanya ialah latar belakang murid. Berkaitan dengan latar belakang murid yang kita sedia maklum murid yang terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India”.

(PK4/TB-U4: 22-25)

PK5 menambah, ibu bapa mendidik murid mengikut hala tuju yang berbeza dengan keperluan semasa. Mereka mewariskan murid dengan bahasa ibunda, kepercayaan budaya, taraf pekerjaan dan amalan rutin harian. Murid didedahkan dengan bahasa pertuturan, jenis peralatan permainan, perhubungan dengan rakan, hormat-menghormati, adat istiadat suku kaum dan peraturan makan serta minum. PK5 menyatakan melalui petikan berikut,

“...ibu bapa masih mendidik anak mereka mengikut cara sendiri kerana latar belakang budaya mereka yang tidak samaa, bahasa di rumah yang tidak sama, pekerjaan berbeza dan amalan rutin tidak sama dengan sekolah”

(PK5/TB-U4: 32-36)

Dalam temu bual, PK2 juga turut mendapati ibu bapa kurang menyumbang idea dalam membantu murid menguasai 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul). Mereka kurang terlibat apabila dijemput ke sekolah bagi tujuan membincangkan penguasaan kemahiran murid. Kesannya, wujud pertentangan amalan didikan di rumah dengan pendidikan formal di sekolah. Selain itu, murid juga menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran dan menerima rakan sebaya yang berbeza. Petikan

berikut merupakan kenyataan PK2 tentang sumber rintangan amalan pendidikan di rumah ke atas murid prasekolah.

“...ibu bapa kurang bagi idea dan sokong murid kuasai 4M”  
(PK2/TB-U4:38-40)

Kedatangan murid ke sekolah, membawa bersama amalan budaya mengikut kepercayaan yang berbeza berdasarkan etnik masing-masing. Setiap etnik mempunyai kepercayaan dan kefahaman yang tersendiri. Pertembungan ini menurut PK3 dan PK4, bertambah sukar apabila ada di kalangan ibu bapa kurang mengambil berat tentang kesinambungan pembelajaran dan aktiviti di prasekolah. Mereka kurang melibatkan diri dalam program dan aktiviti yang dianjurkan oleh prasekolah. Mereka menyerahkan usaha mendidik kecemerlangan murid kepada guru sepenuhnya. Berikut merupakan hasil temu bual bersama PK3 dan PK4 tentang cabaran yang dihadapi guru.

“...halangan daripada ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang pembelajaran dan aktiviti di prasekolah”  
(PK3/TB-U4: 37-39)

“...halangan yang saya hadapi iaitu kurangnya penglibatan waris pun ibu bapa dalam program atau aktiviti di prasekolah. Ramai ibu bapa yang saya dapati mengharapkan sepenuhnya di prasekolah. Mereka menghantar murid dan mengharapkan seratus peratus di prasekolah”  
(PK4/TB-U4: 44-49)

#### **4.7.3.2 Amalan Pendidikan Guru Di Sekolah.**

Pengetahuan dan kefahaman guru memainkan peranan penting dalam bilik darjah. Kekurangan pengetahuan dan kefahaman APAB menjadi halangan kepada guru untuk menerapkan APAB kepada murid prasekolah. Dapatan data menunjukkan bahawa semua peserta kajian menyatakan pentingnya kursus dan latihan profesionalisme guru dalam mempertingkatkan kemahiran guru. Ke kerapannya kursus dan latihan menjadi

pengukur utama pengetahuan dan kemahiran guru dalam proses penerapan APAB dalam bilik darjah.

PK1, menyatakan kursus penting untuk mengembangkan pengetahuan tentang kandungan kurikulum yang disampaikan di prasekolah. Pengetahuan dan kefahaman ini membantu guru menerokai dan menyerapkan APAB secara merentasi kurikulum.

“...kursus memangnya masih kurang. Pelbagai latihan kursus perlu diberikan sebanyak mungkin agar kurikulum yang disampaikan di prasekolah ini dapat memberikan satu impak positif dalam merentasi kurikulum secara keseluruhan. Ini penting supaya tidak ketinggalan dengan pendidikan di abad ke 21”

(PK1/TB-U4: 54-59)

PK2, menyatakan kesediaan guru mempengaruhi keupayaan mereka menyampaikan penerapan APAB. Pengetahuan yang terhad menyebabkan guru kurang yakin dalam melaksanakan penerapan APAB. Kekurangan pengetahuan ini menjadi penghalang proses mendedahkan APAB kepada murid di kelas prasekolah. Selain itu, PK2 juga menyatakan belum pernah menghadiri kursus secara formal tentang pendekatan pengajaran dan pelaksanaan APAB di kelas prasekolah.

Situasi ini menyukarkan guru menerokai dan memahami penerapan aktiviti APAB yang sesuai dengan tahap perkembangan murid di kelas prasekolah. Beliau juga menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada yang dimilikinya tidak selari dengan kehendak pengajaran dalam pembelajaran abad ke 21. Mereka memerlukan pelbagai kursus yang dapat memperkembangkan pengisian kurikulum dan memantapkan pengajaran di prasekolah. Ini bersesuaian dengan proses pembelajaran yang menghala ke depan.

“...banyak lagi yang perlu dipelajari lebih-lebih lagi sekarang ni ditekankan pembelajaran abad ke 21. Rasanya kursus dan latihan yang diperolehi setakat ini belum mencukupi sebab proses pembelajaran ini sentiasa ke depan! ke depan...kursus yang saya perolehi sudah tidak boleh diguna pakai untuk pembelajaran abad yang ke 21.

(PK2/TB-U4: 47-52)

PK3, PK4 dan PK5, turut menyatakan kurang berpuas hati kerana kekerapan kursus dan latihan prasekolah yang kurang. Ini dilihat oleh mereka sebagai tidak selari dengan keperluan perubahan kurikulum dan jumlah kursus yang sepatutnya. Mereka menyatakan, pentingnya lebih banyak kursus yang berkualiti melibatkan kemahiran dan pementapan pengetahuan khasnya kursus APAB. Mereka hanya mendapatkan pengetahuan tentang APAB secara tidak formal melalui perbincangan dan maklumat semasa. Kekurangan pengetahuan dan kesediaan guru melaksanakan penerapan APAB, dinyatakan peserta kajian melalui petikan perbualan berikut.

Berikut adalah kenyataan PK3, PK4 dan PK5, tentang kepentingan kursus dan latihan prasekolah terhadap peningkatan profesionalisme guru.

“...sepanjang pengajaran saya aaa lebih kurang 5 tahun, saya belum berpuas hati lagi. Kursus yang melibatkan prasekolah teramat kurang berbanding perubahan kurikulum yang dilaksanakan. Saya perlukan lebih banyak kursus lebih banyak latihan untuk memantapkan diri saya.

(PK3/TB-U4: 44-48)

“...tidak berpuas hati dengan latihan atau kursus yang saya perolehi setakat ini. Saya lihat perubahan kurikulum tidak selari dengan bilangan kursus yang sepatutnya. Untuk guru lebih mahir kursus yang berkualiti penting untuk kemahiran guru. Apatah lagi dalam pendekatan APAB ini.

(PK4/TB-U4: 93-98)

“...kursus yang di perolehi setakat ini, masih kurang. Walau bagaimanapun harus ditambah sesuai dengan perubahan kurikulum dan pengurusan prasekolah. Lebih banyak kursus dan latihan lebih memantapkan pengajaran.

(PK5/TB-U4: 60-63)

Berikut dijelaskan secara ringkas rumusan sumber rintangan sosio budaya dalam pengajaran APAB berpandukan Jadual 4.20.



Jadual 4.20

*Rumusan Sumber Rintangan Sosio Budaya Dalam Pengajaran APAB Di Kelas Prasekolah*

Peserta Kajian	Amalan Pendidikan Ibu Bapa	Amalan Pendidikan Guru
PK1	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempengaruhi perkembangan latar belakang murid</li> <li>- APAB kurang diterapkan di rumah</li> <li>- Menerapkan amalan budaya etnik mereka yang terbaik.</li> <li>- Murid prasangka dalam kehidupan harian.</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sukar menerapkan APAB</li> <li>- Kurang kursus dan latihan APAB</li> <li>- Kurang pengetahuan dan kefahaman pengajaran APAB.</li> <li>- Kurang kemahiran meneroka dan pengajaran merentasi kurikulum.</li> <li>- Pengetahuan dan kefahaman APAB penting.</li> </ul>
PK2	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang menyumbang idea</li> <li>- Penglibatan kurang terlibat apabila dijemput ke sekolah.</li> <li>- Pertentangan amalan didikan di rumah dengan pendidikan formal di sekolah</li> <li>- Murid sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran dan menerima rakan berbeza.</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang bersedia menerapkan APAB.</li> <li>- Pengetahuan terhadap menyebabkan kurang yakin.</li> <li>- Kurang pengetahuan menghalang proses penerapan APAB.</li> <li>- Tiada kursus menyukarkan penerokaan dan penerapan aktiviti.</li> <li>- Pengetahuan sedia ada tidak selari dengan kehendak pengajaran abad ke 21</li> <li>- Kursus dan latihan penting untuk mengembangkan serta memantapkan pengajaran.</li> </ul>
PK3	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempengaruhi perkembangan latar belakang murid.</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang berpuas hati kerana kadar kursus dan latihan terhad.</li> </ul>

- 
- Setiap etnik ada kepercayaan dan fahaman
  - APAB kurang diterapkan di rumah
  - Ibu bapa menerapkan amalan budaya mereka yang terbaik.
  - Murid prasangka dalam kehidupan harian.
  - Kurang mengambil tahu tentang kesinambungan pembelajaran dan aktiviti di prasekolah.
  - Kurang melibatkan diri dalam program dan aktiviti prasekolah.
  - Menyerahkan usaha mendidik kecemerlangan murid kepada guru
- Kadar kursus tidak selari dengan keperluan perubahan kurikulum.
  - Memperoleh pengetahuan APAB secara tidak formal.
  - Memerlukan banyak kursus berkualiti melibatkan kemahiran dan pementapan pengetahuan.
- 

**PK4 Analisis Dapatan**  
Ada Rintangan

- Mempengaruhi perkembangan latar belakang murid.
- Pendidikan etnik tanamkan kepercayaan dan fahaman
- Kurang penerapan APAB di rumah
- Murid menerima amalan budaya mereka yang terbaik.
- Murid prasangka dalam kehidupan harian.
- Kurang kesinambungan pembelajaran prasekolah dengan rumah.
- Kurang penglibatan ibu bapa dan waris.
- Mengharapkan guru mendidik murid

**Analisis Dapatan**  
Ada Rintangan

- Kurang berpuas hati kerana kursus dan latihan prasekolah yang kurang.
- Keperluan pengisian kursus tidak selari dengan keperluan perubahan kurikulum.
- Memperoleh pengetahuan APAB secara tidak formal.
- Memerlukan kursus berkualiti membina kemahiran dan pementapan pengetahuan.

**PK5 Analisis Dapatan**  
Ada Rintangan

- Mendidik murid mengikut hala tuju yang berbeza.

**Analisis Dapatan**  
Ada Rintangan

- Kurang berpuas hati kerana bilangan kursus dan latihan yang kurang.
-

- 
- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- Mewariskan murid dengan bahasa ibunda, kepercayaan budaya, taraf pekerjaan dan amalan rutin harian.</li><li>- Pengetahuan murid terhadap</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>- Bilangan dan kandungan kursus tidak selari dengan keperluan perubahan kurikulum.</li><li>- Memperoleh pengetahuan APAB secara tidak formal.</li><li>- Memerlukan kursus kurikulum yang berkualiti melibatkan kemahiran dan pemantapan pengetahuan.</li></ul> |
|--|--|
- 

#### **4.7.4 Perkembangan Murid**

Pendidikan prasekolah meletakkan perkembangan murid secara holistik iaitu ke arah pembentukan sikap, pengetahuan, pemikiran, komunikasi dan pengurusan emosi. Perkembangan ini bertujuan melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Dapatan kajian ini, menunjukkan perkembangan murid yang tidak holistik menjadi penghalang kepada penerapan APAB dalam pengajaran

Rintangan yang melibatkan perkembangan murid merupakan antara salah satu perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam pengajaran APAB. Rintangan perkembangan murid ini dapat dikategorikan kepada dua subtajuk, iaitu i) perkembangan kognitif, dan ii) perkembangan sosio emosi murid. Berikut adalah analisis dapatan bagi kedua-dua aspek melibatkan rintangan perkembangan murid dengan menggunakan kaedah temu bual

##### **4.7.4.1 Perkembangan Kognitif**

Secara umumnya, perkembangan kognitif penting untuk kelangsungan hidup murid prasekolah. Dalam kajian ini, perkembangan kognitif merujuk kepada keupayaan murid untuk berfikir, memahami, memberi pendapat, mengingati perkara-perkara yang berlaku di persekitaran. Ia melibatkan aktiviti pembelajaran melibatkan pemikiran

iaitu penaakulan, ingatan, pengkelasan, perancangan dan penyelesaian masalah. Hal ini penting, untuk membantu murid mengembangkan pemikiran dalam satu peringkat perkembangan kepada yang seterusnya.

Perkembangan kognitif mempengaruhi kesediaan murid prasekolah menerima penerapan APAB. Dapatan data kajian, mendapati perkembangan kognitif murid prasekolah mempengaruhi mereka untuk berkongsi tentang menyelesaikan masalah pengetahuan, berinteraksi bersama rakan sebaya dan berkongsi maklumat tentang latar belakang persekitaran mereka.

Menurut PK1, PK2 dan PK5, perkembangan kemahiran kognitif murid yang tidak sekata di prasekolah menjadi halangan melaksanakan aktiviti pengajaran. Ruang masa yang secukupnya di perlukan guru untuk menyusun strategik menyelaraskan pengajaran kemahiran kognitif murid. Perbezaan kematangan kognitif murid di prasekolah boleh dibahagikan kepada dua tahap iaitu murid yang berumur 6 tahun dan 5 tahun. Perbezaan umur dilihat mempengaruhi kematangan mereka bertingkah laku di kelas prasekolah. Murid berumur 5 tahun dilihat kurang memberi respons tentang tingkah laku APAB berbanding murid berumur 6 tahun. Mereka cenderung untuk bebas menerokai amalan rutin di rumah dan persekitaran tanpa sebarang halangan.

“...pada zahirnya murid ni dalam had umur begini banyak karenanya. Ianya bergantung pada guru itu. Ini bermaksud guru kena pandai memainkan peranan agar pengajaran”.

(PK1/TB-U3: 50-53)

“...Tapi dari sudut murid rasanya murid belum dapat melihat. Murid belum ada lagi yang mereka ni tahu aaaa apatuh perbezaan ni...kerana murid-murid nie.”

(PK2/TB-U4: 17-22)

“...sesetengah kanak-kanak tidak bersedia untuk menerima pengajaran tersebut dilaksanakan kerana mereka masih kurang matang untuk memahami

dan ingin bebas mengikut kehendak masing-masing. Mereka masih tidak dapat membezakan amalan tersebut kerana masih dalam dunianya sendiri”  
(PK5/TB-U4: 25-29)

PK3, menyatakan tahap kesediaan kognitif murid mempengaruhi penerimaan mereka terhadap penerapan APAB. PK4 menyatakan, dalam pengajaran murid prasekolah kurang melibatkan diri dalam aktiviti penerapan APAB kerana perbezaan aras kebolehan masing-masing. Mereka masih tidak dapat menumpukan aktiviti kumpulan kerana tidak dapat berkongsi pengetahuan. Mereka dilihat masih belum bersedia menerima, memahami dan mengenal adat istiadat etnik serta sambutan perayaan. Dalam proses pembelajaran, murid prasekolah menghadapi rintangan menguasai kemahiran APAB seperti bahasa ibunda, jenis-jenis pakaian etnik, jenis makanan etnik dan kepercayaan. PK4 turut menyatakan terdapat tiga aras kebolehan kognitif murid prasekolah iaitu aras pengetahuan yang cepat, aras pengetahuan sederhana dan aras pengetahuan yang lambat.

“...pertama tahap kesediaan murid untuk belajar”

(PK3/TB-U4: 30-31)

“...halangan ke 3 yang saya hadapi dalam melaksanakan pengajaran APAB ini iaitu aras kebolehan murid. Didapati aras kebolehan murid saya juga berbeza-beza ada murid aras kebolehan yang cepat, ada juga aras murid yang sederhana. Ada juga murid saya aras pengetahuan mereka lambat”

(PK4/TB-U4: 38-42)

#### **4.7.4.2 Perkembangan Sosio Emosi**

Sosio emosi murid di prasekolah, dipengaruhi oleh keupayaan mereka berinteraksi, berkongsi, berdikari, keyakinan diri dan mematuhi peraturan sedia ada. Dapatan data kajian mendapati, rintangan sosio emosi murid mempengaruhi kesediaan mereka menerima pengajaran APAB. Pengetahuan dan kefahaman guru tentang perkembangan sosio emosi.

Kefahaman terhadap pengetahuan ini mempengaruhi penglibatan murid dalam pembelajaran di prasekolah.

Menurut PK1, perkembangan sosio emosi ini dapat dilihat dalam aspek ego murid, kerjasama dan aras kebolehan. Penglibatan murid yang kurang dalam aktiviti pembelajaran berlaku apabila perselisihan berlaku dengan rakan sebaya. Sikap ego yang ada pada murid prasekolah menyebabkan mereka tidak mahu bertolak ansur sesama rakan sebaya dan juga guru. Petikan berikut adalah kenyataan beliau.

“...tidak mahu bertolak ansur sama rakan atau guru bila berlaku masalah yang timbul akibat sikap ego. Yang kedua, rakan sebaya juga merupakan faktor utama penyebab cabaran ini berlaku disebabkan penggeseran antara dua pihak

(PK1/TB-U4: 36-39)

Berdasarkan makluman PK2, murid prasekolah masih belum dapat membezakan di antara perhubungan di antara agama, bangsa dan budaya. Mereka hanya fokus kepada kehidupan rutin harian sahaja. Mereka kurang matang untuk memahami pembelajaran APAB namun meluahkan emosi mereka melalui aktiviti yang disediakan guru. Menurut PK4, sebahagian murid beliau kurang terlibat secara aktif dalam melaksanakan aktiviti kerana perbezaan aras kebolehan masing-masing. Ini berdasarkan kenyataan beliau yang menyebut.

“...Yang saya rasa cabaran yang itulah melihat belum memahami antara mereka apa.....kawan mereka, bangsa apa dalam agama mereka...mereka melihat mereka sama sahaja. Mereka belum membezakan antara merekalahhh...”

(PK2/TB-U4: 35-39)

“...Mereka berbeza di antara satu sama lain”

(PK4/TB-U7: 16-17)

Menurut PK3, PK4 dan PK5, kestabilan sosio emosi penting dalam memberi keyakinan diri murid untuk menerokai APAB di prasekolah.

Keyakinan diri membolehkan murid membina perhubungan dengan rakan sebaya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Melaluinya, mereka bersedia berkongsi pelbagai maklumat yang diperolehi menerusi penerapan APAB. Namun terdapat juga murid yang kurang bersedia kerana persekitaran yang berbeza walaupun secara fizikalnya berumur di antara 5 hingga 6 tahun. Ini dijelaskan melalui petikan berikut.

“...pertama tahap kesediaan murid untuk belajar”

(PK3/TB-U4: 30-31)

“...kedua, tahap kesediaan murid di prasekolah saya. Kesediaan murid yang saya terima mempunyai tahap kesediaan murid yang berbeza. Ada murid yang bersedia ke sekolah dan ada murid yang kurang bersedia walaupun umur murid saya di kalangan 5 hingga 6 tahun”

(PK4/TB-U4: 31-37)

“...sesetengah kanak-kanak tidak bersedia untuk menerima pengajaran tersebut dilaksanakan kerana mereka masih kurang matang untuk memahami dan ingin bebas mengikut kehendak masing-masing. Mereka masih tidak dapat membezakan amalan tersebut kerana masih dalam dunianya sendiri”

(PK5/TB-U4: 25-29)

Berikut dijelaskan secara ringkas rumusan sumber rintangan perkembangan kognitif dan perkembangan sosioemosi murid dalam pengajaran apab di kelas prasekolah berdasarkan Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21

*Rumusan Sumber Rintangan Perkembangan Kognitif Dan Perkembangan Sosioemosi Murid Dalam Pengajaran APAB Di Kelas Prasekolah*

Peserta Kajian	Perkembangan Kognitif	Perkembangan Sosioemosi
PK1	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- perkembangan kemahiran kognitif murid tidak sama</li> <li>- Kemahiran diperlukan untuk menyusun dan menyelaraskan pengajaran</li> <li>- Kematangan kognitif murid di prasekolah berbeza.</li> <li>- Perbezaan umur mempengaruhi kematangan berfikir dan bertingkah laku</li> <li>- Umur 5 tahun kurang memberi respons dalam pengajaran.</li> <li>- Bebas menerokai persekitaran.</li> <li>- Umur 6 tahun lebih matang dan fokus pengajaran.</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sukar menerapkan APAB</li> <li>- Kurang kursus dan latihan APAB</li> <li>- Murid bersifat ego, kerjasama dan berbezaa kebolehan</li> <li>- Penglibatan kurang kerana wujud jurang komunikasi</li> <li>- Murid memerlukan bimbingan mengurus emosi</li> </ul>
PK2	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkembangan kognitif murid tidak sama</li> <li>- Peruntukan masa lebih untuk mengajar APAB</li> <li>- Umur 6 tahun lebih fokus dan matang.</li> <li>- Umur mempengaruhi kematangan murid</li> <li>- Murid berumur 5 tahun kurang fokus pengajaran.</li> <li>- Murid suka bebas menerokai persekitaran</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid prasekolah masih belum dapat membezakan emosi</li> <li>- Kurang matang untuk memahami pembelajaran APAB namun meluahkan emosi mereka melalui aktiviti</li> <li>- Fokus kepada kehidupan rutin harian sahaja.</li> </ul>
PK3	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tahap kesediaan kognitif mempengaruhi penerimaan mereka terhadap penerapan APAB.</li> </ul>	<p><b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sosio emosi stabil memberi keyakinan diri murid.</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keyakinan diri membina perhubungan dengan rakan sebaya.</li> <li>- Bersedia berkongsi pelbagai maklumat.</li> <li>- Terdapat juga murid yang kurang bersedia kerana persekitaran yang berbeza</li> </ul>
<b>PK4</b>	<b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aras kebolehan berbeza mempengaruhi penglibatan murid.</li> <li>- Kurang minat aktiviti kumpulan</li> <li>- Belum bersedia menerima, memahami dan mengenal APAB.</li> <li>- Kebolehan kognitif murid iaitu aras pengetahuan yang cepat, aras pengetahuan sederhana dan aras pengetahuan yang lambat.</li> </ul>	<b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sosio emosi stabil memberi keyakinan diri untuk ke sekolah.</li> <li>- Keyakinan diri membina perhubungan dengan rakan sebaya.</li> <li>- Bersedia berkongsi pelbagai maklumat.</li> <li>- Terdapat juga murid yang kurang bersedia kerana persekitaran yang berbeza</li> </ul>
<b>PK5</b>	<b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- perkembangan kemahiran kognitif murid berbeza</li> <li>- Murid perlukan masa untuk menerima penerapan APAB</li> <li>- Kematangan kognitif murid di prasekolah berbeza</li> <li>- Umur mempengaruhi kematangan murid bertingkah laku</li> <li>- Murid 5 tahun suka bebas menerokai.</li> <li>- Murid 6 tahun fokus pengajaran guru</li> </ul>	<b>Analisis Dapatan</b> Ada Rintangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sosio emosi stabil memberi keyakinan diri murid.</li> <li>- Keyakinan diri membina perhubungan dengan rakan sebaya.</li> <li>- Bersedia berkongsi pelbagai maklumat.</li> <li>- Terdapat juga murid yang kurang bersedia kerana persekitaran yang berbeza</li> </ul>

#### **4.7.5 Kemahiran Guru Dalam Pengajaran**

Sebagai pendidik, guru perlu menguasai kemahiran pengajaran untuk mengelolakan aktiviti melibatkan KSPK. Melalui kemahiran pengajaran yang terancang dan tersusun, peserta kajian dapat mengenal pasti aktiviti pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan mengikut tahap perkembangan murid dan tempoh masa yang ditetapkan. Namun, rintangan dalam kemahiran pengajaran muncul apabila guru kurang menguasai aspek pengetahuan dan kefahaman dalam KSPK.

Analisa dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat halangan yang melibatkan kemahiran pengajaran guru di prasekolah. Dapatan kajian membuktikan, terdapat 3 sub tema penting tentang kemahiran guru yang perlu dikuasai. Sub tema tersebut ialah pemilihan kemahiran kandungan tunjang pengajaran, pemilihan pendekatan pengajaran dan pemilihan bahasa komunikasi.

##### **4.7.5.1 Pemilihan Kemahiran Kandungan Pengajaran**

Dalam menyampaikan pengajaran, aspek pengetahuan dan kefahaman penting untuk di terokai. PK1, menyatakan penting penguasaan terhadap pengetahuan dan kefahaman yang mantap di kalangan guru. Kemahiran ini membolehkan guru melaksanakan pemilihan kemahiran kandungan KSPK untuk diselarikan dengan penerapan APAB.

Pemilihan kemahiran kandungan ini, membentuk kemahiran pengajaran guru yang dapat mencabar pemikiran murid. Penguasaan kemahiran kandungan yang lemah adalah berpunca daripada kurangnya penguasaan pengetahuan dan kefahaman. Justeru itu, menyebabkan penerapan APAB di kelas prasekolah tidak mendapat sambutan murid kerana aktiviti yang dilaksanakan kurang mencabar kebolehan mereka. Ini berdasarkan kenyataan PK2 yang menyebut bahawa,

“...peranan dan pengajaran guru yang kurang mencabar memberi penerapan secara berulang tentang APAB ini kepada murid

(PK1/TB-U4: 43-45)

#### 4.7.5.2 Pemilihan Pendekatan Pengajaran

Pendekatan pengajaran merujuk kepada cara bagaimana tunjang mata pelajaran itu disampaikan guru untuk mencapai objektifnya. Dengan adanya pendekatan pengajaran, guru dapat membuat tanggapan asas yang akan dijadikan prinsip. Pemilihan pendekatan pengajaran memerlukan guru melibatkan murid dalam aktiviti individu, berpasangan dan kumpulan.

Bagi PK2, pemilihan pendekatan pengajaran bertujuan menanamkan minat mendalam murid terhadap APAB. Pelaksanaannya memerlukan guru meneroka situasi murid, persekitaran kelas dan memahami pendekatan pengajaran APAB. Petikan berikut merupakan kenyataan PK 2 tentang kepentingan pendekatan APAB.

“...mungkin mereka akan cepat memahami budaya, etnik dan persekitaran. Di negara kita sendiri pun apatuh terdiri dari pelbagai kaum...khususnya di Sabah dan Sarawak banyak etnik yang rasanya reaksi mereka lagi cepatlah lagi kesannya”

(PK2/TB-U5: 57-61)

Manakala bagi PK4 pula, kekurangan pengetahuan tentang pemilihan pendekatan pengajaran menghalang penglibatan aktiviti murid secara kelas, individu dan berpasangan. Aspek ini, turut di sokong PK3 dan PK5. Mereka mendapati, murid dalam sesi pengajaran di kelas prasekolah lebih cenderung kepada aktiviti individu dan berpasangan berbanding aktiviti kumpulan. Oleh itu, menurutnya guru perlu mempermudah pengajaran sesuai dengan kemampuan murid. Penilaian semula pengetahuan dan kemahiran guru membolehkan aktiviti pembelajaran di kelas prasekolah di sampaikan mengikut tahap kecerdasan murid.

“...guru kena mengikut kemampuan murid dan pengajaran perlu dipermudahkan”

(PK3/TB-U4: 26-27)

“...apabila melaksanakan aktiviti ada di antara mereka tidak terlibat secara aktif. Ini kerana dari segi aras kebolehan masing-masing dan begitu juga cabaran dari segi pendekatan ”

(PK4/TB-U4: 82-85)

Dalam melaksanakan aktiviti pendekatan pengajaran, PK4 menyatakan bahawa murid prasekolah menghadapi kesukaran menyesuaikan diri di kelas prasekolah. Ini berpunca kerana mereka menghadapi rakan yang berbeza latar belakang dengan rakan mereka yang ada ketika di rumah. Bagi PK 5 pula, guru biasanya menghadapi situasi masalah demikian pada awal persekolahan. Namun setelah pertengahan sekolah, murid berupaya dipimpin dalam aktiviti melibatkan pengajaran di kelas. Berikut adalah kenyataan PK4 dan PK5.

“...Mereka mempunyai kesukaran kerana mereka menghadapi rakan yang tidak samaa dengan rakan yang ada ketika di rumah”

(PK4/TB-U4: 87-89)

“...guru menghadapi masalah pada awal persekolahan. Namun setelah pertengahan sekolah, murid boleh dipimpin dalam aktiviti pengajaran di kelas”

(PK5/TB-U4: 48-50)

#### **4.7.5.3 Pemilihan Bahasa Sebagai Alat Komunikasi**

Bahasa penting sebagai sumber komunikasi yang meningkatkan kemahiran literasi awal murid prasekolah. Kemahiran ini merujuk pada pengetahuan, kemahiran, dan perlakuan murid sepanjang berada dalam bilik darjah. Dapatan kajian mendapati, pemilihan bahasa dalam pengajaran di prasekolah memainkan peranan penting.

Bagi PK4, menyatakan bahawa bahasa merupakan sumber penting komunikasi murid di prasekolah. Oleh itu, PK4 telah memilih untuk menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama dalam

bilang darjah. Selain itu, bahasa juga berperanan sebagai alat penghubung yang berkesan melibatkan murid pelbagai kaum. Hal ini membolehkan mereka memilih sekolah sebagai tempat perkongsian pengetahuan bahasa ibunda dengan rakan mereka yang berlainan etnik.

Di peringkat umur prasekolah, murid mempunyai kemahiran untuk menyerap dan memahami pelbagai bahasa yang berbeza. Mereka merupakan individu yang mewarisi bahasa ibunda daripada ibu bapa. Mereka boleh berkomunikasi dengan rakan sebaya yang sama etnik. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran berkomunikasi dengan rakan yang berlainan etnik dan tidak memahami bahasa komunikasi guru di sekolah. Hal ini menyebabkan salah faham di antara guru dan murid akibat tidak memahami bahasa yang dipertuturkan.

Kepentingan bahasa sebagai sumber komunikasi dinyatakan PK4 dan PK3 dalam petikan temu bual di bawah.

“...bahasa merupakan memainkan peranan penting ketika kita berkomunikasi di antara murid dan murid, guru dengan murid, murid dan guru...murid saya yang terdiri dari pelbagai kaum masing-masing mempunyai bahasa ibunda mereka di rumah dan di aplikasi di sekolah...guru mempunyai kesukaran untuk memahami bahasa murid di prasekolah. Apa yang mereka guna di rumah mereka aplikasi di sekolah”  
(PK4/TB-U4: 56-68)

“...di sekolah kita mengajar dalam bahasa Malaysia. Murid kita sendiri terdiri dari pelbagai suku bangsa yang ada mempunyai bahasa ibunda masing-masing. Kemudian aaa di rumah mereka tidak guna bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda. Mereka bercakap mengikut bahasa ibunda sendiri yang berbeza dengan bahasa rasmi pembelajaran di sekolah. Ada juga sebilangan murid bila bercakap ada rakan yang lain tak faham aaa”

(PK3/TB-U4: 31-38)

Bagi PK3 mempunyai pandangan yang sama dengan PK4. Beliau menyatakan bahawa di sekolah guru menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghubung. Manakala di rumah ibu bapa mendidik murid

dengan bahasa ibunda masing-masing. Latar belakang murid yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa menyukarkan mereka menguasai kedua-dua bahasa secara serentak.

Murid di rumah, tidak menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda. Mereka cenderung bertutur menggunakan bahasa ibunda sendiri yang berbeza dengan bahasa rasmi pembelajaran di sekolah. Oleh sebab itulah, wujud kecelaruan bahasa di kalangan murid prasekolah. Sebilangan murid bila berkomunikasi tidak difahami oleh rakan yang lain.

Berikut merupakan Jadual 4.22 yang menjelaskan tentang rumusan halangan kemahiran pengajaran guru dalam penerapan APAB di kelas prasekolah.

Jadual 4.22

*Rumusan Sumber Rintangan Kemahiran Pengajaran Guru Dalam Penerapan APAB Di Kelas Prasekolah*

Peserta Kajian	Pemilihan Kemahiran Kandungan	Pemilihan Pendekatan Pengajaran	Pemilihan Bahasa Komunikasi
PK1	<p><b>Analisis Dapatan</b> Tiada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengetahuan dan kefahaman penting di terokai.</li> <li>- Penerapan APAB perlu pengetahuan dan kefahaman mantap.</li> <li>- Pemilihan kemahiran kandungan membentuk kemahiran pengajaran guru.</li> <li>- Penguasaan kemahiran kandungan lemah berpunca daripada kurang penguasaan</li> </ul>	-	-

		<p>pengetahuan dan kefahaman.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerapan aktiviti APAB mencabar kebolehan murid.</li> </ul>	
PK2	-	<p>Analisis Dapatan Tiada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemilihan pendekatan melibatkan aktiviti individu, berpasangan dan kumpulan.</li> <li>- Bertujuan menanamkan minat mendalam murid terhadap APAB.</li> <li>- Meneroka situasi murid, persekitaran dan memahami pengajaran APAB</li> </ul>	-
PK3	-	<p>Analisis Dapatan Tiada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid cenderung kepada aktiviti individu dan berpasangan berbanding aktiviti kumpulan</li> <li>- mempermudah pengajaran sesuai dengan kemampuan murid.</li> <li>- Penilaian semula pengetahuan dan kemahiran guru mengikut tahap kecerdasan murid.</li> </ul>	<p>Analisis Dapatan Tiada Rintangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghubung.</li> <li>- Bahasa ibunda di ajar di rumah.</li> <li>- Latar belakang murid yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa menyukarkan mereka menguasai kedua-dua bahasa secara serentak.</li> <li>- Murid di rumah gunakan bahasa ibunda.</li> <li>- Masalah komunikasi murid dengan sebaya.</li> </ul>

PK4	-	Analisis Dapatan Tiada Rintangan	Analisis Dapatan Tiada Rintangan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid kurang pengetahuan menghalang penglibatan murid secara kelas, individu dan berpasangan.</li> <li>- murid hadapi kesukaran menyesuaikan diri di kelas prasekolah.</li> <li>- Murid menghadapi rakan yang berbeza latar belakang dengan rakan mereka yang di rumah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahasa komunikasi yang berbeza menjadi halangan dan menimbulkan isu dalam pengajaran.</li> <li>- Bahasa penting sebagai alat komunikasi.</li> <li>- bahasa penghubung murid pelbagai kaum.</li> <li>- Bahasa ibunda bahasa pertuturan murid.</li> <li>- Murid belajar bahasa ibunda di rumah.</li> <li>- Murid tidak memahami</li> <li>- bahasa rakan sebaya di sekolah.</li> <li>- Murid sukar berkomunikasi dengan guru menyebabkan salah faham di antara guru dan murid</li> </ul>
PK5	-	Analisis Dapatan Tiada Rintangan	-
		<p>Murid 5 tahun cenderung kepada aktiviti individu dan berpasangan berbanding aktiviti kumpulan.</p> <p>Guru permudah pengajaran sesuai dengan kemampuan murid.</p> <p>Menilai semula pengetahuan dan kemahiran guru</p>	



---

mengikut tahap kecerdasan murid.

Guru hadapi halangan awal tahun berbanding pertengahan tahun

---

#### **4.8 Rumusan Sumber Rintangan Pengajaran APAB**

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian berkenaan dengan halangan penyampaian pengajaran APAB. Dapatan ini adalah merujuk kepada persoalan kajian yang ke empat. Berikut adalah halangan dalam pengajaran tentang KSPK dan APAB peserta kajian;

- i. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jantina tidak menjadi penghalang dan tidak mempengaruhi pemilihan pendekatan pengajaran APAB. Halangan jantina dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu i) sahsiah pengajaran guru dan ii) sahsiah murid prasekolah. Dalam dapatan kajian, menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan jantina dalam pembentukan sahsiah murid di prasekolah. Guru melaksanakan penerapan APAB dalam situasi makan di kelas prasekolah tanpa membezakan murid lelaki dan perempuan.
- ii. Tidak terdapat halangan etnik dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan, empat daripada lima peserta kajian bersetuju bahawa penglibatan etnik mempengaruhi penerapan APAB. Hanya satu peserta kajian yang tidak bersetuju dan menyatakan bahawa potensi murid lebih mempengaruhi kemenjadian murid prasekolah. Namun secara keseluruhannya, penglibatan ibu bapa dan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik adalah yang ke dua utama selepas guru dalam pengajaran APAB. Sehubungan itu, penglibatan guru merupakan perhubungan utama di antara ibu bapa dan sekolah.

- iii. Sosio budaya berperanan penting dalam pembentukan amalan guru dan murid di kelas prasekolah. Pertama, dapatan kajian ini mendapati bahawa amalan pendidikan ibu bapa yang bersikap tradisional menjadi halangan dalam pengajaran penerapan APAB kepada murid prasekolah. Kedua, kekurangan pengetahuan dan kefahaman menjadi halangan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus dan latihan secara formal dilihat menjejaskan pengetahuan serta kefahaman guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Selain itu mereka juga kurang membuat penerokaan melalui pembacaan dan media elektronik tentang kepentingan APAB sebagai elemen perpaduan. Elemen penting ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru menerapkan APAB dalam kelas prasekolah.
- iv. Bagi perkembangan murid, kajian mendapati perkembangan murid yang tidak holistik menjadi penghalang kepada pengajaran APAB. Perkara ini berlaku kerana di kelas prasekolah murid terdiri daripada dua peringkat umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Perbezaan peringkat perkembangan ini dikategorikan kepada dua aspek, iaitu i) perkembangan kognitif, dan ii) perkembangan sosio emosi murid. Perbezaan ini menimbulkan halangan kepada pengajaran APAB. Selain itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran yang mantap.
- v. Dalam kemahiran pengajaran, menunjukkan tidak terdapat rintangan dalam kemahiran pengajaran APAB di prasekolah. Peringkat perkembangan peringkat ini dikategorikan kepada tiga iaitu i) pemilihan kemahiran kandungan pengajaran, ii) pemilihan pendekatan pengajaran, dan iii) pemilihan bahasa komunikasi. Tiada halangan bagi pemilihan kemahiran kandungan pengajaran dan pemilihan pendekatan pengajaran berpandukan penerapan APAB. Namun bagi pemilihan bahasa komunikasi, hanya dua peserta yang menyatakan terdapat halangan kerana masalah komunikasi guru dengan murid, murid dengan murid.

## **BAB 5 : PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

### **5.1 Pendahuluan**

Dalam Bab 5 ini, membincangkan hasil dapatan kajian berpandukan soalan kajian secara menyeluruh yang melibatkan pengetahuan guru, pendekatan pengajaran, pemupukan guru dalam aspek APAB. Selain itu, sumber rintangan yang menjadi halangan pengajaran juga di bincangkan dalam konteks APAB ini.

### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian.**

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian di lapangan tentang pengajaran APAB guru prasekolah di luar bandar. Perbincangan meliputi hasil dapatan kajian, teori dan model, serta dapatan kajian lepas untuk melengkapkan hasil kajian yang diperolehi. Perbincangan ini merujuk kepada empat soalan utama kajian, iaitu i) pengetahuan kandungan guru, ii) pendekatan pengajaran APAB di prasekolah dari aspek membina minat dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran murid dan membangunkan pemikiran kritis murid, iii) penerapan APAB di prasekolah dari aspek jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi, iv) sumber rintangan dari aspek perbezaan jantina, etnik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

#### **5.2.1 Pengetahuan Kandungan Guru Prasekolah Terhadap APAB (SK1)**

Dapatan data kajian ini menjelaskan bahawa, pengetahuan kandungan peserta kajian merujuk kepada isi kandungan kurikulum prasekolah yang menjurus kepada APAB. Hasil kajian mengesahkan bahawa pengetahuan dan kefahaman guru terhadap KSPK (KPM, 2012) adalah sumber utama kepada pelaksanaan penerapan APAB dalam bilik darjah. Aspek ini penting kerana dalam merancang pengajaran, pengetahuan kandungan guru yang disampaikan dapat membentuk perkembangan diri murid yang terdiri daripada pelbagai etnik (Bank & Bank, 2010). Data temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen

menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai pengetahuan asas mengajar, mempunyai pengalaman bersama murid dan pengetahuan yang baik terhadap KSPK (KPM, 2012).

Perbincangan dapatan tentang pengetahuan APAB guru prasekolah dijelaskan seperti berikut iaitu pengetahuan tentang fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran, pengetahuan tentang kandungan tunjang pembelajaran, pengetahuan tentang kandungan membina rancangan pengajaran, pengetahuan tentang kandungan nilai murni, pengetahuan kandungan tentang pendekatan pengajaran, pengetahuan kandungan penilaian pengajaran, pengetahuan definisi dan konsep APAB serta pengetahuan tentang persepsi APAB.

Peserta kajian memahami dengan baik fokus, standard pembelajaran, standard kandungan, pemilihan kemahiran pengajaran, tunjang-tunjang pembelajaran, pendekatan pengajaran dan penerapan nilai murni. Semua aspek ini, memudahkan guru untuk menterjemahkan isi kandungan KSPK dalam proses pengajaran. Selain itu, memudahkan penerapan APAB disampaikan kepada murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, budaya, agama dan bahasa.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan KPM, (2012) dan Saedah (2001) yang menyatakan bahawa kurikulum merupakan tonggak utama hala tuju pendidikan negara. Pengetahuan kurikulum yang mantap memudahkan guru mempelbagaikan pengajaran yang menerapkan nilai perpaduan, mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Malahan menurut kajian di luar negara (Lee, 2011; Chen, Nimmo, & Fraser, 2009) membuktikan bahawa pengetahuan kandungan kurikulum guru memainkan peranan penting. Sebagai pendidik, guru perlu membuat persiapan awal dengan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman yang kukuh tentang kurikulum. Persediaan awal ini

membekalkan mereka dengan pengalaman dan turut mempengaruhi pemahaman mereka terhadap konsep serta kandungan kemahiran dalam setiap mata pelajaran.

### **5.2.1.1 Pengetahuan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran.**

Pengajaran berpandukan KSPK (KPM, 2010), mengandungi beberapa kemahiran utama. Antaranya fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran sebagai sumber rujukan dan panduan utama pengajaran. Semua peserta kajian mempunyai pandangan yang sama bahawa fokus dirujuk sebagai subjek atau kemahiran utama dalam pengajaran. Bertujuan untuk mencipta situasi pembelajaran menyeronokkan bagi murid prasekolah yang terdiri dalam kalangan murid berumur 5 dan 6 tahun.

Bagi standard kandungan, peserta kajian merujuk standard kandungan ini sebagai kemahiran yang menjelaskan tentang amalan nilai murni, pengetahuan pembelajaran dan kemahiran perkembangan murid. Kemahiran ini perlu dikuasai guru yang berperanan untuk mengembangkan kemahiran murid prasekolah. Manakala standard pembelajaran ditakrifkan sebagai penetapan kriteria atau indikator pembelajaran yang boleh diukur ke atas murid berusia 5 dan 6 tahun. Berdasarkan KSPK (KPM, 2012), terdapat tiga elemen penting standard pembelajaran yang perlu didedahkan dan dikuasai murid. Elemen tersebut ialah elemen kognitif, efektif dan psikomotor. Elemen ini penting untuk dikembangkan guru bagi meningkatkan kemahiran berfikir, komunikasi dan keselarasan pergerakan fizikal murid.

Fokus, standard kandungan serta standard pembelajaran merupakan aspek pengetahuan dalam pengajaran yang saling berkaitan

antara satu dengan lain. Aspek pengetahuan tersebut, menjadi panduan utama guru dalam membentuk definisi, konsep serta strategi pengajaran APAB. Dapatan kajian, menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan tentang fokus, standard kandungan serta standard pembelajaran. Kemahiran utama dalam pengajaran ini, merupakan kunci utama merancang dan membentuk pengajaran yang menarik dalam kelas prasekolah.

Sumber ini menyokong kenyataan KPM (2012, 2010, 2002) dan Teori Kepelbagaian Budaya (Banks & Banks, 2010), yang menekankan bahawa pengetahuan tentang asas mata pelajaran dan kemahiran kandungan pembelajaran penting di ketahui guru. Dengan pengetahuan murid boleh mengelakkan perbezaan kelas sosial, saling menghormati dan mencari persamaan adat istiadat serta membentuk masyarakat yang berdisiplin. Mereka didedahkan dengan pengetahuan tentang subjek dan persekitaran perubahan kurikulum sebagai proses integrasi budaya yang membentuk etnik, gender, ekonomi, agama, bahasa dan merapatkan jurang masyarakat.

#### **5.2.1.2 Pengetahuan Kandungan Modul Teras Asas Dan Modul**

##### **Bertema**

Dapatan kajian mendapati semua peserta kajian memahami kepentingan dan fungsi Modul Teras Asas serta Modul Bertema dalam pengajaran KSPK. Modul Teras Asas mengandungi tunjang pembelajaran bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil), Matematik, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Permainan Luar. Di dapati peserta kajian mengaplikasikan tunjang-tunjang kemahiran dalam model ini untuk menerapkan kemahiran APAB. Dalam

Modul Teras Asas peserta kajian mengutamakan kemahiran bahasa sebagai sumber literasi dalam pemupukan APAB berbanding tunjang lain. Impak modul ini, murid didapati mudah berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti bahasa sebagai sumber perpaduan masyarakat yang pelbagai etnik serta latar belakang budaya. 1

Modul Bertema pula memfokuskan kepada enam tunjang pembelajaran. Terdiri daripada Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Sains Dan Teknologi, Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika, Tunjang Keterampilan Diri. Kenyataan ini selari dengan kandungan KSPK (2010). Semua tunjang tersebut menekankan aktiviti kesepaduan dalam pengajaran yang terdapat dalam KSPK.

Dalam pengajaran di bilik darjah, peserta kajian lebih cenderung menerapkan APAB dengan mengaplikasikan aktiviti Modul Bertema berbanding aktiviti Modul Teras Asas. Modul Bertema lebih digunakan guru kerana bersifat fleksibel mudah dirancang, mudah disesuaikan dengan pelbagai aktiviti rutin yang biasa dihadapi murid. Selain itu aktiviti bahasa menggalakkan murid menerima penerapan amalan budaya tradisi umpamanya sambutan perayaan, pakaian tradisi, adat istiadat dan amalan rutin harian.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Abdul Halim (2014) dan kerangka konseptual teori kajian. Pendekatan pengajaran guru khasnya dalam pendekatan bertema menyumbang kepada kesepaduan atau gabung jalin pengetahuan dengan tunjung-tunjang pembelajaran. Integrasi dalam kurikulum ini, membentuk persekitaran murid untuk menerima amalan budaya pelbagai etnik murid di dalam kelas prasekolah. Aktiviti

pendekatan bertema, memberi ruang kepada murid untuk bersama-sama menangani isu melibatkan hubungan penerimaan adat istiadat, perbezaan agama dan kelainan fizikal. Manakala kemahiran bahasa dalam Modul Teras Asas berperanan memperkukuhkan semangat perpaduan dan cintakan negara bangsa.

Pengkaji di Amerika Syarikat (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Meece, Rivers & Wingate, 2010), menyatakan bahawa pengisian kandungan kurikulum dalam setiap mata pelajaran mempunyai matlamat tertentu. Bahasa diletakkan sebagai asas penghubung dalam mencapai matlamat perubahan dalam pengajaran. Bahasa penting sebagai sumber penghubung kepada penerapan APAB. Antara lain, pengisian kandungan kurikulum memudahkan guru melaksanakan kesepaduan tunjang kemahiran serta penerapan nilai amalan murni. Jika amalan guru menekankan nilai murni dan budaya bertatasusila dalam mendidik murid maka amalan ini berkembang di rumah (Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992) Aspek amalan makrosistem ini, antara lain bertujuan membantu murid memperkukuhkan amalan hak asasi, amalan nilai murni dan memperkembang amalan budaya untuk dikongsi bersama. Impaknya juga dapat menangani perbuatan bias, prejudis, stereotaip dan isu-isu tertentu dalam masyarakat.

### **5.2.1.3 Pengetahuan Kandungan Tunjang Pembelajaran**

Dapatan kajian membuktikan, peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan tentang definisi serta tujuan tunjang pembelajaran. Peserta kajian mendefinisikan tunjang pembelajaran sebagai mata pelajaran yang mempunyai kesinambungan kurikulum di antara kurikulum prasekolah dengan kurikulum tahun satu. Sementara



tujuan tunjang pembelajaran dalam pengajaran adalah untuk membina keseimbangan perkembangan diri dan meningkatkan kemahiran intelek dalam pembelajaran murid. Tunjang pembelajaran dinyatakan terdiri daripada 6 aspek mata pelajaran iaitu Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Sains Dan Teknologi, Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika dan Tunjang Keterampilan Diri.

Dapatan ini selari dengan kenyataan KSPK (KPM, 2012), yang menyatakan terdapat 6 tunjang atau mata pelajaran dalam kurikulum prasekolah. Tunjang-tunjang ini wujud hasil gabungan komponen mata pelajaran yang di disampaikan kepada murid prasekolah. Manakala kajian di luar negara (Lin, Lake & Rice, 2008; Derman-Sparks, L., & Fite, K., 2007), menyatakan kurikulum prasekolah mengandungi mata pelajaran hak asasi yang dimasukkan dalam jadual pembelajaran. Keistimewaan isi kandungan kurikulum ini, menghimpunkan kemahiran dan penerapan amalan pendidikan hak asasi kepada semua murid. Mereka terdiri daripada pelbagai etnik, warna kulit, budaya dan sosio ekonomi. Matlamat utamanya ialah mendidik murid dengan amalan hak asasi melibatkan pencegahan, penghapusan dan penyembuhan kepada segala bentuk masalah bias.

#### **5.2.1.4 Pengetahuan Kandungan Membina Rancangan Pengajaran**

Kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan dalam membina Rancangan Pengajaran yang menerapkan APAB. Hasil temu bual, pemerhatian dan analisa dokumen, membuktikan kemahiran membina rancangan pengajaran di anggap peserta kajian sebagai yang utama dalam pengajaran murid. Mereka

menyatakan terdapat tujuh elemen penting membina rancangan pengajaran yang berkesan. Perkara tersebut ialah kesinambungan pembelajaran, kemahiran murid, minat murid, rancangan pengajaran tahunan, rancangan pengajaran harian, pemilihan tema dan sub tema serta pendekatan pengajaran. Kesemua elemen ini saling berkaitan di antara satu dengan yang lain.

Aspek ini selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1999 berkenaan Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran. Di dalam pekeliling tersebut menekankan objektif, kemahiran dan aspek yang hendak di sampaikan di dalam buku rekod mengajar. Keberkesanan membina rancangan pengajaran ini, berfokus kepada kepakaran guru dan kemahiran murid prasekolah. Dapatan ini selaras dengan pengkaji tempatan, Jain (2017) dan Abdul Halim (2014) yang menyatakan bahawa proses membina rancangan pengajaran memerlukan pengetahuan kandungan yang mendalam serta terancang. Segala maklumat daripada pelbagai sumber budaya murid, diaplikasikan guru untuk mengembangkan pengetahuan dan disiplin ilmu dalam pengajaran (Anna Christina, 2012; Banks & Banks, 2010). Setiap murid berhak mengetahui persamaan dan perbezaan adat istiadat, etnik, gender, kelas ekonomi, agama dan bahasa yang dimasukkan dalam pengajaran. Atas dasar tersebut, setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid yang dirancang mestilah bersesuaian dengan tahap perkembangan dan pnaakulan murid.

#### **5.2.1.5 Pengetahuan Kandungan Nilai Murni**

Kajian mendapati, semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam melaksanakan penerapan nilai murni. Amalan nilai

murni ditakrifkan peserta kajian sebagai suatu tindakan mulia yang boleh dilihat dan diukur berdasarkan maklum balas murid dalam kelas prasekolah. Di sekolah, nilai murni diamalkan peserta kajian dalam aktiviti rutin seharian dan kerap diterapkan guru kepada murid dalam pengajaran. Sementara pendidikan di rumah, menerapkan nilai murni ini melalui adat resam dan kepercayaan mengikut etnik masing-masing.

Takrifan ini selaras dengan kehendak KPM (2012, 2003 & 2001) dan kajian Rosli (2006) yang menyatakan nilai sebagai amalan mulia dalam pembentukan sahsiah diri murid. Terdapat 36 elemen nilai murni yang dinyatakan sebagai yang merupakan sumber rujukan utama pengajaran dalam bilik darjah (KPM, 2010). Kajian juga mendapati, guru yang mempunyai pengetahuan kandungan berkenaan nilai murni, yang mantap dapat memberi takrifan nilai murni dalam bentuk pelbagai serta berkesan. Dapatan ini juga disokong dengan pelaksanaan kurikulum prasekolah (KPM, 2010, 2012) yang mengutamakan pemupukan nilai agama serta moral ke atas murid prasekolah. Tujuan utamanya, membentuk dan menyediakan murid dengan nilai amalan masyarakat majmuk yang pelbagai.

#### **5.2.1.6 Pengetahuan Kandungan Tentang Pendekatan Pengajaran**

Pengetahuan kandungan tentang pendekatan pengajaran penting dalam aktiviti di kelas prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan yang kukuh tentang cara pemilihan pendekatan pengajaran di prasekolah. Peserta kajian melaksanakan pemilihan pendekatan pengajaran berdasarkan dua faktor utama iaitu berpandukan kemahiran guru dan kemahiran murid.

Faktor pendekatan guru adalah merujuk kepada kelulusan ikhtisas, kursus yang dihadiri, latihan dalaman dan pengalaman yang dilalui. Jika guru kerap melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran, maka lebih mantap keupayaan mereka. Kemahiran murid pula dirujuk kepada keupayaan dan minat, kesesuaian dengan kebolehan, aktiviti yang menarik, bermakna dan meninggalkan kesan positif kepada murid yang pelbagai.

Dapatan hasil kajian, mendapati pendekatan pengajaran dirujuk sebagai amalan yang kerap diamalkan guru dalam bilik darjah. Antara pendekatan pengajaran yang dikuasai dan kerap peserta kajian laksanakan dalam bilik darjah ialah Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Berpusatkan Murid, Pendekatan Projek, Pendekatan Teknik Perbincangan dan Pendekatan Teknik Tunjuk.

Pendekatan belajar melalui bermain dinyatakan peserta kajian sebagai pendekatan pengajaran yang utama di kelas prasekolah. Pelaksanaan pendekatan ini dikatakan fleksibel, berupaya meningkatkan personaliti, psikomotor, minat dan menyeronokkan murid prasekolah. Selain itu, aktiviti main adalah melibatkan pergerakan aktif yang boleh dilaksanakan secara individu, kumpulan kecil dan kumpulan besar. Pendekatan main dalam pengajaran dipadankan peserta kajian dengan aktiviti bahasa, kognitif, fizikal dan pergerakan kreatif.

Pendekatan bertema pula dinyatakan peserta kajian sebagai topik pembelajaran yang ada di persekitaran murid prasekolah. Pendekatan ini memerlukan kepakaran guru untuk merancang isi kandungan dan menyusun aktiviti pengajaran secara teratur. Dengan adanya pendekatan guru, pengetahuan murid dapat ditingkatkan sesuai dengan tahap

perkembangan mereka. Dapatan ini selaras dengan kehendak KSPK (KPM, 2012) yang menyatakan bahawa pendekatan bertema merupakan aktiviti yang mengutamakan tema-tema tertentu dalam pembelajaran. Pelaksanaannya menggalakkan murid untuk menerokai persekitaran dengan berkongsi tema pengajaran bersama rakan sebaya.

Pendekatan berpusatkan murid merupakan pendekatan melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran (KSPK, 2010). Dapatan kajian, menyatakan pendekatan berpusatkan murid adalah aktiviti pengajaran guru yang memberi kepercayaan kepada murid melaksanakan aktiviti, selaras dengan kehendak Pusat Perkembangan Kurikulum, (KPM, 2012; 2010; 2003). Pendekatan ini diyakini dapat menggalakkan murid menyatakan idea baru dan berkongsi dengan rakan tentang adat istiadat etnik, budaya, agama dan sosialisasi.

Pendekatan Projek pula dinyatakan peserta kajian sebagai aktiviti pengajaran yang mengutamakan proses dan penerokaan murid. Pendekatan ini, menggalakkan murid mereka cipta bahan terpakai secara kreatif. Murid disemai dengan semangat rajin mencuba. Sementara pendekatan teknik perbincangan, adalah aktiviti pengajaran yang berfokus kepada topik tertentu. Perbincangan di antara guru dan murid, dalam bentuk bersahaja dan tidak formal. Manakala pendekatan teknik tunjuk cara, menurut peserta kajian adalah bimbingan guru dengan berbantuan benda maujud. Tujuan utamanya untuk memudahkan dan meningkatkan pemahaman murid.

#### **5.2.1.7 Pengetahuan Kandungan Penilaian Pengajaran**

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan kandungan tentang pelaksanaan penilaian

pengajaran. Terdapat dua elemen penilaian pengajaran yang penting iaitu elemen maklum balas murid dan elemen amalan penilaian sendiri guru.

Dalam elemen maklum balas murid, aspek yang utama diperhatikan adalah tingkah laku murid dalam pembelajaran yang boleh dilihat dan dinilai guru dalam pengajaran (KPM, 2012). Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat tiga amalan maklum balas murid dalam melaksanakan penilaian pengajaran. Pertama, maklum balas penilaian melalui tingkah laku murid yang aktif, pendiam dan rajin berkongsi dalam kelas prasekolah. Kedua, maklum balas penilaian murid melalui hasil kerja murid iaitu aktiviti tulisan, sambung titik, warna objek, gunting bentuk dan gam gambar. Ketiga, maklum balas penilaian murid melalui bahan bantu mengajar dalam pengajaran iaitu penggunaan multimedia, kad huruf, kad jawi, carta gambar, boneka dan buku besar.

Elemen penilaian sendiri guru pula ditakrifkan peserta kajian sebagai proses penilaian pengajaran guru ke atas keupayaan dirinya sendiri. Tujuan utama penilaian sendiri ialah untuk mengukur pengetahuan menilai yang dimiliki guru dan melaksanakan penambahbaikan penilaian dalam pengajaran. Selain itu, elemen pengetahuan kemahiran guru turut menilai kemahiran dan kefahaman murid terhadap pendekatan pengajaran yang di kelas prasekolah. Maklumat data analisis dokumen dan pemerhatian pengajaran, menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan serta kerap melaksanakan penilaian sendiri selepas pengajaran.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian di luar negara (Lin & Bates, 2014; Derman-Sparks & Edwards, 2010) yang amat mementingkan elemen penglibatan murid dan elemen guru dalam penilaian pengajaran

APAB. Kedua-dua elemen ini saling berkaitan dan memberi impak yang positif kepada peningkatan pengetahuan murid. Dalam pelaksanaannya, guru disarankan menilai penglibatan murid yang berlainan latar belakang etnik dan budaya daripada pelbagai sudut secara positif.

Manakala Teori dan Model Pendidikan Pelbagai Budaya, pula turut menyokong bahawa pendekatan pedagogi ekuiti yang menggunakan pendekatan dan teknik menyumbang kepada penilaian murid yang lebih adil (Anna Christina, 2012; Banks & Banks, 2010). Secara langsung membantu merangsang peningkatan penguasaan pengetahuan akademik murid. Penggunaan bahan pengajaran seperti carta bergambar, tayangan media dan 'pesona dolls' merupakan pendekatan pengajaran yang dapat meningkatkan keupayaan murid menguasai KSPK secara lebih berkesan.

#### **5.2.1.8 Pengetahuan Definisi Dan Konsep APAB**

Dapatan kajian, membuktikan bahawa semua peserta kajian memberi definisi dan konsep APAB. Mereka mendefinisikan APAB sebagai amalan yang bertentangan dengan amalan bias. Dapatan ini selaras dengan pengkaji barat (Giugni, 2008; Derman Spark et.al, 2004) yang menyatakan APAB sebagai suatu amalan yang adil. Amalan adil yang menerima segala bentuk budaya, agama, etnik dan sosio ekonomi. Tanpa meletakkan perbezaan atau halangan yang memisahkan hubungan sesama manusia. Manakala dalam Teori Al-Ghazali (Al-Ghazali, 2010), mentakrifkan APAB sebagai suatu amalan mulia yang adil, suci dan ikhlas. Kemuliaan amalan ini, mewajibkan manusia untuk memelihara keadilan dan diletakkan di tempat yang betul tanpa ada kecurigaan.

Dapatan kajian menyatakan konsep APAB sebagai amalan yang memberi hak kemanusiaan dalam pengajaran di prasekolah. Amalan ini

diterima dan diamalkan dalam pengajaran bersama murid prasekolah sama ada secara tidak formal atau tidak terancang. Dapatan ini selari dengan pendapat Lin & Bates, (2014); Derman-Sparks, & Edwards, (2010), Derman-Sparks & Ramsey, (2006). Mereka menyatakan APAB sebagai memberi hak manusia untuk dilayan secara adil merangkumi idea serta amalan asuhan bersesuaian pendidikan. Manakala pengkaji Islam (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010; Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Yusof Al-Qadrawi, 2003) meletakkan konsep APAB sebagai sifat semula jadi pendidik yang mengutamakan tingkah laku adil, mendidik murid sesuai dengan kemampuan akal dan tidak berlebih-lebihan atau tidak melampau.

#### **5.2.1.9 Pengetahuan Tentang Persepsi APAB**

Persepsi dalam kajian ini merujuk kepada sikap dan kepercayaan peserta kajian terhadap APAB. Dapatan kajian menunjukkan, semua peserta mempunyai persepsi yang positif tentang pelaksanaan pengajaran APAB di prasekolah. Amalan ini mendapat sambutan dan dilaksanakan dengan baik dalam pengajaran bersama murid prasekolah. Buku rekod mengajar dan buku KSPK (KPM, 2010), dijadikan sebagai sumber rujukan utama guru untuk memahami APAB. Mereka menyampaikan APAB secara merentas kurikulum iaitu disampaikan secara tidak formal dan tidak terancang. Implikasinya, murid melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan di dalam kelas prasekolah. Mereka menolak perbezaan gender dan warna kulit dengan melaksanakan aktiviti bersama-sama. Justeru itu, mereka menunjukkan tingkah laku semula jadi yang tidak bersifat bias serta tidak mengamalkan sikap diskriminasi di kalangan mereka (Al



Ghazali, 2010). Amalan ini meletakkan peranan guru sebagai penting dalam memberi bimbingan dan panduan berterusan.

Dapatan ini menyokong kerangka teori kajian yang menyatakan bahawa persekitaran sekolah dan rumah memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi diri murid. Kajian Bronfenbrenner, (1979, 1986, 1996) dan Abdul Razak (2011), membuktikan bahawa persekitaran luar dan dalam sesebuah sekolah menghasilkan perkembangan diri murid. Mereka mudah beradaptasi dengan pergaulan rakan sebaya dari pelbagai etnik dan amalan tradisi. Murid menerima perubahan tingkah laku dan perhubungan dengan persekitaran. Impaknya, murid dapat diasuh dengan amalan murni, amalan pencegahan dan adat resam yang bermakna (Abdullah Nasih, 2008; Zahyah, 2008). Manakala menurut Teori al-Ghazali (2010), asuhan pendidikan ibu bapa dan guru terhadap murid sejak peringkat awal berupaya membentuk akhlak serta tingkah laku yang baik.

### **5.2.2 Pendekatan Pengajaran APAB (SK2)**

Pemilihan pendekatan pengajaran penting dalam pengajaran di kelas prasekolah. Pendekatan dalam kajian ini merujuk kepada langkah-langkah yang kerap diaplikasikan guru untuk mempermudah murid prasekolah menguasai pengetahuan dalam pengajaran bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan untuk memilih pendekatan pengajaran di prasekolah. Tujuan pemilihan pendekatan, adalah untuk mendidik, memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman murid yang pelbagai tentang isi kandungan pengajaran. Mereka melaksanakan pemilihan pendekatan pengajaran berdasarkan dua faktor utama iaitu berpandukan pengetahuan guru dan pengetahuan murid.

Faktor pengetahuan guru adalah dirujuk kepada kelulusan guru dalam bidang ikhtisas, kursus, latihan dalaman dan pengalaman yang dilalui. Jika guru telah melalui semua kemahiran tersebut maka semakin mudah untuk guru menterjemahkan pelbagai pendekatan dalam pengajaran di bilik darjah. Impaknya, kemahiran guru menjadi penggalak kepada kekerapan pelaksanaan pendekatan pengajaran yang lebih mantap.

Sementara pengetahuan murid pula, diterjemahkan peserta kajian sebagai kebolehan semula jadi murid yang dibentuk melalui minat dan penerokaan murid di persekitaran mereka. Impaknya murid menjadi aktif dengan kebolehan menyelesaikan masalah pelbagai dan melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan menarik serta bermakna. Selain itu juga penguasaan pengetahuan murid mewujudkan hubungan komunikasi yang erat di antara murid dan guru.

Dapatan kajian mendapati, pengetahuan guru dan murid menggalakkan perkembangan pendekatan pengajaran APAB dalam bilik darjah. Antara pendekatan pengajaran yang digunakan untuk menerapkan APAB ialah Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Berpusatkan Murid, Pendekatan Projek, Pendekatan Teknik Perbincangan dan Pendekatan Teknik Tunjuk Cara. Dapatan kajian ini, selaras dengan galakan Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (2012, 2010, 2003) yang menetapkan empat pendekatan pengajaran berasaskan konsep dan prinsip bagi pendidikan prasekolah. Pendekatan tersebut adalah Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Bersepadu dan Penggunaan ICT. Kesemua pendekatan pengajaran ini membantu guru menerapkan murid dengan pengetahuan untuk berinteraksi, membina keseimbangan emosi, amalan budaya murni dan kemahiran berfikir bagi menangani masalah.

Perbincangan dapatan tentang pendekatan pengajaran guru prasekolah dihuraikan mengikut urutan berikut iaitu pendekatan belajar melalui bermain, pendekatan bertema, pendekatan berpusatkan murid, pendekatan projek, pendekatan teknik perbincangan dan pendekatan teknik tunjukcara.

### **5.2.2.1 Pendekatan Belajar Melalui Bermain**

Pendekatan ini merupakan pendekatan pilihan pertama yang menjadi keutamaan dalam penerapan pengajaran APAB. Pemilihan pendekatan ini, menjadi pilihan peserta kajian kerana aktiviti main selari dengan minat, perkembangan murid, mudah untuk diamalkan dan difahami oleh murid prasekolah. Pendekatan tersebut juga, adalah fleksibel untuk semua murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya.

Pendekatan belajar melalui bermain, memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan bahasa, perkembangan personaliti, perkembangan psikomotor, perkembangan kognitif dan perkembangan bahasa murid prasekolah (KPM, 2012). Dalam aspek APAB, pendekatan main menggalakkan murid menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan mudah. Bahasa dijadikan sebagai alat komunikasi yang utama melibatkan murid pelbagai budaya, etnik, agama dan dialek pertuturan. Pendekatan pengajaran bahasa ini selaras dengan kajian barat bahawa melalui aktiviti main mendedahkan murid dalam situasi layanan yang adil tanpa ada perbezaan dalam aspek gender, budaya, suku bangsa, bahasa dan amalan hidup (Mariani & Mohd Sofian, 2012 ; Flear, 2011; Hedges, 2008).

Murid berkongsi pengetahuan melalui penerokaan terhadap pelbagai perkongsian maklumat di persekitaran. Murid prasekolah mudah

mengetahui, mengaitkan objek dengan pengalaman yang dilalui seharian dan menerima perbezaan bahasa sebagai sesuatu yang positif. Dalam hal ini, murid haruslah dididik mengikut tahap kesesuaian dan masalah yang dihadapi (Al-Ghazali, 2010). Selain itu, pendekatan main menjadikan murid kreatif menyanyi mengikut ayat, perkataan, suku kata perkataan serta mencipta pergerakan menarik sesuai dengan alunan muzik.

Dalam aspek perkembangan personaliti dan perkembangan psikomotor, dapatan kajian membuktikan pendekatan main menyumbang kepada sikap seronok murid belajar dalam kelas prasekolah. Mereka aktif untuk meneroka aktiviti individu dan aktiviti kumpulan yang pelbagai khususnya melibatkan aktiviti motor kasar serta motor halus. Mereka lebih yakin dengan rakan sebaya yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya. Ini menggalakkan murid menjalinkan hubungan persahabatan yang ditekankan dalam APAB di sekolah. Dapatan ini selaras dengan kajian di Amerika Syarikat (Pfeifer, Brown, & Juvonen, 2007) yang menyatakan bahawa persahabatan dalam kalangan murid, melunturkan sikap perkauman kepada tingkah laku yang lebih mulia.

Dalam aspek kognitif pula, pendekatan main sambil belajar meningkatkan kemahiran penaakulan murid untuk bebas berfikir dan menyelesaikan masalah. Mereka ditanamkan sifat berani untuk berkongsi pengetahuan dan mencuba perkara yang baharu. Pendekatan ini membantu murid menyelesaikan masalah yang dihadapi secara lebih kreatif dan inovatif. Dapatan ini selaras dengan kajian di luar negara, (Feen-Calligan, McIntyre, & Sands-Goldstein, 2009; Smith, 2013) yang menekankan murid dengan aktiviti mempertingkatkan penaakulan khasnya aktiviti boneka dan 'baby dolls'. Impaknya, pendekatan pengajaran tersebut

menyumbang kepada terapi seni dan terapeutik media dalam membentuk persekitaran murid. Manakala di Malaysia, kajian Loy Chee Luen (2011) dan Mariani, (2005) menyokong kepentingan pendekatan pengajaran sebagai sumber kefahaman kepada murid dalam pembelajaran.

#### **5.2.2.2 Pendekatan Bertema**

Pendekatan bertema diaplikasikan peserta kajian sebagai pendekatan kedua penting selepas pendekatan bermain melalui belajar (KPM, 2002, 2012) Pendekatan ini diminati kerana guru diberi kuasa untuk membuat pemilihan tema yang sesuai dengan persekitaran murid di sekolah. Guru bertindak sebagai penyelarass pengajaran bertema tersebut supaya selari dengan amalan budaya majmuk, jati diri, hormat-menghormati, perpaduan kaum, toleransi, gender, keagamaan, dan nilai-nilai murni masyarakat. Dapatan ini selari dengan kajian tempatan (Siti Zuraida, 2014; Rohani, Nani Menon & Mohd. Sharani, 2007). Implikasi pendekatan bertema ini, menjadikan murid lebih bersikap kritis terhadap perkara yang ada di persekitaran mereka. Mereka memahami sambutan perayaan, peranan dan tanggung jawab keluarga, anggota badan, sekolah serta latar belakang sejarah persekitaran.

#### **5.2.2.3 Pendekatan Berpusatkan Murid**

Pendekatan Berpusat Murid turut dilaksanakan peserta kajian dalam pengajaran APAB di bilik darjah. Tujuan dilaksanakan pendekatan ini ialah menanamkan minat, memberi kuasa pilihan kepada murid dan memperkembangkan pengetahuan sedia (KPM, 2002, 2012). Murid dilibatkan secara aktif dalam setiap pengajaran dengan menggalakkan mereka meneroka pembelajaran melalui perkongsian pengetahuan baharu. Mereka *biasanya* didedahkan dengan pengajaran yang bersifat '*blind*

*colour*', kepelbagaian budaya dan aktiviti-aktiviti pengajaran bersifat *anti-bias* (Meece, Rivers, & Wingate, 2009). Pendekatan ini, menghasilkan murid yang lebih yakin untuk meluahkan perasaan, mencipta idea kritis dan menyelesaikan masalah melalui komunikasi dua hala.

#### **5.2.2.4 Pendekatan Projek**

Pendekatan projek dilaksanakan peserta kajian dalam pengajaran dengan tujuan melatih murid tentang proses kerja secara berperingkat dalam pembelajaran. Pendekatan ini, menggalakkan murid lelaki dan perempuan bekerjasama mereka cipta bahan semula jadi serta bahan terbuang di persekitaran secara kreatif. Mereka disemai dengan semangat berpasukan tanpa wujud diskriminasi untuk menghasilkan bahan menggunakan peralatan yang terdapat di persekitaran. Dapatan kepentingan pendekatan projek ini, selari dengan amalan di prasekolah di negara Indonesia (PAUD, 2013).

#### **5.2.2.5 Pendekatan Teknik Perbincangan**

Pendekatan teknik perbincangan dilaksanakan peserta kajian secara tidak formal dalam pengajaran di kelas prasekolah. Pendekatan ini menggunakan pendekatan perbincangan guru dan murid secara spontan tentang topik-topik pembelajaran tertentu. Implikasi pendekatan ini menjadikan murid lebih yakin terhadap keupayaan berhujah dan meningkatkan potensi diri mereka apabila berhadapan dengan suasana yang pelbagai. Aspek ini selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012) yang mengutamakan perbincangan dua hala di antara murid dengan guru. Kajian di barat juga menyokong aspek perbincangan sebagai memperjuangkan persamaan hak

dan merapatkan jurang perbezaan dalam sistem pendidikan bilik darjah (Derman-Sparks & Edwards, 2010).

#### **5.2.2.6 Pendekatan Teknik Tunjuk Cara**

Pendekatan teknik tunjuk cara adalah proses pengajaran yang memerlukan murid dibimbing dengan jelas oleh guru berbantuan bahan maujud (KPM, 2010). Data kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman melaksanakan teknik ini. Mereka menyatakan tujuan utama teknik tunjuk cara dilaksanakan adalah untuk mempermudah dan meningkatkan pemahaman murid terhadap tunjang-tunjang pembelajaran. Implikasi pendekatan ini mempercepatkan murid memahami proses pembelajaran yang sukar khususnya dalam kemahiran kognitif dan bahasa.

Kesan penggunaan teknik tunjuk cara, menggalakkan murid prasekolah terlibat secara aktif dan dapat melaksanakan aktiviti padanan nombor dengan objek. Dapatan ini selari dengan pengajaran menggunakan boneka '*Baby Dolls*' di barat (Feen-Calligan, McIntyre, & Sands-Goldstein, 2009) dan '*Pesona Dolls*' di Malaysia (Mariani, 2005). Pendekatan teknik tunjuk cara melalui penggunaan bahan maujud berupaya bertindak sebagai terapi seni dan terapeutik media dalam persekitaran murid. Menggalakkan murid hormat-menghormati, bersosialisasi, prihatin, berjiwa pemimpin dan bertoleransi sesama kaum serta budaya. Penggunaannya yang kerap dalam bilik darjah menghapuskan sifat prejudis, diskriminasi dan menggalakkan rasa keadilan (Mariani, 2005).

### **5.2.3 Penerapan APAB Dalam Pengajaran (SK3)**

Penerapan APAB dalam pengajaran memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan dalaman diri murid prasekolah. Dapatan kajian, mendapati semua peserta kajian mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan penerapan APAB berpandukan isi kandungan kurikulum prasekolah. Penerapan ini bukan sahaja dalam bentuk perancangan tetapi juga pelaksanaan kurikulum prasekolah. Hasil kajian mengesahkan bahawa kewujudan KSPK memudahkan penerapan APAB dilaksanakan secara teratur ke atas murid prasekolah.

Pelaksanaan KSPK dalam bilik darjah menjadi penyumbang kepada mengeratkan hubungan perpaduan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, budaya dan latar belakang. Melalui temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menunjukkan bahawa semua peserta kajian boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran bagi tujuan penerapan APAB ke atas murid prasekolah. Pengajaran disampaikan melalui penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan yang pelbagai etnik dan gender. Aktiviti ini seumpama ini menerapkan amalan menyatupadukan murid pelbagai etnik, gender dan agama. Amalan ini memudahkan murid untuk menerima rakan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Perbincangan dapatan tentang penerapan pengajaran guru prasekolah dihuraikan mengikut susunan berikut. Pertama, penerapan APAB dalam pengajaran modul teras asas dan modul bertema. Kedua, penerapan APAB melibatkan aktiviti sosio budaya. Ketiga, penerapan APAB dalam aktiviti sosialisasi. Keempat, penerapan APAB dalam aktiviti pengajaran guru. Perkara ini dihuraikan seperti di bawah.



### **5.2.3.1 Penerapan APAB Dalam Perancangan Pengajaran Modul Teras Asas Dan Modul Bertema.**

Dapatan kajian, membuktikan bahawa penerapan pengajaran APAB memainkan peranan penting dalam pengajaran di prasekolah. Aspek ini dilaksanakan melalui pengajaran berpandukan Modul Teras Asas dan Modul Bertema. Kandungan kemahiran yang terkandung dalam Modul Teras Asas mengutamakan kemahiran teras iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Matematik dan Aktiviti Luar. Gabungan kemahiran tunjang-tunjang dalam KSPK ini menerapkan bahasa, kognitif dan nilai murni sebagai sumber utama perpaduan murid (KPM, 2012).

Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang dilaksanakan peserta kajian dengan menggabungkan kemahiran yang terkandung dalam tunjang-tunjang pembelajaran. Tema-tema pengajaran terbentuk melalui isu kehidupan dan peristiwa seharian yang dialami murid prasekolah. Aktiviti pada modul tersebut menjadi panduan utama guru dalam membina rancangan pengajaran dan melaksanakan penerapan berasaskan APAB.

Pengisian Modul Teras Asas dan Modul Bertema ini selari dengan pengisian kurikulum anti-bias di luar negara yang menekankan penghapusan perbuatan bias di sekolah (Derman-Sparks, & Edwards, 2010). Subjek dan kemahiran yang diwujudkan menekankan amalan yang merapatkan budaya, memberi kepercayaan dan kebebasan kepada murid.

### **5.2.3.2 Penerapan APAB Dalam Sosio Budaya**

Amalan sosio budaya dalam amalan pendidikan di rumah, mendedahkan murid kepada gaya hidup, adat istiadat, pantang larang dan norma-norma etnik masyarakat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa

amalan sosio budaya ibu bapa di rumah, mempengaruhi keberkesanan penerapan APAB ke atas murid dalam bilik darjah. Jika ibu bapa yang masih mengekalkan amalan pendidikan tradisional di rumah ke atas murid, maka murid memerlukan masa untuk menerima persekitaran yang berbeza. Namun, jika murid diasuh untuk menerima rakan yang terdiri daripada etnik berbeza, adat menerima tamu, sambutan perayaan dan amalan perpaduan etnik. Mereka berkongsi amalan tersebut tanpa wujud ada perbezaan jantina, etnik, budaya, fizikal, warna kulit dan agama. Semua peserta kajian melihat kepentingan sosio budaya sebagai elemen yang perlu dikekalkan dalam melaksanakan penerapan APAB di kelas prasekolah.

Dapatan dalam negara, menyatakan bahawa kewujudan KPK (2003) dan KSPK (2012) menangani pelbagai masalah dan merapatkan hubungan perpaduan murid. Di dalam KSPK, terdapat pelbagai kemahiran pembelajaran yang berfungsi merapatkan jurang pendidikan, penyerapan sosio budaya, menegakkan hak murid dan amalan pendemokrasian pendidikan. Perkara ini selaras dengan penerapan APAB menurut Lin, et.al (2010) dan Hershock, Mason, & Hawkins, (2007), yang mementingkan hak-hak kebebasan dan interaksi dalam masyarakat pelbagai etnik.

Manakala dalam kajian lain di luar negara (Hughes & Johnson, 2001), mendapati amalan pendidikan di rumah merupakan asas APAB yang menjadikan murid merasa bangga terhadap etnik, gender, sejarah, budaya dan amalan tradisi. Demikian juga dengan kajian di dalam negara (Hamidah, 2013; Abdul Razak, 2011), menyatakan bahawa murid mewarisi amalan rutin, pengalaman, sosialisasi dan budaya keluarga melalui pendidikan di rumah.

Dapatan kajian turut mendapati, pengetahuan guru terhadap latar belakang sosio budaya masyarakat penting sebagai panduan sebelum menyampaikan APAB. Impak kepada kekurangan pengetahuan sosio budaya menjadi halangan kepada guru untuk menerapkan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus, penglibatan dalam latihan secara formal, tabiat kurang membaca dan kurang pendedahan kepada perkembangan media elektronik dilihat mempengaruhi pengetahuan guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Elemen penting ini, membina keyakinan dan kesediaan guru menerapkan sosio budaya dalam APAB di kelas prasekolah.

Dapatan ini disokong oleh PAUD (2013), KSPK (2012) dan kajian Aminuddin et.al. (2006), yang mendapati pengetahuan guru terhadap sosio budaya murid dapat menangani amalan *bias* gender, *bias* etnik, *bias* bahasa, *bias* tingkah laku dan *bias* agama. Semua amalan melibatkan sosio budaya penting untuk ditangani bagi membantu murid menghargai sambutan perayaan, kepelbagaian agama, amalan tradisional etnik, hubungan komunikasi dan perilaku yang stabil (Banks & Banks, 2010). Dengan ini murid dapat dibangunkan dengan amalan nilai dan sikap yang lebih demokratik.

### **5.2.3.3 Penerapan APAB Dalam Sosioekonomi.**

Amalan sosioekonomi dalam bilik darjah melibatkan motivasi, nasihat dan ganjaran kepada murid yang kurang bernasib baik. Mesej disampaikan guru melalui perhubungan secara fizikal dan interaksi secara verbal. Amalan dorongan dan rangsangan ini, menggalakkan murid untuk mengubah hala tuju amalan pendidikan di rumah kepada amalan lebih

berdikari. Guru mendidik murid untuk hidup dikelilingi rakan yang pelbagai taraf pendapatan, status keluarga dan taraf ekonomi tanpa rasa rendah diri.

Dapatan kajian mendapati, guru menekankan penerapan amalan sosioekonomi dalam pengajaran di dalam dan luar bilik darjah. Guru bertindak sebagai pendengar, pemerhati, pembimbing kepada maklum balas murid berkomunikasi. Impaknya, membolehkan murid berinteraksi dengan bertukar maklumat tentang pekerjaan ibu bapa, tugas pasukan keselamatan, berkongsi peralatan permainan, buku cerita, mengamalkan amalan sedekah dan sebagainya. Dapatan ini, selari dengan kenyataan Al-Ghazali (2010), amalan guru dalam kelas menjadi pendorong kepada murid untuk berkongsi kebaikan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Semua penerapan amalan sosioekonomi ini, menggalakkan murid menunjukkan tingkah laku yang bertolak ansur, bertanggungjawab, penyayang, rajin berkongsi dan mengamalkan ciri-ciri kepimpinan.

Dapatan ini juga selari dengan kajian di luar negara (Hershock, Mason, & Hawkins, 2007; Derman-Sparks, 2007; Derman-Sparks, & Patty Ramsey, 2005) yang mementingkan guru menerapkan amalan keadilan dalam pengajaran kepada semua murid tanpa mengira status ekonomi. Amalan ini memupuk semangat perpaduan dan kesamarataan di kalangan murid pelbagai kaum yang terdiri daripada pelbagai lapisan sosio ekonomi, Mereka saling mengenali perbezaan dan persamaan dengan lebih rapat serta dilayan sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk.

#### **5.2.3.4 Penerapan APAB Dalam Pedagogi Guru**

Kemahiran pedagogi guru merupakan aset utama dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Dapatan kajian, mendapati kemahiran pedagogi guru melibatkan pengetahuan, kefahaman dan amalan tingkah laku di bilik

darjah mempengaruhi pelaksanaan dalam penerapan APAB. Kemahiran tersebut menentukan keberkesanan penerapan APAB di kalangan murid prasekolah yang terdiri daripada dua tahap umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Keperluan fisiologi mereka berbeza khususnya dalam perkembangan kognitif dan perkembangan sosio emosi murid. Perbezaan tahap ini menimbulkan halangan kepada pengajaran APAB. Oleh itu, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pedagogi yang mantap memainkan peranan penting menyeimbangkan keperluan fisiologi tersebut.

Dapatan data kajian, mendapati murid menerima amalan pendekatan pedagogi yang diaplikasikan guru dalam penerapan APAB di prasekolah. Amalan pendekatan pedagogi tersebut adalah amalan bersesuaian perkembangan, pemilihan pendekatan pengajaran dan penggunaan bahasa sebagai penghubung utama dalam pengajaran (Banks & Banks, 2010).

Dapatan ini selari dengan KPM (2010, 2012) yang antaranya mementingkan pendekatan amalan bersesuaian perkembangan, pendekatan bermain dan pendekatan bertema. Manakala sumber utama keberkesanan pendekatan pedagogi ini adalah peranan bahasa sebagai penyatuan murid yang pelbagai etnik, budaya, agama dan latar belakang. Pendapat ini selari dengan Teori dan Model Pelbagai Budaya (Banks & Banks, 2010) yang menyatakan bahawa pedagogi guru membentuk budaya dan organisasi sekolah. Perkembangan ini memberi kesedaran tentang hak-hak asasi, keanekaragaman budaya dan penghapusan sikap prejudis.

Dapatan kajian di luar negara (Srisiuni, 2010; Nesdale, Durkin, Maass, & Griffiths, 2004; Mc.Know 2004) turut menekankan kepentingan amalan bersesuaian perkembangan di kelas prasekolah. Murid di peringkat prasekolah yang berumur 4-6 tahun, telah mengetahui dan menyedari

kewujudan gender, etnik, budaya dan persekitaran. Manakala kajian di dalam negara (Zakaria, Ahmad & Noranizah, 2012), murid mengetahui identiti mereka melalui interaksi mereka terhadap kumpulan etnik. Mereka berkongsi maklumat dan mudah terpengaruh dengan tingkah laku di persekitaran. Impaknya, guru perlu menerokai perkembangan tingkah laku murid bagi tujuan penerapan APAB dalam kehidupan harian. Penerapan ini memudahkan murid lebih memahami amalan yang sesuai dan amalan yang bercanggah dilakukan dalam masyarakat yang pelbagai.

#### **5.2.4 Sumber Rintangan Dalam Pengajaran APAB (SK4).**

Dapatan data kajian, menjelaskan tentang sumber rintangan yang dihadapi oleh peserta kajian dalam melaksanakan penerapan APAB dalam pengajaran. Hasil temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menyenaraikan beberapa sumber rintangan yang dinilai iaitu jantina, etnik, sosio budaya, perkembangan holistik dan perkembangan murid.

Perbincangan dapatan tentang sumber rintangan dalam pengajaran APAB dijelaskan mengikut urutan berikut iaitu sumber rintangan jantina dalam pengajaran APAB, sumber rintangan etnik dalam pengajaran APAB sumber rintangan sosio budaya dalam pengajaran APAB, sumber rintangan perkembangan murid dalam pengajaran APAB, sumber rintangan dalam kemahiran guru menyampaikan pengajaran APAB dan sumber rintangan dalam aspek sosio ekonomi terhadap APAB.

##### **5.2.4.1 Sumber Rintangan Jantina Dalam Pengajaran APAB**

Sumber rintangan melibatkan jantina dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua aspek utama. Pertama, tingkah laku yang melibatkan sahsiah guru dalam menyampaikan pengajaran yang

berteraskan APAB di kelas prasekolah. Kedua, tingkah laku melibatkan sahsiah murid di kelas prasekolah sewaktu pembelajaran berlangsung.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jantina bukan penghalang dan tidak mempengaruhi pengajaran APAB. Semua murid dilibatkan oleh guru secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid dilayan secara adil, diberikan hak mengemukakan soalan, berbincang dan berkongsi pengetahuan sedia ada. Murid dilatih untuk bekerjasama, sayang menyayangi dan menerima persamaan serta perbezaan jantina.

Dapatan kajian, gender guru tidak menjadikan faktor rintangan kepada pelaksanaan APAB dalam kelas prasekolah. Penglibatan gender, hanya dibezakan dalam aspek pendekatan pengajaran dan strategi mencapai objektif pengajaran terhadap murid prasekolah. Gender lelaki dihubungkan dengan kecenderungan tingkah laku dan sahsiah seorang bapa yang tegas serta perihatin. Sementara gender perempuan dihubungkan dengan sahsiah dan tingkah laku seorang ibu yang mempunyai sifat lemah lembut serta mementingkan kesempurnaan sikap murid prasekolah.

Kajian di dalam negara (Nadia & Rohaya, 2011; Mohd Anuar, 2010) menyokong bahawa peranan gender tidak mempengaruhi pengajaran guru. Guru lebih di pengaruhi oleh kecenderungan ilmu pengetahuan akademik dan minat menerokai pengajaran. Dapatan ini selari dengan kajian di luar negara (R. Ikram, 2011; Srisiuni, 2010) mendapati faktor jantina guru tidak mempengaruhi dan menghalang penerapan nilai-nilai APAB dalam kelas prasekolah. Faktor jantina hanya

dikaitkan dengan pemilihan alat permainan berbanding perkongsian dalam bilik darjah.

#### **5.2.4.2 Sumber Rintangan Etnik Dalam Pengajaran APAB**

Dapatan kajian, mendapati bahawa tidak terdapat sumber rintangan etnik di kalangan guru dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Mereka sepakat, kepelbagaian etnik di kalangan guru tidak menghalang tugas profesionalisme mereka di kelas prasekolah. Mereka sentiasa membuat pemerhatian dan mempelajari bahasa etnik setempat untuk menarik perhatian murid menerokai pembelajaran APAB di kelas prasekolah.

Selain itu, mereka juga bersetuju bahawa latar belakang ibu bapa yang terdiri daripada pelbagai etnik mempengaruhi kemenjadian murid prasekolah. Murid lebih mudah berinteraksi, berkongsi amalan rutin harian, mengetahui persamaan kumpulan etnik, perbezaan bahasa etnik dan nilai murni yang diamalkan.

Dapatan kajian ini, selari dengan dapatan PIPP (2010) yang menyatakan bahawa penglibatan etnik tidak mempengaruhi guru dalam pengajaran di sekolah. Kewujudan pelbagai etnik di Malaysia saling melengkapi kesan daripada sistem pendidikan yang kukuh dan tersusun rapi. Setiap etnik saling mengenali dan sentiasa bekerjasama untuk mengekalkan perpaduan masyarakat majmuk. Mereka saling mengetahui sensitiviti dan amalan adat istiadat etnik yang pelbagai. Masyarakat pelbagai etnik dilayan secara adil dan saksama dalam mendapatkan hak-hak yang sama rata.

Hasil kajian di luar negara, berbeza dengan dapatan kajian di dalam negara. Kajian di Amerika, mendapati faktor etnik mempengaruhi layanan ke atas kalangan ibu bapa imigran Afrika di pusat penjagaan murid



(Agbenyega, & Peers, 2010). Mereka dibezakan dengan warna kulit dan rambut berbanding masyarakat tempatan. Jurang ini diluaskan lagi dengan faktor perbezaan latar belakang sosial budaya masyarakat setempat. Perbandingan di antara perbezaan ini memerlukan pendidik melaksanakan pengurangan prejudis dengan membangunkan nilai dan sikap murid yang lebih demokratik (Banks & Banks, 2010).

#### **5.2.4.3 Sumber Rintangan Sosio Budaya Dalam Pengajaran APAB**

Sosio budaya menjurus kepada dua perkara penting iaitu latar belakang pendidikan ibu bapa dan pengetahuan serta kefahaman guru. Dapatan data kajian, mendapati bahawa amalan pendidikan ibu bapa yang bersikap tradisional menjadi halangan dalam pengajaran penerapan APAB kepada murid prasekolah. Ini berlaku apabila ibu bapa masih mengekalkan pendekatan sosio budaya lama dalam mendidik anak. Murid menerima asuhan bahawa adat istiadat dan etnik diwarisi adalah yang terbaik berbanding dengan rakan sebaya. Impaknya, murid sukar menerima tentang adat istiadat, perayaan, agama dan suku kaum yang pelbagai.

Kekurangan pengetahuan dan kefahaman menjadi halangan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus dan latihan secara formal dilihat menjejaskan pengetahuan serta kefahaman guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Selain itu, masalah sikap guru yang kurang membuat penerokaan APAB melalui pembacaan dan media elektronik mewujudkan jurang pengetahuan mereka. Elemen ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru menerapkan APAB dalam kelas prasekolah.

Dapatan ini selaras dengan kajian di Amerika Syarikat (Han, West-Olatunji, & Thomas, 2011) mendapati amalan sosio budaya diwarisi murid

melalui persekitaran khasnya ibu bapa. Selain itu, golongan majoriti dalam masyarakat sukar menerima sosio budaya golongan minoriti khasnya mereka yang berlainan etnik. Mereka cenderung untuk melakukan *bias* tingkah laku berdasarkan kepada warna kulit masyarakat (Bronfenbrenner, 1979, 1986, 1992; Nicole et.al, 2017). Impaknya, jika ibu bapa menekankan sosio budaya yang bertatasusila dalam mendidik murid maka amalan ini berkembang menghapuskan amalan bias. Justeru itu, amalan didikan di rumah mempunyai hubung kait yang rapat dengan kurikulum APAB di sekolah yang antara lain menghapuskan perbezaan amalan sosio budaya dan etnik.

#### **5.2.4.4 Sumber Rintangan Perkembangan Murid Dalam Pengajaran APAB**

Perkembangan merupakan suatu proses yang semula jadi melibatkan murid prasekolah. Proses ini mempunyai perkaitan rapat dengan kematangan murid prasekolah berfikir dan bertingkah laku secara sistematik. Dapatan data kajian mendapati perkembangan murid yang tidak holistik menjadi sumber rintangan kepada pengajaran APAB.

Perkara ini berlaku kerana di kelas prasekolah murid terdiri daripada dua peringkat umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Perbezaan peringkat perkembangan ini dikategorikan kepada dua aspek, iaitu perkembangan kognitif dan perkembangan sosio emosi murid. Perbezaan ini mempengaruhi kematangan murid untuk menerima APAB dalam aktiviti rutin di prasekolah.

Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian di Indonesia dan Amerika Syarikat (Srisiuni, 2010; Nesdale, 2004; Nesdale, Durkin, Maass, & Griffiths, 2004; Mc.Know, 2004) mendapati murid prasekolah berumur 6

hingga 7 tahun telah menunjukkan tingkah laku yang bias. Mereka mula mengetahui tentang etnik, gender, fizikal badan dan warna kulit. Mereka juga boleh mengenali dan membezakan aspek tersebut pada bahan cetak (Mohd. Anuar, 2010; Santi Dewiki & Dewi Mutiara, 2008; Surya Dharma, Trisakti Handayani & Sugiarti M.S, 2006; Imam Machali, 2005).

Impaknya, murid terdedah dengan tingkah laku persekitaran yang mempunyai persamaan dan perbezaan dengan APAB di kelas prasekolah. Mereka memerlukan guru yang memahami dan membimbing murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya.

#### **5.2.4.5 Sumber Rintangan Dalam Kemahiran Guru Menyampaikan Pengajaran APAB**

Kemahiran guru dalam pengajaran bermaksud keupayaan guru mengetahui serta menguasai pendekatan dan teknik pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dalam pengajaran untuk menyampaikan penerapan APAB. Elemen latar belakang, pengalaman mengajar, pengetahuan sedia ada dan kefahaman guru memudahkan proses pengajaran APAB. Dapatan pemerhatian dan temu bual mendapati bahawa tidak terdapat halangan dalam kemahiran pengajaran APAB di prasekolah.

Guru mempunyai keupayaan untuk membuat pemilihan yang tepat tentang pemilihan kandungan kemahiran pengajaran, pemilihan pendekatan pengajaran dan bahasa komunikasi. Tiada halangan bagi pemilihan kemahiran kandungan pengajaran dan pemilihan pendekatan pengajaran berpandukan penerapan APAB. Namun bagi pemilihan bahasa komunikasi, hanya dua peserta yang menyatakan terdapat halangan kerana masalah komunikasi guru dengan murid, murid dengan murid.

Dapatan ini menyokong kajian di dalam dan luar negara (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010; Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008) menyatakan kemahiran guru penting dalam menyampaikan pengajaran. Elemen ini membolehkan guru menyampaikan ilmu sesuai dengan tahap kematangan murid. Penggunaan bahan bantu mengajar khasnya boneka “*baby dolls*” (Feen-Calligan, McIntyre, & Sands-Goldstein, 2009) dan “*Pesona Dolls*” (Smith, 2013; Mariani, 2005), menggalakkan murid hormat-menghormati, bertoleransi, prihatin dan mengurus emosi dengan sempurna.

#### **5.2.4.6 Sumber Rintangan Dalam Aspek Sosio Ekonomi Terhadap APAB**

Dalam kajian ini, sosio ekonomi merujuk kepada pendapatan bulanan ibu bapa murid prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa latar belakang sosio ekonomi ibu bapa murid prasekolah tidak menyumbang kepada wujudnya perbezaan status sosial murid iaitu miskin, sederhana dan kaya. Semua murid prasekolah melakukan aktiviti pembelajaran tanpa wujud perbezaan agama, gender, budaya dan taraf sosio ekonomi.

Dapatan kajian ini menolak hasil dapatan kajian di Amerika Syarikat (Han, West-Olatunji, & Thomas, 2011) dan Australia (Agbenyega, & Peers, 2010). Dapatan kajian di negara tersebut, membuktikan bahawa golongan majoriti dalam masyarakat mempunyai kesukaran menerima golongan minoriti khasnya mereka yang berlainan etnik dan sosioekonomi.

### **5.3 Perbincangan Dapatan Kajian**

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menjelaskan tentang empat aspek utama kajian iaitu pengetahuan kandungan, pendekatan pengajaran, penerapan pengajaran dan sumber rintangan pelaksanaan APAB di kelas prasekolah. Peserta kajian merungkaikan tentang

definisi dan konsep APAB dalam pengajaran. APAB didefinisikan sebagai hak keistimewaan manusia untuk dilayan secara adil. Manakala konsep APAB, sebagai amalan pengajaran yang mendidik murid dengan persamaan hak kemanusiaan dalam bilik darjah.

Penerapan APAB dalam pengajaran, banyak dipengaruhi oleh minat, keyakinan dan persepsi guru yang positif. Impak penerapan APAB, membentuk hubungan erat pelbagai etnik, agama, bahasa, gender dan budaya murid. Perkembangan ini, menjadikan murid lebih yakin bergaul dengan rakan sebaya yang berlainan etnik dan budaya. Selain itu juga, sahsiah diri murid turut dikembangkan secara positif di sekolah.

Pendekatan pengajaran, yang terkandung dalam KSPK (KPM, 2012), membentuk pengetahuan peserta kajian yang lebih mantap. Dalam menyampaikan APAB, guru dikehendaki melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain, Pendekatan Bertema, Pendekatan Berpusatkan Murid, Pendekatan Projek, Pendekatan Teknik Perbincangan dan Pendekatan Teknik Tunjuk Cara. Semua pendekatan ini menyumbangkan kepada pengetahuan kepada murid untuk menerokai pengajaran secara berkesan.

Pengetahuan guru prasekolah terhadap isi kandungan KSPK merupakan penentu kepada penerapan APAB di dalam kelas prasekolah. Penerapan dilaksanakan melalui pendekatan pengajaran, teknik pengajaran dan amalan rutin tingkah laku di kelas prasekolah. Pendekatan main merupakan pegangan utama guru dalam menerapkan APAB. Selain itu, peserta kajian juga cenderung kepada pendekatan bertema melibatkan penggunaan modul teras asas dan modul bertema KSPK.

Dalam pelaksanaan penerapan APAB di kelas prasekolah, peserta kajian tidak menghadapi masalah dengan gender, etnik, sosio budaya, perkembangan murid dan kemahiran pedagogi. Mereka mempunyai pengetahuan untuk menyampaikan pengajaran berteraskan APAB. Namun, tidak dinafikan bahawa guru memerlukan lebih banyak pengetahuan dan perkongsian berkenaan APAB melalui kursus serta latihan. Selain itu,

pembacaan ilmiah perlu untuk dipertingkatkan bagi membantu murid pelbagai etnik. Oleh itu, penglibatan semua pihak yang berkepentingan penting dalam meningkatkan pengetahuan dan penerapan APAB di kelas prasekolah.

#### **5.4 Implikasi Kajian**

Hasil dapatan kajian ini memberi implikasi yang mendalam terhadap tugas guru dalam bilik darjah yang melibatkan amalan pedagogi, kurikulum pengajaran dan murid prasekolah. Dalam amalan pedagogi, kajian ini memberi kesan terhadap kepentingan penerokaan pengetahuan guru prasekolah terhadap APAB. Hasil kajian mengesahkan bahawa penguasaan isi kandungan KSPK di kalangan guru memberi implikasi yang mendalam kepada penerapan APAB. Penguasaan yang mantap memudahkan guru untuk menterjemahkan aktiviti APAB ke atas murid dalam pengajaran di prasekolah. Selain itu, APAB dijadikan sebagai sumber panduan dan amalan kepada guru di dalam menyampaikan pengajaran.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa implikasi terhadap pelaksanaan APAB. Perbincangan diikuti dengan implikasi tersebut iaitu terhadap pengetahuan, pedagogi, kurikulum, penilaian, perkembangan murid dan sosio budaya. Implikasi pengetahuan tentang definisi, konsep dan persepsi APAB prasekolah. Implikasi kurikulum iaitu isi kandungan KSPK. Implikasi pedagogi iaitu melibatkan pengajaran prasekolah dan penerapan di bilik darjah. Implikasi penilaian iaitu penilaian pengajaran prasekolah dan bahan bantu mengajar prasekolah. Implikasi sosio budaya iaitu melibatkan pendidikan di rumah, gender dan etnik.

##### **5.4.1 Implikasi Pengetahuan Tentang Definisi, Konsep Dan Persepsi APAB Prasekolah**

Secara umum, semua peserta kajian memahami dan mempunyai pengetahuan yang baik untuk memberi definisi, membina konsep serta mempunyai persepsi positif tentang APAB. Mereka sepakat dan berkeyakinan

bahawa APAB adalah amalan yang berkesan untuk membentuk perkembangan murid khususnya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Amalan ini dijelaskan sebagai amalan yang mementingkan hak manusia untuk dilayan secara adil tanpa ada perbezaan latar belakang.

Dapatan kajian menunjukkan, amalan ini dilihat selari dengan keperluan semasa murid yang meminati aktiviti sosialisasi dan sosio budaya. Mereka turut menerima dan berkeyakinan terhadap penggunaan KSPK (KPM, 2010), sebagai sumber rujukan utama guru dalam aktiviti penerapan APAB. Dengan adanya kepercayaan tersebut, memudahkan proses penerapan amalan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum di prasekolah. Mereka menyampaikan APAB secara merentas kurikulum iaitu disampaikan secara tidak formal dan tidak terancang.

Guru yang profesional meletakkan pengajaran APAB sebagai pilihan utama. Penerapan amalan bias hanya mendedahkan murid dengan amalan yang menentang fitrah kepelbagaian manusia. Manakala, pelaksanaan amalan anti-bias mendedahkan murid untuk menerima fitrah kepelbagaian manusia yang terdiri daripada etnik, ras, budaya, sumber pendapatan ekonomi, warna kulit dan kelainan fizikal (Derman-Sparks & Fite, 2007). Melaluinya, murid meluaskan pengetahuan APAB dalam kehidupan rutin sebagai suatu pilihan yang mulia yang diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Definisi dan konsep APAB yang tidak mantap menyebabkan timbul spekulasi yang negatif tentang amalan anti bias dalam bilik darjah. Sumber rintangan ini, menyebabkan guru sukar untuk meluaskan skop pengajaran APAB melibatkan murid yang pelbagai. Implikasi akibat pengetahuan yang terhad serta tidak berfokus ini menyebabkan timbul salah tafsiran kandungan pengajaran dalam kalangan murid yang berpunca daripada pendekatan guru mengajar.

Pengetahuan murid gagal untuk dikembangkan dan tidak mencapai. Situasi ini mewujudkan jurang perhubungan kaum, amalan nilai murni agama, adat istiadat budaya dan perbezaan sosio masyarakat (Lee, 2011; Derman-Sparks, & Fite, 2007). Perkara ini turut menyekat pengembangan penaakulan murid untuk membuat pertimbangan terhadap masalah yang wajar untuk ditangani.

Kekurangan kursus, bengkel dan kurang minat mengikuti perkembangan semasa turut memberi persepsi yang negatif terhadap APAB. Perkembangan ini menyebabkan guru kurang yakin untuk membantu murid menerima rakan sebaya. Kesannya, mereka kurang aktif dalam aktiviti pengajaran hak asasi dan kurang memberi sambutan dalam kalangan murid prasekolah. Oleh itu, kursus dan bengkel yang berkala perlu dirancang pihak berkaitan agar pengurusan kurikulum khasnya penerapan APAB dilaksanakan dengan berkesan.

Sebagai pendidik, guru juga perlu merancang pengajaran dengan aktiviti yang diterima murid tanpa sebarang kecurigaan. Tujuan utamanya untuk membentuk persepsi penaakulan positif, sahsiah tingkah laku guru beradap, meningkatkan penaakulan pembelajaran, perkongsian hak asasi murid dan mengamalkan amalan asuhan murid secara adil di kelas prasekolah.

Pengetahuan guru dalam meneroka kehidupan murid prasekolah amat penting. Perkara ini melibatkan, pertama berkaitan tentang latar belakang pendidikan ibu bapa. Kedua berkaitan tentang pengetahuan serta kefahaman guru. Dapatan data kajian, mendapati bahawa amalan pendidikan ibu bapa yang bersikap tradisional menjadi sumber rintangan dalam pengajaran penerapan APAB kepada murid prasekolah. Hal ini berlaku, apabila ibu bapa masih mengekalkan pendekatan amalan budaya lama dalam mendidik anak. Mereka masih mengekalkan pendekatan pendidikan anak dengan pengisian bahawa amalan budaya etnik yang diwarisi sejak berzaman sebagai yang terbaik dan tidak



menghormati budaya etnik lain (Connolly, Kelly & Smith, 2009). Segala perubahan yang berlaku di sekeliling adalah kurang penting untuk ditambah baik dalam kehidupan seharian murid prasekolah. Impaknya, murid tidak dapat berkongsi dan menyerap nilai murni budaya masyarakat yang ada di sekeliling mereka. Murid kurang bersedia menerokai perubahan dunia baharu yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan sosio masyarakat.

Kekurangan pengetahuan dan kefahaman menjadi halangan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus dan latihan secara formal dilihat menjejaskan pengetahuan serta kefahaman guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Selain itu, masalah sikap guru yang kurang menyerap budaya etnik murid turut menjadi penghalang penerapan dan perkembangan budaya. Mereka juga turut kurang membuat penerokaan APAB melalui pembacaan dan media elektronik. Elemen ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru menerapkan APAB dalam kelas prasekolah.

Dapatan ini selaras dengan kajian di luar negara (Han, West-Olatunji & Thomas, 2011) mendapati amalan sosio budaya diwarisi murid melalui persekitaran yang paling hampir dengan perkembangan mereka khasnya didikan ibu bapa. Pendapat ini selari dengan Teori Ekologi Pembangunan Manusia oleh Bronfenbrenner (1979, 1986, 1992) yang menyatakan bahawa ibu bapa, guru, dan keluarga hampir yang mempunyai hubungan rapat dalam amat *Mikrosistem* mempengaruhi perkembangan murid. Pertembungan hasil didikan di antara ibu bapa, guru dan keluarga hampir ini saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Jika perkongsian hubungan tersebut terjalin secara positif maka meninggalkan perilaku yang positif ke atas perilaku dan pencapaian pembelajaran (Mariani & Hamidah, 2014).

Selain itu, dalam masyarakat majmuk di luar negara khususnya di Amerika Syarikat (Han, West-Olatunji & Thomas, 2011) golongan majoriti dalam masyarakat sukar menerima sosio budaya golongan minoriti khususnya mereka yang berlainan etnik. Golongan majoriti tidak dapat menerima golongan minoriti sebagai salah seorang masyarakat dalam sesebuah negara. Mereka cenderung untuk melakukan *bias* tingkah laku berdasarkan kepada warna kulit masyarakat. Impaknya, kurikulum APAB penting bagi menghapuskan perbezaan amalan sosio budaya dan etnik.

Justeru itu, melalui APAB menggalakkan perkembangan yang berteraskan percampuran bahasa, agama, etnik, gender, ekonomi, dan perbezaan yang wujud di kalangan masyarakat, komuniti dan warga sekolah (Bank & Banks, 2010). Semua murid diletakkan dalam satu sistem pendidikan yang menekankan bahawa setiap murid berhak mendapat peluang pendidikan sama tanpa mengira jantina, kelas sosial, kelas ekonomi, etnik, kaum, budaya, bahasa pertuturan dan agama (Banks & Banks, 2010). Murid dididik dengan sejarah negara bangsa yang dikongsi bersama, dilatih untuk mencerap sejarah masa lalu dan menerokai perubahan sejarah (Afrizal, 2012). Murid yang berbilang bangsa dilatih berfikiran kritis dengan menterjemahkan pengetahuan, personaliti dan memiliki komitmen yang tinggi untuk bersifat adil.

#### **5.4.2 Implikasi Terhadap Isi Kandungan KSPK**

Isi kandungan KSPK melibatkan enam tunjang pembelajaran utama iaitu Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Sains Dan Teknologi, Tunjang Perkembangan Fizikal Dan Estetika, Tunjang Keterampilan Diri. Tunjang ini disampaikan bertujuan untuk menyediakan murid dengan kemahiran utama ke Tahun Satu (KPM, 2012).

Implikasi isi kandungan KSPK ini, mengandungi penerapan APAB yang meliputi pencegahan, penghapusan dan penyembuhan segala bentuk masalah bias. Pelaksanaannya dalam bilik darjah, dilaksanakan secara merentas kurikulum. Kandungan APAB tidak berdiri dengan sendirinya sebagai tunjang pembelajaran seperti mata pelajaran lain. Aspek ini menyukarkan APAB, untuk diukur keberkesannya terhadap murid kerana bergantung pada kepakaran serta pengalaman guru prasekolah.

Aktiviti APAB yang terkandung dalam KSPK, menghendaki guru untuk menerima persamaan dan perbezaan tingkah laku murid. Memerlukan guru yang lebih berpengetahuan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan perkembangan umur murid, kesediaan belajar dan tingkah laku di kelas prasekolah (KPK, 2002). Guru perlu mempunyai pengetahuan dalam menyediakan rancangan pengajaran dengan memilih isi kandungan KSPK yang bersesuaian dengan keperluan murid (KSPK, 2012). Pengetahuan ini melibatkan pemilihan fokus, standard kandungan dan standard pembelajaran yang selari dengan tahap perkembangan murid. Kefahaman yang luas ini turut menghendaki guru menekankan kesepaduan antara tunjang pembelajaran (Jain, 2017). Ini bertujuan menerapkan integrasi budaya, etnik, gender, ekonomi, agama, bahasa serta merapatkan perhubungan masyarakat.

Kandungan Modul Teras Asas dan Modul Bertema, memberi implikasi dalam penerapan APAB. Pelaksanaan dalam bilik darjah memberi implikasi kepada penerapan APAB di kalangan murid pelbagai etnik dan latar belakang budaya. Kandungan Modul Teras Asas mengutamakan kemahiran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Matematik dan Aktiviti Luar (KPM, 2012).

Gabungan kemahiran tunjang-tunjang ini memberi implikasi yang positif terhadap perkembangan bahasa, kognitif, emosi dan penerapan nilai murni. Dalam modul ini, bahasa merupakan kunci utama pelaksanaan KSPK dalam memperkukuhkan semangat patriotik dan penyatuan masyarakat pelbagai ras serta etnik (KPM, 2012; Jain, 2017). Namun dalam penerapan APAB yang berterusan, peserta kajian didapati mengalami kesukaran untuk merancang dan melaksanakan aktiviti melibatkan Modul Teras Asas. Mereka berpendapat isi kandungan modul ini bersifat formal dan lebih menyediakan murid belajar ke tahun satu. Cabaran ini menyukarkan mereka mengaplikasikan aktiviti APAB secara sepenuhnya dalam bilik darjah.

Modul bertema pula, memberi implikasi yang positif kepada pembentukan amalan budaya masyarakat majmuk yang melibatkan sambutan perayaan, pakaian tradisional, adat istiadat dan amalan rutin harian. Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang dilaksanakan peserta kajian dengan menggabungkan kemahiran yang terkandung dalam tunjang-tunjang pembelajaran. Murid di kelas prasekolah didedahkan dengan isu-isu kehidupan dan peristiwa seharian yang dialami. Aktiviti pada modul tersebut menjadi panduan utama guru dalam membina rancangan pengajaran dan melaksanakan penerapan berasaskan APAB. Subjek dan kemahiran yang diwujudkan menekankan amalan yang merapatkan budaya, memberi kepercayaan dan kebebasan kepada murid.

#### **5.4.3 Implikasi Pendekatan Pedagogi Pengajaran Prasekolah**

Pendekatan pedagogi merupakan aset utama dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Pengetahuan, kefahaman dan amalan tingkah laku guru di bilik darjah mempengaruhi pendekatan pedagogi ke atas murid. Pendekatan yang terbaik adalah amalan yang mendidik murid untuk mengetahui tentang gender, etnik, budaya dan persekitaran. Pelaksanaan pendekatan pedagogi yang

bertentangan dengan perkembangan murid menjejaskan minat murid menerokai APAB.

Dalam pengajaran guru perlu mengamalkan amalan bersesuaian perkembangan murid yang mengutamakan umur, perkembangan diri, bakat semula jadi, kebolehan dan minat murid. Pendekatan pedagogi perlulah mengambil kira pengisian kandungan kurikulum, pemeringkatan pengajaran, pemilihan pendekatan pengajaran dan penggunaan bahasa sebagai penghubung utama dalam pengajaran (Meece, Rivers, & Wingate, 2010). Jika guru tidak menggunakan pendekatan APAB, maka murid tidak dapat menerima perubahan persekitaran sekolah dan membina persepsi baharu terhadap persekitaran yang pelbagai.

Faktor kekurangan kursus dan latihan secara formal turut menjejaskan pengetahuan serta kefahaman guru untuk menyampaikan pengajaran APAB. Mereka kurang pengetahuan untuk menterjemahkan APAB dalam aktiviti pengajaran melibatkan murid di kelas prasekolah. Perkara ini menyebabkan aktiviti pengajaran APAB kurang diminati dan menimbulkan sikap prasangka negatif di kalangan guru serta murid yang pelbagai etnik. Kurang kemahiran dalam memilih pendekatan pengajaran berkesan turut menyebabkan kesepaduan melibatkan tunjang-tunjang pembelajaran tidak dapat dilaksanakan (Jain, 2017).

Selain itu, masalah sikap guru yang kurang membuat penerokaan APAB melalui pembacaan dan media elektronik mewujudkan jurang pengetahuan dengan murid. Elemen ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru memilih pendekatan yang bersesuaian bagi menerapkan APAB di kelas prasekolah. Oleh itu, pihak berkaitan dengan pendidikan prasekolah, perlu merancang dan melaksanakan segera kursus profesionalisme prasekolah.

Kunci utama penerapan APAB di kelas prasekolah, adalah pengetahuan kandungan guru terhadap pendekatan main dalam pengajaran (Mariani & Mohd Sofian, 2012). Penguasaan pendekatan main menimbulkan keseronokan dan kepuasan kepada murid prasekolah dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Selain itu, guru juga perlu menguasai kemahiran pendekatan bertema, pendekatan berpusatkan murid, pendekatan projek, pendekatan teknik perbincangan dan pendekatan teknik tunjuk cara (KPM, 2012).

Pendekatan main membantu murid untuk menguasai beberapa perkembangan melibatkan fizikal, bahasa, emosi dan sosialisasi. Namun jika pendekatan tersebut gagal dikuasai, menyebabkan murid kurang aktif melibatkan diri dalam pembelajaran. Mereka bersikap pasif terhadap perbezaan gender, budaya, adat resam, agama serta bahasa. Mereka gagal untuk berkongsi amalan rutin harian, adat resam, kepercayaan dan menjarakkan lagi jurang perbezaan di kelas prasekolah. Tanpa pendekatan tersebut.

#### **5.4.4 Implikasi Pedagogi Dalam Penerapan APAB Di Sekolah**

Dapatan data kajian ini menjelaskan bahawa semua peserta kajian melaksanakan penerapan APAB dalam pengajaran. Penerapan pengajaran ini dilaksanakan secara merentas kurikulum berpandukan isi kandungan KSPK. Hasil kajian mengesahkan bahawa kewujudan KSPK memudahkan penerapan APAB dilaksanakan ke atas murid prasekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, budaya dan latar belakang.

Amalan ini memudahkan murid untuk menerima rakan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ini ditambahkan lagi dengan kepakaran guru menggunakan pendekatan dan teknik pengajaran yang dapat merangsang peningkatan pencapaian pengetahuan murid dalam kalangan pelbagai kelas sosial, etnik, budaya dan gender. Ini termasuklah penggunaan teknologi dalam

pengajaran yang memasukkan unsur-unsur nilai berdasarkan persekitaran budaya masyarakat.

Penerapan APAB memerlukan sokongan yang mantap dalam kalangan guru prasekolah. Bagi guru yang berpengalaman mereka mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menerapkan amalan tersebut. Mereka mempunyai pengetahuan dan kefahaman untuk menterjemahkan kurikulum secara tersirat dalam pengajaran melibatkan murid prasekolah (Saedah, 2001). Namun suasana berbeza bagi guru baharu, mereka kurang pengetahuan dan kemahiran untuk menyerapkan APAB dalam rutin harian. Mereka memerlukan isi kandungan kurikulum yang lebih jelas menyentuh tentang gender, etnik, ras, budaya dan agama secara terperinci.

Penerapan ini, menggalakkan murid menunjukkan tingkah laku yang bertolak ansur, bertanggungjawab, penyayang, rajin berkongsi dan mengamalkan ciri-ciri kepimpinan (Nesdale, Durkin, Maass, & Griffiths, 2005; Nesdale, 2004). Impak amalan ini memupuk perpaduan di kalangan murid pelbagai kaum yang berlainan agama serta budaya. Mereka saling mempelajari perhubungan sesama rakan dengan suasana aman, mesra dan sopan santun. Mereka saling mengenali perbezaan dan persamaan dengan lebih rapat serta dilayan sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk.

Sosialisasi memainkan peranan penting dalam penerapan APAB. Pelaksanaan dalam kelas prasekolah membina hubungan yang rapat kalangan guru dan murid. Perhubungan fizikal dan interaksi secara verbal yang baik menanamkan minat murid menerokai APAB. Guru bertindak sebagai pendengar, pemerhati, pembimbing kepada murid berkomunikasi secara tertib, sopan serta bermakna. Namun sosialisasi yang Impaknya, membolehkan murid berinteraksi dengan bertukar maklumat tentang amalan pendidikan di rumah dan amalan pendidikan di sekolah.

#### **5.4.5 Implikasi Penilaian Pengajaran Prasekolah**

Dalam aspek penilaian pengajaran, hasil kajian mendapati terdapat dua penilaian pengajaran yang diamalkan dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Pertama, penilaian melalui maklum balas murid. Kedua, penilaian melalui amalan penilaian sendiri guru. Kedua-dua penilaian tersebut, menjadi kayu pengukur kepada pelaksanaan APAB dalam kalangan guru dan murid.

Kepakaran guru dalam mengenal pasti maklum balas murid, merupakan penentu kejayaan APAB. Guru yang mempunyai pengalaman dan kemahiran kurang menghadapi masalah dalam menilai tingkah laku yang dipersembahkan murid melalui aktiviti di dalam dan luar kelas prasekolah. Mereka melibatkan murid dengan aktiviti pembelajaran secara aktif tanpa membezakan jantina, warna kulit, bentuk fizikal dan kedudukan status murid. Namun bagi guru permulaan, mereka menghadapi cabaran untuk menilai keberhasilan murid dalam pengajaran kerana pengetahuan serta kefahaman yang terhad (Abdul Halim, 2015). Impaknya menyebabkan murid kurang kreatif mencipta hasil kerja melalui paparan lukisan, tulisan dan karya seni yang memaparkan corak masyarakat pelbagai etnik.

Amalan penilaian sendiri guru, merupakan proses mengukur kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran APAB. Dalam kajian ini, semua peserta kajian tidak menghadapi masalah menilai semula amalan sendiri guru kerana mereka telah lama menjalankan tugas sebagai pendidik. Namun bagi guru permulaan, perkara ini amat sukar untuk diukur dan dinyatakan secara verbal. Untuk menguasai penilaian tersebut beberapa aspek perlu di ambil perhatian dalam menyediakan pengajaran khususnya kemahiran guru, fisiologi murid, pendekatan pengajaran, kefahaman murid dan pengalaman guru perlu seimbang.



#### 5.4.6 Implikasi Penilaian Bahan Bantu Mengajar Prasekolah

Dalam aktiviti pengajaran bahan bantu mengajar merupakan peralatan penting yang dapat membantu guru dalam proses pengajaran APAB. Penggunaan 'big book', model kenderaan, model boneka, carta gambar dan benda maujud berupaya merangsang minat murid menerokai persekitaran. Penggunaan bahan tersebut menjadi daya penarik dan terapi seni kepada murid untuk menerima persekitaran.

Dapatan ini menyokong kajian di dalam dan luar negara (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010; Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008) menyatakan kemahiran guru penting dalam menyampaikan pengajaran. Elemen ini membolehkan guru menyampaikan ilmu sesuai dengan tahap kematangan murid. Penggunaan bahan bantu mengajar khasnya boneka "baby dolls" (Feen-Calligan, McIntyre, & Sands-Goldstein, 2009) dan "Pesona Dolls" (Smith, 2013; Mariani, 2005), menggalakkan murid hormat-menghormati, bertoleransi, prihatin dan mengurus emosi dengan sempurna.

Penerapan APAB memerlukan bahan khusus untuk mengajar APAB. Mereka berpendapat, bahan pengajaran seperti buku, carta bergambar, boneka dan peralatan permainan memberi impak kepada penerapan APAB. Kekurangan bahan bantu mengajar tersebut menyukarkan guru yang kurang pengetahuan dan kefahaman khasnya guru baharu. Mereka memerlukan masa dan kemahiran menguasai galakan secukupnya untuk menerima persamaan serta perbezaan.

Selain itu juga, guru mempunyai keupayaan untuk membuat pemilihan yang tepat tentang pemilihan kandungan kemahiran pengajaran, pemilihan pendekatan pengajaran dan bahasa komunikasi. Tiada halangan bagi pemilihan kemahiran kandungan pengajaran dan pemilihan pendekatan pengajaran berpandukan penerapan APAB. Namun bagi pemilihan bahasa komunikasi, hanya

dua peserta yang menyatakan terdapat halangan kerana masalah komunikasi guru dengan murid, murid dengan murid.

#### **5.4.7 Implikasi Sosio Budaya Amalan Pendidikan Di Rumah**

Murid mewarisi amalan pendidikan sosio budaya ibu bapa semasa berada di rumah. Sosio budaya menjurus kepada dua perkara penting iaitu latar belakang pendidikan ibu bapa dan pengetahuan serta kefahaman guru. Dapatan data kajian, mendapati bahawa amalan pendidikan ibu bapa yang bersikap tradisional menjadi halangan dalam pengajaran penerapan APAB kepada murid prasekolah. Ini berlaku apabila mereka masih mengekalkan pendekatan sosio budaya lama dalam mendidik anak. Impaknya, murid mewarisi amalan lama untuk menerokai situasi baharu.

Dapatan ini selaras dengan kajian di luar negara (Han, West-Olatunji & Thomas, 2011.) mendapati amalan sosio budaya diwarisi murid melalui persekitaran khasnya ibu bapa. Selain itu, golongan majoriti dalam masyarakat sukar menerima sosio budaya golongan minoriti khasnya mereka yang berlainan etnik. Mereka cenderung untuk melakukan *bias* tingkah laku berdasarkan kepada warna kulit masyarakat. Impaknya, kurikulum APAB penting bagi menghapuskan perbezaan amalan sosio budaya dan etnik.

Amalan adat resam di rumah mempengaruhi murid tentang gaya hidup, kepercayaan, pantang larang dan nilai murni etnik murid prasekolah. Amalan tersebut, membantu murid menerima perbezaan jantina, etnik, budaya, fizikal, warna kulit dan agama. Murid juga merasa bangga terhadap kewujudan etnik, gender, sejarah, budaya dan amalan tradisi. Pendidikan di rumah mewarisi amalan rutin, pengalaman, sosialisasi dan budaya keluarga kepada murid prasekolah.

Pengetahuan dan kefahaman guru terhadap amalan sosio budaya masyarakat di rumah penting sebelum melaksanakan APAB. Demikian juga

halnya, dengan sumber sosioekonomi dikalangan ibu bapa. Kecenderungan ibu bapa berada selalunya tiada masalah menyediakan kemudahan perbelanjaan berbanding murid yang miskin.

Impak kepada kekurangan pengetahuan dan kefahaman menjadi halangan kepada guru untuk menerapkan pengajaran APAB. Faktor kekurangan kursus, penglibatan dalam latihan secara formal, tabiat kurang membaca dan kurang pendedahan kepada perkembangan media elektronik dilihat mempengaruhi pengetahuan serta kefahaman guru tentang kandungan APAB di kelas prasekolah. Elemen penting ini, mempengaruhi keyakinan dan kesediaan guru menerapkan sosio budaya dalam APAB di kelas prasekolah. Pengamalan sosio budaya menambahkan pengetahuan murid tentang sambutan perayaan, kepelbagaian agama, amalan tradisional etnik, hubungan komunikasi dan perilaku yang stabil.

#### **5.4.8 Implikasi Sosio Budaya Gender Dalam Pengajaran APAB**

Gender dalam kajian ini melibatkan guru lelaki dan guru perempuan. Halangan gender dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua aspek utama. Pertama, tingkah laku yang melibatkan sahsiah guru lelaki dan guru perempuan dalam menyampaikan pengajaran yang berteras APAB di kelas prasekolah. Kedua, tingkah laku melibatkan sahsiah murid lelaki dan murid perempuan di kelas prasekolah sewaktu pembelajaran berlangsung.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor gender tidak menjadi sumber rintangan atau penghalang dan tidak mempengaruhi pengajaran APAB. Semua murid dilibatkan guru secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid dilayan secara adil, diberikan hak mengemukakan soalan, berbincang dan berkongsi pengetahuan sedia ada. Murid dilatih untuk bekerjasama, sayang menyayangi dan menerima persamaan serta perbezaan jantina. Guru sepenuhnya memberikan murid hak memberi keputusan dalam setiap aktiviti yang disertai.

Kajian di dalam negara (Nadia & Rohaya, 2011; Mohd Anuar, 2010) menyokong bahawa peranan gender tidak mempengaruhi penyampaian pengajaran guru. Peserta kajian lebih menjurus kepada kecenderungan ilmu pengetahuan akademik dan minat untuk menerokai pengajaran. Dapatan ini selari dengan kajian di luar negara (R. Ikram, 2011; Srisiuni, 2010) mendapati faktor jantina guru tidak mempengaruhi dan menghalang penerapan nilai-nilai APAB dalam kelas prasekolah. Faktor jantina hanya kerap dikaitkan dengan pemilihan alat permainan berbanding perkongsian dalam bilik darjah.

Gender tidak menjadikan sumber rintangan atau faktor halangan kepada pelaksanaan APAB dalam kelas prasekolah. Peserta kajian hanya dibezakan dalam aspek pendekatan pengajaran terhadap murid prasekolah. Peserta kajian lelaki, dilihat cenderung menunjukkan tingkah laku dan sahsiah seorang bapa yang tegas serta prihatin. Sementara peserta kajian perempuan, dilihat menunjukkan sahsiah dan tingkah laku seorang ibu yang mempunyai sifat lemah lembut serta mementingkan kesempurnaan.

#### **5.4.9 Implikasi Sosio Budaya Etnik Dalam Pengajaran APAB**

Guru berhadapan dengan pelbagai cabaran yang wujud di kalangan murid yang terdiri daripada etnik yang berlainan. Cabaran pada situasi ini memerlukan guru perlu menyiapkan diri dengan kepakaran masing-masing. Hasil dapatan data kajian, membuktikan bahawa tidak terdapat halangan etnik di kalangan guru dalam penerapan APAB di kelas prasekolah. Mereka sepakat, kepelbagaian etnik di kalangan guru tidak menghalang tugas profesionalisme mereka di kelas prasekolah. Mereka sentiasa membuat pemerhatian dan mempelajari bahasa etnik setempat untuk menarik perhatian murid menerokai pembelajaran APAB di kelas prasekolah.

Guru sentiasa menyediakan persekitaran pengajaran untuk murid belajar dan sentiasa berusaha untuk memahami keperluan, kecenderungan dan potensi semula jadi murid. Guru mengamalkan sikap tidak bias terhadap murid pelbagai budaya dan sentiasa juga berusaha dalam pengajaran merentasi etnik. Sebagai contoh guru memberi masa dan ruang murid belajar, berinteraksi dengan baik, pelibatan semua murid dalam aktiviti pengajaran dan mengamalkan nilai-nilai murni yang difahami murid.

Dapatan kajian, menunjukkan bahawa latar belakang ibu bapa berperanan penting dalam mendidik perkembangan murid. Ibu bapa yang terdiri daripada pelbagai etnik mempengaruhi perkembangan dan kemenjadian murid prasekolah. Jika murid diberikan kebebasan untuk melaksanakan aktiviti dengan keyakinan penuh maka kesannya, murid lebih mudah berinteraksi, berkongsi amalan rutin harian, mengetahui persamaan kumpulan etnik, perbezaan bahasa etnik dan nilai murni yang diamalkan. Jika murid dihadkan penglibatan mereka maka sebaliknya akan berlaku.

Dapatan ini di sokong oleh PIPP (2010) yang menyatakan etnik tidak mempengaruhi guru dalam pengajaran di sekolah. Manakala dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian luar negara (Agbenyega, & Peers, 2010) yang mendapati faktor etnik mempengaruhi layanan ke atas kalangan ibu bapa imigran Afrika di pusat penjagaan murid kerana faktor perbezaan latar belakang sosial budaya masyarakat setempat.

#### **5.4.10 Implikasi Perkembangan Murid Dalam Pengajaran APAB**

Dapatan data kajian mendapati perkembangan murid yang tidak mengikut peringkat umur menjadi penghalang kepada pengajaran APAB. Perkara ini berlaku kerana di kelas prasekolah murid terdiri daripada dua peringkat umur iaitu 6 tahun dan 5 tahun. Perbezaan peringkat perkembangan ini dikategorikan kepada

dua aspek. Pertama, perkembangan kognitif dan kedua perkembangan sosio emosi murid. Perbezaan ini mempengaruhi kematangan murid untuk menerima APAB dalam aktiviti rutin di prasekolah.

Dapatan ini selaras dengan dapatan di luar negara (Srisiuni, 2010; Nesdale, 2004; Mc.Know, 2004) yang mendapati murid prasekolah umur 6-7 tahun telah mengetahui etnik, gender, saiz fizikal dan warna kulit. Mereka boleh mengenali dan membezakan aspek tersebut pada bahan cetak (Mohd. Anuar, 2010; Santi Dewiki & Dewi Mutiara, 2008; Surya Dharma, Trisakti Handayani & Sugiarti, 2006; Imam Machali, 2005).

## **5.5 Cadangan Kajian.**

Terdapat beberapa cadangan untuk dikemukakan bagi meningkatkan pengetahuan dan profesionalisme guru prasekolah. Perbincangan meliputi cadangan tentang kemahiran guru, cadangan penambahan kemahiran kurikulum yang terkandung dalam KSPK, cadangan amalan pedagogi, cadangan pelaksanaan garis panduan pendidikan keibubapaan APAB, cadangan kajian lanjut dan cadangan kerangka konsep APAB di prasekolah. Di bawah diuraikan cadangan kerangka konsep tersebut.

### **5.5.1 Cadangan Tentang Kemahiran Guru**

Peranan guru amat penting dalam menggerakkan komunikasi dan meningkatkan hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid. Tanggungjawab guru tidak terhenti setakat mendidik atau melibatkan murid dengan pelbagai penerokaan di persekitaran sekolah. Akan tetapi, tugas guru perlu membimbing murid untuk mencapai kejayaan secara holistik.

Kemahiran guru merupakan suatu aspek utama dalam sistem pendidikan. Kepakaran guru dalam kurikulum merupakan sumber utama kepada sistem pendidikan yang bermatlamat melahirkan generasi masa hadapan. Bagi menjana mekanisme dan sistem pendidikan yang berkualiti, kemahiran kurikulum perlu

bersifat fleksibel, relevan serta dinamik terhadap keperluan pendidikan. Kemahiran pendidikan perlu dilengkapi dengan kepakaran ikhtisas, latihan jangka pendek dan kursus profesionalisme yang berterusan.

Guru perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dan kemahiran diri dalam meningkatkan pengetahuan semasa. Mereka perlu bersikap proaktif untuk mengetahui isu-isu semasa dan strategi menangani masalah tersebut. Perkara ini penting untuk diterapkan kepada setiap murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Murid prasekolah terutamanya perlu dibimbing dengan menekankan hubungan komunikasi yang merentasi etnik dan budaya dalam mengeratkan hubungan etnik ini. Untuk itu, kepakaran guru diperlukan untuk membangunkan potensi murid yang terpendam secara menyeluruh melibatkan murid berbilang etnik. Dalam masa yang sama personaliti diri murid ini perlu dibina dari dalam diri murid untuk membolehkan murid melihat dunia global yang lebih luas.

Dalam kepakaran ikhtisas, guru prasekolah perlu mempunyai kelulusan akademik yang bersesuaian dengan kepakaran mereka dalam bilik darjah. Guru prasekolah perlu meningkatkan kemajuan diri dengan kemahiran ikhtisas iaitu daripada kelulusan diploma pendidikan kepada bidang sarjana pendidikan. Bidang yang diterokai ini berupaya mendedahkan guru prasekolah dengan kemahiran baharu yang menjurus kepada penyesuaian serta perkembangan pendidikan terkini. Tujuan utama peningkatan kemahiran ikhtisas ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan guru serta memantapkan diri dengan perubahan semasa pendidikan. Perkara ini selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan (Mohd Yusoff & Sufean, 2013) yang menghendaki guru sentiasa meningkatkan kemahiran kerjaya masing-masing.

Untuk melahirkan tenaga kerja yang pakar, dicadangkan guru prasekolah untuk terlibat secara langsung dengan latihan dan kursus APAB yang bermanfaat.

Kursus profesionalisme dan latihan yang berterusan merupakan antara kelayakan utama dalam menerokai pengajaran APAB yang berkesan. Faktor ini menyumbang kepada pembentukan keperibadian guru dan kualiti dalam pedagogi pengajaran. Dalam proses tersebut, guru perlu didedahkan dengan kemahiran, isi kandungan kurikulum dan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan perkembangan murid. Latihan dan kursus ini menggalakkan guru menilai semula, memperbaharui ilmu pengetahuan dan mengembangkan hala tuju mereka sebagai agen perubahan terhadap tujuan pengajaran dalam bilik darjah.

Kajian mendapati, guru prasekolah amat memerlukan kursus yang berteraskan APAB untuk dapat disampaikan kepada murid secara lebih berkesan. Kekurangan kursus profesionalisme dan latihan menghadkan perkembangan pengetahuan guru apabila berhadapan dengan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Murid prasekolah secara terperinci memerlukan definisi APAB yang bersesuaian dengan tahap perkembangan umur mereka. Situasi ini juga memerlukan guru bersiap sedia dengan pengetahuan, penyampaian, penilaian dan kefahaman tentang APAB. Pihak yang bertanggungjawab dan guru sendiri perlu lebih proaktif untuk mengendalikan program, kursus serta aktiviti melibatkan murid prasekolah. Situasi ini memerlukan guru untuk sentiasa membuat refleksi mengenai kekuatan dan kekurangan diri, mengkaji perubahan persekitaran murid dan nilai amalan etnik masyarakat yang sentiasa berubah.

Hasil kajian ini, mendapati perlunya guru diberikan pengisian kursus dan latihan yang berterusan. Justeru itu, dicadangkan pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak berkaitan untuk dapat membuat perancangan dan mengadakan latihan atau kursus APAB secara berperingkat serta berterusan.



Pemeringkatan kursus APAB ini mestilah mengandungi definisi, konsep, matlamat, strategi pelaksanaan, kepentingan serta implikasi dalam pengajaran di kelas prasekolah. Selain itu, pengisian latihan dan kursus, mestilah selari dengan keperluan kurikulum prasekolah yang menerapkan masyarakat majmuk pelbagai kaum dengan amalan budaya, etnik, agama dan latar belakang murid.

### **5.5.2 Cadangan Penambahan Isi Kandungan Kurikulum Prasekolah**

Kajian mendapati, peserta kajian melaksanakan penerapan APAB dalam kelas prasekolah secara merentas kurikulum. APAB disampaikan kepada murid secara tidak langsung dan tidak terancang dalam pengajaran di kelas prasekolah. Pelaksanaan APAB banyak bergantung pada pengalaman dan kepakaran guru dalam melaksanakan kesepaduan pengajaran pada tunjang-tunjang pembelajaran. Perkara ini disebabkan KSPK yang sedia ada tidak menyediakan tunjang khas melibatkan APAB.

Kewujudan tunjang ini dilihat penting selaras dengan fokus Falsafah Pendidikan Negara dalam memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Tujuan pendidikan APAB ini ialah untuk menerapkan amalan hak asasi dan menggalakkan murid menunjukkan perlakuan yang bertanggungjawab, kasih sayang, toleransi, hormat menghormati serta persaudaraan sesama manusia (SUHAKAM, 2010).

APAB ini menggalakkan guru menyenaraikan peristiwa penting yang berlaku di persekitaran murid sebagai tajuk-tajuk penting dalam pengajaran. Tajuk berkenaan disusun mengikut urutan perkembangan, disampaikan dengan pendekatan berkesan dan diselaraskan dengan cabaran yang dihadapi murid. Impak pengajaran, menggalakkan murid mendalami pembelajaran etnik, sosio budaya, agama dan gender.

Tunjang ini dicadangkan mengandungi gabungan pembelajaran tentang kemahiran pendidikan kenegaraan, pendidikan etnik, pendidikan gender, pendidikan agama, pendidikan budaya di persekitaran. Aspek ini penting untuk difikirkan semula kerana pertambahan penduduk di Malaysia semakin pesat dan masyarakatnya terdiri daripada pelbagai etnik. Implikasi pengajaran APAB ini merapatkan jurang perpaduan dan kenegaraan di kalangan masyarakatnya.

### **5.5.3 Cadangan Amalan Pedagogi**

Dalam pelaksanaan program prasekolah berkualiti, amalan pedagogi merupakan perkara yang amat penting. Amalan pedagogi perlu untuk guru prasekolah terokai supaya selaras dengan perkembangan murid prasekolah. Sebagai pendidik, guru prasekolah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, pendekatan serta amalan-amalan baru pengajaran yang relevan dengan keperluan dan perkembangan abad ke-21.

Amalan pedagogi yang berkesan dapat menyediakan guru dengan pengetahuan dan kemahiran dalam merancang serta melaksanakan pengajaran yang membimbing murid ke arah pembentukan pemikiran anti-bias. Penerapan kemahiran ini perlu pendedahan, latihan dan diamalkan sejak murid berada di peringkat awal prasekolah. Aspek ini selaras dengan matlamat KPM yang menekankan peranan guru prasekolah adalah untuk membina asas pendidikan yang kukuh kepada murid prasekolah melalui amalan pedagogi yang berkualiti.

Untuk itu, amalan pedagogi guru di bilik darjah amat mempengaruhi dalam pelaksanaan penerapan APAB ke atas murid prasekolah. Guru yang telah lama mengajar di prasekolah memerlukan pengetahuan baharu melalui kursus dan bengkel. Kekurangan kursus dan bengkel menjadi penghalang perkembangan pengetahuan guru. Kurang kesediaan dalam aspek pengetahuan dan kefahaman

guru menjadi punca murid prasekolah lambat menerima perbezaan etnik, agama, gender, budaya dan menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Dicadangkan kepada pihak yang berwajib untuk melengkapkan semua guru prasekolah dengan modul pedagogi pengajaran APAB. Kandungan modul ini perlu disusun dengan mengandungi teori, kaedah, pendekatan dan teknik penerapan pengajaran APAB. Di dalam modul tersebut, guru turut dimantapkan dengan kemahiran pendekatan memulakan pengajaran, pemilihan aktiviti, teknik soalan, penggunaan bahan, membuat penilaian dan penambahbaikan pengajaran. Murid juga turut didedahkan dengan amalan pembelajaran adab, aqidah, ibadah, pendekatan bermain, pendekatan bertema, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berasaskan projek.

Tujuan utama modul ini adalah untuk melengkapkan diri pendidik dengan amalan pedagogi anti-bias yang melibatkan murid, ibu bapa dan persekitaran bertugas. Melaluinya, kemahiran guru dapat diperbaharui dengan pendekatan pengajaran terkini khasnya aktiviti bermain yang merupakan kunci utama pendekatan pengajaran di kelas prasekolah. Mereka perlu menerokai aktiviti bermain sebagai sumber kekuatan dan sentiasa membuat penambahbaikan pendekatan tersebut sesuai dengan perkembangan murid prasekolah. Sementara dengan adanya aktiviti seumpama ini, mendedahkan murid untuk menerokai aktiviti APAB, sentiasa terangsang untuk terlibat secara aktif dan seterusnya menjadikan proses pengajaran di bilik darjah berlangsung dengan lebih menarik.

Penekanan bahasa dalam modul APAB amat penting. Bahasa berperanan sebagai sumber penghubung utama antara guru dan murid. Bahasa dalam KSPK dilihat amat penting sebagai kunci utama kurikulum dan menjadi penarik minat murid menerokai APAB. Guru yang ditempatkan di luar bandar perlu mempunyai kecenderungan untuk menguasai pelbagai kemahiran bahasa. Penguasaan bahasa

ibunda yang lemah dan sikap kurang kesediaan untuk mempelajari bahasa etnik lain mendedahkan guru dengan amalan bias terhadap murid.

Untuk menangani masalah penguasaan bahasa, guru di cadangkan untuk mempelajari dan mendalami bahasa ibunda masing-masing. Selain itu, perlu lebih prihatin untuk memahami bahasa tempatan yang merupakan bahasa ibunda di sesuatu tempat. Penguasaan bahasa ini menggalakkan mereka berkomunikasi dan berkongsi maklumat bersama murid prasekolah. Impaknya, memudahkan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, sosio budaya dan agama untuk mudah memahami isi kandungan pengajaran APAB. Mereka lebih yakin dengan kemampuan menyertai secara aktif pelbagai aktiviti pembelajaran, mencipta penyesuaian diri dan menyelesaikan perbezaan yang wujud.

#### **5.5.4 Cadangan Pelaksanaan Garis Panduan Pendidikan Keibubapaan**

##### **APAB**

Garis panduan pendidikan keibubapaan berperanan penting sebagai panduan ibu bapa dalam mendidik murid prasekolah tentang amalan agama, pendidikan budaya, pendidikan etnik dan pendidikan gender. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di rumah banyak membantu menyediakan ruang untuk murid prasekolah mengeratkan hubungan kekeluargaan, meningkatkan perkembangan diri, emosi dan kemahiran belajar.

Dapatan kajian mendapati bahawa murid prasekolah banyak dipengaruhi oleh pendidikan ibu bapa di rumah. Mereka mewarisi amalan pendidikan agama, budaya, etnik dan pendidikan gender melalui penerapan pendidikan ibu bapa. Penerapan amalan pendidikan di rumah yang baik, mewujudkan persekitaran murid yang positif. Namun, jika sebaliknya berlaku maka pendidikan keibubapaan menimbulkan amalan bias di kalangan murid prasekolah.

Hasil dapatan kajian, melihat perlunya pengetahuan dan peranan ibu bapa melaksanakan penerapan APAB dalam pendidikan murid di rumah. Justeru, ibu bapa perlu didedahkan dengan pengetahuan dan pendekatan tentang Garis Panduan Pendidikan Keibubapaan yang meningkatkan jati diri murid. Garis panduan ini, dicadangkan mengandungi amalan pendidikan kenegaraan, pendidikan etnik, pendidikan gender, pendidikan agama dan pendidikan budaya. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah untuk membantu ibu bapa memberi pendedahan kepada murid prasekolah tentang pentingnya pendidikan anti-bias yang adil di peringkat awal kelahiran hinggalah peringkat umur prasekolah. Impaknya, mendidik murid berfikir secara rasional dalam menjalinkan perbincangan, penilaian dan hubungan perpaduan.

Ibu bapa dijadikan role model terbaik kepada keluarga dan pemimpin utama dalam rumahtangga. Mereka perlu menerapkan amalan adil, lemah lembut, suka menolong dan membimbing murid. Amalan tingkah laku ibu bapa di rumah ini mempengaruhi perkembangan akhlak, meningkatkan keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan rakan pelbagai etnik, budaya dan agama. Impaknya, pembentukan sahsiah murid yang baik adalah terhasil daripada asuhan amalan didikan ibu bapa yang sempurna.


Pendidikan keibubapaan perlu dikembangkan dalam kalangan ibu bapa murid prasekolah bermula daripada pendidikan di rumah. Ibu bapa perlu dilibatkan secara berperingkat, aktif, berkongsi idea dan menguasai kemahiran APAB tertentu. Amalan tingkah laku mulia ibu bapa di rumah merupakan kurikulum utama pendidikan dan seharusnya dikembangkan ke sekolah. Murid perlu dididik untuk menerima persamaan dan perbezaan masyarakat di persekitaran mereka.

